

NAMA	MOHAMAD NAZLI BIN OMAR
NO MATRIK	IHA 080063
TAJUK TESIS	PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MAJU : KAJIAN TENTANG CABARAN DAN MASALAHNYA DI MELAKA
FAKULTI	AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
TAHUN	2013

**PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MAJU :
KAJIAN TENTANG CABARAN DAN
MASALAHNYA DI MELAKA**

MOHAMAD NAZLI BIN OMAR

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MAJU :
KAJIAN TENTANG CABARAN DAN
MASALAHNYA DI MELAKA**

MOHAMAD NAZLI BIN OMAR

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

ABSTRAK

Negeri Melaka telah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju pada tahun 2010 oleh Organization Of Economic Co-Operation Development setelah memenuhi beberapa indikator yang telah ditetapkan. Di antara indikator yang telah ditetapkan merangkumi kriteria ekonomi, politik dan sosial dengan pembahagian-pembahagian yang tertentu. Namun, dengan kemajuan yang dikecapi ini, ia telah memberi pelbagai impak kepada rakyat di negeri ini menerusi kemajuan yang dicapai ini. Seterusnya, ia juga telah memberi kesan kepada pengembangan dakwah di negeri ini memandangkan negeri Melaka ini suatu ketika dahulu merupakan salah sebuah negeri yang terawal menerima kedatangan Islam malahan dapatan sejarah juga menjelaskan bahawa Melaka adalah sebuah pusat penyebaran Islam di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah mensasarkan tiga objektif utama berhubung latarbelakang kajian ini yang tertumpu kepada pengurusan dakwah di dalam negeri maju. Kajian ini mensasarkan objektif bagi mengetahui tentang realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju. Selain daripada itu, kajian ini juga akan mengenalpasti tentang cabaran dan masalah pengurusan dakwah dalam sebuah negeri maju dengan memfokuskan kepada negeri Melaka yang telah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju pada tahun 2010. Lanjutan daripada perkara tersebut, pengkaji telah membincangkan tentang teras kajian ini merangkumi definisi dan konsep asas pengurusan dakwah. Seterusnya, pengkaji membincangkan juga tentang pengurusan dakwah dalam konteks negeri maju. Bagi memperkemas kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi kajian menerusi penyelidikan deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang berbentuk kajian lapangan. Maksudnya bahawa pengkaji akan melakukan soalselidik di kalangan responden yang terpilih menerusi beberapa institusi dakwah yang berautoriti dalam pengembangan dakwah di negeri Melaka. Hanya lapan buah institusi dakwah yang terpilih di negeri ini bagi pengkaji melakukan kajian ini. Data yang telah dikumpul menerusi pengedaran borang soalselidik dianalisis dengan menggunakan *Skala Likert* bagi mengukur cabaran dan masalah yang dihadapi oleh sesebuah institusi dakwah di Melaka. Pengkaji menggunakan perisian *SPSS Version 16* bagi menganalisa hasil dapatan kajian ini. Seramai 106 orang responden telah dikaji berhubung kajian ini merangkumi tiga peringkat pengurusan iaitu pengurusan atasan, pertengahan dan bawahan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara realitinya, negeri Melaka ini adalah sebuah negeri maju berdasarkan min 3.72 dengan sisihan piawainya 0.7812 dan ia berada dalam jujukan setuju. Manakala dari segi cabaran pula, hasil dapatan kajian menunjukkan adanya cabaran dalam pengurusan dakwah menerusi min 4.09 dengan sisihan piawainya 0.5636. Seterusnya, untuk masalah pengurusan dakwah min yang dicatatkan ialah 3.70 dengan sisihan piawainya 0.522 menunjukkan bahawa responden tidak pasti tentang masalah pengurusan dakwah, namun min yang diperolehi ini menunjukkan kecenderungan kepada setuju. Hasil kajian jelas memperakukan bahawa negeri Melaka adalah sebuah negeri maju dari segi realitinya. Rentetan daripada kemajuan yang dicapai ini, ia telah memberikan kesan dari sudut dakwah menerusi cabaran dan masalahnya terhadap institusi-institusi dakwah di negeri ini.

ABSTRACT

State of Malacca has been recognized as a developed country by the Organization of Economic Co-Operation Development in 2010 after meeting a few indicators that have been set. The set includes criteria for economic, political and social divisions on that time. Through the progress that we have achieved, it gives various impacts on the people in this country. Besides, it also has affected the missionary expansion in the state of Melaka as long time before, Malacca is one of the first states to receive the findings of the history of Islam and lead to an explanation that Malacca was a center spread of Islam in Malaysia. Accordingly, this study has targeted three main objectives of the background of this study which focused on the management of locally advanced missionary. This study aims to find out about the objective reality of Malacca as a developed state. In addition, this study will also identify the challenges and problems missionary management in a developed state by focusing on the state of Malacca which has been recognized as a developed state in 2010. Furthermore, researchers have discussed the core of this research includes basic definitions and the concepts of missionary management. Moreover research also discusses the management of preaching in the context of a developed state. To streamline this research, a research methodology through a descriptive study using quantitative methods in the form of field studies had been done. Specifically, researchers will conduct a questionnaire among respondents who were selected through a number of authoritative institutions in the development of missionary preaching in Malacca. Only eight missionary institutions in the state were selected for this study researcher. The data were collected through distribution of questionnaires and were analyzed by using the Likert scale to measure the challenges and problems faced by a missionary institution in Malacca. Researchers had used SPSS Version 16 for analyzing the results of this study. A total of 106 respondents were studied in relation to this study that consists of three management level which are senior management, middle and lower classes. The findings of this study show that in reality, the state of Melaka as a developed state based on min 3.72 to 0.7812 and it is the standard deviation for agree sequences While in terms of challenges, the findings indicated that the challenges in the management of the missionary is through a standard deviation of 4.09 min 0.5636. Next to the management problems the mean of preaching is recorded at 3.70 with a standard deviation of 0.522 indicates that respondents were not sure of the preaching of management problems, but the mean obtained showed a tendency to agree. The results clearly certify that Malacca is a developed state in reality. The sequence of this progress, it has an impact in terms of preaching through the challenges and problems of missionary institutions in the state. Therefore, it should be noted that the progress attained by a state actually affects people. This is not an exceptional to the spread of missionary preaching institutions which are driven by the potential institutions in the state.

Penghargaan

Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke Hadrat Allah swt kerana dengan limpah, izin dan kurniaNya, tesis kedoktoran ini dapat disiapkan. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad saw serta keluarga, sahabat baginda dan para tabi'in serta ulama' muktabar yang telah berjuang untuk menegakkan kalimah Islam di dunia ini.

Dalam kesempatan yang terbatas, pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak ternilai harganya buat penyelia tesis ini, iaitu **Profesor Dr. Ab. Aziz b. Mohd Zin** yang telah mencurahkan segala ilmunya untuk pengkaji mengenali, memahami dan mengaplikasi ilmu dakwah yang beliau telah sampaikan. Pengkaji amat terhutang budi dan jasa kepada beliau kerana telah mendidik pengkaji sejak dari peringkat sarjana lagi. Tidak ketinggalan buat penyelia kedua pengkaji iaitu **Dr. Ilhaamie bt. Abd. Ghani Azmi**. Ingin pengkaji ucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah menyelia pengkaji dengan tekun serta penuh kesabaran. Terima kasih Dr. kerana telah meniupkan semangat yang padu buat pengkaji untuk terus mengharung segala pancaroba yang mendatang dalam menyiapkan tesis ini. Pengkaji doakan buat kedua-dua mereka agar dilimpahi rahmat, redha dan berkat daripada Allah swt. Terima kasih jua buat pensyarah dan kakitangan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan khususnya Dr. Norrodzoh Hj. Siren dan Pn. Salbiah yang banyak membantu pengkaji. Tidak ketinggalan juga buat barisan pemeriksa tesis ini yang telah memberikan komen yang bernas bagi pengkaji dalam menghasilkan kajian yang terbaik.

Pengkaji juga ingin merakamkan ribuan terima kasih buat isteri tercinta **Puan Faridah bt. Hj. Abd. Majid** yang telah mendorong pengkaji untuk menyiapkan tesis ini menerusi sokongan moral serta material yang tidak ternilai harganya untuk dibayar. Kejayaan ini adalah milik kita bersama. Indahnyanya namamu terpahat dalam semua kajian pengkaji sejak dari sarjana muda, sarjana dan kedoktoran ini.

Tidak ketinggalan buat kedua ibu bapa, **Hj. Omar b. Mohamad** dan **Hjh. Halijah bt. Ibrahim** yang telah mendidik pengkaji ke jalan ilmu hingga ke peringkat kedoktoran ini. Hanya Allah jua membalas jasa kedua-dua ibu bapa pengkaji ini hingga ke akhirat. Tidak ketinggalan buat mertua **Hj. Abd. Majid Yaakop** serta adik beradik dan ipar duai yang memberikan sokongan.

Buat putera puteriku tercinta, **Najihah, Faez, Zahra', Farah, Nabihah** dan **Faeiq**, jadikan kejayaan abahmu ini untuk mendorong anak-anak abah ini berjaya lebih dari apa yang abah miliki ini.

Buat sahabat karib, Ab. Rahim Ibrahim (UTeM) , Zulqarnain, Noor Jeffri dan Mohd. Azam (KUIM), terima kasih segalanya kerana memberikan dorongan kepada pengkaji dalam menyiapkan tesis ini.

Tidak ketinggalan buat pembantu penyelidik iaitu Cik Noraini Abd. Raop, Hanis Syafiqah Marzelan dan Sdra Mohd Khairol Izwan b. Hamir Akhbar terima kasih atas segalanya dalam membantu pengkaji menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan kalian, mungkin kajian ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual.

Terima kasih juga buat institusi-institusi dakwah yang terlibat dalam kajian ini kerana banyak membantu pengkaji. Ribuan kemaafan dipohon kerana pengkaji tidak dapat menyenaraikan mereka yang telah membantu pengkaji atas keterbatasan ruangan ini. Hanya Allah jualah yang dapat membantu jasa kalian.

Pengkaji ingin merakamkan ribuan terima kasih buat majikan pengkaji iaitu Prof. Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd. Yusoff b. Hj. Hashim (NC, KUIM) kerana telah memberikan galakan dan ruang yang luas buat pengkaji untuk menimba ilmu yang amat berguna ini di UM. Terima kasih Datuk Wira.

Akhir kalam, terima kasih yang tidak terhingga buat mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam usaha pengkaji melakukan kajian ini. Semoga jasa anda semua akan dibalas oleh Allah Yang Maha Esa. Amin

Sekian, wasalam

Salam hormat,

Mohamad Nazli b. Hj. Omar
MT 9, Taman Bukit Indah,
78300, Masjid Tanah, Melaka Bandaraya Bersejarah.
nazli@kuim.edu.my

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
EJAAN DAN TRANSLITERASI	xvi
PANDUAN TRANSLITERASI	xvii
 BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pemasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Kajian Lepas.....	11
1.6 Rangka Kajian	21
1.6.1 Lokasi Kajian	22
1.6.2 Reka Bentuk Penyelidikan	24
1.6.3 Subjek Kajian	27
1.6.4 Penganalisaan Data	29
1.6.5 Instrumen Kajian	32
1.6.6 Skop Dan Limitasi Kajian	33
1.7 Kajian Lepas	34
1.8 Kesimpulan	36

BAB 2 : PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MAJU

2.1 Pengenalan	37
2.2 Definisi Dan Konsep	38
2.2.1 Pengurusan	38
2.2.2 Dakwah	46
2.2.3 Pengurusan Dakwah	52
2.3 Kriteria Negeri Maju	57
2.3.1 Kriteria Ekonomi	62
2.3.2 Kriteria Sosial	65
2.3.3 Kriteria Politik Dan Pentadbiran	72
2.3.4 Kriteria Pembangunan Modal Insan	79
2.3.5 Kriteria Negara Maju Menurut Islam	82
2.4 Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	96
2.4.1 Fungsi Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	98
a. Perancangan	98
b. Pengorganisasian	101
c. Kepimpinan	104
d. Kawalan	107
2.4.2 Bentuk Dan Model Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	113
a. Pengurusan Kewangan	114
b. Pengurusan Harta Modal	116
c. Pengurusan Sumber Manusia	117
d. Pengurusan Program Dakwah	120
2.5 Matlamat Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	124
2.6 Cabaran Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	128
2.6.1 Cabaran Mewujudkan Institusi Dakwah Yang Dinamik Dan Efisien	128
2.6.2 Cabaran Menyediakan Golongan Pendakwah Yang Profesional	129
2.6.3 Cabaran Menyediakan Sumber Kewangan Yang Kukuh	131
2.6.4 Cabaran Mewujudkan Program Dakwah Yang Berkualiti	133
2.6.5 Cabaran Untuk Menjadikan Islam Sebagai Indikator Negeri Maju ..	135
2.7 Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	137
2.7.1 Masalah Perancangan Pengurusan	138
2.7.2 Masalah Kewangan	139

2.7.3 Pertembungan Ideologi Institusi Dakwah	140
2.7.4 Persaingan Daripada Misionari Kristian	141
2.7.5 Pengaruh De-Islamisasi Terhadap Umat Islam	143
2.7.6 Impak Teknologi Maklumat Masa Kini	146
2.8 Kesimpulan	148

BAB 3 : PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MELAKA MAJU

3.1 Pengenalan	150
3.2 Sejarah Islam Negeri Melaka	150
3.2.1. Pengaruh Islam Di Melaka.....	153
3.2.2 Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Dakwah	157
3.3 Pengurusan Dakwah Di Melaka	159
3.3.1 Majlis Agama Islam Melaka.....	160
3.3.1 (a) Perancangan	161
3.3.1 (b) Pengorganisasian	161
3.3.1 (c) Kepimpinan	163
3.3.1 (d) Kawalan	164
3.3.2 Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)	167
3.3.2 (a) Perancangan	167
3.3.2 (b) Pengorganisasian	171
3.3.2 (c) Kepimpinan	172
3.3.3 (d) Kawalan	173
3.3.3 Jabatan Mufti Negeri Melaka	174
3.3.3 (a) Perancangan	176
3.3.3 (b) Pengorganisasian	178
3.3.3 (c) Kepimpinan	179
3.3.3 (d) Kawalan	180
3.3.4 Institusi Masjid (Masjid al-Azim, Negeri Melaka)	182
3.3.4 (a) Perancangan	186
3.3.4 (b) Pengorganisasian	187
3.3.4 (c) Kepimpinan	187
3.3.4 (d) Kawalan	188

3.3.5 Bahagian Rumahku Syurgaku, Jabatan Ketua Menteri Melaka	189
3.3.5 (a) Perancangan	191
3.3.5 (b) Pengorganisasian	193
3.3.5 (c) Kepimpinan	193
3.3.5 (d) Kawalan	194
3.3.6 Angkatan Belia Islam Malaysia (Melaka)	196
3.3.6 (a) Perancangan	198
3.3.6 (b) Pengorganisasian	201
3.3.6 (c) Kepimpinan	201
3.3.6 (d) Kawalan	202
3.3.7 Jemaah Islah Malaysia / IKRAM, Melaka	203
3.3.7 (a) Perancangan	205
3.3.7 (b) Pengorganisasian	207
3.3.7 (c) Kepimpinan	208
3.3.7 (d) Kawalan	209
3.3.8 Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)	210
3.3.8 (a) Perancangan	211
3.3.8 (b) Pengorganisasian	212
3.3.8 (c) Kepimpinan	213
3.3.8 (d) Kawalan	215
3.4 Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju	218
3.4.1 Politik	220
3.4.2 Ekonomi	222
3.4.3 Populasi	224
3.4.4 Perindustrian	226
3.4.5 Infrastruktur	227
3.4.6 Sosial	230
3.4.7 Pembangunan Islam	236
3.5 Penutup	239

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	240
4.2 Keputusan Deskriptif (Bahagian I)	241

4.2.1 Taburan Responden Mengikut Demografi	242
4.2.2 Kebolehpercayaan Bagi Alat Ujian yang Digunakan	247
4.2.2 (a) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju.....	247
4.2.2 (b) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian tentang Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.....	248
4.2.2 (c) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian tentang Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.....	248
4.3 Keputusan Deskriptif (Bahagian II).....	248
4.3.1 Analisa Kajian Tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju.....	249
4.3.2 Analisa Kajian Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.....	258
4.3.3 Analisa Kajian Tentang Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.....	265
4.4 Taburan Dapatan Min Tertinggi Mengikut Institusi Dakwah.....	272
4.5 Kesimpulan	292

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	293
5.2 Rumusan Secara Umum.....	294
5.2.1 Rumusan Realiti Melaka Sebagai Negeri Maju	294
5.2.2 Rumusan Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju...	297
5.2.3 Rumusan Berhubung Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju.....	301
5.3 Cadangan Secara Umum	304
5.3.1 Cadangan Berhubung Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju	304
5.3.2 Cadangan Berhubung Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju	306
5.3.3 Cadangan Berhubung Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju	308
5.4 Kesimpulan	311

LAMPIRAN

- A Carta Organisasi Majlis Agama Islam Melaka
- B Carta Organisasi Jabatan Agama Islam Melaka
- C Carta Organisasi Jabatan Mufti Melaka
- D Carta Organisasi Institusi Masjid (Masjid al-Azim Melaka)
- E Carta Organisasi Bahagian Rumahku Syurgaku
- F Carta Organisasi Angkatan Belia Islam Malaysia, Melaka
- G Carta Organisasi Jemaah Islah Malaysia/IKRAM, Melaka
- H Carta Organisasi PERKIM, Melaka
- I Borang Soal Selidik
- J Program-program Bahagian Rumahku Syurgaku
- K Soalan Temubual
- L Senarai Temubual
- M Keputusan *Reliability Test*

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 1.1 : Klasifikasi Borang Soal Selidik	30
Jadual 2.0 : Sebab Kematian	71
Jadual 2.1 : Indeks Pembangunan Islam	95
Jadual 3.1 : Kawalan Pengurusan	166
Jadual 3.2 : Barisan Kepimpinan Jabatan Agama Islam Melaka	173
Jadual 3.4 : Sasaran Kerja Tahunan Bahagian Rumahku Syurgaku 2012	195
Jadual 3.5 : Aktiviti Dan Program PERKIM Melaka 2011	214
Jadual 3.6 : Rekod Pengislaman oleh PERKIM Melaka (2001-2011)	216
Jadual 3.7 : Keluaran Dalam Negara Kasar Mengikut Sektor, Melaka-Malaysia 2007-2009	223
Jadual 3.8 : Kadar Pertumbuhan KDNK Mengikut Sektor	224
Jadual 3.9 : Anggaran Bilangan Penduduk Melaka Mengikut Etnik 2007-2009	225
Jadual 3.10 : Bilangan Kelahiran Berdaftar Mengikut Etnik 2007-2009	225
Jadual 3.11 : Bilangan Kematian Berdaftar Mengikut Etnik 2007-2009	226
Jadual 3.12 : Bilangan Kilang, Nilai Pelaburan dan Bilangan Pekerja Negara Asal 2007-2009	227
Jadual 3.13 : Jenis/Kelas Jalanraya Mengikut Daerah, 2007-2009	228
Jadual 3.14 : Bekalan Elektrik Mengikut Daerah 2007-2009	228
Jadual 3.15 : Penggunaan Air Mengikut Daerah 2007-2009	229
Jadual 3.16 : Jumlah Talian Telefon Mengikut Daerah Dan Jenis Pengguna, 2007-2009	229
Jadual 3.17 : Bilangan Katil Di Hospital Kerajaan dan Swasta 2007-2009	230
Jadual 3.18 : Bilangan Dan Nisbah Tenaga Kerja Kesihatan Pada Penduduk 2007-2009	231

Jadual 3.19 :	Kemudahan Kesihatan Mengikut Daerah 2007-2009	232
Jadual 3.20 :	Bilangan Sekolah Rendah Mengikut Daerah 2007-2009	233
Jadual 3.21 :	Bilangan Sekolah Menengah Mengikut Daerah 2007-2009	233
Jadual 3.22 :	Bilangan Dan Nisbah Guru Dengan Murid 2007-2009	234
Jadual 3.23 :	Kadar Celik Huruf Bagi Sekolah Rendah Negeri Melaka 2007-2009	235
Jadual 3.24 :	Bilangan Pelajar Dan Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi 2007-2009	235
Jadual 3.25 :	Bilangan Institusi Pendidikan, Jabatan Agama Islam Melaka 2009	236
Jadual 3.26 :	Bilangan Surau Dan Masjid Di Negeri Melaka 2007-2009	237
Jadual 3.27 :	Bilangan Fakir Miskin Yang Menerima Bantuan Daripada Majlis Agama Islam Melaka 2007-2009	238
Jadual 3.28 :	Perbandingan Prestasi Kutipan Zakat Bagi 2008-2009	239
Jadual 4.1 :	Taburan Responden Mengikut Jantina	242
Jadual 4.2 :	Taburan Responden Mengikut Umur	243
Jadual 4.3 :	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	244
Jadual 4.4 :	Taburan Responden Mengikut Kedudukan Pengurusan	245
Jadual 4.5 :	Taburan Responden Mengikut Institusi Atau Organisasi	246
Jadual 4.6 :	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kajian Tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju	249
Jadual 4.7 :	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Sosial	250
Jadual 4.8 :	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Pentadbiran Kerajaan	252
Jadual 4.9 :	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Politik	253
Jadual 4.10 :	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Ekonomi	254
Jadual 4.11 :	Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Pembangunan Modal Insan	255

Jadual 4.12 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Maju Dari Perspektif Islam	256
Jadual 4.13 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kajian Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	258
Jadual 4.14 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Mewujudkan Institusi Dakwah Yang Dinamik Dan Efisien	259
Jadual 4.15 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Menyediakan Golongan Pendakwah Yang Profesional.	260
Jadual 4.16 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Menyediakan Kewangan Yang Kukuh	261
Jadual 4.17 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Mewujudkan Program Dakwah Yang Berkualiti	262
Jadual 4.18 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Menjadikan Islam Sebagai Indikator Negeri Maju	264
Jadual 4.19 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kajian Tentang Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	265
Jadual 4.20 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Perancangan Pengurusan	266
Jadual 4.21 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Kewangan	267
Jadual 4.22 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Pertembungan Dasar Institusi Dakwah	268
Jadual 4.23 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Persaingan Daripada Misionari Kristian	270
Jadual 4.24 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Pengaruh Penghakisan Nilai-nilai Islam	271
Jadual 4.25 : Ringkasan Dapatan Kajian Tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju	273
Jadual 4.26 : Kriteria Sosial : Taraf Kesihatan Baik	274
Jadual 4.27 : Kriteria Pentadbiran Kerajaan : Kemapanan Kerajaan Negeri	275
Jadual 4.28 : Kriteria Politik : Keckerapan Pemimpin Turun Padang	276
Jadual 4.29 : Kriteria ekonomi : Kepesatan industri pelancongan	277

Jadual 4.30 : Kriteria Pembangunan Modal Insan : Pembangunan Pendidikan Yang Baik	278
Jadual 4.31 : Kriteria Maju Dari Perspektif Islam : Pembangunan institusi Islam Yang Positif	279
Jadual 4.32 : Ringkasan Bagi Kajian Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	280
Jadual 4.33 : Cabaran Mewujudkan Institusi Dakwah Yang Dinamik Dan Efisien : Dasar Islam Menjadi Teras Institusi Dakwah	281
Jadual 4.34 : Cabaran Menyediakan Golongan Pendakwah Yang Profesional : Integriti Menjadi Asas	282
Jadual 4.35 : Cabaran Menyediakan Kewangan Yang Kukuh : Audit Kewangan Dalam Institusi Dakwah	283
Jadual 4.36 : Cabaran Mewujudkan Program Dakwah Yang Berkualiti : Penggunaan Teknologi Maklumat Diutamakan	284
Jadual 4.37 : Cabaran Menjadikan Islam Sebagai Indikator Negeri Maju : Aqidah Asas Utama Kemajuan	285
Jadual 4.38 : Ringkasan Bagi Kajian Tentang Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju	286
Jadual 4.39 : Masalah Perancangan Pengurusan : Banyak Berlaku Pertembungan Program	287
Jadual 4.40 : Masalah Kewangan : Kos Semakin Meningkatkan	288
Jadual 4.41 : Masalah Pertembungan Dasar Institusi Dakwah : Unsur-unsur Politik Dalam Institusi Dakwah	289
Jadual 4.42 : Masalah Persaingan Dari Missionari Kristian : Mubaligh Kristian Aktif Dan Positif Dalam Gerakan Mereka	290
Jadual 4.43 : Masalah Pengaruh Penghakisan Nilai-nilai Islam : Umat Islam Kini Terdedah Kepada Budaya Hiburan	291

SENARAI SINGKATAN

%	Peratus
&	Dan
a.s	<i>'Alaih Salām</i>
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AIDS	Acquired Immunodeficiency Syndrome
CAT	Cultural Awareness Training
DMDI	Dunia Melayu Dunia Islam
Dr.	Doktor
et al	<i>et alii</i>
FDI	Foreign Direct Investment
FOSIS	Federation of Student of Islamic Societies
h	Halaman
HDI	Human Development Index
HIV	Human Immunodeficiency Virus Infection
Hj	Haji
ibid	<i>Ibidem</i>
ICT	Information and Communication Technology
IF	The Islamic Foundation
IIFSO	International Islamic Federation of Student Organizations
IKHM	Indeks Kualiti Hidup Negeri Melaka
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IKSEP	InstitutKajian Sejarah dan Patriotisme
INDAH	Institut Dakwah Dan Latihan Islam
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IPI	Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam
IRC	Islamic Representative
JAIM	Jabatan Agama Islam Melaka
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JIM	Jamaah Islah Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam

JUSA	Jawatan Utama Sektor Awam
KDNK	Hasil Keluaran Dalam Negeri Kasar
KIMB	Koperasi Islah Malaysia Berhad
LCE	Lower Certificate Education
M	Masihi
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCE	Malaysian Certificate Education
MDG	Millenium Development Goals
MIDA	Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia
MISG	Malaysian Islamic Study Group
MPAG	Majlis Perbandaran Alor Gajah
MPHTJ	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
MPJ	Majlis Perbandaran Jasin
MSA	Muslim Student Association of America
MSM	Majlis Syura Muslimun
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negeri
MVA	Mega Volt Ampere
NGO	Non Government Organization
NPC	National Productivity Corporation
OECD	Organization Of Economic Co-Operation Development
Op.cit	<i>Opere Citato</i>
PAS	Parti Islam Semalaysia
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPN	Perhimpunan Perwakilan Nasional
PPP	Purchasing Power Parity
Prof.	Profesor
RKSK	Rumahku Syurgaku
SAMB	Syarikat Air Melaka Berhad
SAW	Sallahu Alaihi Wasallam
SRI	Sekolah Rendah Islam
SM	Sebelum Masihi

SMI	Sekolah Menengah Islam
SPM	Sijil Pelajaran Menengah
SPSS	Statistical Purpose For Social Science
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SWT	Ṣubhanahu Wa Ta'alā
TASKI	Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam
TYDP	Timbalan Yang Di Pertua
UK	United Kingdom
UKIM	United Kingdom Islamic Mission
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UKNI	Unit Khidmat Nasihat Islah
UM	Universiti Malaya
UMNO	United Malays National Organization
UNCTAD	United Nations Conference on Trade and Development
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPENA	Pusat Penerbitan Universiti
USA	United State of America
USD	United States Dollar
USM	Universiti Sains Malaysia
VIP	Very Important Person
WAMY	World Assembly of Muslim Youth
YAB	Yang Amat Berhormat
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
YB	Yang Berhormat
YDP	Yang Di Pertua
YPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

EJAAAN DAN TRANSLITERASI

Pengecualian daripada menggunakan panduan itu bagi kes-kes berikut :

- i. Bagi akhir perkataan awal yang ditulis dengan “ة” (Ta’ Marbutah) dieja mengikut sebutan “ه”.
- ii. Tanwin tidak dieja dengan mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan.
Contoh : *Surah* (سورة) dan *Sāah* (ساعة)
- iii. Alif Lam diteransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lam Shamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. “a” dalam al tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
- iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal dari perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia. Semua perkataan ‘Arab/Inggeris (Bahasa Asing) hendaklah di*italick* kecuali nama khas.

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini juga adalah mengikut Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia 1998. Transliterasi yang diguna pakai ialah berdasarkan rujukan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pedoman Transliterasi huruf Arab ke Huruf Rumi, 1998.

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Huruf

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ء	’	تاليف	Ṭā’līf
ب	B	بيروت	Beirūt
ت	T	تعليم	Ta’līm
ث	Th	ثورت	Thawrah
ج	J	جماعه	Jamā’ah
ح	H	حديث	Ḥadīṭh
خ	Kh	خالدون	Khaldūn
د	D	ردا	Dār
ذ	Dh	ذيات	Dhiyād
ر	R	رساله	Risālah
ز	Z	زيارات	Ziyārah
س	S	سيرت	Sīrah
ش	Sh	شريف	Sharīf
ص	Ṣ	صف	Ṣaf
ض	Ḍ	ضابط	Ḍabīṭ
ط	Ṭ	طارق	Ṭāriq
ظ	Ẓ	لظلا	Ẓilāl
ع	‘	عهد	‘Ahd
غ	Gh	غايه	Gḥāyah
ف	F	فكر	Fikr

ق	Q	ق صور	Qusūr
ك	K	ك تاب	Kuttāb
ل	L	ل سان	Lisān
م	M	م مسجد	Masjid
ن	N	ن ظريت	Naẓariyyah
و	W	و صل	Waṣala
ه	H	ه هدف	Hadaf
ي	Y	ي مين	Yamīn

II. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا -----	a	ق انت	Qanata
----- ا	i	شرب	Shariba
و -----	U	جمع	Jumi'a

III. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا / ي	ā	ادياً	Bāb / Iḥyā'
ي	ī	تجديد	Tajdīd
و	ū	علوم	'Ulūm

IV. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
و	aw	قول	Qawl
ي	ay	غير	Ghayr
ي	Iyy / ī	عربي	'Arabiyy atau 'arabī (di akhir kalimat)
و	Uww / ū	عدو	'Aduww atau 'adū (di akhir kalimat)

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dakwah Islamiah telah berkembang dengan jayanya di Tanah Melayu sejak ratusan tahun yang lalu. Jika kita melihat tentang kedatangan Islam ke Malaysia yang suatu ketika dahulu dikenali dengan Tanah Melayu, yang mana ia turut membincangkan tentang kedatangan Islam ke rantau ini secara keseluruhannya. Pelbagai pendapat dan pandangan telah dilontarkan tentang sejarah sebenar kedatangan Islam ke Tanah Melayu ini yang melibatkan tarikh serta lokasi sebenar yang menjadi tapak pertama Islam bertapak di bumi Tanah Melayu ini. Rata-rata sejarawan berpendapat bahawa kedatangan Islam ini berlaku sekitar abad ke 13 Masehi. Kebanyakannya berpendapat bahawa aktiviti perdagangan memainkan peranan yang penting dalam penyebaran dakwah Islamiah ini.

Perkembangan dakwah di Malaysia atau Tanah Melayu telah bermula dengan aktiviti perdagangan yang melibatkan pedagang Arab di rantau Asia Tenggara ini. Mereka memilih Tanah Melayu ini disebabkan faktor geografi yang menghubungkan timur dan barat. Selain itu, persoalan yang sering dibincangkan dalam soal kedatangan Islam di Tanah Melayu ini ialah persoalan tentang lokasi terawal yang menerima Islam. Natiyahnya Kedah, Kelantan, Terengganu serta Melaka telah menjadi bahan kajian berhubung isu ini.

Berbalik kepada fokus utama dalam perbincangan ini, Melaka merupakan salah sebuah lokasi terawal yang menerima kedatangan Islam ini. Sejarah Melayu telah merakamkan bahawa Islam atau dakwah Islamiah ini telah berkembang di Melaka dengan

pengislaman seorang putera raja dari Palembang yang bernama Parameswara dengan nama Islamnya Iskandar Syah. Pengislaman beliau telah dilakukan oleh seorang saudagar Arab yang bernama Sayyid Abdul Aziz. Dari sudut penubuhan kerajaan Melaka, ia telah dibuka oleh Parameswara yang asalnya lari dari Temasik (Singapura) seterusnya ke Muar hinggalah ke Melaka untuk menubuhkan sebuah kerajaan yang dikenali dengan nama Melaka. Hasilnya Islam terus berkembang di Melaka hingga ke hari ini.

Namun semuanya sudah berlalu dan tersimpan rapi dalam lipatan sejarah. Kini, Melaka merupakan sebuah negeri yang berkembang pesat dari pelbagai sudut yang merangkumi ekonomi, sosial, politik, pendidikan, pelancongan serta kebudayaan. Di bawah kepimpinan Datuk Seri Mohd Ali Mohd. Rustam selaku Ketua Menteri Melaka, beliau telah mengariskan sebuah gagasan iaitu Melaka Maju 2010. Wawasannya ialah untuk meletakkan matlamat untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri maju menjelang 2010. Ia juga sebagai usaha kerajaan Melaka untuk merancang dan membangunkan negeri ini sebagai negeri maju dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Terdapat beberapa perkara asas yang digariskan untuk mencapai sasaran tersebut. Antaranya ialah projek utama, teras, pendekatan indikator dan strategi yang dilihat sebagai asas dalam merealisasikan wawasan tersebut. Buktinya daripada 23 indikator yang digunakan untuk menilai pencapaian sosio ekonomi, 12 daripadanya telahpun mencapai sasarannya manakala 11 lagi akan menyusul kemudian. Hasilnya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKN) yang dicatatkan oleh Melaka pada tahun 2005 adalah sebanyak 6.3% iaitu

melebihi KDNK nasional iaitu 5.0%.¹ Pertumbuhan yang memberangsangkan ini sekaligus menunjukkan bahawa usaha kerajaan Melaka untuk mencapai pertumbuhan sebanyak 7% setahun menjelang 2010 kini telah tercapai. Ia diperkukuhkan dengan laporan OECD yang menunjukkan perangkaan yang memberangsangkan bahawa pendapatan per kapita negeri Melaka pada 2010 adalah USD 14,261 lebih tinggi berbanding Turki yang mencatatkan USD 13,000.²

Jika dilihat pada pertumbuhan ekonomi pula, pada tahun 2005 adalah memuaskan dengan perolehan pelaburan bernilai RM 1.039 bilion melalui 52 projek yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA). 62.56% atau RM 650 juta daripada nilai pelaburan berkenaan merupakan pelaburan asing manakala RM 389 juta atau 37.43% merupakan pelaburan domestik.³ Perangkaan yang ditunjukkan ini menunjukkan komitmen bersungguh-sungguh dan berterusan kerajaan Melaka untuk mencapai status negeri maju pada 2010.

Jika dilihat pada *road map* yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Melaka, terdapat beberapa perkara yang harus diberi perhatian. Dalam projek utama, ia memberi penekanan tentang bio-teknologi, teknologi maklumat, industri pembuatan, pelancongan, pertanian dan pembangunan modal insan. Gambaran awalan menunjukkan adanya usaha kerajaan Negeri Melaka untuk memajukan pembangunan modal insan seiring dengan kemajuan yang lebih bersifat duniawi. Pembangunan modal insan ini jika diterjemahkan dari sudut pelaksanaan

¹ Baharudin Yusoff et. al (2006), *Melaka Maju 2010*. Melaka : Pusat Sumber Jabatan Ketua Menteri Melaka. h. 6. Data yang diperolehi ini adalah data yang dihasilkan sebelum Melaka mencapai taraf negeri maju. Dari sudut realitinya kini, Melaka sudah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju pada 20 Oktober 2010 menerusi pengiktirafan oleh John Hall, Ketua Pegawai Eksekutif, Organisation of Economic Co-Operation Development. (OECD).

² Abdul Razak Abu Chik (ed.) (2012), *Melaka Transformed Under Datuk Seri Mohd. Ali Rustam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing. h. 49

³ *Ibid.* h. 6

ia menampakkan seolah-olah adanya usaha untuk membangunkan insan yang baik dari pelbagai dimensi sama ada baik dari segi dunia mahupun akhirat.

Namun persoalan yang timbul di sini ialah sejauh mana kemajuan yang ingin dicapai oleh kerajaan Melaka ini dari pelbagai indikator ini memberi kesan yang besar kepada penduduknya? Maksudnya adakah dengan pengejaran kemajuan negeri ini memberi implikasi kepada kelangsungan Islam yang suatu ketika dahulu begitu hebat suasananya ketika Melaka berada di puncak kegemilangannya sebagai sebuah empayar. Ertinya dengan kemajuan yang diperolehi pada tahun 2010, adakah ia memberi cabaran dan masalah kepada dakwah Islam di Melaka khususnya kepada institusi Islam di negeri ini? Persoalan inilah yang akan dibincangkan dengan terperinci dalam kajian ini berhubung pengurusan dakwah dalam menghadapi kemajuan negeri berfokuskan cabaran dan masalah yang dihadapi.

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam sesebuah kajian ilmiah, permasalahan kajian merupakan salah satu perkara terpenting dalam memulakan kajian. Permasalahan kajian adalah sebagai pembuka kata atau fokus kepada keseluruhan kajian yang dilakukan kerana langkah pertama dalam proses penyelidikan ialah mengenalpasti masalah.⁴ Menerusi pernyataan masalah ini ia dapat membantu pengkaji untuk meneroka seterusnya menyelidiki kajian ini secara ilmiah. Lantaran daripada itu, bagi menjelaskan permasalahan kajian ini, pengkaji akan membahagikan kepada beberapa perkara pokok untuk membina pernyataan masalah ini iaitu negeri maju,

⁴ Sabitha Marican (2006) *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Selangor : Edusystem Sdn. Bhd. h. 64

pengurusan dakwah dan cabaran serta masalah yang dihadapi. Dengan adanya rangkaian pokok persoalan ini, ia memudahkan kajian ini untuk dijalankan.

Usaha kerajaan Negeri Melaka untuk mencapai status negeri maju menjelang tahun 2010 merupakan satu usaha yang baik untuk kebaikan rakyat dari pelbagai sudut kehidupan. Ini dapat dibuktikan dengan pelbagai usaha yang giat dijalankan untuk merealisasikannya. Usaha gigih ini sudah dimulakan sejak tahun 2000 lagi. Ertinya ia sudah berlangsung hampir sedekad dengan pelbagai pendekatan yang telah dirancang dan dilaksanakan. Kesemua projek dan program yang dijalankan bertujuan untuk melayakkan Melaka muncul negeri maju dengan sasarannya pada 2010 telah tercapai. Ruang lingkup yang digariskan untuk mencapai status negeri maju ini dapat dilihat melalui teras pencapaiannya yang menekankan aspek meningkatkan ekonomi nilai tinggi, meningkatkan ilmu pengetahuan dan inovasi, menangani ketidakseimbangan ekonomi, meningkatkan kualiti hidup serta mengukuhkan keupayaan industri. Menerusi teras pencapaiannya yang disasarkan dan perlu dicapai menampakkan ia sesuatu yang serius dan perlu diberi penekanan rapi untuk merealisasikannya. Pelbagai agensi yang bernaung di bawah kerajaan negeri telah diminta untuk merangka dan melaksanakan agenda dan program untuk memenuhi kriteria negeri maju seperti yang telah digariskan

Hasilnya semua agensi dari pelbagai bidang telah merangka, merancang dan melaksanakan setiap program berdasarkan matlamat dan hala tuju masing-masing seiring dengan wawasan negeri maju. Antaranya yang terlibat secara aktif dalam merealisasikan hasrat kerajaan negeri ini ialah Jabatan Ketua Menteri Melaka, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan beberapa agensi lain di negeri ini. Setiap organisasi dan institusi tersebut perlu memainkan peranan mereka secara aktif agar setiap perkara yang

dirancang akan dilaksanakan dengan jayanya. Bagi institusi-institusi Islam dengan merujuk peranan utamanya sebagai institusi dakwah, mereka juga tidak terkecuali dalam menjayakan misi kerajaan negeri ini. Buktinya dengan teras pencapaian dan projek utama Melaka Maju 2010 ada juga menyentuh tentang pembangunan modal insan yang boleh ditakrifkan sebagai salah satu dari ruang lingkup dakwah. Ertinya setiap institusi dakwah di negeri ini perlu memainkan peranan yang aktif dengan merangka dan menjalankan pelbagai bentuk dan program dakwah yang sesuai seiring dengan kemajuan negeri yang ingin dicapai berdasarkan skop pembangunan modal insan.

Di Melaka terdapat beberapa buah institusi dakwah yang berperanan besar dalam usaha untuk mengembangkan Islam di negeri ini. Institusi-institusi dakwah ini merangkumi agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung dengan penyebaran Islam. Buktinya melalui struktur organisasi yang sistematik dan program-program dakwah yang dijalankan. Namun, dengan kemajuan yang telah dicapai, ia telah memberi impak kepada keseluruhan kehidupan rakyat di negeri ini, termasuk juga yang melibatkan dakwah Islamiah menerusi pengurusan dakwah yang dijalankan di dalam sesebuah institusi dakwah terbabit. Natijahnya ia telah memberi ruang kepada pengkaji untuk melakukan kajian berhubung cabaran dan masalah yang dihadapi oleh institusi dakwah di negeri Melaka ini dalam konteks sebuah negeri maju.

Lantaran daripada itu, timbul persoalan berhubung perkara di atas, ialah bagaimanakah bentuk dakwah yang hendak dijalankan dalam konteks negeri atau negara maju dengan merujuk kepada negeri Melaka khususnya ? Sehubungan dengan itu setiap institusi dakwah di negeri ini perlu memikir dan memastikan apakah bentuk dan cara dakwah yang perlu dilaksanakan dalam konteks negeri maju? Ia perlu agar

keberkesannya akan dapat dicapai dengan jayanya seiring dengan cabaran dan permasalahan yang timbul. Lantaran itu, pengurusan institusi dakwah berkenaan perlu menjadikan kemajuan negeri ini sebagai cabaran baginya untuk merangka dan melaksana bentuk dan program dakwah yang sesuai bagi negeri maju. Dalam mengharungi cabaran tersebut, timbul juga persoalan yang perlu dikaji berhubung apakah masalah masalah-masalah yang menjadi hambatan kepada pelaksanaan gerak kerja, bentuk dan program dakwah khususnya dari sudut pengurusan institusi tersebut? Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti cabaran dan masalah pengurusan institusi dakwah dalam membentuk, merangka serta melaksanakan program dakwah dalam konteks negeri maju dengan merujuk kepada negeri Melaka sebagai lokasi kajian.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah hasrat utama pengkaji melakukan kajian dan merupakan aspek terpenting dalam sesuatu kajian.⁵ Sejarar dengan kajian ini yang berupa kajian ilmiah, pengkaji seharusnya meletakkan objektif kajian sebagai landasan utama bagi memastikan kajian yang dihasilkan ini menepati kepada matlamat sebenar kajian. Berikut adalah beberapa objektif kajian yang disasarkan. Antara objektif khusus kajian ini ialah :-

1. Untuk meneliti serta mengkaji realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju menurut perspektif Islam.
2. Untuk mengkaji dan menganalisis cabaran pengurusan dakwah di negeri maju merujuk kepada negeri Melaka

⁵ Chua Yan Piaw (2011), *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1 : Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education. h. 17

3. Untuk mengkaji dan menganalisis masalah pengurusan dakwah di negeri maju merujuk kepada negeri Melaka.
4. Menganalisis pengurusan dakwah di Melaka berdasarkan fungsi-fungsi pengurusan Islam.
5. Mengemukakan cadangan dan strategi bagi menangani masalah dan cabaran pengurusan dakwah yang dihadapi.

Dengan adanya objektif kajian ini, ia akan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat seiring dengan skop dan limitasi kajian yang telah ditetapkan. Bagi menjelas serta membuktikan kajian ini, ia akan dibahas dan dianalisa dalam bab 4 nanti iaitu analisa dan laporan kajian.

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi input dan manfaat kepada kerajaan Negeri Melaka khususnya dan negeri-negeri lain di Malaysia amnya dalam wawasan untuk mencapai status maju dengan memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan Islam dan penyebaran dakwah khususnya. Berikut adalah beberapa kepentingan kajian yang mampu dihasilkan dari kajian ini. Antaranya.

1. Kajian ini diharap dapat menghuraikan tentang masalah dan cabaran dalam pengurusan dakwah dalam konteks negeri maju. Natijahnya ia dapat dijadikan landasan teori buat kajian kemudian dalam membincangkan tentang cabaran dan masalah pengurusan dakwah di negeri maju.

2. Untuk mewujudkan satu teori bahawa kemajuan sesebuah negeri itu yang bersifat holistik akan memberi impak yang besar kepada usaha dan kerja-kerja dakwah khususnya yang menjurus tentang cabaran dan masalah yang perlu dihadapi. Ia dapat dicapai melalui dapatan kajian ini yang menjurus kepada perbincangan berhubung cabaran dan masalah pengurusan dakwah.
3. Kajian ini sebagai tanda aras (*bench marking*) kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk mengkaji perkara-perkara yang bersifat lanjutan kepada hasil dan dapatan kajian ini khususnya dalam ruang lingkup dakwah di Melaka dalam konteks negeri maju..
4. Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh institusi-institusi dakwah berkenaan untuk menilai semula kerja-kerja dakwah khususnya program yang mereka rangka dan rancangan sama ada relevan atau tidak dengan kemajuan negeri ini.
5. Hasil kajian ini juga diharap dapat memperkasakan pengurusan dakwah yang lebih efisien dalam mendepani kemajuan sesebuah negeri dari sudut sosial, ekonomi dan politik.
6. Hasil kajian ini juga dilihat mampu memberi input kepada kerajaan negeri berhubung peruntukan belanjawan yang disediakan untuk kemajuan dakwah ini seiring dengan peruntukan yang diberikan kepada agensi-agensi lain yang terlibat sepenuhnya dalam misi Melaka Maju 2010. Tidak dinafikan persoalan kewangan sering menjadi halangan dalam melaksanakan program dakwah. Lantaran itu, kajian ini dilihat mampu membuktikan masalah berkenaan.

7. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada pihak-pihak yang berkenaan bahawa dalam usaha untuk memajukan sesebuah negeri atau negara, pembangunan Islam perlu dijadikan indikator utama. Ia tidak seharusnya melihat indikator yang ditetapkan oleh pihak luar khususnya OECD, UNESCO dan lain-lain kerana tidak meletakkan Islam sebagai indikator utamanya.
8. Kerajaan Negeri Melaka melalui agensi-agensinya yang terlibat secara langsung dengan wawasan negeri maju pada tahun 2010 dapat memberi penekanan khusus terhadap penyebaran dakwah.
9. Kajian ini dilihat mampu melonjakkan Melaka sebagai sebuah negeri maju bercirikan Islam menerusi pengurusan dakwah yang efisien dan efektif melalui penubuhan agensi dakwah milik kerajaan negeri di samping menyokong penuh badan-badan dakwah bukan kerajaan yang berpotensi melalui saluran kewangan dan politik.
10. Kajian ini juga dilihat mampu memberikan maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat Islam khususnya bahawa dalam usaha untuk mengembangkan dakwah Islamiah ini, ia harus mendepani cabaran dan masalah yang timbul dalam apa jua keadaan sekalipun. Dalam konteks ini, kemajuan sesebuah negeri atau negara dilihat mampu menjadi hambatan dan kekangan kepada institusi dakwah untuk melaksanakan kerja-kerja dakwah dengan berkesan.

Harapan pengkaji bahawa dengan kepentingan kajian ini dapat memberi maklumat dan hakikat sebenar tentang perlunya dakwah yang realistik dan berdaya saing dalam mengharungi status negeri maju yang semestinya akan mewujudkan masalah dalam masyarakat.

1.5 Kajian Lepas

Dalam menghasilkan sesebuah kajian ilmiah yang bermutu dan berautoriti, ia perlu melalui beberapa kaedah dalam mengenalpasti sesuatu isu atau masalah untuk dikaji. Namun sebelum sesuatu kajian itu dilaksanakan, ia perlu dimulakan dengan perbincangan yang membabitkan kajian terdahulu atau lepas yang pernah dilakukan khususnya dalam topik perbincangan yang dikaji. Ulasan kajian lepas atau kajian literatur ini sangat penting kerana ia memberikan idea dan hala tuju tentang penyelidikan yang akan dijalankan.⁶ Sehubungan dengan itu, perbincangan berhubung tajuk kajian ini, pengkaji sewajarnya merujuk kajian-kajian yang lepas yang mana perbincangan tajuk kajiannya membincangkan tentang dakwah di negeri maju serta cabaran dan masalah pengurusan institusi dakwah di negeri tersebut dalam melaksanakan program dakwah tersebut.

Sebelum perbahasan ini dikembangkan, wajar kepada pengkaji untuk membincangkan tentang keadaan pengurusan dakwah ini dengan merujuk kepada beberapa pembahagian institusi dakwah. Terdapat tiga kategori utama yang sering diperbincangkan di Malaysia iaitu :-

⁶ Sidek Mohd. Noah (2002), *Rekabentuk Penyelidikan ; Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia. h. 30

- a. Institusi dakwah atau agensi Islam kerajaan yang meliputi Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama), YADIM, INDAH, IKIM, institusi akademik dan lain-lain.
- b. Gerakan dakwah bebas yang meliputi gerakan seperti ABIM, JIM dan Darul Arqam dan Jamaah Tabligh.
- c. Parti politik seperti PAS dan UMNO yang memiliki Dewan Ulama dan Biro Agama.⁷

Menerusi tulisan ini, ia memberi panduan kepada pengkaji berhubung beberapa institusi atau gerakan Islam yang memainkan peranan yang penting dalam menjalankan usaha dan gerak kerja dakwah mereka. Ertinya dalam usaha mendapatkan dapatan kajian berhubung tentang cabaran dan masalah pengurusan dakwah ini, pengkaji sewajarnya melakukan kajian terhadap beberapa institusi dakwah yang terpilih dan berpotensi dalam menjalankan usaha-usaha penyebaran dakwah ini, lebih-lebih lagi menerusi peranan yang mereka jalankan dalam konteks negeri maju.

Persoalan berkaitan kenegaraan atau negara maju ini sebenarnya pernah dibincangkan oleh sarjana Islam tersohor iaitu Ibn Khaldūn di dalam karyanya yang terkenal iaitu *Muqaddimah*. Di dalam karyanya itu, beliau membahagikan enam bab yang membincangkan tentang sejarah, tamadun, politik dan pemerintahan sesebuah negara. Fokus utama kajian ini yang berkaitan dengan karya agung ini dapat dilihat dalam bab empat di mana, beliau telah membincangkan dengan panjang lebar tentang negara, kota serta peradabannya dalam Islam. Hasilnya beliau mengengahkan fakta dan kesimpulan bahawa kemajuan sesebuah negara perlu berteraskan kepada kemajuan fizikal seperti

⁷ Badlihsam Mohd. Nasir (2002) "Masa Depan Gerakan Dakwah di Malaysia" dalam *Jurnal Pemikir* April-Jun 2002. h. 117-118

bangunan dan monumen sebagai lambang kemajuan sesebuah negara.⁸ Cuma persoalan yang timbul dalam karya agung ini, beliau tidak memperincikan tentang keadaan dakwah di dalam negara maju khususnya dari sudut pengurusan dakwah dalam menghadapi cabaran dan masalahnya di dalam sesebuah negara maju. Sehubungan dengan itu, pengkaji menjadikan karya ini sebagai landasan teori kajian ini dengan merujuk konsep negara maju yang dikemukakan oleh Ibn. Khaldūn dengan mengembangkannya kepada cabaran dan masalah dakwah terhadap pengurusan dakwah bagi sebuah negara maju.

Seterusnya Aḥmad Ibrāhīm Abu Sīn dalam tulisannya yang terkenal iaitu *al-Idārah fī al-Islām* ada membincangkan tentang konsep negara di dalam Islam dengan merujuk kepada pendapat Ibn. Taimiyyah yang berpendapat bahawa tugas sebuah negara Islam ialah melaksanakan kerja-kerja yang boleh membawa kebaikan ummah dan menolak segala yang memudaratkan.⁹ Ertinya sesebuah negara itu dalam apa jua keadaan ia perlu menitik beratkan tentang kebaikan, apatah lagi jika ia sebuah negara yang maju. Lanjutan daripada itu, beliau ada mengemukakan pandangan dengan mengatakan bahawa tanggungjawab bagi sebuah ialah mengabdikan diri kepada Allah di dunia ini, pembahagian sumber yang adil, menegakkan keadilan, menyusun kehidupan ekonomi dan masyarakat, mencegah monopoli, pengawalan harga barang dan mengatur pekerjaan.¹⁰ Pengkaji melihat kupasan dan hasil daripada tulisan ini sangat signifikan dengan kajian ini, kerana beliau telah meletakkan satu teori tentang konsep dan corak sebuah negara Islam. Cuma ia tidak membincangkan tentang pengurusan dakwah dalam sebuah negara khususnya sebuah negara yang maju serta impaknya dalam konteks cabaran dan masalah. Inilah yang menjadi

⁸ Ibn. Khaldun (2006), *Mukadimah* (terjemahan). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 386-444

⁹ Sīn, Aḥmad Ibrāhīm Abu (1984), *al-Idārah fī al-Islām* , Miṣr : Maktabah Wahbah. h. 19

¹⁰ *Ibid.* h. 26-35

kayu ukur kepada kajian ini yang akan mengkaji tentang pengurusan dakwah di sebuah negara maju dari aspek cabaran dan masalahnya.

Sebenarnya terdapat sebuah karya yang membincangkan tentang secara jelas berhubung pengurusan dakwah ini. Karangan tersebut telah ditulis oleh Rozhan Othman yang berjudul Pengurusan Dakwah.¹¹ Dalam karya tersebut, beliau ada mengemukakan tentang beberapa masalah yang timbul dalam pengurusan dakwah secara umum, iaitu :-

- a. Kelemahan dari sudut perancangan.
- b. Kelemahan dari sudut pelaksanaan.
- c. Kelemahan dari sudut pengawalan.
- d. Kelemahan dari sudut penyelarasan.

Ertinya dalam kajian ini, memang tidak dapat dinafikan terdapatnya beberapa masalah umum yang sering berlaku dalam menguruskan kerja-kerja dakwah ini. Melalui kajian lepas ini, ia membuka ruang kepada pengkaji untuk membuat kajian berhubung masalah dalam pengurusan dakwah dengan merujuk kepada institusi dakwah. Cuma dalam kajian ini, ia tidak membincangkan dengan khusus dan terperinci berhubung senario masalah pengurusan dakwah ini dalam konteks negeri maju selain cabaran yang timbul. Oleh itu, pengkaji menjadikan karya ini sebagai landasan teori kajian ini berhubung masalah dan cabaran pengurusan dakwah di negeri maju dengan fokusnya di negeri Melaka.

¹¹ Rozhan Othman (1990) *Pengurusan Dakwah*. Shah Alam : Ummah Media. h. 55-65

Tajuk berkaitan pengurusan dakwah ini juga sebenarnya pernah dibincangkan juga dalam konteks ilmiah. Ini dibuktikan menerusi tulisan Roslan Mohamad ¹² berhubung pengurusan dakwah ini. Huraian dan kupasan yang dinyatakan dalam tulisan ilmiah ini hanya tertumpu kepada takrif, pandangan al-Quran berhubung pengurusan dakwah, kepentingan serta beberapa ciri utama dalam pengurusan dakwah. Secara teori dan konseptualnya, pengkaji melihat tulisan ini begitu konkrit huraiannya. Cuma ia tidak mengupas dan membincangkan tentang cabaran dan masalah yang wujud dan dihadapi oleh institusi dakwah yang terlibat secara langsung dalam kerja-kerja dakwah khususnya dalam konteks negeri maju ini. Oleh itu, kajian pengkaji ini akan memfokuskan tentang cabaran dan masalah pengurusan dakwah di negeri maju dengan merujuk Melaka sebagai lokasi kajian ini.

Berhubung persoalan yang membincangkan tentang cabaran pengurusan institusi dakwah terdapat dua bentuk cabaran yang dihadapi iaitu cabaran dalaman dan luaran. Bagi Ahmad Azam Abdul Rahman ¹³, beliau mengemukakan antara cabaran tersebut ialah kemalasan berfikir di kalangan pendukung gerakan dakwah atau dalam konteks kajian ini adalah pihak pengurusan institusi dakwah selain cabaran untuk membina *khair ummah* yang dituntut dalam Islam. Manakala cabaran luaran yang harus ditempuh ialah peranan yang dimainkan oleh musuh-musuh Islam dalam menghancurkan dan memecahbelahkan umat Islam. Selain itu cabaran terhadap institusi dakwah juga berlegar kepada persoalan globalisasi dan teknologi.¹⁴ Menerusi cabaran ini, ia menunjukkan bahawa sebenarnya, memang wujud cabaran dalam pengurusan dakwah tersebut. Namun kekurangan dalam

¹² Roslan Mohamad (2003) "Pengurusan Dakwah : Sorotan Mengenai Konsep" dalam *Jurnal YADIM* Bil. 5 2003. h. 102-113

¹³ Ahmad Azam Abdul Rahman (2000) "Dakwah Dalam Gerakan Islam di Malaysia" dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, et.al. *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM. h. 17

¹⁴ Yuseri Ahmad (2005) "Dakwah Masa Kini : Isu dan Cabaran" dalam Syamsul Bahri Andi Galigo, et.al *Membangun Masyarakat Yang Berilmu dan Berakhlak*. Kuala Lumpur : Kolej Universiti Islam Malaysia. h. 52

perbahasan ini ialah, ia tidak menyatakan tentang cabaran yang dihadapi ini dalam konteks negeri maju.

Menurut Muhamad Nur Manuty dalam tulisannya iaitu Pendekatan Islam Dalam Menyahut Cabaran Wawasan 2020¹⁵ menegaskan bahawa idea pokok Wawasan 2020 ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan acuannya sendiri. Implikasi yang timbul daripada wawasan itu telah menimbulkan reaksi terhadap masyarakat Islam khususnya kemampuan wawasan tersebut dari segi prinsip dan pelaksanaannya dengan menekankan kepada sembilan cabaran yang telah digariskan dalam pembinaan wawasan tersebut. Antara cabaran tersebut ialah :-

- a. Membina masyarakat Malaysia yang bersatu.
- b. Masyarakat yang berjiwa merdeka
- c. Membina masyarakat demokrasi yang matang
- d. Membina masyarakat beragama dan bermoral.
- e. Membina masyarakat liberal
- f. Membina masyarakat saintifik dan progresif
- g. Membina masyarakat penyayang
- h. Menjamin keadilan ekonomi
- i. Mewujudkan masyarakat makmur.¹⁶

Hasil daripada tulisan beliau ini, dapatan kajian mendapati bahawa dalam memajukan umat Islam di negara ini adalah satu kemestian dan perlu berlandaskan syariat. Pemimpin negara ini perlu melihat bahawa setiap cabaran dalam wawasan tersebut adalah

¹⁵ Muhammad Nur Manuty (1998), "Pendekatan Islam Dalam Menyahut Cabaran Wawasan 2020" dalam *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM. h.26

¹⁶ *Ibid.* h. 26-34

kayu ukur dalam membina masyarakat dan negara yang maju. Pembangunan yang mampan merangsang sebuah pemikiran pembangunan negara maju Malaysia dalam membina kualiti manusia seiring dengan kehendak Islam. Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa dalam usaha pembinaan individu dan masyarakat dalam sebuah negara maju wujud cabarannya yang tersendiri khususnya peranan dakwah Islamiah tersebut khususnya. Oleh yang demikian dakwah dalam konteks negara maju sememangnya wujud cabaran yang lebih bersifat positif dalam merealisasikan dakwah tersebut.

Bagi Abdul Manaf Haji Ahmad dalam tulisannya *Masalah Dakwah Islamiah di Malaysia Dan Cara Mengatasinya*¹⁷ menyatakan terdapat beberapa masalah yang timbul dalam menjalankan gerak kerja dakwah masa kini. Antara masalah yang dikenalpasti berhubung masalah dakwah ialah :-

- a. Masalah kewangan
- b. Masalah tenaga pendakwah
- c. Masalah saudara Islam (golongan mualaf)
- d. Masalah dakwah dalam negara berbilang kaum dan agama.

Pendapat yang dikemukakan ini adalah berdasarkan pemerhatian dan kajian yang telah dijalankan. Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji melihat bahawa memang wujud masalah dalam gerak kerja dakwah ini yang mampu dikupas dan dirungkai dalam kajian ilmiah ini berdasarkan kajian lepas ini.

¹⁷ Abdul Manaf Haji Ahmad (1998) "Masalah Dakwah Islamiah di Malaysia Dan Cara Mengatasinya" dalam Abdullah Muhammad Zin, et.al., *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM. h. 169

Menurut Ab. Aziz Mohd. Zin yang merupakan seorang penulis prolific berkaitan dakwah dalam tulisannya Pengantar Dakwah Islamiah¹⁸ telah mengenalpasti beberapa masalah dakwah masa kini dengan bersandarkan kepada jentera dakwah atau institusi dakwah tersebut. Beliau telah menjelaskan tentang beberapa masalah yang timbul dalam organisasi dakwah iaitu :-

- a. Tiada perancangan yang baik.
- b. Kurangnya kepekaan pertubuhan-pertubuhan dakwah untuk menggunakan media atau saluran komunikasi semasa dalam dakwahnya.
- c. Kekurangan kewangan.
- d. Pertubuhan atau jamaah dakwah berusaha dengan cara mereka tersendiri dengan penekanan yang berbeza daripada jamaah lain.

Hasil tulisan ini menunjukkan bahawa terdapat masalah yang ketara dalam organisasi atau institusi dakwah dalam menjalankan gerak kerja dakwah mereka. Sehubungan dengan itu, pengkaji menjadikan hasil kajian ini sebagai asas dalam menjalankan kajian berhubung cabaran dan masalah pengurusan institusi dakwah.

Kajian Ab. Aziz Mohd Zin lagi dalam Dakwah Islam Di Malaysia¹⁹ dengan jelas dan terperinci telah menghuraikan berhubung masalah dalam pelaksanaan aktiviti dakwah secara keseluruhannya di Malaysia. Hasil kajian tersebut mendapati antara masalah yang wujud ialah :-

¹⁸ Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 234

¹⁹ Ab. Aziz Mohd. Zin, et.al (2006) *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. H. 277

- a. Masalah penganjur yang merangkumi isi kandungan, metode penyampaian, perancangan, kakitangan dan kewangan.
- b. Masalah peserta yang melibatkan penyertaan, keterlibatan, disiplin dan komunikasi
- c. Masalah pelaksanaan aktiviti dakwah masjid yang merangkumi masalah penganjur, kewangan, promosi, metode dakwah, pengurusan dan birokrasi.²⁰

Hasil kajian ini mendapati bahawa institusi dakwah-dakwah yang terdapat di Malaysia telah berusaha untuk memainkan peranan mereka serta menjalankan tanggungjawab yang diberikan sejajar dengan objektif penyebaran dakwah kepada seluruh ummah. Sehubungan dengan itu setiap masalah yang dihadapi oleh setiap organisasi terbabit tidak seharusnya dianggap sebagai batu penghalang kepada usaha dakwah bahkan ia perlu dianggap sebagai satu cabaran kepada institusi dakwah berkenaan. Pengkaji tertarik dengan kajian ini memandangkan penulis secara langsung memfokuskan kajiannya ini di Melaka bertepatan dengan lokasi kajian pengkaji. Buktinya kajian ini menjelaskan bahawa masalah kewangan sering berlaku ketika melaksanakan program dakwah melalui dapatan kajian yang diperolehi melalui temuramah dengan Ustaz Mohammad b. Azli iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam JAIM.²¹ Lantaran itu tidak dapat dinafikan bahawa terdapat masalah dan cabaran dalam institusi dakwah khususnya di negeri Melaka. Hasil daripada dapatan kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa sewajarnya kajian tentang pengurusan dakwah di negeri maju tentang cabaran dan masalah patut dijalankan dengan lebih sistematik khususnya di Melaka yang sudah diisytiharkan sebagai sebuah negeri maju pada tahun 2010.

²⁰ *Ibid.* h. 278-301

²¹ *Ibid.* h. 281

Seterusnya dalam peringkat antarabangsa juga, Ab. Aziz Mohd. Zin pernah membuat kajian di Afrika Selatan untuk mengkaji tentang program dakwah di Cape Town, juga mendapati bahawa isunya tetap sama berhubung masalah-masalah dalam pengurusan insituti dakwah merangkumi,

- a. Masalah kewangan.
- b. Masalah pengurusan.
- c. Masalah dalam penyediaan aktiviti semasa untuk pembangunan umat.²²

Ini memperkukuhkan senario dalam pengurusan dakwah dalam setiap peringkat sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa, memang tidak dapat dinafikan wujudnya masalah-masalah ini seiring dengan beberapa kajian lepas yang terdahulu. Lantaran itu, pengkaji berpendapat sewajarnya dilakukan kajian berhubung cabaran dan masalah pengurusan dakwah ini khususnya dalam konteks negeri maju memandangkan kajian-kajian lepas telah membincangkan dengan terperinci kedudukannya.

Bagi memperincikan kajian ini terhadap Melaka sebagai sebuah negeri maju, terdapat sebuah penulisan ilmiah yang telah membincangkannya. Menurut Ab. Rahim Selamat dan rakan-rakan, mereka bersependapat bahawa Melaka adalah sebuah negeri maju, namun ia hanya berkisar kepada aspek pendidikan.²³ Dalam tulisan ilmiah itu, penulis telah membahagikan tulisan tersebut kepada enam bab yang menyentuh perihal pendidikan di negeri maju dengan merujuk Melaka. Tiada suatu bab pun yang membincangkan tentang perkembangan dakwah Islam di dalamnya. Oleh itu, pengkaji menjadikan tulisan ini sebagai landasan teori bahawa negeri Melaka adalah negeri maju

²² Ab. Aziz Mohd. Zin (1999) "Institusi Dakwah di Cape Town, Afrika Selatan : Kajian Tentang Program Dakwah Masa Kini dalam *Jurnal Usuluddin* Bil.10. h. 149

²³ Ab. Rahim Selamat, et.al (2010), *Melaka Negeri Maju : Perspektif Pendidikan*. Batu Pahat : Penerbit Universiti Tun Hussin Onn. h. 1-5

dari aspek pendidikan yang terkandung dalam kriteria sosial, cuma aspek penyebaran Islam itu tidak dibincangkan.

Menurut Abdul Ghafar Don yang membuat kajian kedoktorannya di Britain berhubung peranan institusi dakwah merujuk The Islamic Foundation, mendapati bahawa masalah kewangan adalah faktor kelemahan dalam institusi dakwah. Beliau menyatakan bahawa institusi tersebut masih memerlukan bantuan dan sumbangan daripada pihak luar untuk melaksanakan program yang dirancang.²⁴ Ini memberi gambaran jelas bahawa masalah kewangan dilihat membelenggu institusi Islam lebih-lebih lagi dalam sebuah negeri atau negeri yang maju dengan merujuk Britain sebagai lokasi kajiannya.

Melalui tulisan dan kajian ilmiah yang telah dinyatakan, ia dapat memberi gambaran dengan jelas tentang wujudnya beberapa cabaran dan masalah dalam pengurusan dakwah secara umum mahu pun terperinci. Sehubungan dengan itu, pengkaji meletakkan ia sebagai penanda aras kajian ini dengan melihat cabaran dan masalah tersebut mampu memberikan kesan terhadap pengurusan dakwah dengan dikhususkan di negeri maju.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian selalunya mengandungi penerangan dan huraian tentang rekabentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan sesuatu kajian dan biasanya ia membincangkan dari sudut kajian perpustakaan dan kajian lapangan.²⁵ Secara mudahnya metodologi kajian ini menggunakan gabungan pendekatan iaitu kuantitatif dan kualitatif.

²⁴ Abdul Ghafar Don (2003), "Peranan Institusi Dakwah Di Britain : Kajian di The Islamic Foundation" (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). h. 273

²⁵ *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (2006), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam. h. 15

Kajian berbentuk kuantitatif ialah dengan penggunaan statistik perihalan untuk menganalisa dapatan kajian ini menerusi penggunaan *Skala Likert* sebagai medium untuk mencapai objektif kajian yang telah disasarkan menerusi pengukuran skala yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan mengedarkan soalan menerusi borang soal selidik terhadap responden dan dianalisa menerusi kaedah statistik yang telah ditetapkan.

Pengkaji juga menggunakan pendekatan kualitatif menerusi sesi temubual yang dijalankan ke atas responden yang terpilih untuk mengukuhkan lagi data yang diperolehi menerusi bentuk kuantitatif. Kaedah kualitatif ialah untuk mengkaji suasana dan proses yang sukar diukur dengan nombor seperti imej diri dan tingkah laku. Ia dipersembahkan dalam bahasa harian tanpa bergantung kepada nombor atau perkiraan.²⁶

Oleh itu, pengkaji akan membincangkan tentang beberapa perkara yang merangkumi metodologi kajian seperti lokasi kajian, rekabentuk penyelidikan, subjek kajian, pengumpulan data, instrumen dan penganalisan data kajian. Dengan adanya perkara-perkara yang dinyatakan ini, ia akan membantu pengkaji untuk membuat kajian yang lebih tersusun, terancang dan sistematik agar hasil kajian ini akan memberi *input* yang berkesan kepada pengkaji yang akan datang.

1.6.1 Lokasi Kajian

Kajian ini akan dilakukan sepenuhnya di negeri Melaka dengan merujuk kepada subjek kajian berhubung status negeri maju yang telah dicapai pada 2010. Tambahan pula, ia

²⁶ Sabitha Marican (2009), *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves : Edusystem Sdn. Bhd. h. 11

membabitkan beberapa institusi dakwah yang berperanan luas dalam menyebarkan dakwah Islamiah di negeri ini sama ada dari badan-badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Dalam pembinaan kerangka kajian ini, pengkaji telah menjadikan Selangor Darul Ehsan sebagai kayu ukur kajian memandangkan ia telah menjadi negeri maju pada 2005 menerusi pencapaian-pencapaian yang telah diperolehinya. Justifikasi pemilihan Melaka sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan faktor-faktor berikut :-

- i. Melaka merupakan antara negeri terawal yang telah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju di Malaysia selepas negeri Selangor yang telah mencapai taraf maju pada 2005. Sehubungan dengan itu, ia merupakan sesuatu yang menarik untuk dikaji.
- ii. Dari sudut sejarah, Melaka merupakan antara negeri yang terawal menerima kedatangan Islam. Manakala dalam konteks masa kini, Melaka merupakan negeri yang terawal mencapai kemajuan. Menerusi dua perkara ini, ia membuktikan bahawa terdapatnya sesuatu yang menarik untuk dikaji menerusi kedatangan Islam dan kemajuan negeri. Lanjutan daripada itu, pengkaji berpendapat untuk dijalankan kajian ini di negeri Melaka hasil dari dua perkara tersebut.
- iii. Topik kajian berhubung cabaran dan masalah berhubung pengurusan dakwah di Melaka adalah sesuatu yang menarik untuk dikaji. Ini disebabkan di Melaka terdapat institusi dakwah yang memainkan peranan yang besar dalam menjayakan misi Melaka Maju pada 2010 khususnya Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka berhubung pembangunan Islam di Melaka.

1.6.2 Rekabentuk Penyelidikan.

Secara mudahnya kajian ini berbentuk deskriptif iaitu kajian yang bertujuan menghuraikan sifat-sifat atau pun ciri-ciri tentang sesuatu keadaan pada waktu tertentu.²⁷ Ia juga dijalankan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.²⁸

Bagi memantapkan kajian ini, pengkaji membina landasan kajian ini dari sudut teori yang menyentuh sorotan kajian literatur. Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengumpul bahan menerusi kajian-kajian lepas berhubung tajuk kajian ini yang relevan untuk pembinaan landasan kajian ini berhubung definisi dan konsep negeri maju. Dibincangkan juga tentang kriteria negeri maju merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik. Perbincangan seterusnya ialah berhubung pengurusan dakwah meliputi definisi dan konsep. Lanjutan daripada itu, dibincangkan juga berkaitan negeri maju merujuk kepada negeri Melaka yang sudah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju. Antara topik-topik yang akan dibincangkan tentang kajian perpustakaan ini, ialah topik berkaitan dakwah, sejarah Melaka meliputi pembukaannya dan kedatangan Islam, institusi dakwah yang terdapat di Melaka serta program-program dakwah yang telah dijalankan dan akan dilaksanakan. Dalam perbincangan berhubung perkara tersebut, pengkaji menggunakan kajian perpustakaan sepenuhnya.

²⁷ J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan Penggunaannya Dalam Pemasaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 30

²⁸ Sidek Mohd. Noah, *op.cit.* h. 30

Seterusnya, untuk kajian lapangan pula yang berperanan untuk mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan borang soal selidik yang dirangka sendiri.²⁹ Butiran yang dinyatakan dalam borang soal selidik ini berperanan untuk mengkaji objektif kajian yang telah dinyatakan pada awal bab ini.

Bertitik tolak daripada itu, pengkaji akan membuat temu bual terhadap informan yang terpilih untuk menjawab setiap persoalan kajian yang telah ditentukan. Bahagian ini merupakan bahagian terpenting dalam kajian ini memandangkan, ia akan membincangkan tentang dapatan kajian yang terhasil dari objektif kajian ini. Pengkaji akan menggunakan kaedah kuantitatif merujuk penggunaan *Skala Likert* untuk mengenalpasti cabaran dan masalah yang dihadapi oleh institusi dakwah dalam menjalankan kerja-kerja dakwah di negeri maju dengan merujuk kepada negeri Melaka.

Berhubung pembinaan soalan di dalam soal selidik kajian ini, pengkaji telah merujuk tiga orang penilai luar berhubung soalan yang dikemukakan menerusi kepakaran mereka bagi tujuan untuk kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan. Ia juga bertujuan sebagai untuk ketekalan (*reliability*) menguji soalan tersebut. Berikut adalah beberapa penilai luar yang bertindak sebagai penilai soalan kajian ini.

a. Dr. Shahrul Anuar b. Mohamed.³⁰

b. Dr. Zulkefli b. Hj. Aini.³¹

²⁹ Dalam perkara ini, pengkaji merujuk kembali soalan soal selidik sarjana usuluddin yang pengkaji gunakan dahulu. Rujuk Mohamad Nazli b. Omar (2003) "Pengurusan Dakwah Di Negeri Sembilan : Kajian Di Pusat Dakwah Islamiah Paroi" (Disertasi Sarjana Usuluddin). Namun seiring dengan perubahan dari aspek objektif, kepentingan, skop dan limitasi kajian, beberapa penambahbaikan telah dilakukan.

³⁰ Ketua Jabatan Pengajian Islam dan Kemanusiaan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Lulusan doktor falsafah (dakwah) dari Universiti Malaya. temubual pada 10 Februari 2012.

³¹ Pensyarah Kanan di Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Lulusan doktor falsafah (akidah dan pemikiran) Islam dari Universiti Malaya. temubual pada 18 Februari 2012

c. Dr. Syahrul Ahmar b. Ahmad.³²

Penilai-penilai ini mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing yang membolehkan mereka memberikan pandangan berhubung soalan kajian yang telah dirangka. Komen serta pandangan mereka akan memastikan ketekalan soalan ini dapat diperkukuhkan.

Hasil daripada teguran dan komen yang diberikan, pengkaji telah melakukan penambahbaikan untuk tujuan pemantapan kajian ini. Lanjutan daripada itu, pengkaji telah melakukan pra-kajian kepada lapan orang informan untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini melalui institusi terbabit.³³ Mereka terdiri daripada,

- a. Ustaz Md. Khairulzaki b. Misbah³⁴
- b. Ustaz Hj. Rahimin b. Bani³⁵
- c. Ustaz Hj. Abd. Halim b. Tawil³⁶
- d. Ustaz Hj. Mohd. Nazri b. Abd. Majid³⁷
- e. En. Fadzal Adly b. Jaafar.³⁸
- f. Tn. Hj. Abd. Aziz b. Omar.³⁹
- g. Pn. Ruqiyah bt. Sungip.⁴⁰

³² Pensyarah Kanan di Universiti Teknologi MARA (Johor). Lulusan doktor falsafah (urus tadbir korporat dan statistik), Universiti Edith Cowan, Australia. Temubual pada 24 Februari.2012

³³ Pra kajian adalah satu kajian berskala kecil yang tentative bertujuan untuk membuat ujian awal dan mengubahsuai reka bentuk kajian atau prosedur kajian. Hasilnya akan memperelokkan lagi perancangan dan metodologi kajian sebenar. Rujuk Sabitha Marican, *op.cit.* h. 28

³⁴ Penolong Pengarah (Unit Takmir), Bahagian Pengurusan Masjid, JAIM. temubual pada 7 Mac 2012

³⁵ Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasaan), JAIM. temubual pada 13 Mac 2012

³⁶ Ketua Penolong Pengarah (Dakwah), JAIM dan bekas Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka. temubual pada 14 Mac 2012

³⁷ Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Melaka. temubual pada 15 Mac 2012

³⁸ Yang Di Pertua ABIM, Melaka. temubual pada 20 Mac 2012

³⁹ Yang Di Pertua, JIM/IKRAM, Melaka, temubual pada 22 Mac 2012

⁴⁰ Setiausaha Kerja PERKIM, Melaka. temubual pada 26 Mac 2012

h. Ust. Norazmi Ishak.⁴¹

Berdasarkan hasil pra-ujian ini, pengkaji dapat mengenalpasti tentang beberapa kelemahan dan kekurangan soalan dalam kaji selidik ini. Antara kelemahan yang ketara berhubung penggunaan bahasa yang dilihat agak tinggi larasnya. Persampelan khuatir jika responden tidak memahami serta tidak dapat menjawab dengan tepat berdasarkan kehendak soalan. Hasil dari komen dan pandangan tersebut, pengkaji telah memperbaiki soalan seiring dengan cadangan persampelan dan terbentuknya soalan kajian ini.⁴²

1.6.3 Subjek Kajian

Perbincangan berhubung subjek kajian selalunya akan membincangkan tentang populasi dan persampelan kajian. Populasi ialah satu agregat elemen yang telah diperincikan secara teori dan merangkumi kesemua untuk dikaji.⁴³ Persampelan pula ialah sebahagian daripada populasi atau subset pada pada populasi.⁴⁴

Berhubung perkara di atas, pengkaji menggunakan persampelan kebarangkalian (*probability sampling*). Ia adalah satu teknik persampelan di mana setiap ahli dalam populasinya mempunyai peluang untuk dipilih sebagai responden dalam kajian. Dalam persampelan jenis ini, ia memerlukan sekumpulan responden diambil berdasarkan ciri-ciri tertentu bagi menggambarkan secara keseluruhan populasi yang hendak dikaji. Oleh yang demikian, populasi kajian ini ialah semua institusi dakwah di Melaka, manakala

⁴¹ Pembantu Hal Ehwal Islam, S22, Masjid al-Azim, Melaka. temubual pada 13 Mac 2012

⁴² Lihat lampiran berhubung soalan kajian ini.

⁴³ Sabitha Marican, *op.cit.* h. 118

⁴⁴ *Ibid.* h. 118

persampelan kajian ini disasarkan kepada lapan buah kesemuanya yang merangkumi institusi dakwah yang berpengaruh di Melaka.

Manakala subjek kajian atau responden pula terdiri daripada pihak pengurusan di dalam sesebuah institusi dakwah meliputi pengurusan atasan, pertengahan dan pengurusan bawahan di dalam sesebuah institusi dakwah. Antara institusi dakwah yang akan dijalankan kajian berhubung pengurusan dakwah di negeri maju merujuk di Melaka ialah,

- a. Majlis Agama Islam Melaka.
- b. Jabatan Agama Islam Melaka
- c. Jabatan Mufti Negeri Melaka
- d. Institusi Masjid (Masjid al-Azim, Melaka)
- e. Bahagian Rumahku Syurgaku, Jabatan Ketua Menteri Melaka
- f. PERKIM, Melaka
- g. Angkatan Belia Islam Malaysia, Melaka
- h. Jemaah Islah Malaysia Melaka atau IKRAM.

Seramai 120 orang pengurus yang meliputi pelbagai peringkat pengurusan akan dikaji dan mereka bertindak sebagai persampelan kajian ini.⁴⁵ Pemilihan dilakukan secara rawak (*random sampling*) dengan dikhususkan secara rawak berlapis.⁴⁶ Oleh itu, pengkaji memastikan setiap laras atau tingkat pengurusan dipilih sebagai responden berdasarkan bilangan anggota perkhidmatan di dalam sesebuah institusi tersebut.

⁴⁵ Perincian perkara ini dibincangkan dalam Bab 4.

⁴⁶ Rawak berlapis adalah kaedah yang digunakan apabila terdapat dua atau lebih cara untuk membuat klasifikasi data yang dipilih mengikut kadar tertentu bergantung kepada bilangan kes dalam kategori tersebut. Rujuk Sidek Noah, *op.cit.* h. 87

Seterusnya menerusi sesi temubual yang dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*).⁴⁷ Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menjalankan temubual untuk dapatan kajian ini berdasarkan informan-informan yang telah dipilih sesuai dengan jawatan dan kedudukan mereka dalam institusi dakwah tersebut bagi memperlengkapkan objektif kajian ini.

1.6.4 Penganalisaan Data

Data yang akan diperolehi akan dianalisa berdasarkan borang soal selidik yang akan diedarkan kepada responden. Pengkaji akan menggunakan demografi responden yang meliputi perkara-perkara asas di dalam mengenalpasti responden yang latar belakang, umur, pendidikan, jantina dan posisi mereka dalam institusi dakwah berkenaan.

Penganalisaan berdasarkan *Skala Likert* yang akan digunakan dalam mengenalpasti masalah dan cabaran pula, pengkaji akan menggunakan perisian *SPSS (Statistical Purpose For Social Sciences) Version 16*. Dalam borang soal selidik yang diedarkan, pengkaji akan membahagikan kepada empat bahagian. Pembinaan soalan di dalam borang soal selidik ini adalah dibangunkan sendiri oleh pengkaji berdasarkan kajian dan penulisan ilmiah terdahulu. Ia merangkumi beberapa perkara utama dalam kajian ini iaitu :-

- a. Bahagian 1. Ia menyentuh tentang demografi responden
- b. Bahagian 2. Ia menyentuh tentang realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju
- c. Bahagian 3. Ia menyentuh tentang cabaran pengurusan dakwah di negeri maju
- d. Bahagian 4. Ia menyentuh tentang masalah pengurusan dakwah di negeri maju.

⁴⁷ Ia merupakan salah satu jenis persampelan bukan kebarangkalian dengan memilih sesuatu sampel dari satu populasi mengikut tujuan kajian. Dalam kaedah ini, penyelidik perlu menggunakan pertimbangannya sendiri untuk memilih informan yang paling sesuai dengan tujuan kajiannya. Rujuk Sabitha Marican (2005) *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya : Pearson Prentice Hall. h. 105

Perincian soalan tersebut adalah seperti berikut :-

Jadual 1.1 Klasifikasi Borang Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Jumlah Soalan
Bahagian A	Demografi Responden	5 soalan
Bahagian B	Realiti Melaka Sebagai Negeri Maju	30 soalan
Bahagian C	Cabaran Pengurusan Dakwah	25 soalan
Bahagian D	Masalah Pengurusan Dakwah	25 soalan

Sumber : Borang Soal Selidik

Dengan pembahagian ini, ia memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian seiring dengan objektif kajian yang tertumpu kepada tiga perkara utama dalam kajian ini merangkumi realiti Melaka sebagai negeri maju, cabaran dan masalah pengurusan dakwah.

Bagi memperincikan penganalisan data kajian ini, pengkaji membahagikan ia kepada tiga langkah.⁴⁸ Pada langkah pertama ialah mengenalpasti pembolehubah yang dikaji. Ini adalah kerana keberkesanan analisa berstatistik yang akan digunakan akan bergantung kepada jenis pembolehubah. Oleh itu, dalam peringkat ini, pengkaji akan mengemukakan data berhubung demografi responden yang meliputi jantina, umur, tahap pendidikan, peringkat pengurusan dan institusi dakwah yang diwakili.

Untuk langkah kedua, ia membabitkan penyusunan data. Data-data khususnya yang diperolehi daripada lapangan perlu disusun mengikut objektif kajian. Pada langkah ini, pengkaji akan mengemukakan data-data yang diperolehi melalui borang soal selidik dan menyusun data tersebut mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan.

⁴⁸ Mohd. Majid Konting (2005), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 314-315

Langkah ketiga pula ialah penggunaan statistik yang sesuai untuk memerihalkan data. Dalam langkah ini, pengkaji akan menggunakan statistik perihalan atau statistik deskriptif memandangkan, pengkaji mengukur data kajian ini dengan menggunakan *Skala Likert*. Menerusi penggunaan skala ini, pengkaji akan mengemukakan min dan sisihan piawai bagi menguji item yang dikaji. Dalam soal selidik yang dijalankan, pengkaji menggunakan 5 skala bagi mengukur tahap berkaitan item yang dikaji. 5 skala tersebut ialah,

- (1). Sangat tidak setuju
- (2). Tidak setuju
- (3). Tidak pasti
- (4). Setuju
- (5). Sangat setuju.

Seterusnya, pengkaji akan menjana data yang diperolehi ini dengan menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan min dan sisihan piawai berdasarkan item-item yang dikaji. Contohnya jika min yang diperolehi berada dalam jujukan 4, ia membawa maksud bahawa responden bersetuju tentang sesuatu item yang dikemukakan. Seterusnya pengkaji akan membincangkan dapatan kajian tersebut berdasarkan data yang diperolehi menerusi penggunaan statistik perihalan.

Bagi memperkukuhkan dapatan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temubual yang dijalankan. Pengkaji akan mengemukakan beberapa soalan yang mencakupi objektif

kajian. Hasil dari jawapan yang diberikan oleh informan akan mengukuhkan lagi dapatan kajian yang diperolehi menerusi soal selidik yang dijalankan.⁴⁹

1.6.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merujuk alatan dan bahan-bahan kajian yang akan membantu pengkaji dalam menghasilkan kajian yang baik. Dalam situasi ini, pengkaji membahagikan ia kepada dua data yang merujuk instrumen kajian ini.

Untuk data yang pertama dikenali sebagai data primer (utama). Dalam kajian ini, data primer ialah borang soal selidik yang akan digunakan sepenuhnya sebagai alatan untuk mendapat data utama. Ertinya data yang dikutip dalam borang selidik yang diedar adalah sumber utama bagi objektif kajian ini. Pengkaji akan bergantung sepenuhnya kepada data dan dapatan yang diperolehi menerusi borang soal selidik berkenaan.

Bagi data sekunder (data sampingan), pengkaji akan menggunakan soal selidik melalui temubual yang dijalankan ke atas beberapa individu yang terpilih dengan mewakili beberapa institusi dakwah di negeri Melaka. Melalui jawapan dan kenyataan yang dapat diperolehi melalui temubual tersebut dilihat dapat membantu pengkaji untuk memperkukuhkan dapatan kajian ini.

⁴⁹ Untuk soalan temubual sila rujuk Lampiran J

1.6.6 Skop Dan Limitasi Kajian

Skop kajian tertumpu kepada pengurusan dakwah di negeri maju dengan merujuk kepada negeri Melaka yang sudah mencapai kemajuan pada tahun 2010. Lantaran itu skop kajian ini tertumpu kepada pengurusan dakwah yang berlaku selepas daripada tahun 2010 yang dilihat sebagai penanda aras kemajuan negeri Melaka ini. Skop seterusnya merangkumi pengurusan institusi-institusi dakwah di Melaka dengan meletakkan lapan buah institusi untuk dikaji. Ia tertumpu kepada perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan pengurusan dalam sesebuah institusi dakwah tersebut.

Pengkaji membahagikan skop kajian ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama menyentuh tentang Melaka sebagai sebuah negeri maju dengan bersandarkan kepada beberapa kriteria iaitu, ekonomi, politik, sosial, pentadbiran dan pembangunan Islam. Manakala bahagian kedua pula ialah skop berkaitan cabaran dan pengurusan dakwah dalam sebuah negeri maju. Skop kajian ini dilihat akan membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini dengan berkesan.

Manakala limitasi kajian pula, pengkaji membataskan kajian ini kepada cabaran yang dihadapi oleh pengurusan dakwah yang dihadapi oleh setiap institusi dakwah di negeri Melaka berdasarkan beberapa cabaran yang telah dikenalpasti. Pengkaji membataskan kajian ini kepada beberapa institusi dan organisasi dakwah yang berpotensi dan berpengaruh di negeri ini untuk dijadikan sampel kajian. Manakala dari sudut masalah pula pengkaji akan membataskan kajian ini kepada masalah yang berlegar kepada pengurusan dakwah berdasarkan masalah-masalah pengurusan yang lazimnya dialami oleh

sesebuah institusi atau organisasi sama ada masalah tersebut berbentuk dalaman atau luaran.

1.7 Rangka Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat beberapa rangka kajian bagi memudahkan kajian ini dijalankan berdasarkan masa dan jadual yang telah dirancang. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah meletakkan lima buah bab yang akan disediakan bagi memenuhi keperluan kajian ini. Berikut adalah rangka kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi memudahkan kajian ini dijalankan.

Dalam bab satu, pengkaji meletakkan pengenalan kajian ini dengan membincangkan secara terperinci perihal permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kajian lepas atau kajian literatur. Selain itu dibincangkan juga berkaitan metodologi kajian merangkumi rekabentuk kajian, instrumen kajian, skop dan limitasi kajian, metodologi pengumpulan dan penganalisan data. Melalui bab ini ia membantu pengkaji untuk memastikan kajian ini dijalankan dengan sistematik.

Pada bab kedua, pengkaji akan membincangkan landasan dan kerangka kajian ini yang telah dibina dalam kajian lepas. Antara topik yang dibincangkan berhubung definisi dakwah, pengurusan, pengurusan dakwah selain konsep negeri maju. Juga dibincangkan berhubung status negeri maju beserta kriteria yang digariskan sama ada dari pandangan Barat dan Islam. Perincian seterusnya ialah dibincangkan juga tentang cabaran dan masalah terhadap pengurusan dakwah dalam konteks negeri maju seiring dengan sorotan yang dijalankan pada kajian-kajian lepas.

Pada bab ketiga, pengkaji menyambung lagi landasan kajian ini dengan memfokuskan negeri Melaka sebagai lokasi kajian yang dikaji. Perkara-perkara yang dibincangkan merangkumi Islam di Melaka dari aspek kedatangan Islam ke Melaka serta peranan sebagai pusat penyebaran Islam yang terkenal dari perspektif sejarah. Kemudian dibincangkan juga tentang status Melaka sebagai sebuah negeri maju menerusi statistik yang dikeluarkan. Dibincangkan juga beberapa institusi dakwah yang terpilih dan berpotensi besar dalam penyebaran dakwah di Melaka. Antaranya ialah Majlis Agama Islam Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka, Jabatan Mufti Negeri Melaka dan institusi masjid menerusi Masjid Al-Azim yang mewakili badan kerajaan. Manakala institusi dakwah dalam kelompok badan bukan kerajaan (NGO) ialah Angkatan Belia Islam Melaka, Jemaah Islah Melaka atau IKRAM dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, Melaka (PERKIM).

Dalam bab keempat, penganalisan dan laporan kajian dilakukan. Dalam bab ini pengkaji akan menganalisa dapatan kajian yang diperolehi menerusi borang analisa dengan merujuk objektif kajian yang telah diletakkan dalam bab satu yang lalu. Dapatan kajian itu akan diukur menerusi kaedah *Skala Likert* yang terpakai dalam metodologi penyelidikan dalam laras sains sosial. Selain itu ia diperkukuhkan dengan informasi yang diperolehi dari sesi temubual untuk memperkukuhkan lagi objektif kajian.

Dalam bab kelima adalah penutup kajian ini dengan perbincangan tertumpu kepada rumusan dan cadangan kajian. Rumusan yang dibuat adalah berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi, manakala cadangan kajian ini akan dibincangkan selaras dengan kepentingan kajian yang telah dibincangkan dalam bab satu yang lalu.

1.8 Kesimpulan

Secara dasarnya kajian ini mampu dilakukan dengan sistematik dan terancang berasaskan kepada kaedah penyelidikan dan metodologi yang sesuai. Tajuk berhubung dengan pengurusan dakwah di negeri maju ini sebenarnya menarik untuk dikaji memandangkan kajian ini tertumpu kepada pembolehubah bersandar dengan merujuk kepada cabaran dan masalahnya dalam merealisasikan dakwah itu dapat dikembangkan dengan jayanya di sebuah negeri maju. Harapan diletakkan agar kajian ini dapat memberi maklumat yang baik kepada pengkaji seterusnya untuk membuat kajian seterusnya berhubung pengurusan dakwah di negeri maju.

BAB DUA

PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MAJU

2.1 Pengenalan.

Dakwah Islamiah merupakan satu bentuk ajakan atau seruan ke arah penerimaan dan penghayatan ajaran-ajaran dan nilai-nilai murni di dalam agama Islam. Kejayaan seruan dan ajakan ini hanya akan dapat dicapai melalui usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan dengan jayanya khususnya menerusi pengurusan dakwah yang sistematik dan tersusun. Aspek-aspek pengurusan dakwah yang merangkumi perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan merupakan elemen-elemen utama yang perlu difahami dan dilaksanakan oleh setiap pendakwah sama ada secara individu atau berorganisasi. Natijah daripada pengurusan dakwah yang baik dan terancang akan menghasilkan kejayaan dalam usaha-usaha dakwah berkenaan.

Kekangan dan hambatan dalam menjalankan kegiatan dakwah ini dilihat semakin mencabar jika usaha-usaha ini dijalankan dalam konteks negeri maju. Kemajuan sesebuah negeri itu dengan merujuk kepada kemajuan ekonomi, politik (pentadbiran) dan sosial lazimnya akan memberikan impak yang besar dalam usaha-usaha dakwah yang dijalankan. Ini kerana penyebaran dakwah yang diuruskan dan dijalankan dengan sistematik dengan melibatkan komponen pengurusan akan mempengaruhi kepada keberkesanan dakwah tersebut usaha-usaha dakwah tersebut. Perlu ditegaskan bahawa setiap halangan dan masalah dalam menjalankan kerja-kerja dakwah merupakan cabaran yang perlu ditempuhi oleh setiap pendakwah sama ada secara individu mahu pun berkumpulan. Justeru itu,

pengurusan dakwah yang baik merupakan kekuatan utama dalam merealisasikan misi dan visi dakwah yang telah dimatlamatkan.

2.2 Definisi Dan Konsep.

Dalam memperkemaskan kajian ini, perlu dibincangkan terlebih dahulu berhubung beberapa perkara asas yang membincangkan tentang definisi dan konsep dalam kajian ini bagi memudahkan perbincangan ini dilakukan. Terlebih dahulu wajar dibincangkan tentang beberapa perkara pokok khususnya yang melibatkan definisi dan konsep. Berikut adalah beberapa definisi utama yang menjadi pokok kajian ini.

2.2.1 Pengurusan.

Dalam meneliti sesuatu perkara, perlu difahami dengan jelas dan terperinci tentang pengertian seterusnya konsep sesuatu perkara tersebut. Dalam membicarakan perkara di atas berhubung pengurusan dakwah, perlu dijelaskan tentang definisi pengurusan dakwah.

Sebelum kita membincangkan tentang definisi pengurusan dakwah, semestinya perlu diteliti terlebih dahulu tentang pengertian pengurusan secara umum bagi menjelaskan asas kajian ini dan konsepnya yang diamalkan. Pengurusan diertikan sebagai satu proses yang melibatkan perancangan, penyusunan, pengarahan dan kawalan.¹ Pada peringkat perancangan, perkara-perkara yang dititikberatkan ialah soal-soal penetapan matlamat dan objektif, pembentukan strategi dan dasar. Proses penyusunan pula melibatkan aktiviti-aktiviti menstruktur hierarki pengurusan dan fungsi, penyelarasan melalui peraturan, dasar

¹ Juhary Ali dan Ishak Ismail (2004), *Prinsip Dan Amalan Pengurusan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 8

dan tatacara yang telah ditetapkan dan juga pengurusan kakitangan. Proses pengarahannya pula merangkumi aspek-aspek kepimpinan dan motivasi pekerja yang dianggap penting oleh pihak pengurusan untuk menjamin kecekapan dan keberkesanan organisasi. Manakala pada peringkat pengawalan ia memerlukan pihak pengurusan mengawasi pelaksanaan ketiga-tiga proses tersebut dan mengambil tindakan-tindakan tertentu supaya matlamat organisasi tercapai.²

Pengurusan juga diertikan apabila seseorang pengurus perlu mewujudkan perancangan jangka masa panjang yang menggariskan halatuju operasi sesebuah organisasi, menyusun para pekerjanya untuk menjalankan tugas dengan efisien, mengagih, mengawal, merangsang motivasi dan tugas kepada semua pekerja dibawahnya agar objektif dan matlamat organisasi boleh dicapai.³

Pengurusan juga diertikan itu sebagai proses merancang, menyusun (mengorganisasi), memimpin dan mengawal gerak kerja ahli-ahli organisasi serta menggunakan sumber organisasi untuk mencapai matlamat-matlamat organisasi yang telah ditetapkan.⁴

Secara mudahnya, pengurusan bolehlah dikatakan mempunyai beberapa proses atau tingkatan bagi mencapai matlamat organisasi yang telah ditetapkan. Antaranya :-

- i. Merancang iaitu pengurus perlu memikirkan terlebih dahulu tentang matlamat dan tindakan mereka. Tindakan mereka selalunya digerakkan berdasarkan sesuatu kaedah, atau logik dan bukannya firasat.

² *Ibid.* h. 8

³ R.G Anderson (1983), *A Dictionary Of Management Terms*, Plymouth : Mac Donald and Evans. h. 70

⁴ James. A.F. Stoner & Charles Wankel (1986), *Management*, 3rd. Edition. New Jersey : Prentice Hall Inc. h. 4

- ii. Mengorganisasi iaitu para pengurus menyelaraskan sumber-sumber tenaga manusia dan bahan organisasi. Keberkesanan sesebuah organisasi itu bergantung kepada kepercayaannya menentukan penggunaan segala sumber ini bagi mencapai matlamatnya. Sesebuah organisasi itu bergantung kepada keupayaannya menentukan penggunaan segala sumber ini bagi mencapai matlamatnya. Sesebuah organisasi akan menjadi efektif dan maju jika kerja-kerjanya lebih sepadu dan selaras. Sebahagian daripada tugas seseorang pengurus ialah meningkatkan keselarasan ini.
- iii. Memimpin. Ia adalah huraian bagaimana para pengurus mengarah dan mempengaruhi para subordinat (orang bawah) bertindak dengan tugas-tugas yang perlu. Dengan mewujudkan subordinat, ia akan memberikan khidmat yang sebaik-baiknya.
- iv. Mengawal. Ia merujuk kepada pengurus berusaha memastikan bahawa organisasi bergerak ke arah matlamatnya. Sekiranya sebahagian daripada organisasi bergerak mengikut arah yang salah, para pengurus akan mencari sebab dan membetulkannya.⁵

Bagi Musa Ahmad⁶ berpendapat bahawa pengurusan ialah satu proses bekerja dengan tekun melalui individu-individu untuk mencapai objektif organisasi di dalam pertukaran atau perubahan alam persekitaran.

Dalam pengertian yang lebih komprehensif, pengurusan diertikan satu proses mengagihkan input-input organisasi iaitu merangkumi sumber ekonomi dan kakitangan

⁵ Ab. Mumin Ab. Ghani (2006), Sistem Pengurusan Islam : Tinjauan Menyeluruh Dari Aspek Konsep dalam Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadilah Mansor , *Dimensi Pengurusan Islam ; Mengurus Kerja Dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 2

⁶ Musa Ahmad (1994) "Pentadbiran Dan Pengurusan Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Tasawwur Islam*. Jil. 1 h. 73

dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan untuk tujuan mengeluarkan output berupa barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan supaya objektif sesebuah organisasi tercapai.⁷

Pengurusan juga diertikan sebagai kerja-kerja penyelarasan aktiviti dan gerak kerja supaya dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan berdasarkan orang lain atau melaluinya.⁸

Hasil daripada pengertian yang dikemukakan, dapatlah dikatakan bahawa pengurusan merujuk kepada suatu proses memperoleh dan menggunakan sumber input organisasi daripada sumber kewangan, sumber manusia dan sumber-sumber yang lain dengan cara yang cekap dan teratur untuk mencapai matlamat atau objektif sesebuah organisasi dalam mengeluarkan sesuatu barang atau perkhidmatan untuk kegunaan masyarakat. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa pengurusan disimpulkan dengan ciri-ciri berikut iaitu :-

- a. Satu proses melaksanakan sesuatu melalui orang lain (*management is a process of getting things done through people*).
- b. Proses merancang dan memelihara persekitaran apabila individu sama-sama bekerja dalam satu kumpulan bagi mencapai matlamat yang dikehendaki.
- c. Kemampuan untuk memperoleh sesuatu hasil dalam rangka pencapaian tujuan melalui aktiviti-aktiviti orang lain.⁹

⁷ Jaafar Muhammad (2000), *Asas Pengurusan*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti : 1

⁸ Stephens P. Robbins & Mary Coutler (2005), *Management*. Boston : Mc Graw Hill. h. 7

⁹ Ab. Mumin Ab. Ghani, *op.cit* h. 3

Menerusi pengertian yang dikemukakan di atas, ia memberi gambaran bahawa skop dan perbincangan tentang pengurusan ini merangkumi pelbagai dimensi yang menjurus kepada perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan yang berperanan dalam membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya.

Sejajar dengan topik kajian ini yang tertumpu kepada pengurusan dakwah sebagai teras utama, pengkaji berpendapat agar perbincangan definisi pengurusan ini dikembangkan dari perspektif Islam, memandangkan dengan usaha-usaha dakwah yang dilakukan, Islam tersebar di seluruh dunia. Ini kerana pengurusan Islam lebih merujuk kepada teori dan asas pengurusan dakwah. Manakala pengurusan dakwah pula lebih tertumpu kepada amali dan pelaksanaan pengurusan Islam itu sendiri.

Pengurusan dalam bahasa ‘Arab berasal daripada kalimah *dabbara*, *yudabbir*.¹⁰ Ia bererti kesan yang timbul atas sesuatu perkara yang dilakukan.¹¹ Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menggunakan kalimah *dabbara* ini sama ada dengan menggunakan kalimah *yudabbir al-amr* atau *al-tadbir*. Firman Allah

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يُدِيرُ
الْأَمْرَ مَا مِنْ شَفِيعٍ إِلَّا مِنْ بَعْدِ إِذْنِهِ ۗ ذَٰلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya : *Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, Kemudian dia bersemayam di atas 'Arsy untuk mengatur segala urusan. tiada seorang pun yang akan memberi syafa'at kecuali sesudah ada izin-Nya. (Dzat) yang demikian Itulah Allah, Tuhan kamu, Maka sembahlah Dia. Maka apakah kamu tidak mengambil pelajaran? (Surah Yunus (10) : 3)*

¹⁰ *Ibid.* h. 6

¹¹ Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn. Mukarram ibn., (1992), *Lisān al-'Arab*, Beirut : Dār al-Ṣadir. h. 11

Dalam ayat ini, perkataan *yudabbir al-amr* membawa erti mengatur segala urusan. Ia bertepatan dengan definisi yang telah dikemukakan di atas. Firman Allah lagi dalam al-Quran merujuk kalimah *dabbara* ini ialah.

اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ
كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى يُدَبِّرُ الْأَمْرَ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ

Maksudnya : Allah-lah yang meninggikan langit tanpa tiang (sebagaimana) yang kamu lihat, Kemudian dia bersemayam di atas 'Arasy, dan menundukkan matahari dan bulan. masing-masing beredar hingga waktu yang ditentukan. Allah mengatur urusan (makhluk-Nya), menjelaskan tanda-tanda (kebesaran-Nya), supaya kamu meyakini pertemuan (mu) dengan Tuhanmu. (Surah al-Ra'd (13) : 2)

Menurut ulama' *mufasssirm* yang membincangkan tentang kalimah *yudabbir al-amr* ini, mereka berhujah dengan mengatakan bahawa pengurusan merujuk kepada keputusan akhir sesuatu perkara yang dilakukan serta akibat dan kesan yang baik terhadap sesuatu urusan tersebut.¹² Ertinya setiap kejadian alam ini yang ditadbir dan diuruskan oleh Allah memberi kemanfaatan yang berguna buat manusia dan makhluk yang lain di dunia ini. Tambahan pula konsep asas pengurusan Islam diasaskan kepada objektif asal kejadian manusia iaitu konsep pengabdian (*al-ta'abbud*) kepada Allah sebagai Pencipta yang memiliki, menguasai, mentadbir dan menguruskan alam ini.¹³

Pengurusan Islam bermaksud kemampuan seseorang individu atau sesebuah organisasi menggunakan sumber material atau kebendaan dan kemanusiaan yang diberikan

¹² Syaūkāni, Muḥammad b. 'Alī b. Muḥammad (1995), *Fath al-Qadīr*. Beirut : Dār al-Ma'rifah h. 529. Sila lihat Mahmūd Shaltūt (1979), *Tawjīhāt Islām*. Kāherah : Dār al-Kitāb al-'Arabī. h. 109, yang menerangkan bahawa kewujudan makhluk dan kejadiannya mengikut ketentuan dan kehendak penciptanya yang mana ia mempunyai peraturan peredaran dan perjalanannya.

¹³ Zaydān, 'Abd. Karīm (1991), *al-Madkhal lī al-Dirāsah al-Syar'īyah al-Islāmīyah*. Beirut : Mūassasah al-Risālah. h. 7

oleh Allah bagi mewujudkan dan menghasilkan sesuatu hasil dan perkhidmatan yang diperlukan.¹⁴

Pengurusan dalam Islam adalah kemampuan menggunakan sumber alam sama ada yang berbentuk kebendaan atau kemanusiaan yang dikurniakan oleh Allah.¹⁵ Jika diaplikasikan dalam pengurusan sesebuah organisasi Islam, ia mempunyai pengarah dan kakitangannya yang mana mereka akan memperbetulkan antara satu sama lain bagi kedua-dua pihak yang mana sekiranya ia tidak dapat diikuti maka matlamat pengurusan tidak akan tercapai.¹⁶

Pengurusan dari perspektif Islam juga merujuk bahawa ia adalah sebahagian daripada misi kebaktian kepada manusia dan pengabdian kepada Allah.¹⁷ Dengan erti kata lain, ia ia harus dapat memenuhi tuntutan dua pihak iaitu keperluan manusia dan keredhaan Allah. Dalam konteks ini, pengurusan yang sebenar perlu melalui dua peringkat iaitu hubungan dengan Allah sebagai Pencipta dan hubungan sesama manusia yang menjurus kepada *ḥabl min al-nās*.

Seterusnya pengurusan Islam juga didefinisikan sebagai tanggungjawab yang menuntut untuk memelihara agama dengan merujuk peranan khalifah dan matlamat *iṣlah*. Antara definisi yang diberikan dengan merujuk gambaran awalan di atas bahawa, pengurusan Islam adalah ;-

¹⁴ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking : A Survey of Contemporary Literature*. United Kingdom : The Islamic Foundation. h. 12. Jika dinilai semula, pengurusan Islam menuntut agar amalannya adalah untuk kebaikan (al-masalih) dengan bertepatan kepada objektif syariat (maqasid syariah) iaitu untuk menghasilkan kebaikan kepada manusia dengan melakukan usaha-usaha yang boleh memberikan kemanfaatan dan menghalang kerosakan. Lihat 'Abd. Karim Zaydan, op.cit. h. 171

¹⁵ Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991), *Pengurusan dalam Islam* (terj. Abd. Rashid Ngah dan Jusoh Kadir). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 5

¹⁶ Dḥahayān, Abd. al-Rahmān (1986), *al-Idārah fī al-Islām*. Beirut : Dār al-Syurūq. h. 19

¹⁷ Siddiq Fadzil, et.al (2005) *Pengurusan Dalam Islam Menghayati Prinsip Dan Nilai Murni*. Kuala Lumpur : Akademi Pengurusan YPEIM. h. 7

- a. Usaha-usaha yang dilakukan oleh manusia dengan tujuan untuk memelihara agamanya (Islam) dan mengendalikan urusan-urusan keduniaan mereka berdasarkan agama (*hirāsah al-dīn wa dunyā bih*).
- b. Perlakuan-perlakuan atau tindakan manusia yang menggambarkan peranannya sebagai khalifah di muka bumi yang melakukan usaha-usaha untuk memakmurkannya.
- c. Pelaksanaan sesuatu tindakan atau aktiviti-aktiviti manusia yang membawa kepada *al-iṣlah* (kebaikan) serta menghindarkan diri mereka dari *al-fasad* (kerusakan).¹⁸

Ada juga yang berpandangan bahawa pengurusan Islam merupakan aktiviti atau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pemimpin atau pengurus beserta orang-orang di bawahnya dengan menggunakan sumber-sumber dan cara-cara yang tidak bertentangan dengan syariat Islam, yang mana penyusunan tersebut matlamatnya untuk mendapatkan kesejahteraan beragama (Islam), kemajuan dan keharmonian hidup.¹⁹

Kesimpulan yang dapat diberikan bahawa, definisi yang dikemukakan oleh sarjana Barat berhubung pengurusan adalah dengan bersandarkan kepada beberapa langkah dan cara dengan memberi tumpuan kepada perancangan, pengorganisasian, kawalan dan kepimpinan. Manakala dari sudut Islam pula, pengurusan merupakan satu amalan yang menuntut umatnya untuk melakukan sesuatu perkara dengan berpaksikan syariat sejajar dengan tuntutan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Cuma kekuatan yang dimiliki dalam pengurusan Islam ialah setiap usaha dan amalan yang dilakukan itu dipandu melalui al-

¹⁸ Fattah, Muḥammad Sa'īd 'Abd. al-, (1981), *al-Idārah al-'Āmmah*. Qāhirah : Dār al-Misriyah al-Ḥadīthah. h. 2-4

¹⁹ Asmadi Mohamed Naim (2003), *Maqasid Syariah Dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia. h. 43

Quran dan al-Sunnah melalui amalannya yang merangkumi perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan.

2.2.2 Dakwah.

Perkara pokok yang perlu diberi penekanan dalam pengajian dakwah ialah definisi di mana melaluinya kita akan dapat mengetahui maksud dakwah Islamiah dan daripada konsepnya pula kita akan mengetahui ciri-ciri dan kriteria dakwah Islamiah itu sendiri.

Seperti mana kita maklum bahawa perkataan dakwah berasal daripada kalimah ‘Arab yang merujuk kepada pengertian untuk memohon pertolongan, memberi panduan, mengajak serta mengarahkan atau menyuruh untuk melakukan ibadat.²⁰ Firman Allah

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ تَقُومَ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ بِأَمْرِهِ ۗ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ الْأَرْضِ إِذَا أَنْتُمْ
تَخْرُجُونَ

Maksudnya : *Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah berdirinya langit dan bumi dengan iradat-Nya. Kemudian apabila dia memanggil kamu sekali panggil dari bumi, seketika itu (juga) kamu keluar (dari kubur).* (Surah al-Rum (30) : 250)

Dakwah dimaksudkan sebagai memberangsang atau mengajak manusia untuk membuat kebaikan dan petunjuk Allah serta menyuruh membuat *makrūf* (kebaikan) dan melarang melakukan kemungkaran (kejahatan) supaya memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat.²¹

²⁰ Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn. Mukarram ibn., (1992), *Lisān al-‘Arab*, Beirut : Dār al-Sadīr. h. 257-261

²¹ ‘Alī Mahfūz (1958), *Hidāyah al-Mursyidīn ilā Ṭurūq al-Wa‘az wa al-Khiṭābah*. Qāhirah : al-Maṭba‘ah al-Uthmāniyah al-Miṣriyyah. h. 17

Dakwah juga diistilahkan sebagai ajak kepada seseorang untuk sesuatu tujuan dan bertujuan supaya seseorang itu melakukan tujuan ajakan tersebut.²² Selain itu apabila ajakan itu dilakukan ia beerti mengajak kepada berada pada satu perhimpunan atau kedudukan.²³ Dakwah juga merujuk kepada seruan kepada seseorang individu menerusi percakapan dan tingkah laku untuk menerima Islam sebagai cara hidup seharian.²⁴

Dakwah juga sebagai satu proses yang mengajak dan memimpin manusia ke jalan Allah oleh para pendakwah dengan tujuan akan memperolehi keredhaan Allah seterusnya membawa kesejahteraan kepada sasaran dakwah.²⁵

Wan Hussein Azmi²⁶ berpandangan dakwah diambil dari perkataan bahasa ‘Arab, ertinya dari segi bahasa ialah menyeru orang kepada sesuatu untuk memberangsangkan orang untuk mendapatkan sesuatu dengan berdasarkan firman Allah.

قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن
مِّنَ الْجَاهِلِينَ

Maksudnya : *Berkatalah dia (Nabi Yusuf), wahai Tuhanku, penjara itu lebih suka kepadaku dari apa yang mereka itu serukan kepadanya.* (Surah Yusuf (12) : 33)

Perkataan *da'ā* yang terkandung dalam firman Allah tersebut merujuk kepada maksud seruan. Bagi Abdullah Muhammad Zin²⁷ beliau memberi definisi dakwah Islamiah

²² Sohirin M. Solohin (2008) *Islamic Da'wah Theory and Practice*. Gombak : International Islamic University Press. h. 1

²³ Qahtānī, Sa'īd b. 'Alī b. Wahāb (200), *Fiqh al Da'wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī*, Vol. 2 Riyāḍh : al-‘Āmmah Lī Idārah al-Buḥūth al-‘Ilmiyyāh wa al-Ifā wa al-Da'wah wa al-Irshād. h. 2

²⁴ Wā'ī, Tāwfiq (1995), *al-Da'wah ilā Allāh : al-Risālah, al-Wasīlah wa al-Hadaḡ*. Qāhirah : Dār al-Yaqīn Lī al-Tawzi' wa al-Nashr. h. 15

²⁵ Mahmūd, 'Alī 'Abd. Al-Halīm (1992) *Fiqh al-Dakwah al-Farḡīyah*. t.tpt : Dār al-Wafā'. h. 25

²⁶ Wan Hussein Azmi Abdul Kadir (1984), *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 2

²⁷ Abdullah Muhammad Zin (1991) *Islamic Da'wah (Mission) ; The Definition, Conception & Foundation* 1st Edition. Kuala Lumpur : Pustaka Antara h. 1

dengan mengatakan perkataan *da'wah* (majmuk perkataan *da'awat*) merupakan kata nama yang diambil daripada kata kerja *da'a*. Ia merujuk kepada *du'ā* dan *da'wa* yang mana perkataan tersebut memberi maksud hasrat dan kembali kepada Allah. Beliau menambah *da'wah* bermaksud memohon bantuan atau pertolongan daripada Allah. Ini berdasarkan firman Allah,

فَإِذَا رَكِبُوا فِي الْفَلَكِ دَعَوْا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ فَلَمَّا نَجَّيْنَاهُمْ إِلَى الْبَرِّ إِذَا هُمْ يُشْرِكُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya : *Maka apabila mereka naik kapal mereka berdoa kepada Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya. Maka tatkala Allah menyelamatkan mereka sampai ke darat, tiba-tiba mereka (kembali) mempersekutukan (Allah).* (Surah al-Ankabut (29) : 65)

Dakwah dari segi bahasa juga diertikan sebagai tindakan atau amalan dan pengucapan kata-kata untuk menarik manusia kepada seruan Islam.²⁸ Dalam konteks dakwah yang lebih luas lagi, ia adalah usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada satu tahap yang sesuai dengan tahap semulajadi manusia ciptaan Allah swt. Ertinya perpindahan berasaskan kesedaran kepada kekufuran kepada keislaman, kejahatan kepada kebaikan, kesesatan kepada hidayah, negatif kepada positif dan perkara-perkara keburukan kepada kebaikan. Dakwah juga ialah usaha mengubah situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna, baik terhadap peribadi mahu pun masyarakat.²⁹

Ada yang berpandangan bahawa dakwah beerti satu proses pemindahan umat daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain merangkumi keadaan kekufuran kepada

²⁸ Ideris Endot (1988), *Tasawwur Dakwah Islamiah Di Malaysia (Satu Tinjauan Awal)*. Kuala Lumpur : al-Rahmaniah. h. 1

²⁹ Ab. Aziz Mohd. Zin, et.al (2006), *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 39

Islam, dari kesesatan kepada hidayah, kejahatan kepada kebaikan dan dari unsur-unsur negatif kepada keadaan positif.³⁰

Selain daripada itu, ia juga merupakan satu rancangan (pengurusan) yang meliputi segala bentuk ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia agar mereka memahami matlamat hidup mereka seterusnya supaya mereka memperolehi panduan dan pedoman kehidupan agar mereka terpimpin.³¹

Dalam *Mu'jam al-Wāsiṭ*, dikupas dalam bab Ilmu, ada menjelaskan bahawa dakwah dari sudut bahasa ialah tuntutan yang membawa maksud menuntut kepada sesuatu (*da'ā ilā syai*). Ia memberi erti ajakan untuk mencapai sesuatu matlamat seperti mengajak untuk berperang, mengajak untuk menunaikan solat, mengajak kepada agama dan ada yang berpendapat mengajak untuk mempercayainya untuk mengikutinya.³² Lantaran dari pengertian di atas, bolehlah kita fahami bahawa dakwah kepada Islam menuntut manusia untuk mengikutinya dan melaksanakan ajaran Islam tersebut.³³

Dakwah Islamiah ialah mengajak manusia untuk beriman kepada Allah dengan apa yang dibawa oleh rasul-rasulNya yang merangkumi rukun Islam dan rukun iman.³⁴ Selain itu, ia bukan sahaja sekadar mengajak manusia untuk menerima Islam tetapi perlu juga untuk menghayati dan mempraktikannya.³⁵

³⁰ Khullīy, Bahī al- (1983), *Tazkīrah al-Du'ah*. Beirut : Dār al-Qurān al-Karīm. h. 52

³¹ Ghazalī, Muḥammad al- (1965), *Ma'a Allah ; Dirāsah fī al-Da'wah wa al-Du'ah*. Qāhirah : Dār al-Kutub al-Ḥadīthah. h. 17

³² Anīs, Ibrāhīm & Munṭaşar, 'Abd. al-Ḥalīm (1972), *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, Jilid 2. Beirut : Dār Ihṭiyā al-Turath al-'Arabīy. h. 630

³³ Bayānūnī, Muḥd. 'Abd al-Fattah al- (1993), *al-Madkhal ilā 'Ilm al-Dakwah*. Beirut : Muassasah al-Risālah. h. 16

³⁴ Taimīyah, Ibn. (t.t) *Majmū' Fatāwā*. Riyādh : Tauzi' al-Riasah al-'Amāh lī Idārah al-Buḥūth al-'ilmīah wa al-Iftā' wa al-Dakwah wa al-Irsyād. h. 157

³⁵ Aḥmad, Muḥīd Khālīd (1995), *'Alaqah Baina al-Fiqh wa al-Dakwah*. Kuwait : Dār al-Bayān. h. 28

Bagi Sulaiman Ibrahim, dakwah bolehlah didefinisikan sebagai kebangkitan ulama' dan orang yang mempunyai kesedaran dalam agama dengan melaksanakan tugas mengajar orang ramai ilmu dan pengajaran yang boleh memajukan mereka di dunia dan akhirat. Seterusnya beliau menambah dakwah sebagai menggalakan manusia melakukan kebaikan, hidayah dan amar makruf , nahi mungkar agar mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Ia juga satu misi untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan atau kejahatan yang berlaku dan memberikan peringatan kepada mereka tentang perkara-perkara buruk yang dibimbangi mereka terjebak dalam kancahnya.³⁶

Bagi menjelaskan keadaan dakwah ini dengan lebih terperinci, sewajarnya kita meneliti pengertian dakwah Islamiah yang diketengahkan maksudnya oleh beberapa orang sarjana Islam. Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī³⁷ dakwah membawa pengertian sebagai satu cara atau usaha yang dilakukan untuk membawa setiap manusia kepada ajaran Islam supaya mendapat petunjuk ajarannya (Islam) di samping dapat menunaikan ketentuannya di muka bumi ini. Seterusnya ia membawa maksud untuk memperhambakan diri kepada Allah dalam keadaan memohon dan taat sepenuhnya kepadanya sahaja. Ia juga membawa maksud menjauhkan diri daripada cengkaman taghut dan kembali kepada ajaran Allah.

Bagi Aḥmad Aḥmad Ghalwash³⁸ berpendapat dakwah ialah satu risalah Allah di dunia dan agamanya untuk seluruh umat manusia. Ia dibawa kepada Nabi Muhammad saw oleh Jibril as dengan jaminan Allah bahawa ia akan dikawal dan dipelihara serta menjadikannya sebagai risalah terakhir bagi segala urusan samawiah yang diturunkan

³⁶ Sulaiman Ibrahim (1998), Metodologi Dakwah Terhadap Non-Muslim Dalam al-Quran al-Karim ; Sorotan Terhadap Manhaj Diskusi Dakwah Para Nabi dalam Abd. Ghafar Don, et.al (pnyt.) *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia : Konsep, Metode Dan Pengalaman*. Bangi : Jabatan Dakwah dan Kepimpinan. h. 2

³⁷ Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1978), *Thaqāfah al-Dā'iyah*. Beirut : Mūassasah al-Risālah. h. 5

³⁸ Ghalwash, Aḥmad Aḥmad (1979), *al-Da'wah al-Islāmiyyah Uṣūlūhā wa Wāsiluhā*. Qāhirah : Dār Kitāb al-Miṣrī .h. 9

terdahulu daripadanya yang mana ia meliputi untuk seluruh manusia di atas muka bumi pada setiap waktu.

Dakwah juga diertikan sebagai usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan yang tertentu untuk membawa manusia kepada keredhaan Allah.³⁹ Dakwah juga dimaksudkan sebagai mengajak orang lain untuk menyakini dan mengawal aqidah serta syariat Islam yang terlebih dahulu telah diyakini dan diamalkan oleh pendakwah itu sendiri.⁴⁰

Berdasarkan huraian yang dikemukakan, dapatlah kita simpulkan bahawa dakwah ini dapatlah dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu :-

- a. Dakwah yang dilakukan oleh para pengikut Muhammad terhadap seluruh umat manusia kepada agama yang baik, sejajar dengan tuntutan mereka sebagai umat yang terbaik.
- b. Dakwah yang dilakukan sesama kaum muslimin.
- c. Dakwah yang dilakukan antara individu muslim sama ada yang berada pada tahap khusus walaupun umum yang lebih dikenali dengan konsep *al-tawaṣī* (memberi peringatan).⁴¹

Sehubungan dengan itu, apa yang dapat difahami menerusi kupasan dan huraian yang berkaitan dengan dakwah dalam Islam merupakan satu bentuk seruan dan ajakan yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan manusia yang beriman kepada Allah untuk mengajak manusia lain untuk beriman kepada Allah. Selain itu juga seruan dan ajakan yang

³⁹ Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 2

⁴⁰ A. Hasjmy (1974), *Dustur Dakwah Menurut al-Quran*. Jakarta : Bulan Bintang. h. 28

⁴¹ Fattah, 'Abd. al-Munṣif Maḥmūd 'Abd, al- (1983) *Yanabi'ie al-Sa'adah*. Qāhirah : Haiyah Ulamā' al-Wa'az bi al-Azhār. h. 169

dilakukan ini lebih menjurus kepada keimanan dan amal *sālih* yang menjamin kesejahteraan kepada manusia di dunia dan akhirat.

2.2.3 Pengurusan Dakwah

Melalui definisi pengurusan dan dakwah yang telah dibincangkan sebelum ini, dapatlah disimpulkan bahawa kedua-dua perkara tersebut mempunyai definisi dan dimensi masing-masing yang tersendiri. Namun demikian bagi memperjelaskan lagi tentang definisi dan konsep pengurusan dakwah, perlu dibincangkan dengan lebih terperinci tentang definisi pengurusan dakwah yang menjadi teras kajian ini.

Secara mudahnya pengurusan dakwah diertikan sebagai proses menyatukan dan menjuruskan segala sumber organisasi yang terhad secara yang optimum untuk mencapai matlamat dakwah.⁴² Sehubungan dengan itu, menerusi definisi tersebut ia memberi penekanan bahawa dalam pengurusan dakwah ini, elemen yang diberi fokus ialah perancangan. Dalam keadaan ini, perancangan sangat penting kerana ia merupakan asas utama dalam pengurusan, apatah lagi dalam pengurusan dakwah itu sendiri yang mempunyai matlamat untuk kesejahteraan umat Islam umumnya.

Pengurusan dakwah juga sering diertikan sebagai pengurusan Islam kerana terdapat unsur persamaan di antara konsep dakwah dengan ajaran Islam itu sendiri.⁴³ Ini berdasarkan pemahaman kita bahawa Islam tersebar menerusi pengurusan dakwah yang sempurna.

⁴² Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*. Shah Alam : Ummah Media Sdn. Bhd. h. 18

⁴³ Roslan Mohamad (2003) "Pengurusan Dakwah : Sorotan Mengenai Konsep", *Jurnal YADIM*, Bil. 5, Disember 2003. h. 107

Dalam meneliti pengertian pengurusan dakwah ini, perlu dijelaskan bahawa pengurusan ini mempunyai beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian dengan melihat kepada pengurusan dakwah yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah. Pengurusan dakwah yang berlaku pada zaman Rasulullah telah melalui dua zaman yang berlainan sebagaimana yang termaktub dalam sejarah Islam. Zaman pertama ialah pada zaman Makkah dan zaman kedua pula ialah zaman Madinah yang mana ia sebagai bukti kepada wujudnya unsur perancangan dalam dakwah. Lebih jelas lagi, perancangan dakwah ini telah melalui lima fasa perkembangan dakwah tersebut iaitu ;-

- a. Fasa berdakwah dan bergerak secara sulit / rahsia
- b. Fasa berdakwah secara terbuka tetapi berorganisasi secara rahsia.
- c. Fasa menubuhkan kerajaan Islam.
- d. Fasa memantapkan pemangkin kerajaan Islam.
- e. Fasa untuk memperkasakan dakwah ke seluruh pelusuk dunia.⁴⁴

Fasa-fasa tersebut telah memperlihatkan bahawa pada zaman Rasulullah sudah wujud unsur pengurusan dakwah apabila baginda telah menyusun langkah-langkah dengan mewujudkan fasa-fasa dakwah tersebut.

Dalam skop dengan lebih mendalam lagi, pengurusan dakwah difokuskan kepada beberapa konsep asas pentadbiran yang berperanan melicinkan perjalanan urusan pentadbiran dan aktiviti dakwah yang melibatkan membuat keputusan, perancangan,

⁴⁴ Ghaḍbān, Munīr Muḥammad al- (1985), *al-Manḥāj al-Ḥarakī lī al-Sīrah al-Nabāwīyyah*. Jordan : Maktabah al-Manār. h. 16

kepimpinan, pengorganisasian, dorongan dan penyelarasan.⁴⁵ Berdasarkan pengertian ini, ia menampakkan bahawa takrifan pengurusan dakwah hampir sama dengan takrifan pengurusan Islam yang telah dibincangkan melalui proses pelaksanaan dan amalannya.

Pengurusan dakwah ditakrifkan juga sebagai pengurusan yang mampu menentukan matlamat dakwah yang sebenar, menentukan objektif yang harus dicapai supaya matlamat objektif, strategi dan program yang wajar dilaksanakan, mengawal dan melaksanakan segala tugas yang telah ditentukan, mengenalpasti segala masalah dan strategi pelaksanaan dan membiayai segala program yang telah dirancang.⁴⁶ Lanjutan daripada pengertian di atas, pengurusan dakwah perlu mengandungi perkara-perkara berikut iaitu :-

- a. penentuan matlamat
- b. objektif dakwah
- c. strategi dakwah
- d. struktur pengurusan
- e. perancangan program
- f. belanjawan.⁴⁷

Berdasarkan pengertian yang dijelaskan, ia memberi gambaran tepat bahawa pengurusan dakwah ini mempunyai pengertian yang sama dengan pengurusan Islam yang mana unsur-unsur utama dalam skop perbincangannya wujud juga dalam pengurusan dakwah, cuma skop dan perbincangannya berlegar kepada pengurusan dakwah yang

⁴⁵ Berhanundin Abdullah (2007) "Pentadbiran Organisasi Dakwah" dalam Abd. Ghaffar Don, et.al *Dakwah Dan Pengurusan Islam Di Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 42

⁴⁶ Syed Othman al-Habshi (1998) "Kepentingan Pengurusan Dalam Dakwah Islamiah" dalam Abdullah Muhammad Zin, et.al *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 112.

⁴⁷ *Ibid.* h. 112-114

menjurus kepada cara dan kaedah dakwah tersebut dilaksanakan berbanding pengurusan Islam yang banyak menyentuh tentang teori kepada pengurusan sahaja yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

Bagi Wan Hussein Azmi Abdul Kadir ⁴⁸ beliau mengatakan bahawa pengurusan dakwah dari sudut perancangan sebelum hijrah dan perancangan selepas hijrah yang mana perancangan dakwah sebelum hijrah mempunyai empat perkara utama iaitu,

- a. dakwah sulit
- b. dakwah kepada keluarga
- c. dakwah kepada umum
- d. hijrah untuk menyelamatkan dakwah.

Manakala perancangan dakwah selepas hijrah pula, ia mengandungi enam perkara utama iaitu :-

- a. Membangunkan Masjid Nabawi. ⁴⁹
- b. Mempersaudarakan antara golongan ansar dan muhajirin.
- c. Menyatupadukan masyarakat Islam di Madinah. ⁵⁰
- d. Merancang pengurusan. ⁵¹
- e. Perancangan ekonomi.
- f. Perancangan masyarakat Islam. ⁵²

⁴⁸ Wan Hussein Azmi Abdul Kadir (1995) "Organisasi Dan Carta Gerakan Dakwah dalam Sidi Gazalba dan Zainab Ismail, *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 21-22

⁴⁹ Pembinaan masjid difokuskan untuk dijadikan markaz untuk bermesyuarat selain tempat untuk berhimpun serta berperanan untuk mengajar ilmu agama dan juga dijadikan mahkamah untuk perbicaraan. selain tempat solat. Lihat Alūrī, Ādam Abdullāh al- (1989), *Tārikh al-Dakwah al-Islāmīyah Baina al-Ams ilā al-Yaum*. Kāherah : Maktabah Wahbah. h. 154

⁵⁰ Nadawī, al-Sayyid Abī al-Ḥassan ‘Alī al-Ḥasanī al, (1977), *al-Sīrah al-Nabawīyah* . Jeddah : Dār al-Shurūq. h. 154

⁵¹ Pada ketika ini, baginda telah mewujudkan Majlis Syura yang dianggotai oleh Abū Bakr al-Ṣiddīq, Umar al-Khattāb, Alī b. Abī Ṭalib, Hamzah, Ibn. Mas‘ūd, Salman al-Fārisī, Ammar, Ḥuzāifah, Abū Dzar, Miqdād dan Bilāl. Lihat Ismail Noor (2002) *Prophet Muhammad's Leadership ; The Paragon Of Excellence Altruistic Management. A Cross-Application To Modern Management And Leadership Practice*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors. h. 12

⁵² Wan Hussein Azmi, op.cit. h. 22

Menerusi definisi dan konsep pengurusan dakwah yang dikemukakan ini, ia memberi gambaran jelas bahawa pengurusan dakwah di zaman Rasulullah dilihat sebagai medan terbaik untuk dijadikan contoh dan landasan utama dalam meneliti dan menilai tentang definisi pengurusan dakwah tersebut.

Dalam konteks yang lebih luas lagi, pengurusan dakwah ini jika diaplikasikan dalam pengurusan dan pentadbiran institusi dakwah, seharusnya ia mempunyai elemen-elemen utama dalam pengurusan agar usaha dan gerak kerja dakwah tersebut akan terancang seterusnya dapat mencapai matlamat dakwah itu sendiri. Elemen-elemen tersebut ialah membuat keputusan, perancangan., kepimpinan, pengorganisasian, dorongan, komunikasi dan penyelarasan.⁵³

Berdasarkan kepada huraian yang begitu luas tentang pengurusan dakwah, dapatlah dirumuskan bahawa pengurusan dakwah harus memperlihatkan beberapa ciri penting dan utama iaitu :-

- a. Pengurusan dakwah perlu mempunyai beberapa tindakan yang dikenali sebagai empat proses utama iaitu perancangan, pengorganisasian , kepimpinan dan kawalan atau tanggungjawab dakwah.
- b. Pengurusan dakwah perlu dipusatkan melalui institusi yang kuat dengan diketuai seorang pemimpin.
- c. Pengurusan dakwah perlu mempunyai matlamat dan strategi dalam mencapai matlamat yang telah digariskan.

⁵³ Berhanundin Abdullah, op.cit. h. 43-44

- d. Pengurusan dakwah perlu kepada kesepaduan tenaga kerja dalam menjalankan kerja-kerja dakwah atau dengan kata mudahnya ia perlu kepada sumber manusia untuk menjalankan segala program yang telah dirancang.

Rumusan yang boleh disimpulkan di sini ialah pengurusan dakwah merupakan satu gerak kerja yang tersusun dan berencana bagi memastikan Islam dapat disebarkan dengan jayanya. Ia akan lebih berjaya jika segala disiplin pengurusan dapat dijanakan dengan mantap dan tersusun.

2.3 Kriteria Negeri Maju.

Persoalan berkaitan negeri atau negara maju sering menimbulkan persoalan dan polemik untuk dibincangkan. Ini disebabkan beberapa perkara pokok atau asas utama dalam kita menilai dan memberi kredit kepada sesebuah negeri atau negara untuk dikategorikan sebagai sebuah negeri atau negara maju. Ada yang beranggapan ia hanyalah sebagai retorik atau wawasan politik seseorang pemimpin dalam usaha mereka untuk menempah kemasyhuran era pemerintahannya. Namun jika dilihat dari sudut positif, kemajuan sesebuah negeri atau negara itu akan memberi kesan kepada rakyat yang bernaung di dalamnya sama ada dari sudut ekonomi, politik dan sosial mereka. Tambahan pula, kini kita sering diperdengarkan tentang pembangunan modal insan yang perlu ada dalam sesebuah negeri maju tersebut. Persoalan yang berkaitan dengan modal insan ini lebih terfokus dalam konteks Malaysia kini.

Negeri atau negara maju juga dikenali sebagai *developed country* diertikan sebagai sebuah negeri yang asalnya mundur dan primitif mengalami perubahan ke arah kemajuan dari sudut ekonomi dan keadaan sosial.⁵⁴

Negeri maju juga diertikan sebagai negara kaya yang sebahagian besar ekonominya bergantung kepada industri dan penduduknya menikmati taraf hidup yang tinggi.⁵⁵

Negeri maju ditakrifkan juga sebagai satu konsep dalam kemajuan dari sudut ekonomi, moral dan martabat atau dalam kata lain maju yang berasaskan sistem nilai.⁵⁶

Persoalan berkaitan definisi dan konsep negeri maju lazimnya apa yang dapat difahami dengan konsep atau definisi maju ini selalunya diukur dengan kebangkitan ekonomi atau pun pencapaian kebendaan, namun hakikatnya ia telah membuktikan bahawa pencapaian ekonomi dan ukuran ekonomi semata-mata tidak menggambarkan atau membuktikan kemajuan yang sebenarnya. Dalam erti kata yang sebenar kemajuan sesebuah negara yang sebenar bukan maju dari segi ekonomi dan kebendaan, tetapi martabat dan maruah sebagai manusia juga perlu maju.⁵⁷

Skop dan perbincangan berkaitan negeri atau negara maju ini selalunya tertumpu kepada pembangunan ekonomi. Sehubungan dengan itu, negeri maju mengekalkan pertumbuhan pendapatan per kapita⁵⁸ diiringi dengan kepelbagaian produk, mengurangkan

⁵⁴ Julia Sanwell . (ed.) (1995), *The Oxford Modern English Dictionary*. New York : Oxford University Press. h. 286

⁵⁵ Noresah Baharom (ed.) (2005), *Kamus Dewan. Edisi 4*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 285

⁵⁶ Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt.) (1993), *Ke Arah Negara Maju Berasaskan Sistem Nilai*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia. h. vi

⁵⁷ Aidit Ghazali (1993) "Negara Maju Berteraskan Sistem Nilai" dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt.) *Ke Arah Negara Maju Berdasarkan Sistem Nilai*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Malaysia. h. 15-16

⁵⁸ Pendapatan per kapita ialah pendapatan purata pendapatan penduduk bagi sesebuah negara. Sila rujuk Muhamed Zulkhibri Abdul Majid (2003), *Ekonomi Malaysia Alaf Baharu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.h. 19

kemiskinan dan memperkembangkan peluang-peluang ekonomi untuk kesejahteraan rakyat jelata.⁵⁹

Dalam konteks Malaysia kini, negeri maju itu ialah sebuah negara yang bersatu padu dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sesebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan.⁶⁰

Perbincangan berkaitan negara atau negeri maju selalunya membabitkan beberapa perkara utama dalam memastikan kehidupan yang lebih terancang dan sempurna bagi rakyat dalam sesebuah negara. Dalam konteks ini, contoh yang lebih dekat untuk kita jadikan landasan kukuh terhadap kajian ini ialah dengan melihat kepada Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991 di mana beliau telah membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk “Malaysia – Melangkah Ke Hadapan” yang mengandungi satu pemikiran dan rangka kerja mengenai matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada 2020 yang dikenali dengan Wawasan 2020.⁶¹ Matlamat yang dicita-citakan itu ialah pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020, bukan sahaja merangkumi aspek ekonomi tetapi

⁵⁹ Stuart R. Lynn (2003), *Economic Development ; Theory And Practice For A Divided World*. New Jersey : Pearson Education. h. 4

⁶⁰ Abd. Rahman Embong (2006) “Pembangunan Insan Wawasan 2020 Takrif Negara Maju Dalam Agenda Pembangunan Negara” (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur), 20-21 Disember 2006. h. 2

⁶¹ Institut Tadbiran Awam Malaysia (1994), *Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Malaysia. h. 8. Pengkaji berpendapat bahawa dengan adanya Wawasan 2020, ia telah menjadi pemangkin utama bagi setiap negeri di Malaysia berusaha untuk mencapai taraf negeri maju.

merangkumi politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.⁶² Bagi memastikan misi dan wawasan ini tercapai, digariskan sembilan cabaran yang perlu diharungi agar status negara maju akan terlaksana iaitu :-

1. Mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu
2. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju.
3. Merangsang dan membangunkan masyarakat yang demokratik dan matang.
4. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika.
5. Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertolak ansur
6. Mewujudkan masyarakat yang saintifik dan maju
7. Mewujudkan masyarakat yang penyayang dan budaya penyayang.
8. Memastikan masyarakat yang adil dari segi ekonomi iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama.
9. Mewujudkan masyarakat yang makmur yang mempunyai ekonomi berdaya saing, dinamik, teguh dan mempunyai daya ketahanan.⁶³

Status negeri maju sebagaimana digambarkan di dalam Wawasan 2020 ialah sebuah negara perindustrian yang maju bukan sahaja dari segi ekonominya tetapi dari segi kerohanian, politik, psikologi dan budaya.⁶⁴ Dalam hal ini, Malaysia telah meletakkan asas bahawa kekayaan dan kemajuan ekonomi negara harus dinikmati bersama. Bagi mencapai matlamat status ekonomi negeri maju, KDNK perlu ditingkatkan sebanyak 8 kali ganda bagi tempoh 30 tahun. Ini bermakna dari tahun 1990 hingga 2020, negara memerlukan

⁶² *Ibid.* h. 8

⁶³ Samuel Basse Okposin, et. al (2000), *The Changing Phases of Malaysia Economy*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications Sdn. Bhd. h. 24

⁶⁴ Mustafa Dakian (2005) *Sistem Kewangan Islam Instrumen, Mekanisme Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 1

pertumbuhan ekonomi sebanyak 7% setahun. Sekiranya ia dapat dicapai Keluaran Dalam Negara Kasar akan ditingkatkan dari RM105 bilion kepada RM848 bilion pada 2020. Manakala pendapatan perkapita penduduk akan meningkat sebanyak 4 kali ganda iaitu dari RM6,299 (1990) kepada RM26,602 (2020) berdasarkan harga tahun 1987. ⁶⁵

Dalam menghalusi persoalan negeri maju kini, negeri Selangor dilihat sebagai model contoh dan terbaik yang boleh dikategorikan sebagai sebuah negeri maju. Negeri Selangor dikategorikan sebagai negeri maju adalah disebabkan kepada tiga indeks atau indikator utama iaitu indeks pembangunan komposit, persamaan kuasa belian dan berdaya saing. ⁶⁶

Melalui pengertian negeri maju dan beberapa dimensi asas dalam pengukurannya, ia memberi satu rumusan bahawa negeri maju yang diertikan ini memberi satu keadaan bahawa kemajuan negeri atau negara itu bertujuan untuk memberi kemewahan dan kemakmuran kepada rakyat yang bernaung di bawahnya dengan mengambil kira beberapa perkara asas dalam rutin kehidupan manusia iaitu ekonomi, budaya, politik pentadbiran, sosial dan pembangunan modal insan itu sendiri. Malah untuk huraian dengan lebih lanjut berkaitan dengan negeri atau negara maju, ada yang berpendapat bahawa ia perlu juga kepada pembangunan yang berasaskan sistem nilai. Sejajar dengan itu, bagi memperincikan tentang kriteria negeri maju ini, pengkaji telah menyenaraikan beberapa kriteria utama dalam mengklasifikasikan sesebuah negeri atau negara itu telah mencapai kemajuan.

⁶⁵ *Ibid.* h. 2

⁶⁶ Abdul Munit Kasmin (2005) Selangor 2005 – Petunjuk Pembangunan Ekonomi dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Dan Seminar Selangor 2005 : Model Islam Sebuah Ekonomi Maju*. Shah Alam : Jabatan Mufti Selangor. h. 106. Negeri Selangor telah diisytiharkan sebagai negeri maju yang pertama di Malaysia pada 2005 selepas memenuhi beberapa kriteria dan petunjuk oleh Perbadanan Produktiviti Negara menggunakan The World Competitiveness. Lihat juga Mohd Shariza Sulaiman “ Selangor Model Negeri Maju Selaras Tuntutan Syariat, <http://www.ikim.gov.my/v5/print.php?grp=2&key=748>. 16 Oktober 2009.

2.3.1 Kriteria Ekonomi.

Menerusi kupasan awalan berkaitan dengan negeri maju, jelas diperlihatkan tentang beberapa pandangan dan idea yang merujuk kepada ekonomi sebagai indikator atau penanda aras yang utama dalam menilai sesebuah negeri itu maju atau sebaliknya. Sebelum persoalan berhubung negeri maju ini diperhalusi wajar untuk kita mengetahui tentang takrif ekonomi yang dilihat sangat signifikan dengan negeri maju. Ekonomi ditakrifkan sebagai satu bidang yang mengkaji tentang manusia dalam kehidupan seharian dengan mengkaji bahawa sebahagian daripada tindakan individu dan sosial yang berkait rapat dengan pencapaian menggunakan asas kebendaan untuk kesejahteraan hidup merujuk dengan kekayaan yang dimiliki.⁶⁷

Ekonomi juga ditakrifkan sebagai sains untuk kajian bagaimana seseorang individu, sektor perniagaan dan kerajaan memilih untuk mengagih sumber pendapatan kearah penghasilan perkhidmatan yang lebih baik untuk memenuhi keperluan yang tiada batasannya.⁶⁸

Selain itu, ekonomi juga dimaksudkan satu bidang yang mengkaji kegiatan individu atau masyarakat dalam kehidupan seharian mereka yang berkaitan dengan cara menggunakan sumber-sumber terhad dengan cara terbaik bagi memenuhi pelbagai kehendak yang terlalu banyak.⁶⁹

⁶⁷ Choo Sook Yee, et. al (2005), *Ekonomi*. Singapore : Thomson Learning. h. 2

⁶⁸ Anifah Hamzah, et.al (2003), *Fundamental Economics*. Petaling Jaya : Prentice Hall-Pearson. h. 2

⁶⁹ Muhamad Zulkhibri Abdul Majid, *op.cit.* h. 2

Ekonomi sering dilihat sebagai asas utama mengukur kemajuan sesebuah negeri maju. Dalam konteks ekonomi sebagai indikator utama dalam menilai sesebuah negeri atau negara itu maju, terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian untuk melayakkan sesebuah negeri itu berstatus maju iaitu, pendapatan per kapita, kadar pengangguran, kadar perbandaran, pendapatan bulanan purata, jumlah kereta dan motosikal berdaftar bagi setiap 1,000 orang penduduk dan jumlah telefon bagi 1,000 orang penduduk.⁷⁰

Dari perspektif dunia, kemajuan sesebuah negara sering diklasifikasikan sebagai negara kaya atau miskin. Buktinya, Negara-negara kaya dan berasaskan perindustrian seperti Jepun, Britain dan Amerika Syarikat menyumbangkan 15% populasi dunia namun menyumbangkan 78% pendapatan dunia dengan purata pendapatan per kapita sebanyak \$25,000 berbanding negara miskin seperti Haiti, Nigeria dan Bangladesh dengan mempunyai populasi dunia yang besar iaitu 60% tetapi hanya mampu menyumbang 6% pendapatan dunia dengan nilai \$500 seorang.⁷¹

Kemajuan ekonomi dalam sesebuah negara juga sering diukur dengan KDNK⁷² per kapita bagi sesebuah Negara. Amerika Syarikat mempunyai nilai per kapita yang tinggi iaitu USD 36, 006, Australia, USD 20, 822, Jepun, USD 31, 407 dan Sweden pula memiliki USD 26,929.⁷³

Selain itu, ada juga yang berpendapat, dalam mengukur keupayaan dan kemajuan sesebuah negeri maju, terdapat beberapa penanda aras yang konkrit. Justeru itu piawaian

⁷⁰ Ahmad Sarji Abd. Hamid (2005) Sembah Ucapan dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Dan Seminar Selangor 2005 : Model Islam Sebuah Ekonomi Maju*. Shah Alam : Jabatan Mufti Selangor. h. 26.

⁷¹ Thomas Vinood., et.al (2000), *The Quality of Growth*. Washington : World Bank. h. 11-12

⁷² Keluaran Dalam Negara Kasar.

⁷³ Zainal Kling (2005) "Petunjuk Pembangunan Sosial Dalam Sebuah Ekonomi Maju" dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Seminar Selangor 2005 : Model Islam Sebuah Ekonomi Maju*. Shah Alam : Jabatan Mufti Negeri Selangor. h. 126

“*The World Competitiveness Model*” sebagai teras dalam menganalisis sesebuah negeri maju telah digunakan. Model ini telah dibangunkan oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Teknologi MARA. Pemilihan NPC adalah kerana NPC merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan telah dilantik menjadi ‘*Partner Institute of International Institute for Management Development (IMD)*’ di Switzerland dalam menyediakan *The World Competitiveness Yearbook*⁷⁴ bagi menentukan daya saing Malaysia di peringkat global.⁷⁵

Menurut petunjuk dalam model yang dikemukakan, terdapat 75 indikator yang digunakan yang merangkumi 42 *soft data* (data sampingan) dan 33 *hard data* (data utama/teras) dan bagi memudahkan untuk mengukur kemampuan kemajuan sesebuah negara atau negeri maju, Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) telah menggariskan empat komponen utama iaitu :-

- a. *Economic Performance* (keupayaan ekonomi)
- b. *Government Efficiency* (keberkesanan kerajaan)
- c. *Bussiness Efficiency* (keberkesanan perniagaan)
- d. *Infrastructure* (kemudahan infrastruktur).⁷⁶

Menurut pemerhatian yang dikeluarkan oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), sesebuah negeri boleh dikategorikan sebagai sebuah negeri maju dengan mengambil beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu ;-

⁷⁴. Penjelasan tentang perkara ini boleh dirujuk di laman web International Management Development. <http://www.imd.ch/research/publications/wcy/index.cfm>. 25 November 2009

⁷⁵ Abdul Munit Kasmin, *op.cit.* h. 115

⁷⁶ *Ibid.* h. 15

- i. Memerolehi *Purchasing Power Parity* (PPP) adalah sama atau lebih USD 10,000.
- ii. Kedudukan *ranking* daya saing setiap indikator yang dikenalpasti berada di antara 1 hingga 20 perlu memerolehi sekurang-kurangnya 70% dari keseluruhan indikator. Analisis indikator ini akan melibatkan perbandingan dengan 30 negara di dunia yang mempunyai penduduk atau saiz yang hampir sama dalam sesebuah negeri itu.
- iii. Pengukuran Indeks Pembangunan Komposit.⁷⁷

Berdasarkan piawaian tersebut, ia memberi gambaran yang jelas bahawa dalam menentukan kriteria utama bagi membuktikan sesebuah negara atau negeri itu maju, indikator yang berasaskan ekonomi memang menjadi tumpuan utama. Dengan penekanan dari sudut ekonomi khususnya yang membabitkan pembangunan ekonomi itu sendiri, sesebuah negeri atau negara itu akan mencapai kemajuan berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan.

2.3.2 Kriteria Sosial

Dalam perbincangan tentang aspek sosial dalam konteks negeri maju, perkara utama yang harus diberi penekanan ialah perkara yang membabitkan nilai kemasyarakatan itu sendiri. Jika diimbangi tentang aspek ekonomi sebagai indikator utama dalam kita meneliti kriteria utama sebagai kayu ukur sesebuah negeri atau negara maju, perlu dilihat aspek sosial yang berperanan utama dalam menentukan maju dan mundurnya sesebuah negeri itu. Dalam penentuan aspek sosial sebagai kriteria utama dalam negeri maju, pengkaji telah mengguna

⁷⁷ Abdul Munit Kasmin, *op.cit.* 112

pakai piawaian yang digunakan berasaskan kepada *Millenium Development Goals* (MDG) yang menjadi petunjuk asas dalam mengukur keupayaan sesebuah negeri atau negara maju tersebut. Berdasarkan petunjuk MDG ini, petunjuk yang diketengahkan sebagai piawaian sosial dalam negeri maju merujuk kepada :-

- a. *End Poverty and Hunger.*
- b. *Universal Education*
- c. *Gender Quality*
- d. *Child Health*
- e. *Maternal Health*
- f. *Combat HIV/AIDS*
- g. *Environmental Sustainability*
- h. *Global Partnership.*⁷⁸

Menurut matlamat MDG tersebut, ia memperlihatkan bahawa dalam sesebuah negeri maju, ia amat menitik beratkan tentang kesejahteraan sosial dan individu berbanding dengan negara mundur dan miskin yang mana aspek-aspek berkenaan sering diabaikan dan tidak diberi perhatian sewajarnya. Contohnya dalam membendung penularan dan penyebaran penyakit AIDS dan HIV, yang mana ia melibatkan semua negara maju dan apatah lagi ia melibatkan negara-negara yang membangun dan mundur khususnya di Eropah dan Asia yang rata-ratanya belum mempunyai keupayaan untuk melakukan kajian dan pengeluaran ubat-ubatan untuk pesakit di dalam negara tersebut.⁷⁹

⁷⁸ United Nations Millenium Development Goals. <http://www.un.org/millenniumgoals/stats.shtml>. 10 Januari 2010.

⁷⁹ Perkara ini ada benarnya berdasarkan laporan bahawa kes jumlah kanak-kanak yang dilahirkan di luar nikah yang tinggi peratusannya di negara maju seperti 57.3% di Iceland, Amerika Syarikat 32%, Britain 30% dan Itali 7.2%. Lihat *The World Almanac and Books Facts*. 2001. New Jersey : World Almanac Books. h. 873-875

Selain dari itu, bagi memperincikan lagi tentang kriteria negeri maju dari sudut sosial terdapat juga piawaian yang digunakan di peringkat antarabangsa, yang mana ia dilihat lebih dinamik dan asli sifatnya iaitu bersumberkan *Human Development Index* (HDI).

Dalam piawaian ini, ia mensasarkan kepada :-

- a. *life expectancy.*
- b. *adult literacy rate.*
- c. *combined gross enrolment ratio for primary, secondary and tertiary schools.*

Namun demikian terdapat juga beberapa aspek utama yang dilihat sebagai kayu ukur dalam memastikan sama ada sesebuah negeri itu maju atau sebaliknya berdasarkan kriteria sosial adalah seperti berikut :-

1. Kemiskinan : Bagi Malaysia, sebuah negara yang membangun, terdapat beberapa indeks bagi mengukur kemiskinan dengan merujuk kepada pendapatan yang dimiliki. Faktor yang digunakan untuk mengukur indeks ini termasuklah kriteria menerusi *Human Poverty Indeks* yang melihat kadar penduduk yang mempunyai pendapatan atau penggunaan sekadar USD 1 (RM3.80) sehari. Ini diperteguhkan dengan kiraaan kepada kadar penduduk miskin iaitu % penduduk di bawah garis kemiskinan dan kadar penduduk miskin pada 25% dari jumlah pengangguran. Natijah dari kemiskinan ialah kemiskinan kanak-kanak yang tinggi kadarnya. Maka ukuran ini menjadi petunjuk bagi menilai kemiskinan dalam sebuah negeri maju. Oleh itu didapati bahawa faktor seperti "*propability at birth of not surviving to age 40 year*". Ini ditambah lagi dengan faktor bahawa kemiskinan ialah kadar peratusan literasi dewasa (umur 15 tahun ke atas), peratusan

sentiasa tidak mendapat air yang bersih dan peratusan kanak-kanak yang kurang berat badan di bawah umur 5 tahun.⁸⁰

Dalam satu perangkaan yang dikeluarkan, mengatakan bahawa *output* (keluaran) bagi seseorang individu dalam sebuah negara maju atau kaya adalah 49 kali ganda berbanding negara miskin pada tahun 1998, berbanding pada 1960 iaitu 39 kali ganda dan 9 kali ganda pada 1870.⁸¹ Perbandingan ini jelas menunjukkan bahawa kemiskinan dalam sesebuah negara dilihat sebagai satu bentuk indikator utama dalam menilai kriteria sesebuah negara atau negeri itu maju atau sebaliknya. Oleh yang demikian, dalam skop sosial sesebuah negeri maju, kekayaan dan kemiskinan dilihat sangat signifikan dalam menentukan maju dan mundurnya sesebuah negara tersebut.

2. Pendidikan : Pendidikan dilihat sebagai salah satu kriteria utama yang sering dibincangkan dalam konteks keadaan sosial sesebuah negara maju. Ia dilihat sebagai jurang pemisah yang utama dalam mengklasifikasikan mundur dan majunya sesebuah negara. Buktinya dalam sesebuah negara yang berpendapatan tinggi kebanyakan kanak-kanak di dalam negara tersebut mendapat pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi, seterusnya kualiti pendidikan diambil berat.⁸² Ini disebabkan dengan adanya pendidikan yang sempurna dan berkualiti ia memberi banyak kelebihan dan keupayaan kepada pekerja yang bekerja dalam pembangunan sesebuah negara.

Dengan ilmu pengetahuan yang mereka miliki membolehkan mereka berkeupayaan, menyesuaikan diri dan berinteraksi dengan baik dalam pekerjaan yang

⁸⁰ Zainal Kling. *op.cit.* h. 133

⁸¹ Pritchett. L (1997) "Divergence Big Time", *Journal of Economic Perspectives*. No. 3. h. 11

⁸² Lynn. S.R. *op.cit.* h. 180

mereka lakukan.⁸³ Buktinya dengan pendidikan yang tinggi yang dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesebuah negeri atau negara, mereka akan menjaga pekerjaan mereka di samping akan mempertingkatkan produktiviti bagi seorang pekerja dan ia sebagai bukti yang bernilai bagi mereka yang memiliki pendidikan yang tinggi.⁸⁴ Menerusi hujah ini, ia menunjukkan bahawa pendidikan dilihat sebagai suatu perkara yang penting di dalam menentukan maju dan mundurnya sesebuah negara tersebut. Dengan adanya pendidikan yang sempurna, ia akan memberikan impak yang besar dalam memajukan sesebuah masyarakat dan negara tertentu. Jika dilihat dalam konteks negara maju khususnya di Barat, semenjak dua dekad yang lampau, banyak program-program pendidikan yang bertaraf profesional dijalankan dengan serius sama ada di peringkat pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan yang melibatkan pekerjaan dan kepentingan sosial.⁸⁵ Di sini memberi gambaran yang jelas bahawa pendidikan dilihat sebagai aset utama dalam pembangunan sebuah negara maju khususnya di Barat.

3. Kesihatan : Faktor ini merupakan petunjuk terhadap keupayaan tenaga manusia untuk memastikan kelangsungan dan kesinambungan pembangunan sesebuah negara akan tercapai. Dalam rangka wawasan pembangunan manusia, kesihatan dilihat memainkan peranan utama di dalam memastikan kehidupan yang lebih selesa bagi sesebuah komuniti tersebut. Sesebuah negara yang mempunyai keupayaan kesihatan dan pendidikan yang baik akan mewujudkan banyak kebaikan dan perkhidmatan yang baik.⁸⁶ Hasilnya bukan sahaja ia memberi kelebihan kepada individu terbabit tetapi memberi kemanfaatan kepada keseluruhan negara keseluruhannya. Ketidakcukupan makanan dan kekerapan berpenyakit

⁸³ Stiglitz, J.E (1975) "The Theory of Screening Education And Distribution Of Income, *American Economic Review* 65. no 3. June h. 283-300. Lihat juga Sahn D.E dan Alderman H (1988), "The Effects Of Human Capital Of Wages And The Determinants Of Labor Supply In A Developing Country". *Journal Of Development Economic* 29. no.2. September h. 175

⁸⁴ Psacharopoulos, G (1988) "Education And Development : A Review" *World Bank Observer* 3, no. 1, January 1988. h. 99-116

⁸⁵ Kimbrough, R.B (1985), *Ethics : A Course Of Study For Educational Leaders*. Arlington : The American Association of School Administrators. h. 20

⁸⁶ Lynn, S.R., *op.cit.* 172

akan mengurangkan keupayaan penduduk untuk belajar, memberikan perkhidmatan yang baik dan mengurangkan kesihatan kanak-kanak yang baik. Oleh itu, asas utama terhadap pembangunan manusia dalam semua keadaan, ialah kesihatan yang baik.⁸⁷

Pada tahun 1990, negara yang berpendapatan rendah, secara puratanya mempunyai nisbah seorang doktor dengan 1000 orang pesakit berbanding negara berpendapatan tinggi iaitu 2.8 orang doktor dengan 1000 orang penduduk. Pada tahun 1999, kadar kematian bayi bagi negara berpendapatan rendah seramai 77 orang untuk 1000 kelahiran menurun dari 114 kematian pada 1980 berbanding 6 kematian bagi negeri berpendapatan tinggi.⁸⁸ Jelas, ia merupakan satu perselisihan angka yang tinggi. Hujah ini bertambah kukuh dengan faktor kemerosotan ekonomi seperti di beberapa buah negara di Afrika sekitar tahun 1970an dan 1980an telah menunjukkan bahawa kekurangan sumber pendapatan menyukarkan penjagaan kesihatan. Buktinya kematian bayi meningkat dan jangka hayat menurun dalam beberapa buah negara khususnya kesengsaraan dari penyakit AIDS.⁸⁹

Huraian lanjut berkaitan dengan kesihatan yang dilihat sebagai asas utama dalam indikator menilai sesebuah negara itu maju atau sebaliknya, wajar dibuat perbandingan antara negara maju dan negara membangun dari sudut faktor kematian sebagai kayu ukur dalam menilai maju dan mundurnya sesebuah negara tersebut.

Bagi memperkukuhkan hujah bahawa kesihatan dilihat sebagai indikator utama dalam aspek sosial sesebuah negara itu sama ada maju atau mundur, seharusnya

⁸⁷ World Bank (1993), *World Development Report 1993 : Investing In Health*. Washington : World Bank/Oxford University Press. h. 2

⁸⁸ Lynn, S.R., *op.cit.* 173

⁸⁹ Appleton, S, Hoddinott, J dan MacKinnon (1996), "Education And Health In Sub-Saharan Africa" *Journal of International Development* 8, No. 3 (May-June 1996). H. 309-310. Berdasarkan perangkaan World Health Organization, seramai 36 juta orang positif HIV/AIDS pada 2000 khususnya di Sub-Saharan, Afrika dengan Cameroon dan Botswana (36%), Swaziland dan Zimbabwe (25%) dan Lesotho (24%). Lihat Lynn, S.R., *op.cit.* h. 174

diperlihatkan tentang perbandingan antara negara yang membangun dengan negara maju dari sudut faktor-faktor yang menyebabkan kematian dalam sesebuah negara.

Jadual 2.0 : Sebab Kematian ⁹⁰

Sebab Kematian Tahun 1995				
Sebab Kematian	Negara Maju		Negara Membangun	
	Peratusan	Angka	Peratusan	Angka
Jangkitan dan Parasit (<i>infectious and parasitic</i>)	1.2	135	41.5	16,310
Pernafasan Rendah (<i>lower respiratory</i>)	7.8	905	5.0	1,938
Barah (<i>Cancers</i>)	21.6	2,523	8.9	3,490
Penyakit Hati (<i>Circulatory</i>)	46.7	5,454	10.7	4,222
Kelahiran (<i>maternal</i>)	Tiada data	Tiada data	1.3	508
<i>Perinatal and Neonatal</i>	0.7	83	7.9	3,097
Kelahiran Luar Rahim (<i>External</i>)	7.5	879	7.9	3,118
Lain dan Tidak Diketahui (<i>Other/Unknown</i>)	14.5	1,692	16.8	6,608

Sumber : Laporan Kesihatan Sedunia 1995. Geneva : World Health Organizations 1995.

Jadual di atas menunjukkan perbandingan faktor-faktor kematian di dalam negara membangun dan negara maju. Di dalam negara maju, faktor utama kematian ialah penyakit hati dan barah atau kanser yang mencatatkan 68% kematian. Ini kerana, kedua-dua penyakit ini adalah penyakit yang sering dihadapi kini oleh penduduk dunia dan ia tidak berjangkit. Manakala bagi negara membangun pula, ia menunjukkan perangkaan

⁹⁰ Perangkaan dalam jadual di atas, menunjukkan bahawa aspek kematian dilihat sebagai salah satu daripada ciri untuk menentukan maju dan mundurnya sesebuah negara itu. Data yang dikemukakan itu juga menunjukkan bahawa persoalan berhubung kemajuan sesebuah negara sudah dibincangkan sejak 1990 an lagi.

sebaliknya, di mana sebanyak 40% disebabkan jangkitan dan penyakit bawaan parasit. Malahan ia melebihi dari penyakit jangkitan pernafasan, cirit birit dan penyakit gigi bagi kanak-kanak bawah 5 tahun selain *tuberculosis*, *measles* dan *hepatitis*. Penyakit-penyakit demikian tidak menjadi sebab utama kematian di negara maju.

Ini mungkin disebabkan faktor persekitaran yang tidak bersih menjadi punca utama penularan penyakit berkenaan. Buktinya, pada tahun 1995, dianggarkan 76% penduduk di negara yang mundur hanya mendapat bekalan air bersih dan 28% pula mendapat kebersihan yang sekadar memadai sahaja. Keadaan ini memungkinkan manusia tinggal bersama-sama dengan serangga dan perosak yang membawa bersamanya penyakit tertentu kepada manusia.⁹¹ Natiujahnya manusia akan mendapat penyakit tersebut kerana persekitaran yang kotor. Suasana ini selalunya berlaku di dalam negeri-negeri yang sedang membangun berbanding negeri maju yang amat menitikberatkan kebersihan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit ini.

Sehubungan dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa tahap dan nilai kesihatan yang tinggi dilihat menjadi kayu ukur yang penting dalam mengklasifikasikan kemajuan sesebuah negeri atau negara itu dari sudut sosial.

2.3.3 Kriteria Politik Dan Pentadbiran.

Dalam perbincangan berkaitan dengan sesebuah negara, selain dari perbincangan berkaitan dengan ekonomi dan sosial, terdapat suatu lagi elemen yang penting dalam sesebuah negara iaitu politik. Ketiga-tiga elemen ini dilihat sangat signifikan dalam sesebuah negara,

⁹¹ Sarah Richardson (1995), "The Return of The Plague", *Discover* 6, No.5 (January 1995). h. 69-70

tambahan pula, ia membabitkan tentang sesebuah negara maju. Jika kedua-dua elemen di atas dilihat sangat kukuh peranannya dan kesannya dalam pembangunan sesebuah negara, elemen politik juga dilihat penting kerana ia membabitkan maju dan mundurnya sesebuah negara khususnya dari sudut kestabilan dan pengurusan sesebuah negara. Lantaran dari kestabilan politik yang mantap seterusnya ia akan menyediakan suasana yang kondusif kepada pemerintah untuk memandu dan membawa kesejahteraan kepada rakyat untuk kemakmuran seterusnya membina kemajuan kepada sesebuah negara tersebut.

Menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud, beliau menyatakan bahawa tidak ada yang terlebih penting bagi pembangunan ekonomi dan pengislahan manusia dari kerajaan yang kukuh, berwibawa, cekap dan amanah.⁹² Ertinya bahawa kestabilan politik yang dicipta oleh sesebuah kerajaan melalui dasar dan polisi yang sistematik amat penting dalam sesebuah negara. Inilah yang difokuskan dalam sebuah negara maju. Melalui kestabilan dan keharmonian politik, ia dapat menjana kemajuan yang berlipat kali ganda. Jika kita soroti tentang beberapa negara maju di dunia ini, kebanyakannya terdiri daripada negara yang stabil keadaan politik mereka.

Politik diertikan sebagai segala sesuatu berkaitan sesebuah negara atau hubungannya dengan negara lain.⁹³ Ia juga diertikan sebagai satu aktiviti yang melibatkan hal-hal pentadbiran negara dan persaingan untuk mempertahankan dan mendapatkan kuasa mereka.⁹⁴ Hal ini diperkukuhkan lagi dengan adanya pandangan yang mengatakan bahawa di dalam sesebuah negara, khususnya sebuah negara merdeka, ia menjalankan kuasa

⁹² Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan Di Malaysia Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam. h. 105

⁹³ Sheikh Othman Sheikh Salim (pnyt.) (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 977

⁹⁴ Lasswell, H.D dan Kaplan, A (1950), *Power And Society ; A Framework For Political Inquiry*. New Haven : Yale University Press. h. 2

terhadap rakyat dan perkara-perkara dalam lingkungan sempadan-sempadannya.⁹⁵ Ertinya di sini, dalam sesebuah negara ia memerlukan politik untuk mengurus dan mentadbir rakyat di dalamnya.

Hujah ini ada asasnya dengan mengatakan bahawa di dalam sesebuah negara ia perlu mempunyai kumpulan masyarakat atau manusia yang tinggal dalam kawasan yang tertentu serta mempunyai identiti sistemnya dipatuhi serta mempunyai kebebasan siasah iaitu politik.⁹⁶ Oleh yang demikian, politik dilihat sangat penting dalam mengurus dan mentadbir sesebuah negara. Jika politik tidak stabil serta menghadapi masalah, elemen-elemen lain yang terdapat di dalam sesebuah negara juga akan terjejas seperti ekonomi, sosial dan pembangunan modal insan, apatah lagi bagi sesebuah negara atau negeri maju.

Jika ditinjau tentang Wawasan 2020, yang digariskan bagi Malaysia untuk mencapai taraf negara maju, terdapat elemen keperluan politik di dalam sembilan cabaran yang dikemukakan bagi mencapai taraf maju. Ia dinyatakan dalam cabaran yang ketiga yang berbunyi “mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia orientasi-komuniti yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun”.⁹⁷ Menerusi cabaran yang digariskan ini, menunjukkan bahawa elemen demokrasi dilihat sebagai indikator penting dalam menentukan kestabilan politik bagi sebuah negara maju. Ini diperkukuhkan lagi dengan data yang diperolehi pada tahun 2007, menunjukkan Malaysia mencatatkan lonjakan 54.4 % kemasukan pelaburan FDI berdasarkan tinjauan akhir tahun Persidangan Perdagangan Dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

⁹⁵ Ian Brownlie (1990), *Principle of Public International Law*. Oxford : Clarendon Mass. h. 72

⁹⁶ Abd. Monir Yaacob (2000) “Universaliti Piagam Madinah” dalam Abd. Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (pnyt.) *Kriteria Negara Berteraskan Prinsip Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia. h. 107

⁹⁷ Samuel Basse Okposin, *op.cit.* h. 217

(UNCTAD). Pada 2008, negara mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak AS\$5.1 bilion dan melonjak sebanyak AS\$9.4 bilion tahun lalu. Jelas sekali FDI dilihat sebagai asas utama dalam pembangunan negara. Kesemua dicapai menerusi kestabilan politik yang terus dipelihara supaya dasar dan strategi yang dibentuk untuk menarik pelaburan asing dapat diteruskan dengan lebih berkesan lagi.⁹⁸

Dalam membincangkan kemajuan sesebuah negeri atau negara ini, rata-rata pendapat berhujah bahawa aspek demokrasi dalam sesebuah negara dilihat sangat penting dalam sesebuah negara maju tersebut. Contohnya, beberapa negara maju di dunia kini seperti Amerika, Britain dan Jepun dilihat mengamalkan politik yang berteraskan demokrasi bagi membangunkan negara mereka sehinggakan mereka beranggapan bahawa sistem ini merupakan sistem pemerintahan yang terunggul dan mereka beranggapan bahawa kemajuan sesebuah negara akan terlaksana sekiranya masyarakat di dalam sesebuah negara itu mengguna pakai sistem ini dalam kehidupan bernegara.⁹⁹ Demokrasi dikatakan satu bentuk kerajaan di mana kedaulatan bagi pemerintahan negara tersebut adalah dari rakyat dan ditadbir oleh rakyat sendiri yang mana pentadbirnya dipilih oleh rakyat.¹⁰⁰ Demokrasi juga dilihat sebagai satu landasan kepada rakyat untuk diberi peluang untuk melibatkan diri dalam pembuatan keputusan dan dasar bagi sesebuah negara.¹⁰¹ Ia juga dikatakan sebagai sistem politik di mana rakyat secara majoritinya secara positif atau negatif membuat dan diberikan hak untuk membuat keputusan dan beberapa perkara penting yang dilihat sebagai dasar bagi sesebuah negara.¹⁰²

⁹⁸ Jabatan Hal Ehwal Khas, http://www.jasa.gov.my/home_index.php?cont. 5 Mac 2010.

⁹⁹ Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2002), "Sistem Pemerintahan Demokrasi", *Jurnal Pemikir*, April-Jun 2002. h. 41-42

¹⁰⁰ Roland J. Pennock (1979), *Democratic Political Theory*. New York : Princeton University Press. h. 3

¹⁰¹ Robert A. Dahl (1983), *Modern Political Analysis*, 4rd Edition. New Jersey : Englewood Cliff. h. 34-35

¹⁰² Barry Holden (1980), *The Nature of Democracy*. Britain : Thomas Nelson and Sons Ltd. h. 8

Menerusi pengertian dan konsep asas kepada demokrasi ini, ia bolehlah disimpulkan bahawa pemerintahan demokrasi adalah didasarkan bahawa semua manusia bebas dan semuanya memiliki hak yang sama. Oleh kerana demikian tokoh-tokoh dalam bidang politik melihat bahawa ia merupakan satu bentuk pemerintahan bagi sesebuah negara untuk menjurus kepada kemajuan berbanding sistem beraja yang diamalkan sebelumnya. Tambahan pula sistem pemerintahan ini bukan sahaja diamalkan di Barat, malahan ia telah menular ke negara-negara yang dijajah oleh mereka di serata dunia kerana Barat menganggap sistem pemerintahan mereka merupakan satu-satunya system yang bakal membangunkan tamadun manusia dan kehidupan dalam bernegara.¹⁰³

Seterusnya dalam perbincangan tentang politik di dalam negara maju, ia juga membabitkan tentang urus tadbir kerajaan di dalam sesebuah negara maju tersebut. Lantaran daripada itu, kupasan selanjutnya akan membincangkan tentang keupayaan kerajaan di dalam negara maju dalam mengurus tadbir kerajaan bagi sebuah negara maju. Menerusi kerajaan yang baik dan stabil, ia akan melakukan pelaburan dari sudut infrastruktur dan memberikan perkhidmatan sosial yang baik khususnya dari sudut pendidikan dan kesihatan.¹⁰⁴ Menurut laporan Bank Dunia menyatakan bahawa kemajuan sosial tidak semestinya merujuk kepada pembangunan ekonomi. Ia perlu dicapai menerusi keupayaan kerajaan dalam menyediakan sekolah yang dibina dengan sumber kewangan yang kukuh dan penstafan yang baik.¹⁰⁵ Natijahnya, bolehlah dikatakan bahawa kemajuan di dalam sesebuah negara maju itu bertunjangan kepada kestabilan politik yang mantap dengan menjanjikan urus tadbir yang baik.

¹⁰³ Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *op.cit.* h. 45-46

¹⁰⁴ Stuart R. Lynn, *op.cit.* h. 284

¹⁰⁵ World Bank (1990), *World Development Report*. Washington : World Bank. h. 84

Selain dari itu, dalam perbincangan yang berkaitan dengan politik dalam konteks negeri maju ini, ia juga membabitkan tentang perkhidmatan awam yang baik dan berkesan. Ia merangkumi perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang mana ia memberi manfaat yang besar kepada rakyat selain dari kecekapan pasukan polis dan pasukan pertahanan yang memberi kelebihan kepada rakyat dalam mendapat kehidupan yang lebih aman dan sempurna.¹⁰⁶ Ia diperkukuhkan lagi dengan membuat perbandingan bahawa kerajaan dalam negara yang sedang membangun selalunya akan mengabaikan keperluan-keperluan berkenaan sehingga menyebabkan rakyat di dalam negara tersebut tidak memiliki kehidupan yang sempurna seperti mana yang dikehendaki di dalam kriteria sebuah negara maju.¹⁰⁷

Dalam konteks Malaysia kini, satu-satunya negeri yang telah mencapai taraf negeri maju ialah Selangor. Jika dilihat kepada tindakan kriteria politik yang lebih merujuk kepada kerajaan yang mentadbir, kerajaan Selangor telah melancarkan program ‘Kerajaan Prihatin’ di mana dalam banciaan pada tahun 2002. menunjukkan hanya 1.1% penduduk rakyat Selangor yang miskin dan dianggarkan 0.5% golongan rakyat yang termiskin. Sungguhpun peratusnya agak kecil tetapi bilangan keluarga yang miskin agak besar jika dibandingkan dengan penduduk negeri Selangor yang berjumlah 4.498 juta orang.¹⁰⁸ Menyedari hakikat ini, sejak tiga tahun lampau, kerajaan negeri telah menjalankan Program Kerajaan Prihatin di seluruh negeri dan tumpuan diberikan kepada kelompok petani dan nelayan di luar bandar negeri Selangor. Hasilnya kerajaan telah membina semula rumah pada nilai RM 17,000 kepada golongan rakyat miskin yang berpendapatan RM 529.00

¹⁰⁶ Stuart R. Lynn, *op.cit.* h. 284

¹⁰⁷ Sherwin Rossen dan Bruce A. Weinberg (1997) “Incentives, Efficiency and Government Provision of Public Services” dalam Boris Pleskovic dan Joseph Stiglitz (pnyt.) *Annual World Bank Conference On Development Economic 1997*. Washington : World Bank. h. 139-166

¹⁰⁸ Abdul Munit Kasmin (2005) “Selangor 2005 – Petunjuk Pembangunan Ekonomi” dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Seminar Selangor 2005 : Model Islam Sebuah Ekonomi Maju*. Shah Alam : Jabatan Mufti Negeri Selangor. h. 120

sebulan. Pada tahun 2001, sebanyak 343 buah rumah telah dibaik pulih dan 202 buah rumah dibina semula. Manakala pada tahun 2002, sebanyak 352 buah rumah telah dibaik pulih dan 410 buah rumah telah dibina semula. Pada tahun 2003 sebanyak 86 buah rumah telah dibaik pulih dan 318 buah rumah telah dibina. Bermula pada tahun 2004, kerajaan negeri telah menaikkan kos pembinaan rumah Program Kerajaan Prihatin daripada RM 17,000 kepada RM 18,350.00 bertujuan agar pembinaan rumah tersebut dilengkapi dengan bekalan air dan elektrik. ¹⁰⁹ Buktinya di sini, menunjukkan bahawa dengan kestabilan politik yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan sama ada dalam konteks negeri atau negara, ia akan memberikan kebaikan taraf hidup kepada rakyat selaras dengan hasrat untuk mencapai taraf negeri maju.

Jelaslah di sini bahawa dalam perbincangan berkaitan kriteria politik dan pentadbiran dan sesebuah negeri atau negara maju, ia mempunyai kaitan yang rapat dengan elemen lain seperti ekonomi dan sosial yang dilihat sebagai kayu ukur dalam menentukan kemajuan sesebuah negeri itu maju atau sebaliknya. Kesimpulan yang dapat dikatakan di sini ialah bahawa piawaian dari sudut politik dalam konteks negeri maju, elemen demokrasi dilihat sebagai kayu ukur yang kukuh dalam menilai kemajuan politik sesebuah negeri itu. Manakala dari sudut pentadbiran khususnya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, keupayaan sesebuah negeri itu dalam menyediakan prasarana yang baik kepada rakyatnya dilihat sebagai kekuatan dalam memperkatakan maju dan mundurnya sesebuah negeri itu.

¹⁰⁹ *Ibid.* h. 120

2.3.4 Kriteria Pembangunan Modal Insan.

Dalam membincangkan tentang pembangunan modal insan atau kadang kala disebut juga pembangunan manusia, ia akan kembali kepada persoalan pokok dalam perbincangan kemajuan sesebuah negeri itu iaitu persoalan berkaitan dengan pendidikan dan kesihatan. Perkara ini bersandarkan kepada pandangan ahli ekonomi yang melihat bahawa dua faktor ini iaitu kesihatan dan pendidikan merupakan faktor dalam menyumbang kepada keupayaan penduduk dalam sesebuah negara atau negeri itu untuk bekerja dengan lebih baik seterusnya mampu membangunkan negaranya.¹¹⁰ Pada pandangan mereka bahawa perhatian yang serius terhadap kesihatan dan pendidikan mampu memberikan pulangan yang baik kepada kemajuan sesebuah negara itu. Pada hemat mereka, negara yang mempunyai taraf kesihatan dan pendidikan yang baik akan menghasilkan perkhidmatan yang baik dan berkualiti seterusnya ia akan menjamin pembangunan modal insan yang diharapkan.

Bagi memperkukuhkan hujah mereka ini, diperlihatkan tentang beberapa perangkaan bahawa aspek penjagaan kesihatan dilihat penting dalam menjamin pembangunan modal insan ini. Contohnya pendekatan dalam mempertingkatkan kualiti kesihatan. Kebanyakan pandangan yang dikemukakan melihat bahawa negeri atau negara yang miskin tidak mempunyai keupayaan dalam memberi perhatian terhadap penjagaan kesihatan khususnya dalam dua isu utama iaitu pencegahan dan pemulihan di samping dasar-dasar kerajaan dan pihak swasta dalam menyediakan perkhidmatan tersebut.¹¹¹ Selain itu, dalam memastikan pembangunan modal insan yang sempurna dalam sesebuah

¹¹⁰ Stuart R. Lynn, *op.cit.* 172

¹¹¹ Anthony B. Zwi dan Anne Miils (1995), "Health Policy in Less Developed Countries : Past Trends and Future Directions", *Journal of International Development* 7, no. 3 (May-June 1995). h. 299

negara atau negeri yang maju, perlu juga dilihat tentang pemulihan kesihatan yang merangkumi penjagaan yang berkesan, vaksinasi yang rutin, penyediaan makanan asas yang baik, masalah kekurangan air dan termasuk juga masalah penjagaan kepada serangga yang membawa penyakit.¹¹² Ini menunjukkan bahawa dalam memastikan pembangunan modal insan yang baik dan seimbang aspek penjagaan kesihatan dilihat sangat penting khususnya dalam sebuah negeri maju. Menurut Laporan Bank Dunia, dalam kebanyakan negara yang sedang membangun, aspek fasiliti, peralatan dan sumber manusia dalam aspek penjagaan kesihatan amat dititiberatkan khususnya di kebanyakan hospital dalam negeri tersebut.¹¹³

Menerusi penjagaan dan pemuliharaan kesihatan yang baik yang diterapkan dalam sesebuah negara atau negeri, ia dilihat sudah memadai dalam menentukan maju dan mundurnya sesebuah negeri itu khususnya dalam pembangunan modal insan ini.

Seterusnya, menerusi pembangunan modal insan yang diterapkan dalam sesebuah negara maju, aspek yang juga dilihat memainkan peranan penting ialah aspek pendidikan. Walaupun perbahasannya sudah dibincangkan dengan terperinci dari aspek sosial, namun ia dilihat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan modal insan ini di sesebuah negara. Menurut perangkaan yang dikeluarkan dalam sesebuah negara yang berpendapatan tinggi atau lebih mudahnya sesebuah negara maju sebenarnya setiap kanak-kanak akan mendapat pendidikan awal, menengah walaupun perbelanjaan pendidikan di dalam sesebuah negara itu tinggi.

¹¹² Santosh Mehrotra dan Richard Jolly, (pnyt.) (1998) *Development With A Human Face : Experiences in Social Achievement and Economic Growth*. Oxford : Oxford University Press. h. 100-102

¹¹³ World Development Report (1993). h. 134

Namun jika dibuat perbandingan dengan negara yang mempunyai pendapatan yang rendah dengan merujuk sebahagian dari negara China dan India, hanya 82% yang mendapat yang mendaftar untuk menduduki sekolah rendah dan hanya sepertiga pula mendapat pendidikan menengah. Tambahan pula dicatatkan secara keseluruhannya pelajar perempuan didaftarkan dengan dengan pelajar lelaki sebanyak 94% pada peringkat sekolah rendah, manakala 83% pula pada peringkat menengah dengan dinyatakan bahawa terdapat beberapa negara lain yang juga mencatatkan perangkaan yang lebih rendah.¹¹⁴ Ini disebabkan dalam usaha sesebuah negara untuk mencapai kemajuan, pembangunan modal insan yang berteraskan pendidikan ini sangat signifikan apatah lagi dengan harapan bahawa dengan memiliki pekerja dan rakyat yang berpendidikan ia akan mempertingkatkan produktiviti berbanding penggunaan mesin.¹¹⁵ Sehubungan dengan itu, dalam memperkatakan tentang pembangunan modal insan pada sesebuah negara maju, aspek pendidikan dengan meletakkan taraf keilmuan yang tinggi dapat menjamin kepada kemajuan sesebuah negara tersebut. Menerusi pendidikan yang merangkumi pendidikan rendah, menengah hingga ke peringkat yang lebih tinggi, seharusnya ia mampu menjamin kepada kemajuan sesebuah negara tersebut. Sebagai contoh, kebanyakan negara Asia khususnya di Timur telah menunjukkan sebahagian negara memperlihatkan peningkatan sebanyak 100% kemasukan pelajar di sekolah rendah pada tahun 1960, seterusnya menumpukan pula kepada pendidikan menengah dan hampir 40% daripada pelajar tersebut menyambung pengajian di peringkat vokasional selepas itu. Kemampuan yang dicapai ini

¹¹⁴ World Development Indicators and Human Development Report (1998). h. 140

¹¹⁵ T. Paul Schultz (1988) "Education Investments and Returns" dalam Hollis Chenery dan T.N. Srivinasan (pnyt.) Handbook of Development Economic. Vol. 1. Amsterdam : Elsevier Science Publishers. h. 534. Lihat juga Paul Glewwe (1996) "The Revelance of Standard Estimates of Rates of Return for Schooling foe Educatinonal Policy : A Critical Assessment," *Journal of Development Economics* 51, no. 2 (Disember 1996).h. 267-290

disebabkan pelaburan yang tinggi dalam pendidikan sebagai contoh memberi ganjaran yang tinggi kepada guru-guru yang mengajar.¹¹⁶

Hasilnya kini kebanyakan negara Asia tersebut khususnya, Jepun, Korea dan China, kini bolehlah dikatakan antara negara yang maju di rantau Asia dengan pembangunan modal insan yang berteraskan kepada sistem pendidikan yang teratur dan sempurna. Kesimpulan dalam membina modal insan, aspek pendidikan wajar diberi perhatian khusus supaya apa yang direncana dan dirancang mampu memberikan pulangan yang baik kepada pembangunan negara.

2.3.5 Kriteria Negara Maju Menurut Islam.

Islam merupakan agama yang sempurna merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia. Ia juga adalah agama untuk kesenangan dan kesejahteraan kepada umat manusia di dunia dan akhirat dengan dasarnya sesuai kepada keperluan manusia sepanjang masa dan semua tempat.¹¹⁷ Jika diperkatakan tentang kemajuan yang dibincangkan dengan panjang lebar dalam beberapa bab sebelum ini, kesemuanya merujuk kepada kemajuan yang berasaskan fizikal dan beberapa aspek kemanusiaan sahaja. Namun perbincangan tentang kemajuan menurut perspektif Islam mempunyai nilai perbincangan yang lebih luas dan mendalam. Perbincangan tentang kemajuan dalam Islam lazimnya akan merujuk kepada aspek pembangunan yang dikehendaki oleh Islam.

¹¹⁶ Alain Mingat (1998) "The Strategy Used by High-Performing Asian Economics in Education : Some Lessons for Developing Countries," *World Development* 26, no. 4 (April 1998), h. 695-715

¹¹⁷ Ab. Aziz Mohd. Zin (2006) "Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari Di Malaysia" dalam Nor Raudah Hj. Siren, et.al *Dakwah Islam Semasa Konsep Dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 3

Tambahan pula, setiap orang Islam telah diberikan tanggungjawab oleh Allah iaitu untuk menguruskan bumi ini dengan panduan yang telah digariskan oleh Allah. Justeru itu, Islam merupakan sebuah agama yang memandu penganutnya membina dan membangunkan tamadun untuk terus berada dalam tamadun yang tinggi sepanjang masa.¹¹⁸ Oleh yang demikian, Islam adalah agama yang merangkumi semua aspek kehidupan yang menuntut kepada kemajuan bukan sahaja individu malahan juga masyarakat dan negara.

Pembangunan yang dikehendaki menurut Islam seharusnya merangkumi semua aspek kehidupan manusia merujuk kepada tiga dimensi perhubungan yang dituntut iaitu :-

- a. Perhubungan manusia dengan Allah
- b. Perhubungan manusia sesama manusia dan alam
- c. Perhubungan manusia dengan komponen dalaman merujuk kepada hati, nafsu dan akal.¹¹⁹

Pembangunan yang diterjemahkan dalam aspek perhubungan manusia ini, jelas menggambarkan bahawa kemajuan yang ditetapkan dalam Islam perlu bertunjangkan kepada nilai tauhid sebagai asas merujuk kepada perhubungan dengan Allah. Ada juga yang memperkembangkan lagi pokok persoalan berhubung pembangunan negara ini dengan menekankan aspek tauhid *ulūhīyyah*, tauhid *rubūbīyyah*, *khilāfah*, *tazkīyyah al-nafs* dan juga *al-falāh*.¹²⁰ Tambahan pula ia diperkukuhkan dengan tujuan penciptaan manusia iaitu untuk beribadat kepada Allah.

¹¹⁸ Ab. Aziz Mohd. Zin (2005) *Syarah Perdana Peranan Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. h. 12

¹¹⁹ Muhammad Syukri Salleh (1990) "Ke Arah Pembentukan Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam" dalam Muhammad Syukri Salleh (pnyt.) *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia. h. xii

¹²⁰ Aidit Ghazali (1990) *Development In Islamic Perspective*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications. h. 22-23

Firman Allah,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya : *Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan (beribadat) kepada-Ku.* (Surah al-Zariyyat (51) : 56).

Sehubungan dengan itu, pembangunan dan kemajuan bukanlah matlamat akhir kehidupan manusia, tetapi ia hanyalah merupakan mekanisme untuk menjalankan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Fungsi utama Islam ialah untuk memimpin pembangunan manusia mengikut garis panduan yang betul dan ke arah yang sebaik-baiknya berasaskan kepada beberapa dimensi utama iaitu tauhid, *rubūbiyyah* (sifat Allah sebagai penguasa), *khilāfah* (peranan manusia sebagai utusan Allah), dan *tazkīyah* (penyucian diri manusia).¹²¹

Di dalam al-Quran persoalan berhubung dengan aspek kenegaraan khususnya negara yang maju dan dirahmati Allah telah diperkatakan oleh Allah swt dalam firmanNya iaitu

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُمْ بَلَدَهُ طَيِّبَةً وَرَبُّهُمُ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Maksudnya : *Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan yang Maha Pengampun".* (Surah Sabā (34) : 15)

¹²¹ Muhammad Kamal Hassan (1991) "Islam Asas Pembangunan" dalam Shafie Salleh dan Mohd. Affandi Hassan *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar Dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara. h. 187

Menerusi ayat ini, Allah telah menceritakan tentang kewujudan sebuah negeri iaitu negeri Sabā'. Kerajaan Sabā' merupakan kerajaan 'Arab yang terbesar dan paling agung pada zaman sebelum Nabi Muhammad saw.¹²² Disebabkan keagungannya, maka sejarahnya dicatatkan dalam al-Quran. Kemasyhuran kerajaan Sabā' ini dirakamkan oleh Allah ini kerana pada zaman awalnya, mereka mengamalkan ajaran agama dengan sempurna sehinggakan mereka disifatkan 'negeri yang baik dan mendapat pengampunan Tuhan'. Selain itu, kerajaan ini memiliki hasil kekayaan rempah ditambah pula dengan mereka mempunyai kemahiran dalam bidang kejuruteraan, ekonomi dan seni bina. Lantaran itu mereka berupaya membina sebuah empangan yang besar iaitu Empangan Ma'rib yang dibina pada 750 SM iaitu pada zaman Mukrab atau Mukarraib iaitu zaman beragama bermula 950 hingga 650 SM.¹²³ Natijahnya dengan pembinaan empangan tersebut, kerajaan Saba menjadi maju dan kaya dengan hasil pertanian sehinggakan ia dikenali sebagai *al-Ḥaḍrā'* (bumi hijau) oleh al-Ḥamdani.¹²⁴ Disebut juga bahawa kemasyhuran kerajaan Sabā' ini kerana dikurniakan dengan pokok tanaman yang banyak selain dirahmati Allah dengan diberikan keampunan dosa.¹²⁵

Kemasyhuran kerajaan Sabā' ini disebabkan anugerah dengan nikmat Allah dari aspek kemakmuran kerajaannya yang diperintah oleh Ratu Balqis yang patuh pada syariat yang dibawa oleh Nabi Sulaiman selain mereka mensyukuri dengan kenikmatan yang diberikan selain mereka beriman kepada Allah swt.¹²⁶ Ertinya di sini bahawa kemajuan sesebuah negeri dari perspektif Islam ialah pemerintah yang adil selain daripada memiliki

¹²² Mahayudin Yahya dan Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti. h. 12

¹²³ Bernard Lewis (1970) *The Arabs In History*, 5th edition. London : Hutchison University Library. h. 24

¹²⁴ al-Ḥamdani merupakan seorang ahli sejarah, penyair dan ahli geografi Arab yang terkenal. Beliau berasal dari Arab Selatan, dilahirkan di bandar Sana', Yaman pada kurun ke 3 H dari keturunan suku Hamdan. Beliau menjadi masyhur kerana karangan beliau iaitu *al-Iklil*. Buku ini berbentuk ensiklopedia yang mengandungi maklumat tentang sejarah selatan Semenanjung Arab pada zaman sebelum Nabi Muhammad saw. Ramai sarjana moden menjadikan tulisan beliau ini sebagai sumber rujukan utama khususnya sejarah Arab sebelum Islam. Lihat Mahayudin Yahya, *op.cit.* h. 35

¹²⁵ Qurṭubī, Abī 'Abd. Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī (1995), *al-Jāmi' al-Ahkām al-Qur'ān* Juzuk 13. Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī. h. 284

¹²⁶ Kathīr, al-Imām Abī al-Fidā al- Ḥāfiẓ ibn, (1992), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Jilid 3. Beirut : Dār al-Fikr. h. 639

rakyat yang mentaati perintah Allah melalui takwa dan mensyukuri segala nikmat yang diberikan.

Jelas di sini bahawa kriteria utama yang diberi perhatian dalam pembinaan sesebuah negara menurut perspektif Islam ialah perlunya kerahmatan dan keampunan daripada Allah yang merangkumi dimensi peribadatan kepadaNya. Ertinya di sini, walau apa keadaan sekalipun khususnya dalam perbincangan tentang negara maju ia perlu kepada unsur pengabdian diri kepada Allah menerusi apa yang telah dirakamkan dalam ayat di atas.

Selain daripada itu, pokok perbincangan tentang sesebuah negeri atau negara yang sering dibincangkan ialah perkara yang berkaitan dengan konsep khalifah. Khalifah merujuk kepada istilah yang digunakan merujuk kepada orang yang dilantik menggantikan orang lain dan mewakili orang lain dalam sesuatu urusan.¹²⁷ Dari segi istilah syarak, khalifah ialah orang yang bertanggungjawab memimpin urusan umat Islam atau kepimpinan negara Islam. Ia juga merupakan ketua bagi sesebuah negara Islam di samping melaksanakan undang-undang Islam dan sebagai pelindung agar ia terus kekal.¹²⁸ Dalam konteks hubungan manusia sebagai khalifah, mereka bertindak sebagai wakil Allah swt dalam mengimarahkan bumi ini menurut kehendak yang telah ditetapkan oleh Allah.¹²⁹ Ertinya di sini sesebuah negara Islam itu sewajarnya ditadbir dan diurus oleh seseorang khalifah yang melaksanakan segala perintah Allah. Ini perlu memandangkan jumhur ulama telah berkata bahawa negara Islam adalah negara yang didiami oleh umat Islam dan dilaksanakan di dalamnya hukum-hukum Islam.¹³⁰ Melalui konsep khalifah yang perlu ada

¹²⁷ Zaydān, 'Abd. al-Kārim, (1994), *Usūl al-Dakwah*, Beirut : Mūassasah al-Risālah. h. 231

¹²⁸ *Ibid.* h. 232

¹²⁹ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990) *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul*. Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Civilization. h. 4

¹³⁰ Qayyim, Shams al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad, ibn (t.th), *al-Ahkām ahl al-Dhimmah*. Syria : Maṭba'ah Jāmiyah al-Dimashq. h. 266

dalam sesebuah negara Islam, ia dilihat memainkan peranan yang besar dalam menjamin kemakmuran dan kemaslahatan rakyat di bawah urus tadbirnya.

Berdasarkan kepada pembangunan yang dilihat sebagai kekuatan dan indikator utama sebagai menilai kemajuan dan kemunduran sesebuah negara, aspek ekonomi sering diberi perhatian. Seajar dengan itu, Islam amat menitikberatkan terhadap pembangunan ekonomi begitu penting. Islam melihatnya sebagai satu perkara yang penting dalam kehidupan manusia lebih-lebih lagi ia dilihat sebagai unsur kemajuan dan pembangunan. Islam melihat untuk memimpin pembangunan manusia mengikut garis panduan yang betul dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Justeru itu ia harus menyentuh semua aspek pembangunan ekonomi bersama-sama dengan pembangunan manusia secara keseluruhannya dan ia harus dilakukan secara sepadu.¹³¹ Lantaran itu, konsep pembangunan Islam mempunyai sifat yang menyeluruh yang merangkumi aspek moral, kerohanian dan kebendaan. Pembangunan merupakan suatu aktiviti yang berteraskan nilai dan matlamat penyempurnaan kesejahteraan manusia dalam semua aspek. Aspek moral dan ekonomi, sosial dan kerohanian serta fizikal tidak dapat dipisahkan. Tambahan pula objektif asal kejadian manusia berasaskan konsep pengabdian (*ta'abud*) kepada Allah sebagai pencipta yang memiliki, menguasai, mentadbir dan menguruskan alam ini.¹³² Tujuannya bukan sekadar kebajikan di dunia ini tetapi melangkaui akhirat, yang mana dimensi ini tidak terdapat dalam konsep pembangunan masa kini.¹³³

Bagi memperkukuhkan perbincangan tentang kemajuan sesebuah negara itu dari sudut ekonomi yang dikehendaki oleh Islam, ia perlu merujuk kepada nilai dan keperluan

¹³¹ Khurshid Ahmad (1980) *Economic Development In An Islamic Framework*. United Kingdom : Leceister. h. 171-184

¹³² Zaydān, Abd. al-Karīm (1991), *al-Madkhal li Dirāsah al-Syar 'ġyah al-Islāmīyah*. Beirūt : Muassasah al-Risālah. h. 7

¹³³ Muhammad Kamal Hassan (1990) "Pembangunan Yang Berteraskan Islam" dalam Muhammad Syukri Salleh (pnyt.) *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Penerbit USM. h. 5

ekonomi yang maju menurut kehendak Islam. Kita maklum bahawa Islam merupakan sebuah agama yang menuntut kepada kemajuan dari pelbagai aspek. Dari aspek keimanan, peribadatan hinggalah ke tahap yang lebih luas merangkumi aspek kehidupan manusia iaitu ekonomi, politik dan sosial. Dalam memperkatakan isu ini, iaitu dalam konteks untuk mencapai kemajuan secara sepadu dari aspek ekonomi, ia perlu asas-asas Islam yang kukuh dalam melahirkan manusia yang bekerja dengan dorongan daripada diri mereka sendiri selain bekerja dengan bersungguh-sungguh dengan cara yang baik dan sempurna. Selain itu mereka perlu menjauhkan diri dari perbuatan yang dilarang oleh Allah dan tidak melibatkan diri dalam dosa dan maksiat. Natiujahnya sudah tentu tenaga mereka akan dapat digunakan dalam memperbesarkan produktiviti dan mempercepatkan kemakmuran sesebuah negara.¹³⁴ Hasilnya kemajuan yang dituntut dari konteks ekonomi bagi sebuah negara maju menurut acuan Islam akan dapat dicapai.

Dalam memperkemas perbincangan tentang kriteria negeri maju ini, seharusnya kita perlu melihat sejarah dan tamadun umat Islam yang terdahulu apabila kemajuan yang mereka perolehi telah menjadi tatapan dan ikutan buat pembangunan sesebuah negara pada masa kini. Jika dilihat kepada asas pembangunan dan kemajuan negara Islam, ia telah dimulakan sejak zaman Rasulullah saw lagi ketika baginda berhijrah ke Madinah. Hijrah Rasulullah saw ke Madinah pada 12 Rabiul Awal tahun pertama Hijrah bersamaan 24 September 622 Masihi adalah tanda bermulanya satu era baru dalam sejarah Islam.¹³⁵ Ini kerana hijrah Rasulullah saw ke Madinah telah menyebabkan tertubuhnya sebuah negara Islam yang menjadi contoh kepada pelbagai umat, zaman dan tempat. Namun demikian pembinaan negara Islam era Rasulullah saw ini lebih menjurus kepada persoalan pokok

¹³⁴ Qaradāwī, Yūsuf al-, (1969) *al-Īmān wa al-Ĥayāh*. Beirut : Dār al-Saūdiyyāh. h. 304

¹³⁵ Muhammad Yasin Mazhar (1993) *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah* (terjemahan Khalil Mohd. Zain dan Md. Yunus Md. Said). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1

iaitu, baginda telah menyediakan landasan dan kerangka sebenar dalam pembinaan sebuah negara Islam.

Bagi membuktikan kepada kemajuan dalam negara Islam, seharusnya kita soroti tentang kemajuan dan kemakmuran yang telah ditempa oleh kerajaan-kerajaan Islam khususnya yang melibatkan kerajaan Islam pada zaman Umayyah dan Abbasiyyah.

Ada yang berpendapat bahawa zaman keemasan tamadun Islam sudah bermula pada zaman kerajaan Abbasiyyah lagi (750-1258M) dan kerajaan Islam di Sepanyol (755-1492M).¹³⁶ Ini kerana kedua-dua dinasti tersebut telah membuktikan kepada dunia kini bahawa kemajuan yang mereka capai telah melayakkan mereka menempa kemajuan dalam pembinaan negara seterusnya menjadi kayu ukur kepada kemajuan yang dicapai oleh tamadun manusia kini. Buktinya kemajuan Eropah moden ketika ini merupakan hasil daripada proses sejarah panjang yang dimulai sejak abad pertengahan. Ketika itu, masyarakat Eropah masih dibelenggu dengan kemunduran dalam bidang ekonomi, politik, pendidikan dan sosial malahan mereka buta huruf dan hidup dalam kemiskinan.¹³⁷ Ketika itulah masyarakat Eropah banyak mempelajari ilmu pengetahuan di institusi perguruan tinggi Islam khususnya di Andalus yang merupakan pusat tamadun Islam yang amat penting dalam menyaingi Baghdad di timur.¹³⁸

Ia diperkukuhkan lagi dengan kemajuan yang dicapai oleh kerajaan Islam di Andalus ini pada era period ketiga (912-976M). Dikatakan pada zaman ini ia merupakan

¹³⁶ Jamal A. Badawi (1997) "Muslim Contributions To Civilisation, Its Roots And Historical Manifestation" dalam Syed Othman al-Habshi dan Nik Mustapha Nik Hassan (pynt.) *Islamic Civilisation : Present and Future Challenges*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia. h. 16

¹³⁷ Harun Nasution (1995) *Islam Rasional*. Bandung : Pustaka Mizan. h. 101-102

¹³⁸ Mohd. Syukri Yeoh Abdullah dan Abdul Ghafar Don (2007) *Penyebaran Islam Di Andalus Menurut Perspektif Dakwah dalam Prosiding Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan II. Politik, Ekonomi, Sosial dan Intelektual Era Andalusi* Bangi : Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM. h. 121

kejayaan Islam di Andalus iaitu semasa kerajaan ini diterajui oleh Abd. Rahman III (912-961M) dan puteranya Al-Hakam II (961-976M). Pada zaman Abd. Rahman III, beliau telah menjadikan Andalus sebagai pemerintahan yang kuat dan terluas meliputi Morocco dan Ceuta di Afrika yang dikuasainya selepas era Fatimiyyah pada 918-931M.¹³⁹ Di bawah kepimpinannya ini, seluruh kawasan Andalus dapat disatukan dengan utuh. Segala prasarana meliputi sekolah, jalan raya, perpustakaan, rumah penginapan dan rumah anak yatim telah dibangunkan secara besar-besaran selain pertanian, perdagangan dan perindustrian dan ilmu pengetahuan juga telah dibangunkan dengan pesat sehingga ia dikenali sebagai Bapa Pembangunan Cordova.¹⁴⁰ Hujah ini diperkukuhkan lagi apabila ada yang berpendapat bahawa pembangunan yang dilakukan oleh begitu pesat dengan pembinaan masjid sebanyak 700 buah, 300 buah tempat mandi bagi orang awam selain pembinaan Istana Zahrā' yang indah dengan keajaiban kesenian Islam kerana memiliki 400 buah bilik yang diperbuat dari batu marmar putih dari Nurmedia dan Carthago selain jalan-jalan raya diterangi dengan cahaya yang terang tatkala ketika itu jalan-jalan di Perancis masih lagi gelap.¹⁴¹ Segala pembangunan ini khususnya yang melibatkan kehidupan perbandaran dan kenegaraan ini ada benarnya kerana bandar dan kota yang makmur diwujudkan oleh seseorang pemerintah dan bangsa apabila mereka mencapai puncak kemewahan dan inginkan hidup aman damai di dalamnya.¹⁴² Ertinya kemajuan sesebuah negeri atau negara itu dilihat kepada kemakmuran dan kesejahteraan yang dikecapi oleh pemerintahnya lebih-lebih lagi buat rakyat yang bernaung di bawahnya.

¹³⁹ Syed Mahmudunnasir (1993) *Islam ; Its Concept And History*. New Delhi : Kitab Bhavan. h. 303.

¹⁴⁰ Dikatakan bahawa Abd. Rahman III ini memang terkenal sebagai seorang pemimpin agung yang mempunyai semangat dalam membina, memelihara dan memakmurkan negaranya. Lihat Mahayudin Yahya (1990), *Islam Di Sepanyol Dan Sicily*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 37

¹⁴¹ Philip K. Hitti (1970), *History of The Arabs*. London : Mc Millan Press. h. 526-530

¹⁴² Hadrami, 'Abd. Rahman b. Muhammad Khaldun (1980) *The Muqaddimah : An Introduction To History* (terjemahan Franz Rosenthal). Princeton : Princeton University Press. h. 393

Maksudnya di sini, kegemilangan yang ditempa oleh kerajaan Islam era Andalus ini bertitik tolak dari kemajuan negara Islam itu sendiri. Natijahnya kepada dunia kini khususnya negara-negara Islam yang mahukan kemajuan perlulah menepati piawaian yang telah digunakan pada era kerajaan Islam terdahulu seperti kerajaan Islam di Andalus ini tanpa mengenyepikan konsep asas pembangunan sesebuah negara yang dituntut oleh Islam. Selain daripada itu juga, sejarah telah membuktikan bahawa Islam yang diturunkan oleh Allah dilihat memberi keupayaan dan kekuatan kepada manusia untuk mencapai kemajuan dalam pembangunan hidup mereka. Hujahnya berdasarkan kepada senario yang telah dikupas menerusi pembinaan negara Islam sejak zaman Rasulullah dan diteruskan serta diwarisi oleh kerajaan-kerajaan Islam selepas itu. Inilah yang dituntut dalam Islam yang mahukan umatnya kuat dan maju dalam segenap aspek.

Selain daripada itu, dengan kemajuan dan kemakmuran yang dikecapi oleh negara-negara Islam, ia telah mencetuskan kemajuan dari aspek pendidikan. Ini disebabkan dengan ledakan kegemilangan ilmu pengetahuan, ia merupakan bukti bahawa, kemajuan negara Islam telah menjadi faktor kepada kemajuan intelektual umat Islam. Buktinya lahirnya tokoh-tokoh agung dalam bidang sains seperti al-Khawarizmi, al-Kindi, al-Biruni dan lain-lainnya. Mereka dan tokoh-tokoh yang lain telah memberi kesan yang besar dalam kemajuan ilmu pengetahuan kepada manusia sejagat. Ketokohan mereka dalam bidang masing-masing merupakan kesan yang lahir dari kemajuan yang telah dicapai pada zamannya. Contoh yang boleh dijadikan hujah ialah pada zaman Abbassiyah yang terkenal sebagai salah satu zaman keagungan tamadun Islam atau lebih sinonimnya sebagai zaman kemajuan negara Islam, telah wujud satu budaya kemajuan intelek yang pesat. Antaranya budaya pemindahan ilmu melalui penterjemahan begitu rancak seperti Abdullah ibn al-Muqaffa (749M) yang telah menterjemahkan buku-buku Parsi ke dalam bahasa Arab selain

menterjemahkan sebahagian dari buku Aristotle tentang ilmu logik, buku Isagoge oleh Porphyer dan beberapa buah buku perubatan lagi.¹⁴³ Kejayaan ini tidak boleh ditempa sekiranya suasana negara Islam ketika itu dalam keadaan mundur.

Kejayaan itu tidak terhenti begitu sahaja, malahan ia semakin maju dan pesat pada zaman Khalifah al-Makmun di mana telah didirikan sebuah perpustakaan yang hebat dikenali sebagai “Dār al-Ḥikmah”. Antara aktiviti yang dijalankan di perpustakaan tersebut ialah memberikan peruntukan kepada kepada sesiapa sahaja yang mahu melakukan penterjemahan dalam segenap bidang pengetahuan.¹⁴⁴ Seterusnya hasil gigih yang berterusan ini diteruskan dengan usaha-usaha pengembangannya berasaskan pendekatan Islam di mana sarjana-sarjana Islam ini telah memainkan peranan yang besar dalam pengembangan ilmu pengetahuan khusus dalam bidang sains dan teknologi. Al-Khawarizmi misalnya (780-850M) telah dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab tentang pembinaan sistem angka yang digunakan sekarang sekurang-kurangnya dari segi penggunaan, pempopularan dan penyebarannya di Barat.¹⁴⁵

Selain daripada itu, beberapa nama agung yang tersohor sehingga hari ini sebagai sarjana Islam yang besar sumbangannya dalam tamadun ilmu seperti Jaber ibn. Hayyan (721-815M) yang telah mengasaskan pembinaan makmal kimia di dunia selain menemui asid nitrik. Seterusnya Al-Razi (865-925M) yang lahir beberapa tahun kemudian telah membuat pengkelasan sebatian kimia. Ibnu Sina (980-1037M) telah menerangkan lebih dari 760 ciri-ciri ubatan. Ya’qub al-Kindi (801-873M) telah menerokai bidang fizik

¹⁴³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2002) “Sumbangan Sarjana Islam Dalam Sains Dan Teknologi” (Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Islam dan Teknologi di Legacy Hotel Melaka, 11-12 September 2002), h. 3

¹⁴⁴ Umar Fārrukh (1983) *Tārikh al-Fikr al-‘Arabīy*, Jilid 4. Beirut : Dār al ‘Ilm Lil Malāyīn. h. 273

¹⁴⁵ Shaharir Mohamad Zain (1992) “Kedudukan Matematik Muslim Dalam Sejarah Matematik” dalam Sulaiman Noordin, *Sains Menurut Perspektif Islam*. Bangi : Pusat Pengajian Umum UKM. h. 88

khususnya optik. Al-Biruni (973-1050M) yang telah mengarang hampir 150 buah buku dalam pelbagai bidang ilmu seperti kosmologi, sejarah, geografi, fizik, kimia, geologi dan biologi selain Ibnu al-Nafis yang telah menemui sistem edaran darah dalam tubuh badan manusia.¹⁴⁶ Begitulah sumbangan sarjana Islam terhadap dunia kini yang mana ia lahir ketika Islam berada di puncak kegemilangan atau lebih indahya ia wujud dalam kemajuan negara Islam ketika itu sehinggakan seorang sarjana Barat, Profesor George Sarton mengakui tentang kehebatan saintis Islam ini dengan mengatakan bahawa pencapaian sarjana-sarjana Islam ini telah sampai ke tahap yang tertinggi kedudukannya.¹⁴⁷

Jelas ia memberi gambaran bahawa dengan kemajuan yang dicapai dalam sesebuah negara itu, ia mampu menjadi landasan yang terbaik kepada ledakan ilmu pengetahuan dan intelektual kepada rakyat yang bernaung di bawahnya. Tambahan pula dengan keadaan dan status agama Islam yang tinggi dan mulia berbanding dengan masyarakat lain.¹⁴⁷ Ini bersandarkan kepada firman Allah

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya : *Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang beriman.* (Surah ali-Imran (3) : 139)

Menerusi ayat ini, difahamkan bahawa kriteria dari sudut keilmuan dilihat sebagai lambang kepada kemajuan dan pembangunan sesebuah agama, apatah lagi jika ia membabitkan sesebuah negara. Ini disebabkan dengan adanya umat yang berilmu, ia akan menjadi pemangkin kepada kemajuan sesebuah masyarakat dan negara. Lantaran itu, ia

¹⁴⁶ Ishfaq Ahmad (2000) "Research And Development in The Islamic World; Past and Present Problems and Future Directions". *Journal of Islamic Science*. Vol. 16 (1-2), h. 127-135

¹⁴⁷ George Sarton (1968) *Introduction To The History of Science*, Vol. 1. Baltimore : The Williams & Wilkinson Co. h. 17

akan mewujudkan umat yang maju dan kuat kerana untuk memajukan bumi ini adalah tugas orang Islam secara khusus sebagai umat yang mewarisi kepimpinan bumi ini dengan semua kemudahan yang disediakan oleh Allah kepada asas pembinaan kemajuan.¹⁴⁸

Berdasarkan kepada huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kriteria bagi sesebuah negeri maju yang diperuntukkan oleh Islam perlulah melalui dua dimensi iaitu dari sudut teori yang merujuk kepada asas-asas utama yang merangkumi konsep khalifah dan dasar utama dalam pembangunan negara itu sendiri. Manakala dimensi kedua pula, merujuk kepada amalan melalui zahirnya negara Islam yang maju itu dilihat dari kemajuan yang telah dicapai melalui bukti-bukti sejarah yang dapat dilihat dan dikenalpasti. Melalui dua dimensi ini, ia menampakkan kesepaduan yang utuh antara keduanya, maka kriteria negara Islam dapat dikemukakan dan diperkukuhkan melalui kesepaduan kedua-dua dimensi tersebut. Ertinya bahawa kemajuan sesebuah negara itu menurut Islam apabila tugas sebagai khalifah yang berteraskan asas *iqāmah al-dīn* (mendirikan agama) dan *i'timār al-dunyā* (memakmurkan bumi) dapat dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, kemajuan yang dituntut dalam segenap dimensi kehidupan manusia dapat dipenuhi.

Kita sedia maklum bahawa tujuan syariah Islam ialah untuk mewujudkan kesejahteraan untuk umat manusia sama ada dari aspek dunia dan akhirat.¹⁴⁹ Kemajuan ekonomi yang bersifat material bukan semata-mata untuk dijadikan rujukan untuk dinilai kemajuan sesebuah masyarakat atau negara tetapi ia perlu juga diseimbangkan dengan pembangunan spiritual yang merangkumi aspek aqidah, akhlak dan syariah. Dalam membincangkan tentang kriteria negeri maju dari perspektif Islam, wajar kita melihat dan

¹⁴⁸ *Ibid.*, h. 19

¹⁴⁹ Ahmad Sarji Abd. Hamid (2005) "Indeks Pembangunan Ummah Di Malaysia" dalam *Sekadar Berpendapat*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia. h. 51

menilai tentang Indeks Pembangunan Islam (IPI) yang telah dibangunkan oleh Institut Kefahaman Malaysia (IKIM) sebagai panduan kepada pemerintah di dalam sebuah negara atau negeri dalam usaha mereka untuk mencapai kemajuan seiring dengan tuntutan syariah Islam. Jadual berikutnya adalah berkaitan Indeks Pembangunan Islam yang perlu dipraktikkan.

Jadual 2.1 Indeks Pembangunan Islam ¹⁵⁰

Bil.	Indeks Pembangunan Islam
1.	Kutipan zakat (rukun Islam ke 3)
2.	Bilangan amil (rukun Islam ke 3)
3.	Aset perbankan (muamalat)
4.	Aset takaful (muamalat)
5.	Bilangan pelabur (muamalat)
6.	Nilai aset bersih pelabur (muamalat)
7.	Bilangan masjid (berkaitan rukun Islam ke 2)
8.	Bilangan surau (berkaitan rukun Islam ke 2)
9.	Bilangan pendeposit Tabung Haji (berkaitan rukun Islam ke 5)
10.	Jumlah deposit di Tabung Haji (berkaitan rukun Islam ke 5)
11.	Profesional bumiputera
12.	Bilangan sekolah agama
13.	Bilangan murid sekolah agama
14.	Bilangan guru sekolah agama

Menerusi indeks ini, ia diharapkan mampu menjadi indikator kepada sesebuah negara atau negeri yang inginkan kemajuan dari perspektif Islam. Indeks ini juga dilihat merangkumi petunjuk-petunjuk yang digunakan dalam negara-negara lain dalam usaha mencapai kemajuan yang seimbang antara tuntutan dunia dan akhirat. Harapan yang diletakkan di sini, agar OIC akan menggunakan indeks ini untuk mengukur tahap pembangunan negara-negara Islam.

¹⁵⁰ *Ibid.* 57

2.4. Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Dalam perbincangan yang lalu, telah dijelaskan tentang pengurusan yang dilihat memainkan peranan yang besar dalam kehidupan manusia. Secara dasarnya, pengurusan melibatkan usaha-usaha yang bertujuan untuk melaksanakan sesuatu perkara untuk menghasilkan kebaikan dan kebajikan. Kewujudan bidang pengurusan di dalam Islam khususnya dalam dakwah dari segi teori dan amalannya tidak dapat dipertikaikan lagi berdasarkan kepada perkembangannya dalam sejarah umat Islam terdahulu khususnya pada zaman Rasulullah saw dan diteruskan oleh Khulafa al-Rasyidīn. Sehubungan dengan itu wujudnya teori dan bukti yang menunjukkan bahawa baginda telah berjaya menyebarkan dakwah Islam dengan cemerlang dan jayanya.

Buktinya apabila Rasulullah telah berjaya membina strategi dakwah yang berkesan semasa baginda menjalankan kegiatan dakwah di Makkah. Salah satu kejayaan dakwah di zaman Makkah, apabila baginda mewujudkan pusat dakwah yang berpusat di rumah al-Arqam dalam usaha menggerakkan para pendakwah untuk menjalankan kerja-kerja dakwah dan dijalankan dakwah secara rahsia.¹⁵¹ Menerusi pusat ini, Rasulullah telah dapat merangka strategi dan perancangan yang teratur di dalam menggerakkan jentera dakwah baginda agar usaha-usaha dakwah baginda memperoleh kejayaan yang memberangsangkan.

Selepas hijrah ke Madinah pula baginda telah memperluaskan strategi dakwah dengan suatu institusi yang lebih bercorak formal iaitu institusi masjid. Melalui institusi masjid, baginda telah mengadakan mesyuarat selain menjadikannya sebagai pusat

¹⁵¹ Raūf Syalabī (1982), *Sīkūlūjiah al-Rā'i wa al-Da'wah*. Kuwait : al-Qalam. h. 303

pengajian dan pendidikan, pusat pentadbiran negara, pusat pertahanan, pusat kehakiman dan penyatuan ummah.¹⁵² Tambahan pula, peranan masjid kini, bukan sahaja pusat kerohanian bagi orang muslim tetapi sebagai pusat politik, pendidikan dan kemasyarakatan (sosial).¹⁵³

Kedua-dua situasi ini memberi gambaran jelas bahawa, baginda Rasulullah saw telah melaksanakan pengurusan dakwah yang tersusun dan terancang sama ada dari sudut strategi mahupun dengan pemusatan gerakan dakwah yang dilihat sangat menyumbang kepada kejayaan dakwah tersebut. Ertinya hubungan antara disiplin pengurusan dan dakwah ini sangat berkait rapat, memandangkan kejayaan dakwah yang telah dikecapi oleh baginda Rasulullah menampakkan peranan pengurusan yang berkesan.

Bagi melanjutkan perbincangan ini, kupasan berkaitan pengurusan dakwah di negeri maju ini akan ditumpukan kepada dua aspek. Aspek pertama menyentuh tentang teori pengurusan dakwah di negeri maju dan aspek kedua pula menyentuh kepada amalan pengurusan dakwah di negeri maju. Dari aspek teori pengurusan dakwah ini, pengkaji akan membincangkannya dari sudut perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan pengurusan.¹⁵⁴ Manakala dari aspek amalan pula, skop perbincangan akan tertumpu kepada pengurusan program, organisasi, kewangan dan sumber manusia.¹⁵⁵ Menerusi dua skop perbincangan ini, ia akan memudahkan kepada pemahaman dan kajian yang menyeluruh berhubung pengurusan dakwah di negeri maju.

¹⁵² Ab. Aziz Mohd. Zin (2002), "Pembangunan Minda Pegawai Masjid" (Kertas kerja Seminar Pembangunan Masjid di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 28 Disember 2002. h. 3

¹⁵³ Amir Hassan Siddiqi (1970), *Cultural Centres of Islam*. Karachi : Jamiyatul Falah Publications. h. 17. Lihat juga Abd. Ghaffar Don dan Kamaruzzaman Yusoff (1999), Peranan Masjid Dalam Menjana Kebangkitan Siasah Islam dalam Zulkiple Abd. Ghani, et.al. (pnyt.) *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.. h. 44

¹⁵⁴ Jaafar Muhammad (2000), *Asas Pengurusan*, Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 1

¹⁵⁵ Berhanundin Abdullah (2000) Pentadbiran Organisasi Dakwah dalam Abd. Ghaffar Don, et.al (pnyt.), *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 41

2.4.1 Fungsi Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Dari sudut teori, pengurusan dakwah di negeri maju perlu melalui beberapa peringkat asas dalam menggerakkan kerja-kerja dakwah yang sistematik dan berkesan. Telah dijelaskan bahawa di dalam perbincangan teori pengurusan dakwah ini, ia memerlukan kepada konsep asas seperti mana yang dibahaskan dalam teori pengurusan konvensional yang memerlukan input-input organisasi (sumber ekonomi dan kakitangan) dengan cara merancang, mengorganisasi, mengarah dan kawalan untuk tujuan mengeluarkan output (barangan dan perkhidmatan) yang diperlukan oleh pelanggan supaya objektif organisasi tercapai.¹⁵⁶ Ertinya di sini bahawa kejayaan pengurusan dalam setiap perkara dan ruang memerlukan kepada elemen-elemen ini termasuklah pengurusan dakwah, tambahan pula ia dijalankan di negeri maju yang mempunyai pelbagai cabaran.

(a) Perancangan

Perancangan merupakan usaha yang melibatkan penghuraian terhadap matlamat atau hala tuju organisasi, meletakkan asas perancangan atau strategi yang menyeluruh untuk mencapai matlamat dan membangunkan hierarki perancangan yang komprehensif supaya semua aktiviti dapat disepadu dan diselaraskan yang mana ia diatur terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu.¹⁵⁷

Selain itu, ia juga melibatkan pemilihan misi dan objektif serta tindakan untuk mencapainya yang memerlukan membuat keputusan iaitu memilih jalan tindakan masa

¹⁵⁶ Harold Koontz & Harry Weinrich (1997), *Pengurusan* (terjemahan Mohd. Salmi Mohd. Sohod & Siti Nadzirah Sheikh Omar). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 4

¹⁵⁷ Gary Dessler (1987). *Management Fundamentalist*. New York : Reston Publishing Company. h. 87

hadapan daripada beberapa alternatif.¹⁵⁸ Menerusi definisi ini, ia memberi gambaran bahawa perancangan merupakan tindakan awalan dalam pengurusan sebelum tindakan dan gerakan lain dilakukan.

Perkara ini diperakui benar dari sudut Islam, di mana dalam mendapatkan matlamat yang paling baik dan berkesan, kerja-kerja pengurusan itu perlu dilaksanakan dengan adanya matlamat, dasar, kendalian serta prosedur, peruntukan dan strategi kerja.¹⁵⁹ Keperluan terhadap perancangan ini dilihat memberi kesan di mana pengurusan akan menjadi lebih baik jika mempunyai tujuan yang sesuai dengan pengarahannya sesuatu kerja.¹⁶⁰ Selain dari itu, usaha-usaha merancang ini perlu dilaksanakan dalam amalan pengurusan bagi membolehkan pihak pengurusan dan golongan lain yang terlibat dengannya dapat menerima aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan dengan baik serta dapat membuat persediaan yang sepatutnya bagi melaksanakannya. Ia juga dapat mengenalpasti kekurangan masalah serta halangan dalam melaksanakan sesuatu urusannya bagi membolehkan pihak pengurusan mengatasinya secara berkesan agar matlamat dapat dicapai.

Untuk mencapai keberkesanan dalam perancangan ini, Islam telah menentukan dasar yang perlu dipatuhi iaitu dengan cara membuat kajian yang teliti dan terperinci, mengadakan rundingan dan perbincangan bersama dan merujuk kepada para intelek yang

¹⁵⁸ Harold Koontz & Heinz Weihrich (1989). *Management*. New York : Mc Graw Hill Book Company. h. 58

¹⁵⁹ Ahmad Sarūr Muḥammad (1978), *Usūl al-Idārah al-'Amal*. Qāhirah : Dār al-Kitāb al-'Arabī. h. 60

¹⁶⁰ Muḥammad Adnān al-Najjār (1981), *al-Asās al-'Ilmīyah lī al-Nazārīyah al-Tanzīm wa al-Idārah*. Beirūt : Mūassasah al-Risālāh. h. 31

mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu.¹⁶¹ Firman Allah,

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِيَ إِلَيْهِمْ فَسَئَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya :*Dan kami tidak mengutus sebelum kamu, kecuali orang-orang lelaki yang kami beri wahyu kepada mereka; Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui.* (Surah al-Nahl (16) : 43)

Pengajaran ayat ini, menuntut kepada para pengurus Islam khususnya para pendakwah supaya merujuk kepada orang yang berkelayakan dalam menjalankan perancangan kerja-kerja dakwah. Melalui perancangan yang teratur dan sistematik, sesuatu kerja yang dirancang akan dapat dijalankan dengan jayanya. Lanjutan dari itu, semua institusi dakwah perlu menetapkan perancangan dakwahnya yang baik dan sistematik kerana matlamat dakwah akan dapat dicapai jika ia diurus dengan baik dan sempurna.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks negeri maju, perancangan dalam pengurusan dakwah sangat penting kerana ia membabitkan pelaksanaan program dakwah yang terancang dan sistematik memandangkan cabaran dan masalah yang dihadapi lebih mencabar. Sebagai contoh, negeri Selangor yang sudah diketahui sebagai sebuah negeri maju telah merangka perancangan pengurusan dakwahnya melalui Jabatan Agama Islam Selangor berdasarkan kepada visi dan misi penubuhannya sebagai sebuah institusi dakwah di negeri maju. Jika dilihat kepada fungsinya yang meletakkan sasaran untuk melahirkan masyarakat Islam yang maju, berjaya, progresif dan diredhai Allah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah selaras dengan visi Negeri Selangor untuk menjadi sebuah negeri maju

¹⁶¹ Ahmad Ibrāhīm Abu Sīn, *op.cit.* h. 124-125. Lihat juga Muḥammad Sa'īd 'Abd. al-Fattāh (1981), *al-Idārah al-'Āmmah*. Qāhirah : Dār al-Miṣriyyah al-Ḥadīthah. h. 2-4

menjelang 2005.¹⁶² Sehubungan dengan itu beberapa program telah dirancang selaras dengan misi sebagai seperti program keagamaan warga industri, pengurusan jenazah, pertauliahhan pendakwah dan Ihya al-Ramadhan.¹⁶³ Segala program yang telah dirancang perlu kepada keperluan masyarakat Islam selaras dengan kemajuan yang dicapai. Oleh itu, perancangan pengurusan dakwah bagi negeri maju dilihat penting kerana ia menjamin kepada kelangsungan dakwah Islam di negeri maju.

(b) Pengorganisasian

Organisasi diertikan sebagai satu cara atau mekanisme untuk mendapatkan matlamat tertentu yang mana ia hanya boleh dicapai apabila sekelompok manusia bekerja bersama-sama.¹⁶⁴ Ia juga merujuk kepada unit sosial yang diselaraskan dengan sempadan yang boleh dikenalpasti untuk mencapai dengannya. Dengan wujudnya organisasi ini, syarikat atau institusi berupaya membentuk struktur, menformalkan organisasi, memusatkan kerja, mengadakan pembahagian buruh, mengetahui jangkaan kawalan seterusnya dapat mencapai matlamat yang disasarkan.¹⁶⁵

Manakala pengorganisasian atau lebih mudahnya disebut sebagai penyusunan di dalam pengurusan merupakan peringkat kedua dalam pengurusan dari sudut teorinya. Penyusunan pengurusan dalam amalan pengurusan dakwah ialah melibatkan usaha-usaha menghimpun, menyusun dan mengagih sumber yang ada melalui akitiviti dan tindakan yang tertentu dalam bentuk yang bersesuaian.¹⁶⁶ Melalui himpunan penyusunan atau

¹⁶² Ab. Aziz Mohd. Zin et.al, (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 127.

¹⁶³ *Ibid.* h. 250

¹⁶⁴ Ernest Dale (1960), *The Great Organizers*. New York : Mc Graw-Hill Book Company. h. 2

¹⁶⁵ Rahim Abdullah (1988), *Asas Pengurusan*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 12

¹⁶⁶ Mohamad Nazli Omar (2003), "Pengurusan Institusi Dakwah Di Negeri Sembilan : Kajian di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 46

pengorganisasian ini, ia akan mewujudkan sebuah organisasi, institusi atau jamaah yang mampu melaksanakan amalan pengurusan yang berkesan dan sistematik. Untuk itu, pengorganisasian dalam pengurusan institusi dakwah ini perlu mengambil kira keperluan masyarakat dan kemampuan organisasi untuk melaksanakan pengurusan secara berkesan melalui penyusunan yang akan melancarkan gerak kerja dan ketepatan pembahagian tugas. ¹⁶⁷ Ia akan lebih berkesan jika dalam melakukan pengorganisasian ini, sesebuah pengurusan itu mengambil kira faktor masa, tempat, keperluan, kuantiti dan kualiti. ¹⁶⁸

Faktor masa adalah berdasarkan kesesuaian masa bagi sumber manusia terhadap tugasnya dan ketepatan dari segi masa bekerja bagi aktiviti-aktiviti tertentu. Faktor tempat pula adalah suasana yang selesa untuk bidang tugasnya serta kedudukan yang betul dan sempurna dari susun aturnya. Faktor keperluan dan pengagihan sumber merujuk kepada bidang-bidang tugas yang diperlukan sahaja bagi melaksanakan sesuatu agar tidak timbul masalah dalam pelaksanaan tugas. ¹⁶⁹

Menerusi huraian yang telah dikemukakan, ia memberi gambaran bahawa organisasi dan pengorganisasian begitu penting dalam melaksanakan sesuatu tugas atau kerja khususnya dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Tidak kira apa jua keadaan, pengorganisasian atau penyusunan ini dilihat penting dalam pengurusan dakwah kerana melaluinya, ia memudah cara untuk melaksanakan sesuatu perkara khususnya program dakwah yang telah dirancang. Jika dilihat teorinya melalui apa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah saw, jelas menunjukkan bahawa organisasi dan pengorganisasian dilihat penting dalam menyebarkan dakwah.

¹⁶⁷ Berhanundin Abdullah (1997), *'Amal Jama'ie Dalam Organisasi Islam*. Besut : Zabib Enterprise. h. 16

¹⁶⁸ Ahmad Sharif Muhammad, *op.cit.* h. 190

¹⁶⁹ Mohamad Nazli Omar, *op.cit.* h. 49

Buktinya Rasulullah sebagai pemimpin tertinggi negara yang boleh diertikan sebagai organisasi utama dibantu oleh pegawai-pegawai kerajaan Islam yang terdiri daripada sahabat-sahabat seperti Hamzah b. ‘Abd. Muṭālib, Ja’afar b. Abī Ṭālib, Abū Bakar al Ṣiddīq, ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, ‘Ālī b. Abī Ṭālib, ‘Abdullāh b. Mas’ūd, Salmān al-Fārisī, Ammar b. Yassīr, Ḥuzaifah b. Yaman , Abū Zār al-Ghifari dan Bilāl b. Rabaḥ.¹⁷⁰ Menerusi fakta ini, menunjukkan bahawa organisasi iaitu negara Islam Madinah itu sendiri dan pengorganisasian yang dibentuk oleh para sahabat telah menjamin kelangsungan pemerintahan Islam seterusnya berperanan sebagai agen penyebaran dakwah ke serata pelosok Tanah Arab khususnya dan dunia amnya.

Dalam memperkembangkan lagi topik ini, seharusnya perlu ditinjau tentang amalan pengorganisasian ini dalam konteks negeri maju. Dari sudut global, pengkaji tertarik untuk melihat kepada amalan pengorganisasian dalam pengurusan dakwah ini di United Kingdom yang merupakan salah sebuah negara maju di dunia. Bagi memperkukuhkan teori pengorganisasian dalam institusi dakwah, perlu dilihat peranan yang dimainkan oleh United Kingdom Islamic Mission (UKIM). Dari sudut organisasi UKIM diketuai oleh seorang Presiden yang bertindak sebagai ketua eksekutif.¹⁷¹ Dalam menggerakkan organisasi itu, presiden dibantu oleh 10 orang ahli majlis syura yang dipilih oleh ahli dalam mesyuarat agung yang diadakan dua tahun sekali selain diwujudkan sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Eksekutif Pusat (The Central Executive Council).¹⁷² Hasilnya, organisasi ini dapat digerakkan dengan terancang dan teratur bagi menyediakan perancangan dan pelaksanaan program dakwah di negara tersebut.

¹⁷⁰ ‘Alī, Muḥammad Kurd (1968), *al-Islām wa al-Ḥaḍārah al-‘Arabīyah*. Qāhirah : Maṭba‘ah Lujnah al-Ta’līf wa al-Turjumah wa al-Nasyr. h. 96

¹⁷¹ Abd. Ghafar Don (2010) “Pengurusan Institusi Dakwah di Britain : UK Islamic Mission” (UKIM) dalam Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Salasia Hanin Hamjah, *Pengurusan Organisasi Dakwah*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah UKM. h. 3

¹⁷² *Ibid.* h. 3

Dengan adanya pengorganisasian yang terancang ini, ia membantu sesebuah organisasi atau institusi dakwah itu menjalankan kegiatan mereka dengan baik dan teratur tambahan pula dalam keadaan negara yang maju yang menjanjikan cabaran dan masalah dalam melaksanakan kegiatan dakwah.

(c) Kepimpinan

Dalam memperkatakan tentang teori pengurusan, aspek kepimpinan dilihat merupakan salah satu topik utama yang sering diberi perhatian. Kepimpinan diertikan sebagai satu kemampuan menyusun dan mengarah kegunaan semaksimum mungkin tenaga kumpulan yang dianggotai oleh dua orang atau lebih untuk mencapai matlamat yang telah dirancangkan.¹⁷³

Kepimpinan juga diertikan satu proses yang dalam hal ini seseorang individu mempengaruhi orang lain di dalam kumpulannya ke arah mencapai objektif kumpulan atau arah tuju organisasi.¹⁷⁴ Manakala dari sudut Islam, bagi menjadi seorang pemimpin yang baik, ia perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan Islam yang maksima.¹⁷⁵

Kepimpinan juga diertikan sebagai suatu tindakan yang menumpukan kepada sumber-sumber ke arah mencapai keuntungan (objektif) yang telah disasarkan.¹⁷⁶

¹⁷³ Ahmad Ibrahim Abu Sin, *op.cit.* h. 170

¹⁷⁴ Azman Che Omar (2001) *Pengurusan Di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 243

¹⁷⁵ Abdul Wahab Zakaria (1992), *Konsep Kepimpinan Dalam Islam ; Pesanan Seorang Da'ie*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam. h. 69

¹⁷⁶ Ismail Noor (2002) *Prophet Muhammad's Leadership : The Paragon of Excellence Altruistic Management A Cross-Application To Modern Management and Leadership Practice*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors. h. 5

Kepimpinan dalam pengurusan merujuk juga kepada usaha seseorang mempengaruhi seseorang yang lain dalam melakukan tugas dengan bertujuan mencapai matlamat yang telah disasarkan selain melengkapkan tugas yang diberikan.¹⁷⁷

Selain daripada itu, kepimpinan juga diertikan sebagai usaha untuk mempengaruhi individu atau sekumpulan manusia untuk melakukan sesuatu tugas bagi mencapai objektif tertentu.¹⁷⁸

Bagi melanjutkan perbincangan tentang kepimpinan ini khususnya dalam dakwah, perlu dilihat juga tentang fungsi kepimpinan yang telah ditentukan dalam Islam. Pada umumnya terdapat beberapa perkara pokok iaitu :-

- a. Membentuk dan membimbing ahli bawahannya ke arah kejayaan dunia dan akhirat.
- b. Menyatupadukan kumpulan dengan bertindak sebagai pakar rujuk, orang tengah, penasihat, kawan, pendengar yang sabar dan sebagainya.
- c. Mewujudkan suasana yang selesa untuk membolehkan orang yang dipimpin bertindak secara berkesan. Ia boleh dilakukan dengan cara memberikan dorongan yang berupa ganjaran, teguran serta amaran dan hukuman.
- d. Merancang, menyelia dan menilai prestasi setiap tugas yang diberikan kepada anggota organisasi.
- e. Memudahkan perhubungan di kalangan anggota organisasi. Ini mengambil kira kaedah penyaluran maklumat yang sesuai dan berkesan. Untuk itu kepimpinan

¹⁷⁷ Khaliq Ahmad (2008) *Management From Islamic Perspectives ; Principles and Practices*. Gombak : IIUM Press. h. 162

¹⁷⁸ Razaleigh Muhamad @ Kawangit (2010), *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam ; Sejarah, Teori Dan Pelaksanaan..* Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. h. 58

organisasi perlu mahir tentang teknik komunikasi sama ada antara perseorangan, kumpulan kecil atau kumpulan besar.¹⁷⁹

Melalui pengertian dan fungsi kepimpinan ini, ia memberi gambaran bahawa dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah ini, ia memerlukan kepimpinan yang baik sama ada pada diri pendakwah itu mahupun institusi yang berperanan dalam menjalankan kegiatan dakwah berkenaan. Melalui kepimpinan yang diterapkan dalam pengurusan secara umumnya dan pengurusan dakwah secara khususnya, ia menunjukkan bahawa dalam melakukan kerja-kerja dakwah ini ia menuntut supaya setiap yang dirancang di dalam melaksanakan program dakwah ini harus dilaksanakan dan menepati objektifnya.

Melalui pengalaman yang ditonjolkan oleh beberapa institusi dakwah di dalam Malaysia mahu pun luar khususnya dalam konteks negeri maju, aspek kepimpinan dilihat memainkan peranan yang sangat besar.

Aspek kepimpinan ini dilihat telah wujud dalam semua organisasi dan institusi dakwah yang berperanan dalam menyebarkan dakwah. Di Malaysia misalnya, Angkatan Belia Islam telah memainkan peranan yang besar dalam menggerakkan kerja-kerja dakwah menerusi objektif penubuhannya yang berperanan menggembeleng tenaga belia Islam seluruhnya untuk bekerjasama memberi bantuan dan sokongan untuk meningkatkan taraf hidup dalam semua lapangan termasuk sosial, pelajaran, kebudayaan falsafah dan teknologi.¹⁸⁰ Menerusi program-program yang mereka lakukan di seluruh Malaysia, menampakkan keunggulannya dalam menekan aspek kepimpinan dalam menerajui setiap

¹⁷⁹ Shaharom TM Sulaiman (1999), *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Batu Caves : Thinkers Library. h. 42-44

¹⁸⁰ Mohd Jamil Mukmin (2009) *Gerakan Islam Di Malaysia Kesinambungan Respons Dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara. h. 33

kerja dakwah yang dilakukan. Hasilnya banyak program-program dakwah yang mereka lakukan membuahkan hasil menerusi aspek kepimpinan yang diterapkan seperti penubuhan taman asuhan kanak-kanak (TASKI), sekolah rendah Islam (SRI) dan sekolah menengah Islam (SMI) dan lain-lain.¹⁸¹

Manakala dalam satu kajian yang telah dilakukan di United Kingdom menerusi The Islamic Foundation (IF), menerusi program ‘Cultural Awareness Training’ (CAT), menunjukkan bahawa aspek kepimpinan yang diterapkan dalam latihan ini telah menunjukkan hasil yang positif terhadap pelaksanaan program dakwah di negeri maju khususnya di United Kingdom. Berdasarkan hasil kajian ini, program ini telah mencapai objektifnya dalam memberi penjelasan tentang Islam.¹⁸²

Berdasarkan kepada keadaan tersebut, ia memberi gambaran bahawa aspek kepimpinan dalam pengurusan dakwah dilihat sangat penting kedudukannya. Kejayaan dan kegagalan kerja-kerja dakwah banyak dipengaruhi aspek kepimpinan ini. Ia disebabkan ia melibatkan pembuat dasar dan pelaksanaannya. Tanpa aspek kepimpinan ini, ia akan menjejaskan matlamat dakwah kerana tiada hubungan yang mantap antara pendakwah di dalam sesebuah institusi tersebut.

d) Kawalan

Langkah seterusnya dalam membincangkan tentang amalan pengurusan ialah kawalan. Kawalan merupakan proses pengurusan yang bertujuan untuk memastikan keadaan

¹⁸¹ Ab. Aziz Mohd Zin, et.al. *op.cit.* h. 174-175

¹⁸² Abd. Ghafar Don (2006) ‘Pendekatan Dakwah The Islamic Foundation (UK) Melalui Program Cultures Awareness Training’ dalam Nor Raudah Hj. Siren, et.al., *Dakwah Islam Semasa ; Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 145-146.

organisasi dan apa yang dihasilkan bertepatan dengan apa yang dijangkakan. Untuk itu, aktiviti pengawalan ini melibatkan kedua-dua objek iaitu manusia dan material seperti bekalan wang tunai, kelengkapan, pembekal, pesanan dan kualiti keluaran dan sebagainya. Ia juga melihat dan memeriksa perjalanan serta dengan mutu perancangan yang dipersetujui.¹⁸³ Kawalan boleh juga diertikan sebagai proses mengukur kemajuan terhadap prestasi yang dirancangan dan menggunakan ukuran pembetulan dan memastikan prestasi selaras dengan objektif pengurus.¹⁸⁴ Bagi Harold Koontz dan O' Donnell, mereka mengatakan bahawa kawalan adalah satu kepastian dan hubungan dengan orang bawahan dalam memastikan setiap tugas yang diberikan dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.¹⁸⁵

Sehubungan dengan itu, kawalan memainkan peranan yang besar dan secara langsung memastikan orang lain melaksanakan tugas yang sepatutnya dilaksanakan. Proses pengawalan ini amat diperlukan dalam organisasi kerana ia bertujuan untuk menjadikan sesebuah organisasi tersebut berkesan seperti contoh kawalan diperlukan untuk memastikan bahawa ketidaksamaan matlamat dalam sesebuah organisasi tidak menjadi halangan kepada keberkesanan organisasi.¹⁸⁶ Ini kerana, melalui kawalan yang baik dalam organisasi setiap individu yang mempunyai pandangan yang berbeza akan dapat diselaraskan pandangan mereka kaedah kawalan yang berkesan.¹⁸⁷

Ertinya di sini, bahawa kawalan amat diperlukan dalam amalan pengurusan untuk memastikan bahawa segala yang telah dirancang dapat dilaksanakan bagi mencapai

¹⁸³ Wan Azmi Ramli (1994), *Pengurusan Masa Kini*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 62

¹⁸⁴ Jaafar Muhammad, et.al (2000), *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur : Leeds Publications. h. 241

¹⁸⁵ Harold Koontz & O' Donnell (1972) *Principles of Management ; An Analysis of Managerial Functions*. New York : Mc Graw Hill. h. 6

¹⁸⁶ Kenneth A. Merchant (1982), " The Control Functions of Management" dalam *Sloan Management Review*, December 1982. h. 43-45

¹⁸⁷ Robert M. Fulmer, (1978) *The Management*. New Jersey : Macmilian Publishing Co. h. 305-307

matlamat yang telah disasarkan. Objektif utama dalam kawalan adalah untuk memastikan tindakan yang dibuat berjalan mengikut seperti yang dirancang. Ini sangat penting disebabkan ia dapat membantu pihak pengurusan dalam mendapatkan maklumat tepat dan sebenar tentang prestasi sesuatu kerja dan aktiviti.

Dari perspektif Islam pula, kawalan yang diperlukan perlulah bersandarkan kepada asas dan prinsip syariah.¹⁸⁸ Dari sudut pengurusan, kawalan sendiri dilihat memainkan peranan utama melalui perintah Allah yang mahukan keadilan dalam melaksanakan tugas pengurusan. Firman Allah.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya “ Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha Melihat. (Surah al-Nisā’ (4) : 58)

Menerusi ayat ini, Allah memerintahkan supaya setiap pengurus dan pelaksana dasar supaya mengutamakan prinsip keadilan sebagai satu bentuk kawalan dalam menunaikan setiap tugas yang diperuntukkan. Lantaran itu, asas kepada kawalan dalam pengurusan perlulah bermula pada kawalan sendiri yang perlu ada dalam diri pengurus tersebut. Pengawasan terhadap diri sendiri mampu mengelakkan seseorang individu Islam daripada melakukan penyelewengan dan sebaliknya menjadikannya bertanggungjawab

¹⁸⁸ Khaliq Ahmad, *op.cit.* h. 266

terhadap persoalan hukum syarak sepanjang ia menjalankan tugas-tugas pengurusan. Justeru Islam telah mensyariatkan sistem politik dan masyarakat seterusnya sebuah negara Islam yang bertujuan untuk mengawal pelaksanaan syariat Allah dan peraturan-peraturannya. Lantaran itu, kawalan dalam pengurusan Islam menuntut supaya aspek kawalan ini dilakukan secara kolektif berasaskan lembaga pelaksanaan masyarakat seluruhnya atau jabatan-jabatan kawalan yang lain sebagai merealisasikan perintah Allah berdasarkan firmanNya,

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya : *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar. merekalah orang-orang yang beroleh kejayaan.* (Surah ali-Imrān (3) : 104).

Menerusi ayat ini, ia memberi gambaran tentang kepentingan mengarahkan kebaikan (*makrūf*) dan menjauhkan kejahatan (*mungkar*) sebagai landasan utama dalam memperlihatkan kepentingan kawalan dalam pengurusan.

Seterusnya, dalam membincangkan tentang kawalan sebagai satu daripada teori pengurusan dalam konteks konvensional, pengkaji melihat bahawa ia lebih sesuai jika aspek kawalan ini diklasifikasikan sebagai tanggungjawab atau *al-mas'ūlīyah* dalam teori pengurusan. Ini memandangkan melalui tanggungjawab yang ada dalam diri setiap pengurus institusi dakwah berkenaan ia mampu membantu merealisasikan matlamat sesebuah organisasi tersebut. Melalui tanggungjawab yang diberikan kepada setiap anggota dalam sesebuah institusi ia mampu menjamin kepada pencapaian matlamat yang disasarkan. Ini kerana pemupukan *al-mas'ūlīyah* ini adalah perlu bagi menjana tenaga

kerja yang cemerlang dan efisien. Tanpanya pengurusan sesebuah institusi akan menjadi lemah, mudah berlaku penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah lantas ia akan memberikan implikasi yang besar.¹⁸⁹ Oleh itu, kawalan dalam pengurusan institusi dakwah perlu berlandaskan prinsip *mas'ulīyyah* ini bagi menjamin kelangsungan program dakwah serta mencapai objektif yang telah disasarkan.

Jika diimbaz kembali tentang konsep kawalan dalam pengurusan dakwah ini melalui amalan yang dilakukan oleh baginda Rasulullah memang ada benarnya apabila baginda mengawasi gerakan munafik yang menggugat perpaduan dari dalam. Ini disebabkan gerakan tersebut amat bahaya terhadap perpaduan masyarakat Islam kerana ia sangat sukar untuk dikesan kerana pada zahirnya semua anggotanya terdiri daripada orang Islam.¹⁹⁰ Ini penting kerana sekiranya Rasulullah tidak mengekang dan mengawas gerakan ini, sudah pasti ia akan merosakkan usaha-usaha dakwah Rasulullah seterusnya menggagalkan matlamat baginda untuk menyebarkan Islam tanpa sebarang halangan dan masalah. Selain dari itu, dari sudut kawalan dalam pengurusan dakwah yang baginda lakukan ialah dengan mengadakan perjanjian di antara penduduk Madinah untuk saling bantu membantu dan hormat menghormati dan akhirnya lahirlah satu masyarakat yang bersama-sama mempertahankannya daripada ancaman luar dan dalam.

Namun, dalam memperlengkapkan lagi perbincangan tentang kawalan dalam pengurusan Islam ini, seharusnya ditinjau juga tentang peranan *hisbah* yang diwujudkan dalam sistem pemerintahan Islam. *Hisbah* merupakan perkataan Arab yang berasal dari kalimah *hasaba* yang beerti menghitung, menimbang atau menilai sesuatu. Ia juga

¹⁸⁹ Razaleigh Muhamad @ Kawangit (2006) *Isu-isu Pengurusan Dakwah*. Bangi : Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 1

¹⁹⁰ Ab. Aziz Mohd. Zin (2004) *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 63

bermaksud suatu institusi yang bertugas untuk pemerhatian, peninjauan serta memastikan semua perkara bergerak di atas paksi untuk menegakkan yang baik dan mencegah kemungkaran.¹⁹¹ Institusi hisbah ini adalah satu institusi yang wujud bermula zaman Rasulullah di Madinah walaupun ketika itu, penggunaan nama hisbah ini tidak digunakan secara rasmi. Pengaplikasiannya ialah bagi mereka yang bertugas menyelia dan mengawasi perjalanan perniagaan di pasar dikenali sebagai *Ṣāhib al-Sūq* (penyelia pasar) atau *al-‘Āmil fī al-Sūq* (petugas di pasar).¹⁹² Ia juga berperanan memastikan perjalanan peraturan perniagaan di pasar seperti mengawasi timbangan dan sukatan serta menghukum mereka yang mempermainkan hukum syarak seperti menaikkan harga barang sesuka hati.¹⁹³

Secara mudahnya, institusi hisbah ini mempunyai beberapa peranan dan fungsinya dalam pemerintahan sesebuah negeri. Ia merangkumi tiga perkara utama iaitu,

- a. Perkara-perkara yang melibatkan, hak-hak Allah. Ia meliputi semua jens ibadat seperti solat, puasa, zakat dan haji. *Muḥtasib* atau penguatkuasa bertanggungjawab memastikan suruhan Allah ini dijalankan.
- b. Perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia. Ia merangkumi hak umum seperti sekatan bekalan air dan hak khusus seperti pencerobohan ke atas tanah jiran dan masalah hutang. *Muḥtasib* bertanggungjawab mengambil tindakan.¹⁹⁴
- c. Perkara-perkara yang menjadi hak bersama antara Allah dan manusia. Ia merujuk kepada peranan *muḥtasib* menegur dan mengambil tindakan ke atas

¹⁹¹ Raīs, Muhammad Dhiā'uddīn al- (1976), *al-Nazārīyyāh al-Siyāsah al-Islāmīyyah*. Qāhirah : Maktabah Dār al-Turāth. h. 46

¹⁹² Wan Ali b. Wan Jusoh, et.al (2005), *Institusi-institusi Islam*. Kuala Lumpur : Universiti Teknologi Malaysia City Campus. h. 306

¹⁹³ Sīn. Aḥmad Ibrāhīm Abū, *op.cit.* h. 82

¹⁹⁴ Māwardī, Abū Ḥasan ‘Alī b.Muḥammad b. Ḥabīb al-Baṣrīy al-Baghdādīy (1983), *al-Aḥkām al-Sulṭānīyah wa al-Wilāyāh al-Dīnīyyah*. Kaheerah : Dār al-Fikr. h. 391

pegawai-pegawai serta pemimpin yang melakukan penyelewengan atau tidak menunaikan amanah.¹⁹⁵

Lanjutan daripada itu, apa yang dapat difahami di sini ialah institusi penguatkuasaan atau hisbah ini memainkan peranan yang penting bagi memastikan matlamat dan tujuan untuk kesejahteraan dan kesentosaan negara dapat dicapai menerusi fungsi kawalan ini. Kini, dunia semakin berkembang dan ia telah menyaksikan penubuhan dan kewujudan beberapa institusi yang berperanan sebagai penguatkuasaan undang-undang seperti wujudnya jabatan polis, badan pencegah rasuah, jabatan kastam dan imigresen.¹⁹⁶ Kesemuanya berperanan dalam ruang lingkup penguatkuasaan serta menepati dasar dakwah iaitu *amar ma'rūf wa nahy al-munkar*.

Kesimpulan yang dapat diambil dari fungsi kawalan dalam pengurusan dakwah ini memberi gambaran bahawa dengan adanya kawalan ini ia dapat menjamin kepada kelangsungan dakwah Islamiah dalam menempuh segala masalah dan halangan yang timbul.

2.4.2 Bentuk Dan Model Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju.

Dalam membincangkan tentang pengurusan, seharusnya perlu dibincangkan juga tentang bentuk pengurusan tersebut yang lebih menjurus tentang amalan dan pelaksanaan pengurusan tersebut. Jika dalam perbincangan lepas, persoalan yang dikemukakan berkaitan dengan fungsi pengurusan dakwah yang merangkumi kepada teori dalam

¹⁹⁵ Auni Hj. Abdullah (2000), *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur : Ikdas Sdn.Bhd. h. 31-32

¹⁹⁶ Wan Ali b. Wan Jusoh (2005), *op.cit.* h. 309

pengurusan. Namun dalam memperincikan tentang pengurusan ini, sewajarnya dilihat tentang bentuk pengurusan dakwah dalam konteks negeri maju.

a) Pengurusan Kewangan.

Pengurusan kewangan adalah pengurusan aliran dana syarikat serta merancang dana, mengawal dana ini untuk kegunaan semasa dan masa hadapan.¹⁹⁷ Pengurusan kewangan merupakan satu proses bagaimana sesebuah institusi atau organisasi menggunakan serta membelanjakan tabung kewangan yang ada bagi mengurus pengagihan kewangan bagi mencapai kehendak dan objektif seperti mana yang telah ditetapkan. Untuk itu, pengendalian wang perlu melibatkan perancangan dan pengawalan yang dilakukan dengan penuh berhati-hati, cermat, cekap dan teliti supaya wang yang ada di dalam simpanan dapat dibelanjakan dengan baik dan sistematik.

Dalam sesebuah institusi, pengurusan kewangan merupakan satu aspek pengurusan yang terpenting bertujuan untuk melicinkan pentadbiran dan memperlihatkan kecekapan serta keberkesanan wang yang dibelanjakan. Setiap organisasi atau institusi perlu mewujudkan sumber kewangan yang boleh membiayai program dan aktivitinya kerana keupayaan organisasi merancang sesuatu program akan dipengaruhi oleh sumber kewangannya.¹⁹⁸ Selain daripada itu, pengurusan kewangan bertujuan untuk mengawal kewangan dari disalahgunakan atau diselewengkan dan dalam masa yang sama dapat mengelakkan peruntukan yang dibelanjakan dibazirkan dan sia-sia. Tanpa pengurusan yang

¹⁹⁷ Rahim Abdullah (1998), *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 146

¹⁹⁸ Rozhan Othman (1996), *op.cit* h. 30

kukuh, institusi berkenaan tidak mempunyai maruah, tidak mampu bergerak dan tidak mempunyai kepentingan.¹⁹⁹

Bagi melicinkan perjalanan operasi dan pengurusan setiap organisasi (institusi), ia mempunyai belanjawan yang perlu disediakan bagi setiap program yang dirancang untuk dilaksanakan.²⁰⁰ Dalam konteks pengurusan kewangan institusi dakwah, ia perlu diuruskan dengan baik dan berkesan agar keyakinan dan kepercayaan masyarakat umat Islam terhadap institusi dakwah tidak luput. Selain daripada itu, institusi dakwah boleh dikategorikan sebagai sebuah pengurusan kewangan awam kerana pelaksanaannya bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata, tetapi ia sebagai institusi dakwah yang bertujuan untuk menyampaikan syariat Allah maka sewajarnya sumber kewangannya diuruskan dengan cekap, berkesan dan sistematik.²⁰¹

Lanjutan dari perbincangan ini, pengkaji tertarik dengan satu tulisan ilmiah yang dikemukakan oleh Ab. Aziz Mohd Zin yang berjudul Hubungan Dakwah Dengan Ahli Korporat. Dalam tulisan ini, dinyatakan tentang peranan yang dimainkan oleh golongan korporat dalam sejarah dakwah yang membuktikan bahawa golongan ini telah memberi sumbangan yang sangat besar dalam sejarah dakwah seperti Khadijah binti Khuwailid dan juga Abū Bakr al-Siddiq.²⁰² Hasil perbincangan ini, pengkaji melihat dalam menjamin kelangsungan dakwah ini, aspek kewangan amat diperlukan dengan diuruskan dengan baik dan teratur.

¹⁹⁹ Syed Othman al-Habshi (1991) Peranan Akhlak Dalam Pengurusan Ekonomi dan Kewangan dalam Shafie Mohd Salleh dan Mohd. Affandi Hassan (penyelenggara), *Kecemerlangan Pentadbiran : Dasar Dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara. h. 161

²⁰⁰ Syed Othman al-Habshi (1998) Kepentingan Pengurusan Dalam Dakwah Islamiah dalam Abdullah Muhammad Zin, et.al (ed.) *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 114

²⁰¹ Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad (1996), *Pengantar Sains dan Pengurusan Masjid*, Melaka : Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka. h. 118-120

²⁰² Ab. Aziz Mohd. Zin (2000), Hubungan Dakwah Dengan Ahli Korporat", *Jurnal Usuluddin*, Jil. 1 Bil. 11, Julai 2000, h. 59-66

b) Pengurusan Aset

Pengurusan harta modal yang melibatkan bangunan, kelengkapan atau peralatan lain dalam sesebuah institusi merupakan salah satu bentuk amalan pengurusan yang penting kerana semua harta modal adalah kemudahan yang dapat membantu sesebuah institusi mencapai matlamatnya. Oleh itu, semua harta modal perlu diuruskan dengan baik dan berkesan supaya ia benar-benar dapat dimanfaatkan dalam usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan. Pengurusan yang baik dan berkesan terhadap harta modal ini membolehkannya digunakan secara maksimum serta cekap dan sistematik.²⁰³

Selain dari penggunaan peralatan dan kelengkapan untuk kerja-kerja pengurusan biasa, terdapat satu lagi peralatan yang begitu penting kepada institusi dakwah masa kini iaitu peralatan telekomunikasi dan teknologi maklumat. Ini kerana zaman mutakhir ini, telah menyaksikan peralatan komunikasi dan teknologi maklumat sudah memasuki era yang canggih di mana semua manusia boleh berhubungan antara satu sama lain dengan mudah, cepat dan tepat walaupun jarak mereka berjauhan lebih-lebih lagi zaman ini dikenali dengan zaman infomedia yang banyak mengubah sifat asal media cetak dan elektronik.²⁰⁴ Peralatan seperti radio, televisyen, filem dan internet perlu diuruskan dengan baik dan digunakan semaksima mungkin sebagai medium dakwah masa kini. Untuk itu, semua institusi dakwah sepatutnya mengambil manfaat sepenuhnya dari peralatan-peralatan ini untuk kepentingan dakwah dan bagi melicinkan kerja-kerja pengurusan institusi dakwah.²⁰⁵ Jika ditinjau kepada elemen pengurusan yang utama iaitu perancangan, setiap institusi dakwah perlu menganalisa maklumat kerana maklumat yang digunakan akan

²⁰³ Mohamad Nazli Omar, *op.cit* . h. 68

²⁰⁴ Zulkiple Abd. Ghani (2001), *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*, Kuala Lumpur : utusan Publications and Distributors. h. 26

²⁰⁵ Zulkiple Abd. Ghani dan Abd. Ghafar Don (1996) “ Dakwah di Era Teknologi Maklumat : Cabaran Dan Prospek Masa Depan” (Kertas kerja Semianr Kebangsaan Dakwah dan Pengurusan Islam Di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi) 22-23 Julai 1996. H. 4

mempengaruhi kualiti perancangan dalam pengurusan sesebuah institusi dakwah berkenaan.²⁰⁶

Seterusnya, pengurusan yang baik dan berkesan terhadap peralatan komunikasi dan teknologi maklumat perlu diamalkan dalam pengurusan institusi dakwah kerana dakwah boleh disebar melalui semua media massa seperti radio, televisyen dan akhbar.²⁰⁷

Seterusnya, tayangan filem juga dilihat mempunyai potensi yang besar dalam penyebaran dakwah dengan penetapan ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam dari aspek hukum syarak.²⁰⁸

Sehubungan dengan itu dalam menggerakkan pengurusan dakwah yang merujuk kepada sesebuah institusi dakwah, pengurusan aset ini yang merujuk kepada pengurusan asset dilihat sangat penting lebih-lebih lagi dalam mengharungi kerja-kerja dakwah di dalam sebuah negeri maju. Kebijaksanaan pengurusan harta modal ini dilihat memainkan peranan yang besar dalam menjamin kelangsungan dakwah di negeri maju.

c) Pengurusan Sumber Manusia

Amalan pengurusan sumber manusia secara umumnya merujuk kepada pelaksanaan amalan pengurusan yang bertujuan untuk memupuk, membangun, memperkembang, mengekal dan

²⁰⁶ Rozhan Othman, *op.cit.*, h. 25

²⁰⁷ Diterangkan pada zaman Rasulullah, baginda telah menggunakan teknologi komunikasi seperti baginda memilih tempat atau lembah yang sesuai untuk menempatkan transmitters (pemancar/pengulang) di tempat-tempat yang strategik yang berperanan melaungkan kembali ucapan baginda agar khalayak dapat mendengarnya. Dikatakan ini adalah satu cara yang canggih pada zaman itu. Lihat Zulkiple Abd. Ghani (1999), *Komunikasi Islam : Perkembangan Dan Dinamisme*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM. h. 3

²⁰⁸ Alūrī, Adam ‘Abd. Allāh al- (1989), *Tarīkh al-Da‘wah al-Islamīyah Baina al-Ams ilā al-Yaum*. Kāherah : Matba‘ah Wahbah. h. 245

meneruskan keberkesanan penggunaan sumber-sumber dalam diri untuk mencapai tahap kemaslahatan diri dan ummah.²⁰⁹

Dalam amalan pengurusan sumber manusia yang baik dan berkesan akan membolehkan sumber tenaga manusia diagihkan secara tepat mengikut bidang-bidang kepakaran tertentu dan kepakaran institusi kepada sumber tersebut. Pengagihan sumber tenaga ini perlu dibuat dengan memilih sumber tenaga yang lebih mendatangkan masalah dan mengutamakan yang lebih baik.²¹⁰ Perkara ini pernah disentuh di dalam al-Quran menerusi firman Allah iaitu

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَأْتِيكِ اسْتَجْرَهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Maksudnya : *Salah seorang dari kedua wanita itu berkata: "Ya ayahku ambillah dia sebagai orang yang bekerja (pada kita), kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat amanah".* (Surah al-Qasas (28) : 26)

Apa yang diertikan dengan kuat adalah kewibawaan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab, mempunyai kekuatan mental, fizikal dan rohani, berupaya untuk mengatasi masalah dan rintangan serta kemampuan untuk mencapai sasaran dan matlamat yang telah ditetapkan.²¹¹

Seterusnya, amalan pengurusan sumber manusia dalam institusi dakwah perlu diberikan penumpuan terhadap pemilihan dan pengagihan sumber tenaga manusia yang melibatkan pegawai dan kakitangan. Pemilihan dan pengagihan itu mestilah dilaksanakan

²⁰⁹ Mohamad Nazli Omar, *op.cit.* 70

²¹⁰ Taimiyah, Taqiy al-Din Ahmad ibn, *op.cit.* h. 7

²¹¹ Mahmud Saedon Awang Othman (1996) Teori Pentadbiran Islam Menurut Ibn. Taimiyah dalam Abd. Halim El-Muhammady (penyelenggara) *Pengurusan Dalam Islam*, Petaling Jaya : Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah. h. 81

dengan baik untuk membolehkan hanya orang yang paling layak dipilih untuk melakukan sesuatu kerja atau tugas.

Jika disoroti pada zaman Rasulullah dalam menyampaikan dakwah Islamiah ini, baginda telah menunjukkan kemantapan dalam pengurusan sumber manusia ini. Buktinya baginda telah menjadikan rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam sebagai pusat gerakan dakwah baginda di samping baginda melakukan dakwah secara senyap-senyap terhadap golongan yang percaya dan taat dengan ajaran baginda dalam tempoh tiga tahun.²¹² Perancangan Rasulullah memilih rumah al-Arqam atas beberapa faktor iaitu faktor diri al-Arqam iaitu seorang muda belia yang telah memeluk Islam seawal usia 16 tahun.²¹³ Perkara ini dilihat sangat signifikan tentang pengurusan sumber manusia dalam dakwah dengan menjadikan belia sebagai penggerak dakwah selain menjadikan rumahnya sebagai pusat gerakan dakwah yang terancang.

Merujuk kepada perkara ini, pengkaji soroti tentang bentuk pengurusan sumber manusia dalam institusi dakwah di Malaysia sebagai kerangka negeri maju yang mana penekanan tentang perkara tersebut sering diberi perhatian bagi melahirkan golongan pendakwah yang berkaliber di samping bernaung di dalam institusi dakwah yang mantap. Contohnya peranan yang dimainkan oleh Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) Malaysia dalam mengadakan kursus dan latihan untuk melahirkan pendakwah dan pegawai tadbir hal ehwal Islam yang berkebolehan dan dedikasi.²¹⁴

²¹² Sibā'ie, Mustafā al- (t.t) *al-Sīrah al-Nabawīyah Durūs wa 'Ibār* . Beirūt : Maktabah al-Islāmīyah. h. 49

²¹³ Ab. Aziz Mohd. Zin (2012), *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi Saw*. Kuala Lumpur : Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 116

²¹⁴ Mohd. Shahir Abdullah (1998), Model Operasi Pengurusan Dakwah Di Malaysia dalam Abdullah Muhammad Zin, et.al (pyt) *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 117

Secara keseluruhannya, bentuk dan amalan pengurusan sumber manusia yang baik dan berkesan merupakan satu kepakaran dalam sesebuah institusi dakwah. Keperluan ini bukan sahaja bertujuan untuk menjadikan segala urusan pentadbiran berjalan lancar tetapi apa yang lebih penting adalah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Pencapaian matlamat bagi institusi dakwah akan memberikan gambaran keberkesanan amalan pengurusannya melalui pelaksanaan fungsi-fungsi pengurusan lebih-lebih lagi dalam konteks negeri maju.

d) Pengurusan Program Dakwah

Dalam membincangkan tentang pengurusan dakwah, perkara utama yang sering dibincangkan ialah tentang pengurusan program-program dakwah yang dianjurkan oleh institusi tersebut. Perkara ini penting memandangkan di dalam sesebuah organisasi atau institusi khususnya yang berorientasikan dakwah perkara utama yang menjadi persoalan utama ialah apakah khidmat atau sumbangan yang diberikan kepada masyarakat khususnya masyarakat Islam tambahan pula dalam konteks negeri maju. Jawapan yang sering diberikan ialah program, aktiviti dan latihan yang dikendalikannya serta keadaan ia diurus dan diselenggarakan. Sekiranya ia diuruskan dengan baik dan sistematik, sudah pasti masyarakat Islam akan dapat manfaat daripadanya lebih-lebih lagi dalam menjamin kelangsungan dakwah.

Jika ditinjau dalam awal gerakan dakwah Islamiah yang dibentuk oleh baginda Rasulullah, institusi dakwah yang pertama wujud ialah dengan menjadikan rumah al-Arqam sebagai pusat untuk menggerakkan para pendakwah untuk menjalankan kerja-kerja

dakwah dengan mekanisme secara rahsia.²¹⁵ Menerusi pusat gerakan dakwah ini, Rasulullah telah dapat merangka strategi dan perancangan yang teratur dan sistematik dalam menggerakkan jentera dakwah baginda agar usaha-usaha dan program dakwah baginda memperolehi kejayaan yang cemerlang. Program dakwah yang pernah dilakukan di sini ialah peranan Abu Bakar sebagai pemidato di khalayak ramai menyeru kepada ajaran Islam, walaupun ketika itu dianggarkan hanya 38 orang sahaja yang telah memeluk Islam. Perkara ini diizinkan oleh Rasulullah walaupun baginda merasakan bahawa kekuatan Islam tidak berada dalam keadaan yang kuat.²¹⁶ Namun ia diteruskan juga oleh Abu Bakar walaupun mendapat tentangan hebat dari penduduk Mekah ketika itu.

Selepas peristiwa hijrah ke Madinah pula, baginda Rasulullah telah memperluaskan misi dan gerakan dakwah baginda dengan suatu institusi yang lebih bersifat formal dan sistematik iaitu melalui institusi masjid. Melalui institusi masjid, baginda dapat mengadakan mesyuarat selain menjadikannya sebagai pusat pengajian dan pendidikan, pusat pentadbiran negara, pusat pertahanan, pusat kehakiman dan penyatuan ummah.²¹⁷ Dengan adanya pusat (masjid) ini, masyarakat Islam pada ketika itu lebih tersusun dan terarah mengurus segala kepentingannya untuk membina kekuatan dan kemuliaannya.²¹⁸

Pengkaji tertarik untuk membincangkan masjid sebagai institusi dakwah ialah kerana peranan yang dimainkan amat besar dalam perkembangan dan penyebaran dakwah melalui kegiatan dan aktiviti yang terdapat di sana. Peranan masjid semenjak zaman

²¹⁵ Raūf Syalābī, *op.cit.* h. 303

²¹⁶ Syuhbah, Muḥammad b. Muḥammad Abū (2009), *al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Ḍau' al-Qurān wa al-Sunnah*. Damsyiq. Dār al-Qalam. h. 289-290

²¹⁷ Ab. Aziz Mohd. Zin (2002), "Pembangunan Minda Pegawai Masjid" (Kertas kerja Seminar Pembangunan Masjid di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 28 Disember 2002. h. 3. Lihat juga Roslan Mohamed (2002) "Keberkesanan Program Masjid : Kajian Umum Masjid-masjid Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur" dalam seminar yang sama. Dalam kertas kerja tersebut, beliau telah memberikan beberapa peranan masjid yang luas berdasarkan kepada falsafah masjid yang sebenar.

²¹⁸ Ab. Aziz Mohd. Zin (2001), *op.cit.* h. 63

Rasulullah hinggalah hari ini yang merentasi zaman dan tempat dilihat mempunyai kekuatannya yang tersendiri, lalu ia begitu berpotensi sebagai institusi dakwah disebabkan sumbangannya terhadap umat Islam sejagat.

Pada zaman Rasulullah juga, selain masjid sebagai institusi dakwah, terdapat juga institusi lain seperti Dār al-Qurra yang merupakan rumah Mālik bin Naufal di mana sahabat-sahabat akan berkumpul untuk menghafaz dan membaca al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah. Wujud juga Kuttab yang merupakan institusi pengajian bagi kanak-kanak mempelajari al-Quran dan ada pendapat yang mengatakan bahawa ‘Abdullāh b. Mas’ūd serta Zaid b. Thabīt pernah belajar al-Quran secara *talaqqī* (berhadapan) dengan Rasulullah di Kuttab semasa kecil.²¹⁹

Persoalan yang timbul di sini yang sering dibincangkan ialah tentang kebijaksanaan baginda Rasulullah saw merancang dan mengatur strategi dengan penuh hikmah untuk mengadakan program dan aktiviti dakwah tersebut sehingga baginda dapat menyebarkan Islam dengan jayanya walaupun wujud rintangan dan hambatan yang mencabar.

Kini, institusi dakwah bukan sahaja tertumpu kepada institusi masjid dan yang seumpama dengannya, tetapi ia merangkumi organisasi dan gerakan-gerakan dakwah yang berpaksikan penyebaran dakwah sebagai landasan dan matlamat utama termasuklah dalam konteks negeri maju. Antaranya seperti institusi Islam yang didominasi oleh kerajaan, sekolah dan badan-badan bukan kerajaan yang berwadahkan Islam. Di Malaysia, misalnya wujud jabatan-jabatan agama Islam di setiap negeri yang berperanan sebagai institusi

²¹⁹ Shamsul Bahri Andi Galigo (1998) “Pendekatan Dakwah Non-Muslim Mengikut Perspektif Sirah Nabawiyah dalam Abdul Ghafar Don, et.al (ed.) *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia : Konsep Metode dan Pengalaman*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 29-30

dakwah. Contoh yang diketengahkan di sini ialah seperti pengurusan program dakwah yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Dalam mengendalikan sesebuah program dakwah, terlebih dahulu perlu dikenalpasti tentang struktur organisasi yang terdapat di dalam institusi berkenaan. Di JAWI, misalnya terdapat lima unit yang berperanan di dalam mengendalikan program-program dakwah masing-masing iaitu,

- a. Bahagian Pentadbiran
- b. Bahagian Amar Makruf
- c. Bahagian Istinbat
- d. Bahagian Perundangan Syariah
- e. Bahagian Baitul Mal/Zakat.²²⁰

Di bawah Bahagian Amar Makruf terdapat sub bahagian dakwah yang bertanggungjawab menguruskan program-program dakwah seperti kursus Bina Insan, kursus motivasi, program ihya Ramadhan dan beberapa program-program dakwah yang lain.²²¹

Dengan adanya unit yang khusus di dalam sesebuah institusi dakwah berkenaan, ia dapat merangka dan menyelaraskan program-program dakwah berdasarkan portfolio masing-masing. Secara mudahnya, di dalam institusi dakwah perlu kepada perancangan, penyelarasan dan penyelenggaraan program-program dakwah yang teratur agar ia dapat memberi kesan yang positif terhadap peserta yang mengikutinya.

²²⁰ Zaabar Yusof dan Mohd. Ansarullah Hashim (2000) "Pengurusan Dakwah dan Pelaksanaannya di JAWI dalam Abdul Ghafar Don, et.al (ed.) *Dakwah dan Pengurusan Islam Di Malaysia : Konsep Dan Pelaksanaan*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 101. Namun unit-unit yang dinyatakan di atas berbeza dengan jabatan agama Islam negeri lain dan contoh yang dikemukakan ini hanyalah contoh pengurusan program dakwah di agensi kerajaan.

²²¹ *Ibid*, h. 102-104

Rumusan yang boleh diutarakan di sini ialah keempat-empat bentuk elemen pengurusan ini perlu dititikberatkan oleh setiap institusi dakwah masa kini khususnya yang terlibat secara aktif dalam arus pemodenan negeri maju kerana tanpa fungsi dan bentuk pengurusan dakwah yang tersusun dan sistematik, natijahnya begitu negatif.

2.5 Matlamat Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Islam adalah agama samawi yang terakhir serta bersifat universal. Ia diturunkan kepada Nabi Muhammad saw untuk disampaikan kepada golongan manusia dan baginda telah menyampaikannya dengan sempurna sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah. Perkara ini diakui oleh Allah sendiri menerusi firmanNya iaitu,

أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya : *Pada hari ini, telah Aku sempurnakan agamamu dan telah Aku lengkapkan serta memberi nikmat dan meredhai agama ini dan Islam adalah agama sebenar (Sūrah al-Māidah (3) : 3)*

Selepas kewafatan baginda, tugas menyebarkan dakwah ini telah menjadi tanggungjawab dan kewajipan umat baginda untuk menyebarkannya sama ada secara individu mahupun secara kolektif.²²² Sehubungan dengan itu bagi merealisasikan usaha baginda ini untuk terus berlaku, maka para pendakwah harus memiliki strategi dan mekanisme yang baik bagi memastikan usaha dakwah ini berlangsung dengan jayanya. Tambahan pula pada masa kini, senario umat manusia begitu berbeza sekali dengan umat di zaman baginda. Senario hari ini menuntut supaya dakwah yang dijalankan perlu merentasi

²²² Umri, al-Sayyid Jalāl al-Dīn (1980), *al-Amr bi al-Ma'rūf wa Nahy al-Munkar*. Kuwait : Syarikah al-Shu'a lī al-Nashr. h. 5-6

zaman yang meliputi keadaan umat manusia kini serta strategi dan mekanisme yang berkesan.

Dalam membicarakan tentang senario manusia kini, selari dengan kajian ini yang tertumpu kepada negeri maju, jelas menunjukkan bahawa manusia yang hidup dengan kemajuan, sudah pasti terdapat pelbagai masalah yang membelenggu hidup mereka. Justeru itu, pengurusan dakwah yang mempunyai matlamat yang jelas mampu menangani pelbagai masalah yang timbul.

Jika dilakukan tinjauan dari perspektif al-Quran berhubung pengurusan dakwah ini, dapat dikenalpasti dengan jelas ia menggambarkan betapa di dalam al-Quran terdapat ratusan ayat yang berkaitan dengan pengurusan dakwah ini sama ada secara langsung atau tidak. Ia merujuk kepada hal ehwal keluarga muslim, pendidikan anak-anak, muamalat dan juga isu dakwah itu sendiri. Secara tidak langsung ia berkaitan dengan pembangunan umat dan kecemerlangan umat Islam itu sendiri.²²³ Ertinya, pengurusan dakwah yang dibincangkan seharusnya memiliki matlamat dan hala tuju yang jelas bagi memastikan dakwah itu menemui sasarannya. Tambahan pula matlamat dakwah ialah membawa umat manusia ke jalan yang mulia dan selamat.²²⁴

Selain itu dakwah yang sempurna bertujuan untuk membawa manusia kepada keselamatan, kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Kemuncak matlamat dakwah ialah untuk mewujudkan negara yang diredhai yang dinamakan sebagai negara Islam yang diperlukan untuk mengawal manusia secara adil, saksama dan sesuai dengan keperluan

²²³ Roslan Mohamad, *op.cit.* h. 103

²²⁴ *Ibid.* h. 109

manusia lantas keperluan melantik imam dan pemimpin yang adil sebagai ketua merupakan satu kemestian.²²⁵ Seterusnya matlamat dakwah pada peringkat ini adalah untuk melahirkan kekuatan kepada orang Islam dari pelbagai aspek yang mana ia merangkumi aspek-aspek yang diperlukan dalam sesebuah negara yang maju seperti kekuatan wawasan, ilmu pendidikan, ekonomi, politik dan sains teknologi.²²⁶ Inilah yang diperlukan dalam setiap negara yang maju menerusi matlamat dakwah yang jelas. Perkara ini selari dengan tujuan dakwah yang mahukan perubahan dari satu situasi yang lebih baik dalam segala segi kehidupan dengan tujuan merealisasikan ajaran Islam di dalam hidup seharian.²²⁷ Firman Allah

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا
 أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya : *Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan. (Surah al-Qaṣaṣ (28) : 77)*

Menerusi ayat ini, ia adalah satu panduan dakwah dalam usaha menuju kepada satu matlamat tertentu iaitu peningkatan kualiti kesejahteraan hidup ummah sama ada di dunia dan akhirat.²²⁸

Jika dilihat dalam topik ini, persoalan yang dibincangkan lebih merujuk kepada matlamat pengurusan dakwah di negeri maju sudah semestinya ia perlu dibincangkan

²²⁵ Ṣāliḥ, Ṣubḥi al (1976) *al-Nuzūm al-Islāmīyah*. Beirut : Dār al-Malayin. h. 57

²²⁶ Untuk keterangan lanjut lihat Ab. Aziz Mohd. Zin, et.al (2006), *op.cit.* h. 67

²²⁷ Syamsul Bahri Andi Galigo (2006) *Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampau Agama*. Bandar Baru Nilai : Kolej Universiti Islam Malaysia. h. 15

²²⁸ Darraz. Muḥamad Abdullah (1997), *Dustur al-Akhlāq*. Kuwait : Dār al-Qalām. h. 77

tentang kriteria negeri maju sebagai mekanisme dan landasan utama dalam memastikan dakwah itu dapat disebar. Maksudnya di sini, kriteria yang sering dicanangkan sebagai indikator sesebuah negeri maju perlu digunakan oleh setiap institusi dakwah untuk merealisasikan matlamat dakwah mereka.

Setiap institusi dakwah yang berperanan dalam usaha-usaha menyebarkan dakwah ini seharusnya menjadikan indikator tersebut bagi mencapai matlamat dakwah tersebut. Contohnya gerakan dan institusi dakwah pada masa kini harus mempunyai matlamat dan wawasan di samping mempunyai perancangan dan strategi untuk mencapai matlamat dakwah dengan berpaksikan menyelamatkan diri dan orang lain.²²⁹ Tambahan pula Islam sangat memperakui kehidupan yang maju dan bertamadun tinggi dan menyeru manusia ke arahnya untuk faedah sama ada jangka panjang dan pendek.²³⁰ Ertinya dakwah Islam amat diperlukan di sini dalam memajukan manusia dan negeri yang mereka diami. Perkara ini seiring dengan apa yang pernah dilontarkan oleh seorang sarjana Islam iaitu Ḥasan al-Ḥudaybī yang pernah mengatakan perlu pembinaan keimanan di dalam hati seterusnya ia akan dibina di dalam negara.²³¹ Maksudnya asas keimanan penting dalam pembinaan sesebuah negeri atau negara yang mana mekanisme dakwah amat diperlukan.

Secara umumnya matlamat pengurusan dakwah di dalam negeri maju ialah setiap institusi dakwah yang berperanan dan berpengaruh harus menyumbang kepada kelangsungan penyebaran dakwah tersebut. Segala kekuatan dan mekanisme harus digunakan bagi memastikan penyebaran dakwah itu dapat dijalankan dengan jayanya.

²²⁹ Malik Bin Nabi (1977), *Dawr al-Muslimīn wa Risālahuh fī al-thuluth al-Akhīr min al-Qarn al-'Ishrīn*. Beirut : Muassasah al-Risālah. h. 42-43

²³⁰ Ab. Aziz Mohd. Zin (2005) , *op.cit.* h. 15

²³¹ Mashūr, Musṭafa (1995) *Min al-Fiqh al-Da'wah*. Kāherah : Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmīyah. h. 27

2.6 Cabaran Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju.

Cabaran yang dapat difahami merujuk kepada suatu keadaan yang dilakukan dalam bentuk yang positif dan ia mempunyai kaitan yang amat rapat dengan matlamat yang telah dirancang. ²³² Maksudnya, dalam kajian ini perkara utama yang harus dibincangkan ialah cabaran kepada pengurusan dakwah di negeri maju ialah menuntut sesuatu yang positif dalam usaha menyebarkan dakwah tersebut. Berikut adalah beberapa cabaran pengurusan dakwah di negeri maju yang dilihat mampu menjadi pemangkin kepada kejayaan dakwah tersebut.

2.6.1 Cabaran Mewujudkan Institusi Dakwah Yang Dinamik Dan Efisien.

Sesuatu matlamat yang disasarkan selalunya akan dapat dicapai sekiranya wujud sesebuah organisasi atau institusi yang mempunyai keupayaan dalam melaksanakan setiap program yang dirancang. Tambahan pula dalam menjamin kejayaan dakwah ia memerlukan wasilah atau perantaraan bagi mencapai maksud dakwah tersebut. Melalui wasilah dakwah yang merangkumi organisasi atau institusi dakwah meliputi medium penerangan seperti masjid, sekolah, universiti dan hospital, ia mampu berperanan dalam usaha penyebaran dakwah tersebut. ²³³ Persoalan yang sering dibincangkan dalam perkara ini ialah keupayaan wasilah dakwah yang dinamik dan efisien mampu merealisasikan kejayaan dakwah berkenaan.

²³² Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2008), *Cabaran Dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang*. Bangi : Fakulti Pengajian Islam UKM. h. 16

²³³ Ismā'il, 'Abd. Al-Khāliq Ibrāhīm (1997) *al-Da'wah Ila Sabīl Allāh Usūluhā wa Miyadīnuhā*. Miṣr : Mūasassah al-Nujūm al-Hāsyimiyah. h. 240-279

Tambahan pula jika dilihat kepada zaman Rasulullah, institusi dakwah yang dinamik dan efisien dalam menjalankan kerja-kerja dakwah ini ialah rumah Rasulullah sendiri yang mana telah lahir tokoh-tokoh Islam yang besar seperti Abū Bakar al-Ṣiddīq, ‘Alī b. Abī Ṭālib, Khadījah Khuwailīd dan Zaid b. Thabit. Kemudian ia beralih ke rumah al-Arqām b. Abī al-Arqām sebagai institusi dakwah yang berperanan besar.²³⁴ Menerusi amalan Rasulullah ini yang sesuai pada zamannya, institusi dakwah tersebut dilihat bersifat dinamik dan efisien seiring sejajar dengan keperluan yang diperlukan dakwah pada zaman tersebut.

Sehubungan dengan itu, cabaran besar kepada pengurusan dakwah dalam negeri maju ialah keupayaan pentadbir dalam negeri tersebut untuk menyediakan sebuah institusi yang dinamik dan berdaya saing untuk menggembelng tenaga dan menyediakan program dakwah yang berkesan bagi menangani masalah yang mendatang.

2.6.2 Cabaran Menyediakan Golongan Pendakwah Yang Profesional

Salah satu kejayaan dakwah ialah keupayaan penggeraknya yang merujuk kepada golongan pendakwah tersebut yang sinonim dengan panggilan *dā'i*. Menurut Abu al-A'la Maududi, kejayaan sesebuah gerakan dakwah ialah tertumpu kepada aspek kemanusiaan yang diperlukan bagi seorang pendakwah dengan merujuk kualiti peribadi yang dimiliki oleh seseorang pendakwah.²³⁵ Ertinya dalam menjayakan sesebuah gerakan dakwah tersebut, ia amat memerlukan keupayaan sumber manusia dalam menggerakkan dakwah berkenaan. Tambahan pula sifat pendakwah yang baik seperti mempunyai kawalan sendiri, integriti,

²³⁴ Naufal, Abū al-Majd al-Sayyid (1977), *op.cit.* h. 199

²³⁵ Abu al-A'la al-Maududi (1980) *Islamic Movement Pre-requisties For Success*. Aligarh : Crescent Publising Company.h. 95

keadilan dan mempunyai matlamat dakwah yang jelas amat diperlukan.²³⁶ Tambahan pula sudah menjadi kemestian setiap individu muslim membawa tanggungjawab untuk melaksanakan *amar al-makrūf wa al-nahy al-munkar* setelah mereka memahami tanggungjawab terhadap agama.²³⁷

Kedudukan pendakwah di dalam menjalankan dakwah dilihat sangat penting seiring dengan firman Allah dalam al-Quran iaitu

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾ وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ ۖ وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

Maksudnya : *Wahai nabi (Muhammad), Sesungguhnya kami mengutusmu untuk jadi saksi, dan pembawa khabar gembira dan pemberi peringatan. Dan untuk jadi penyeru kepada agama Allah dengan izinNya dan untuk jadi cahaya yang menerangi.* (Surah al-Aḥzāb (33) : 45-46)

Menerusi ayat ini, ia memberi penjelasan bahawa Nabi Muhammad sebagai Rasulullah memiliki kedudukan dan fungsi sebagai *syāhid, mubāsyir, nazīr, dāi* dan *sirāj* yang makna kesemua istilah tersebut terangkum dalam pengertian dakwah yang lebih luas lagi.²³⁸ Ertinya kedudukan pendakwah sangat penting dalam menjayakan misi dakwah tersebut seiring dengan kedudukannya yang tinggi menerusi ayat di atas. Lantaran itu ia menjadi satu perkara penting dalam menjamin kepada kelangsungan kejayaan dakwah yang berkesan.

Sehubungan dengan itu, ia menjadi cabaran kepada setiap institusi dakwah dalam sesebuah negeri maju untuk menyediakan golongan pendakwah yang professional apatah

²³⁶ Abdullah Muhammad Zin, *op.cit.* h. 29

²³⁷ Huqayl, Sulaymān b. ‘Abd. al-Rahmān (t.t) *al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-Nahy ‘an al-Munkar*. t.tp : Mawqi’ al-Islām. h. 17

²³⁸ Syamsul Bahri Andi Galigo, *op.cit.* h. 16

lagi kedudukan masyarakat dan senario maju tersebut itu sering kali menjadi kekangan dan halangan dalam menjayakan kejayaan dakwah tersebut. Tambahan pula dalam konteks negeri maju terdapat berbagai dimensi dan indikator yang berperanan besar dalam memajukan kehidupan manusia tersebut. Justeru itu, setiap pendakwah sama ada yang bergerak secara individu dan kolektif harus mempersiapkan diri dari pelbagai aspek seperti metodologi supaya kerja-kerja dakwah dapat dilakukan dengan sempurna.

2.6.3 Cabaran Menyediakan Sumber Kewangan Yang Kukuh.

Kita sedia maklum bahawa sumber kewangan dilihat sangat penting dan bermakna bagi kehidupan manusia kini. Dalam konteks pengurusan organisasi, aspek kewangan dilihat penting lebih-lebih lagi ia dilihat sebagai penjana utama dalam sesebuah organisasi sehinggakan ada yang menyatakan bahawa antara dakwah dan kewangan (ekonomi) sangat berkait rapat.²³⁹ Tambahan pula terdapat beberapa sarjana muslim seperti Khursid Ahmad dan Kalim Siddiqui pernah melontarkan pandangan bahawa kelangsungan ekonomi Islam kepada dunia telah memberi kesan tentang Islam sebagai satu alternatif dalam sistem ekonomi dunia kini.²⁴⁰

Isu berkaitan kewangan ini selalunya membelenggu gerakan dan organisasi dakwah khususnya dalam menjalankan kerja-kerja dakwah. Sebagai contoh masalah kewangan yang dihadapi oleh para penggerak dakwah di kawasan pedalaman seperti dakwah kepada masyarakat orang Asli jelas menunjukkan hambatan ini.²⁴¹ Sekiranya dakwah yang dilakukan di kawasan pedalaman menunjukkan wujudnya masalah kewangan, apatah lagi

²³⁹ Badlihisam Mohd. Nasir (2009) *Dinamisme Gerakan Islam Dan Cabaran Semasa*. Shah Alam : Karisma Publications. h. 118

²⁴⁰ Zafar Bangash (1996) *In The Pursuit of The Islam Major Wrings of Kalim Siddiqui*. London : The Muslim Institute. h. 26

²⁴¹ Sila rujuk Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, op.cit. h. 91-93. Beliau mengemukakan tentang beberapa siri temubual yang dilakukan terhadap penggerak dakwah yang mengakui tentang kelewatan elauan serta masalah logistik yang tinggi kosnya.

jika program dakwah yang dilakukan di kawasan bandar yang maju dan moden. Sudah pasti, ia menuntut belanjawan kewangan yang besar.

Masalah kewangan ini dilihat masalah utama dan sering kali melingkari kelancaran perjalanan aktiviti-aktiviti dakwah, malahan membabitkan jua badan-badan bukan kerajaan (NGO). Puncanya disebabkan institusi dakwah terbabit tidak memiliki sumber kewangan yang kukuh.²⁴² Adakalanya program dakwah yang dijalankan menelan belanja ribuan ringgit. Dalam satu kajian yang dilakukan terhadap program dakwah di Sabah, pihak Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah telah memperuntukkan RM 3500 untuk satu Kursus Asas Saudara yang hanya dijalankan dua hari sahaja.²⁴³ Bayangkan jika program ini dijalankan secara berkala dan melibatkan penyertaan peserta yang ramai. Hampir pasti ia akan menelan kos yang tinggi.

Pengkaji tertarik dengan isu ini apabila wujud pandangan yang menyatakan bahawa cabaran ini mampu disahut sekiranya wujud pembangunan ekonomi yang mantap di dalam institusi dakwah tersebut. Contohnya wujud K Ekonomi dalam institusi masjid sebagai institusi dakwah. K Ekonomi ialah satu ekonomi yang bergantung secara terus kepada pengeluaran, pengedaran dan penggunaan ilmu dan maklumat.²⁴⁴ Ia juga dilihat suatu mekanisme penjanaan dan penggunaan ilmu untuk kekayaan. Sehubungan dengan itu, setiap institusi dakwah yang berpotensi disarankan agar mengamalkan K Ekonomi ini bagi menyelesaikan isu kewangan sebagai hambatan utama dalam gerakan dakwah.

²⁴² Ab.Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.* h. 285

²⁴³ Anuar Puteh, et.al. (2010), "Pengurusan Aktiviti Saudara Kita di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah" dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus dan Salasiah Hanin Hamjah *Pengurusan Organisasi Dakwah*. Bangi : JabatanPengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM. h. 198

²⁴⁴ Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Saari (2003) "Pembangunan Ekonomi Masjid" dalam Norrodzoh Siren dan Yusmini Mohd. Yusuf, *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur : Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. h. 51

Sehubungan dengan itu, isu kewangan ini merupakan cabaran yang besar kepada setiap institusi dan organisasi dakwah bagi merealisasikan kerja-kerja dakwah. Ertinya setiap institusi dakwah yang berperanan besar di dalam kerja-kerja dakwah ini harus menjadikan isu kewangan ini sebagai cabaran yang positif agar ia lebih dinamik.

2.6.4 Cabaran Mewujudkan Program Dakwah Yang Berkualiti.

Dakwah sering dilihat sebagai satu program dan usaha yang mengandungi semua ilmu pengetahuan yang dimahukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta berperanan sebagai petunjuk kehidupan.²⁴⁵ Ertinya dakwah itu adalah satu bentuk program yang terancang dan berkesan bagi memastikan manusia mendapat manfaat daripadanya.

Umum mengetahui bahawa status kemajuan sesebuah negeri selalunya memberi impak yang besar terhadap kehidupan manusia yang menetap di dalamnya. Pelbagai dimensi kemajuan diharapkan merangkumi ekonomi, politik, sosial, kejiwaan dan kebudayaan kerana ia adalah jaminan masyarakat yang berada dalam keamanan dan kemakmuran.²⁴⁶

Natijahnya wujud keadaan di mana status negeri atau negara maju ini akan mempunyai masalahnya tersendiri seperti berlakunya kemajuan dari aspek fizikal dan aspek moral yang dilihat mampu bergerak seiringan sedangkan ia sering dilihat berasingan keadaannya.²⁴⁷ Persoalan ini sering dibincangkan bahawa kemajuan sesebuah negeri

²⁴⁵ Ghazālī, Muhammad al, (1981), *Ma'a Allāh*. Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī. h. 17

²⁴⁶ Institut Tadbiran Awam Negara (1992), *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur : INTAN. h. 13

²⁴⁷ Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 195

memberi impak yang besar kepada komuniti manusia tersebut. Maksudnya ialah bagaimana institusi dakwah memainkan peranan yang besar dalam penganjuran program dakwah mereka serta mampu memainkan peranan dalam memajukan aspek moral tersebut. Inilah cabaran besar yang harus dipikul oleh setiap institusi dan organisasi dakwah bagi memastikan kejayaan yang positif dalam gerak kerja dakwah mereka.

Pengkaji tertarik dengan sebuah institusi dakwah yang berperanan di Britain yang umum maklum ia sebuah negara maju. Ia merujuk kepada UK Islamic Mission (UKIM). Menurut Abd. Ghafar Don, institusi dakwah di Britain tertubuh hasil kesedaran masyarakat Islam untuk mempertahankan identiti Islam dan menghadapi cabaran nilai-nilai Barat.²⁴⁸ Hasilnya terdapat 147 institusi dakwah di Britain.²⁴⁹

Memandangkan ia sebuah institusi dakwah yang berpengaruh di sebuah negara maju, ia telah mengambil inisiatif besar dalam mewujudkan program-program dakwah yang besar dan bermanfaat. Jika dilihat beberapa siri program dakwah yang dijalankan menampakkan kesungguhan mereka bagi memastikan dakwah Islamiah itu dikembangkan dengan jayanya.²⁵⁰ Kesungguhan pihak UKIM ini boleh diterjemahkan kepada kesungguhan mereka dalam memastikan kejayaan dakwah ini memandangkan kedudukannya di dalam salah sebuah negara maju di dunia ini.²⁵¹

²⁴⁸ Abdul Ghafar Don (2010), "Pengurusan Institusi Dakwah di Britain : UK Islamic Mission" dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus dan Salasiah Hanin Hamjah *Pengurusan Organisasi Dakwah*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM. h. 1

²⁴⁹ Eileen Fry, et.al (1997) "Religions in UK" dalam Paul Weller, *A Multi Faith Directory*. Derby : University of Derby and The Inter-Faith Network for The United Kingdom. h. 464

²⁵⁰ Antara program dakwah yang dijalankan ialah pendidikan, program dakwah di masjid, kelas al-Quran, program kesedaran Islam, latihan dan kebajikan. Lihat Abdul Ghafar Don, op.cit. h. 6-11. Untuk maklumat lanjut lihat juga Laporan Tahunan UKIM ke 38, 1 Julai 2000-30 Jun 2001.

²⁵¹ Britain berada pada kedudukan ke 13 negara yang maju di dunia. Lihat World Bank, *Human Development Report 2003*.

Dengan kemajuan yang dimiliki oleh Britain ini, ia merupakan cabaran yang positif kepada institusi dan gerakan dakwah di negeri maju agar ia dapat bergerak dalam merealisasikan kesinambungan dakwah Islamiah ini.

Menerusi pelbagai cabaran pengurusan dakwah dalam negeri maju ini, ia memberi gambaran bahawa setiap institusi dan gerakan dakwah perlu menjadikan cabaran ini sebagai langkah positif untuk lebih berjaya dalam usaha menegakkan Islam sebagai agama yang benar dan sempurna. Cabaran-cabaran tersebut perlu dilihat sebagai landasan terbaik untuk mereka mengenal pasti keupayaan dan kemampuan mereka untuk dalam mengerakkan program dakwah yang sistematik dan berkesan.

2.6.5 Cabaran Untuk Menjadikan Islam Sebagai Indikator Negeri Maju.

Rata-rata indikator yang digunakan dalam menilai dan mengklasifikasikan sesebuah negara atau negeri itu banyak berkisar kepada pembangunan fizikal semata-mata. Persoalan yang timbul ialah apakah ukuran dan indikator bagi sesebuah negeri maju? Jika dilihat kepada dimensi ekonomi, jawapannya merujuk kepada pendapatan per kapita, kadar pengangguran, kadar perbandaran, pendapatan bulanan purata, jumlah kereta dan motosikal berdaftar bagi 1000 orang penduduk dan jumlah telefon bagi 1000 orang penduduk.²⁵² Manakala jika dilihat dari sudut sosial pula, ukurannya pula berkisar kepada kadar kemiskinan, jumlah penduduk yang mendapat bekalan air, jumlah penduduk yang mendapat bekalan elektrik, kadar kematian bayi bagi 1,000 kelahiran dan bilangan doktor bagi setiap 10,000 orang

²⁵² Ahmad Sarji Abd. Hamid (2005) Sembah Ucapan Sempena Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Dan Seminar Selangor 2005 : Model Islam Islam Sebuah Ekonomi Maju dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah*. Shah Alam : Jabatan Mufti Selangor. h. 27

penduduk.²⁵³ Begitulah keadaannya, indikator yang sering digunakan dalam menentukan kemajuan sesebuah negeri itu.

Dalam konteks Malaysia, umum telah mengetahui apabila mantan Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir memperkenalkan satu matlamat kemajuan negara melalui Wawasan 2020. Wawasan 2020 ialah matlamat yang telah ditetapkan oleh negara ini untuk menjadi sebuah negara perindustrian.²⁵⁴ Ertinya kemajuan berdasarkan perindustrian dilihat sebagai landasan untuk kemajuan negara. Selain itu, melalui perindustrian memberi impak ekonomi Malaysia asas yang kukuh supaya ia berdaya saing di peringkat dunia dan dinamik.²⁵⁵ Jelas indikator yang sering dihebahkan merujuk kepada aspek materialistik semata-mata, sedangkan terdapat banyak perkara lain yang harus diberi perhatian untuk menilai dan mengklasifikasikan kemajuan sesebuah negara.

Islam melihat kemajuan yang hendak dikecapi umatnya perlulah menepati kemajuan fizikal dan spiritual. Namun aspek spiritual kurang diberi perhatian memandangkan aspek fizikal lebih menampakkan buktinya untuk dinilai maju dan mundurnya sesebuah negara. Al-Qaradāwī menyatakan bahawa kemajuan atau pembangunan dalam Islam adalah kemajuan yang seimbang serta saling lengkap melengkapi seperti ketuhanan dan kemanusiaan, wahyu dan akal, rohani dan jasmani, dunia dan akhirat serta masa lalu dan masa hadapan.²⁵⁶ Ada juga yang berpendapat bahawa kemajuan itu merangkumi peluang-peluang kegemilangan insan dalam ilmu pengetahuan, kesenian, adab, politik, kemasyarakatan dan kemanusiaan yang boleh diterjemahkan

²⁵³ *Ibid.* 28

²⁵⁴ Fong Chan Onn (1994) "Pendidikan Dan Latihan Ke Arah Mencapai Wawasan 2020" dalam Ibrahim Abu Shah, et.al *Perspektif Sumber Manusia Ke Arah Pencapaian Wawasan 2020*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 5

²⁵⁵ *Ibid.*, h. 5

²⁵⁶ Qaradāwī, Yūsuf al, (1995) *al-Islām Hadārah al-Ghad*. Kaherah : Maktabah Wahbah. h. 150-152.

sebagai kemajuan lahiriah.²⁵⁷ Maksudnya Islam melihat kemajuan itu berpaksikan kepada kemajuan fizikal dan spiritual yang merangkumi keagamaan dan kerohanian.

Melalui perkara di atas, ia menjadi satu cabaran kepada institusi dan gerakan dakwah untuk memainkan peranan bagi memastikan kemajuan Islam itu yang berpaksikan nilai tauhid, syariat dan akhlak itu dijadikan indikator dalam penilaian kemajuan negeri maju. Memang tidak dinafikan bahawa dalam matlamat Wawasan 2020 ada digariskan sembilan cabaran yang mana salah satu daripadanya ialah cabaran bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi di mana rakyatnya kuat mendukung nilai keagamaan dan kerohanian dan mengamalkan standard tatasusila yang tinggi.²⁵⁸ Kenyataan ini tidak cukup besar memandangkan ia hanya bersandarkan kepada agama yang umum keadaannya. Sewajarnya Islam itu diletakkan sebagai indikator yang penting dalam menilai maju dan mundurnya sesebuah negara itu. Inilah cabaran yang harus disahut oleh setiap institusi, gerakan dan organisasi dakwah dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah di negeri atau negara maju yang mencabar.

2.7 Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju.

Masalah diertikan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian atau perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran.²⁵⁹ Dalam erti kata lain ia memberi maksud perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran atau kesulitan dan perkara itu perlu diselesaikan.²⁶⁰

²⁵⁷ Laṭīf, ‘Abd al-Hakām ‘Abd. (1995) *Hadārah Warada Zikruḥā fī al-Qurān wa al-Sunnah al-Nabawīyyah*. Kāherah : Maktabah Dār al-‘Arabīyyah lī al-Kitāb. h. 26

²⁵⁸ Hashim Makaruddin (ed.) *Pengurusan Ekonomi Malaysia ; Ucapan Pilihan Dr. Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. h. 175

²⁵⁹ Sheikh Othman Sheikh Salim (pnyt.) (1989) *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 804

²⁶⁰ Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *op.cit.* h. 72

Seperkara lagi yang menjadi perbincangan tentang pengurusan dakwah khususnya yang melibatkan institusi dakwah ialah berhubung dengan masalah yang berkaitan dengannya. Pada masa kini, terdapat banyak institusi dakwah yang merangkumi pelbagai pertubuhan sama ada dari agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Namun begitu, usaha-usaha dakwah yang didokongi oleh setiap institusi dakwah masih dalam situasi yang tidak memberangsangkan. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada situasi berkenaan termasuklah masalah pengurusan yang melanda institusi terbabit. Di antara masalah-masalah yang dapat diuraikan dalam pengurusan dakwah khususnya dalam konteks negeri maju adalah seperti berikut :-

2.7.1 Masalah Perancangan Pengurusan.

Masalah perancangan yang dimaksudkan ialah setiap institusi dakwah tidak mempunyai perancangan yang strategik dan baik dalam menyusun serta merangka strategi dakwah yang baik dan sistematik.²⁶¹ Tiada perancangan ini, mungkin meliputi perancangan pengurusan yang berkesan, perancangan sumber manusia, perancangan kewangan dan pengurusan program dakwah yang wujud dalam institusi berkenaan. Selain daripada itu, jika ada perancangan tersebut, ia adalah kurang diberikan perhatian.²⁶²

Banyak kemungkinan yang difikirkan mendorong kepada masalah ini dengan merujuk kepada ketiadaan kepakaran dalam kerja-kerja merancang, mengorganisasi kepimpinan dan kefahaman yang komprehensif tentang dakwah Islamiah.²⁶³ Perkara ini tidak seharusnya berlaku memandangkan Islam telah menggariskan tentang aspek

²⁶¹ Fathī Yakan (1974), *Musykilāh al-Dakwah wa al-Da'iyāh*. Beirut : Dār al-Risālāh. h. 12

²⁶² Ab. Aziz Mohd. Zin (2004), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. h. 234

²⁶³ Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *op.cit.* h. 140

perancangan yang perlu dilakukan dalam kehidupan seharian. Ini ditambah pula dengan merujuk kepada sunnah Rasulullah saw yang telah memberi garis panduan dalam perancangan dakwah menerusi marhalah dakwah yang dilalui sama ada di Makkah mahupun di Madinah.

2.7.2 Masalah Kewangan.

Dalam penjelasan yang telah dibincangkan, aspek kewangan amat penting di dalam menjalankan operasi sesebuah institusi dan organisasi. Ia diibaratkan ‘nyawa’ dalam sesebuah institusi yang mempunyai perancangan dan penyelarasan khususnya dalam menyediakan program-program tertentu. Umumnya, semua institusi dakwah menghadapi masalah kewangan kerana sumber kewangan yang diperolehi begitu terhad dan ia banyak bergantung kepada derma dan bantuan kerajaan.²⁶⁴ Dengan wujudnya masalah ini, banyak aktiviti tidak dapat dijalankan, malahan institusi dakwah atau pergerakan dakwah akan lumpuh jika ia tertekan dengan persekitaran dan persoalan yang wujud lanjutan dari perkembangan sosio-ekonomi yang merujuk kepada masalah kewangan.²⁶⁵

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaya berhubung dakwah Islam di Malaysia kini, mendapati kebanyakan masalah pengurusan dakwah yang melibatkan institusi dakwah di Malaysia berkisar kepada masalah kewangan. Contohnya di negeri Melaka yang sudah mencapai status maju, masih wujud lagi masalah kewangan dalam menggerakkan program berdasarkan hasil temubual yang dilakukan oleh penyelidik berkenaan kepada pegawai dari Jabatan Agama Islam Melaka

²⁶⁴ Abdul Manaf Ahmad (1997) Masalah Dakwah Islamiah Di Malaysia Dan Cara mengatasinya dalam Abdullah Muhammad Zin, et.al (ed.) *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 175

²⁶⁵ Mohamad Abu Bakar (2000) Dakwah Di Persimpangan ; “Hala Tuju dan Masa Depan Islam Di Malaysia” dalam Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, et.al. (ed.) *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, UKM. h. 215

iaitu Ust. Mohamad Azli b. Abd. Rahman.²⁶⁶ Masalah ini tidak berlaku di Melaka sahaja malahan berlaku di setiap negeri di Malaysia ini berdasarkan laporan kajian ini.²⁶⁷

Memandangkan aspek kewangan merupakan nadi utama dalam menjayakan sesebuah program dakwah tanpa melihat di mana senarionya sama ada di negeri maju atau tidak, perlu dijelaskan bahawa ia boleh merencatkan usaha dakwah seterusnya menjadi penghalang dalam pengembangan dakwah di negeri maju.

2.7.3 Pertembungan Ideologi Institusi Dakwah.

Masalah ini merujuk kepada persaingan, perbezaan pendekatan antara sesebuah institusi dakwah yang lain. Seperti mana yang digambarkan dalam awalan kajian ini, pengkaji telah memfokuskan tentang institusi dakwah yang terdapat pada masa kini, merangkumi pelbagai pertubuhan dan gerakan. Contohnya seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) yang berorientasikan penyampaian dakwah kepada non muslim serta pengurusan kebajikan saudara-saudara baru (muallaf).²⁶⁸

Bagi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pula, pendekatannya pula lebih bercorak dan menjurus sebagai gerakan intelektual Islam dan *pressure group* (golongan pendesak).²⁶⁹ Manakala Jamaah Tabligh pula lebih menekankan kemantapan rohani melalui fadhilat amal dalam ruang lingkup ritual semata-mata.²⁷⁰

²⁶⁶ Ab. Aziz Mohd. Zin. (2006), *op.cit.* h. 281

²⁶⁷ *Ibid.* 294

²⁶⁸ Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (1994), *Perlembagaan PERKIM*, Kuala Lumpur : PERKIM.h. 5-6.

²⁶⁹ Mustafa Kamil Ayub (1992), "Peranan ABIM Dalam Kebangunan Umat Islam di Malaysia" dalam Abdul Halim El-Muhammady *Dinamika Dakwah Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*, Petaling Jaya: budaya Ilmu.h.202

²⁷⁰ Abdul Rahman Abdullah (1992), *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia : Sejarah Dan Pemikiran Jamaat Tabligh Dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur : Penerbitan Kintan.h. 42.

Menerusi kepelbagaian pendekatan ini, jika ditinjau dari sudut positif ia menampakkan tentang keunggulan Islam itu dari aspek pendekatan umatnya dalam menyampaikan risalah Islam. Namun jika difokuskan dari sudut negatif pula ia menampakkan ketidaksepakatan antara institusi berkenaan lebih-lebih lagi dalam usaha mereka untuk meramaikan ahli dan perbezaan ideologi sehinggakan sarjana kebangkitan Islam menyenaraikan bahawa kepelbagaian pendekatan dalam dakwah merupakan musuh dalam selimut yang berkemampuan meranapkan usaha dakwah secara senyap.²⁷¹ Rentetan daripada itu, ia boleh memberi kesan yang mendalam terhadap institusi-institusi dakwah yang mana jika ia tidak diselesaikan ia boleh membingungkan umat Islam sendiri. Malahan konflik yang berterusan itu hanyalah mencetuskan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam.²⁷²

Sehubungan dengan itu, disarankan kepada setiap gerakan terbabit yang layak dilabelkan sebagai institusi dakwah, harus bersama-sama memikirkan masa depan gerakan dakwah ini agar ia tidak terkorban angkara persaingan kurang sihat sesama mereka.

2.7.4 Persaingan Daripada Misionari Kristian

Firman Allah ;

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

Maksudnya : Mereka (Yahudi dan Nasrani) tidak sekali-kali (Wahai Muhammad) meredhai agama kamu sehingga kamu mengikuti agama mereka yang terpesong itu.

Surah al-Baqarah (2) : 120

²⁷¹ Badlihisam Mohd. Nasir (2002), "Masa Depan Gerakan Dakwah Di Malaysia", *Pemikir*, April-Jun 2002.h.120

²⁷² *Ibid*, h.128.

Melalui ayat di atas, ia telah menjelaskan bahawa agama Kristian yang dibawa oleh golongan Nasrani dan Yahudi adalah ancaman besar bagi umat Islam. Ayat di atas adalah ingatan Allah kepada Rasulullah dan umat Islam amnya tidak mengikuti agama tersebut. Buktinya, bagi merealisasikan cita-cita mereka berbagai-bagai usaha dilakukan seperti kegiatan yang dilakukan seperti kegiatan yang dilakukan oleh para missionari Kristian tersebut dengan mengadakan taman asuhan kanak-kanak, pusat kebajikan bagi orang-orang tua dan wanita yang rosak akhlaknya dengan pembiayaan sepenuhnya oleh paderi-paderi tersebut.²⁷³ Motif utamanya ialah untuk mengkristiankan seluruh umat manusia.²⁷⁴

Pernah dicatatkan bahawa William E. Gladstone pernah berucap di Parlimen di England sambil memegang al-Quran dengan mendakwa selagi kitab ini menjadi pegangan umat Islam, bangsa Inggeris tidak akan menguasai mereka. Sehubungan dengan itu seharusnya bangsa Inggeris ini menghapuskan kitab pegangan ini agar mereka dapat menguasai umat Islam.²⁷⁵ Menerusi kenyataan yang dilemparkan ini, ia memberi gambaran dan amaran bahawa misionari Kristian merupakan masalah kepada pengurusan dakwah di dalam sesebuah institusi dakwah lebih-lebih lagi peranannya yang cukup besar dalam konteks negeri maju memandangkan pelbagai rintangan dan halangan perlu ditempuhi oleh institusi dakwah yang bergerak cergas.

Jika difokuskan perkara ini dalam konteks masalah dakwah Islamiah di Malaysia, ancaman missionari Kristian agak membimbangkan terutama dakwah kepada Orang Asli. Menurut hasil kajian yang diperolehi kaum yang paling ramai menganut agama Kristian

²⁷³ Ibrahim Hj. Che Noh (1995), *Dakwah Kepada Non-Muslim : Masalah Dan Cabarannya dalam Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (ed.) Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.h.78

²⁷⁴ Lyle, L & Werff, W. (1997), *Christian Mission To Muslim The Research Anglican and Reformal Approache In India and The Near East 1800-1983*, California :William Carey Library.h.62-63

²⁷⁵ Omar Hasyim (1976), *Toleransi Dan Kemerdekaan Beragama Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog Antara Agama*. Surabaya : Pustaka Bina Ilmu. h. 47

adalah kumpulan Senoi iaitu seramai 4755 orang, diikuti Melayu Asli seramai 815 orang selain sasaran utama penganut agama Kristian ialah di negeri Perak iaitu seramai 3332 orang (12.6%) daripada keseluruhan penduduk Orang Asli di negeri itu.²⁷⁶ Jumlah keseluruhan penganut agama Kristian di kalangan Orang Asli berjumlah 5570 (6%).²⁷⁷

Setiap institusi dakwah harus peka tentang ancaman luaran ini kerana ia mampu menggugat usaha-usaha perkembangan dakwah dan ia merupakan masalah yang besar bagi institusi dakwah di negeri ini.

Bertitik tolak dari setiap masalah yang dikemukakan ini, diharapkan agar setiap gerakan ataupun institusi dakwah di negara ini memainkan peranan yang lebih komited bagi mengharungi masalah dan cabaran ini agar dakwah Islamiah dapat disampaikan tanpa sebarang rintangan.

2.7.5 Pengaruh *De-Islamisasi* Atau Penghakisan Nilai Terhadap Umat Islam.

Dewasa kini, dunia menuju kepada persaingan yang semakin kritikal dan hebat. Sebuah negara sama ada sedang membangun mahupun yang berstatus maju perlu menerima hakikat dan fenomena wujudnya persaingan yang bersifat global untuk menguasai dunia ini secara total. Realitinya negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom lihat amat menonjol dalam usaha mereka untuk mendominasi segenap aspek kehidupan manusia kini. Lantaran itu, ia telah memberi kesan yang besar terhadap dunia Islam lebih-lebih lagi dalam mengekang misi penyebaran dakwah Islam di dalam konteks global.

²⁷⁶ Abdullah Muhammad Zin (2000), *Pengurusan Dakwah Dalam Masyarakat Cina Dan Orang Asli* dalam Abd. Ghafar Don, et.al (ed.) *Dakwah Dan Pengurusan Islam di Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h 124. Pengkaji yakin kejayaan missionari Kristian ini ada kaitan dengan perancangan dan penyelenggaraan program yang berkesan di kalangan mereka.

Hasilnya, lahirlah satu gagasan dan konsep terkini yang dikenali dengan namanya *de-islamisasi*. Perkataan *de-islamisasi* diambil dari gabungan dua perkataan iaitu *de* dan *islamisasi*. *De* bererti mengurang dan menghilangkan sesuatu.²⁷⁸ Manakala *islamisasi* merujuk kepada usaha menjadikan patuh kepada atau sejajar dengan ajaran agama Islam atau perihal mengislamkan.²⁷⁹ Seterusnya apabila perkataan itu dihubungkan ia membawa maksud satu usaha atau tindakan yang bertentangan dengan ajaran Islam di mana berlakunya penghakisan iman serta penurunan penghayatan Islam hasil dari manipulasi nilai-nilai yang diimport dari Barat.²⁸⁰ Seterusnya proses *de islamisasi* ini juga membawa kepada pengurangan dalam mengamalkan ajaran Islam dalam segenap kehidupan seharian manusia.²⁸¹ Hasil daripada gagasan dan konsep ini, ia memberikan kesan dan impak yang besar kepada umat Islam lebih-lebih lagi dalam konteks yang lebih menjurus kepada penyebaran dakwah Islamiah tersebut.

Fenomena *de-islamisasi* ini juga selalunya berkait rapat dengan budaya hedonism. Ia diertikan sebagai satu keinginan yang tinggi untuk berseronok dan kegembiraan, manakala golongan hedonis ini pula akan mencari keseronokan ini dengan kadar yang maksima melangkaui segalanya.²⁸² Dari segi konotasinya, *hedonism* ini memperlihatkan bahawa dalam budaya ini, keseronokan dan kegembiraan adalah fokus utama dan mereka berusaha untuk mendapatkannya tanpa memikirkan perkara-perkara lain.²⁸³ Oleh itu, budaya hedonisme ini dilihat mampu memberi cabaran kepada institusi dakwah masa kini. Setiap institusi dakwah perlu memikirkan metodologi dan mekanisme yang selari dengan

²⁷⁸ Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd. Ali (2008) *Dakwah Dan Cabaran De-Islamisasi*. Shah Alam : Karisma Publications. h. 4

²⁷⁹ Sheikh Othman Sheikh Salim (ed.) (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 461

²⁸⁰ Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd. Ali, *op.cit.* h. 5

²⁸¹ Zulkiple Abd. Ghani (2003) Peranan Dakwah Dalam Menghadapi Kesan Media Massa Terhadap Perubahan Sosio Budaya dalam Fariza Mohd. Sham et.al., *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 15.

²⁸² John David Garcia (1971), *The Moral Society*. New York : The Julain Press Inc. h. 330

²⁸³ Abdul Ghafar Don (2000) Budaya Hedonisme : Corak dan Kesannya Terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia dalam Fariza Mohd. Sham, et.al., *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 51

perkembangan semasa ini lebih-lebih lagi dalam negeri maju yang sinonim dengan budaya ini.

Jika ditinjau dari perspektif al-Quran, memang tidak dinafikan bahawa isu ini ada dinyatakan. Firman Allah,

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُوا بَقِيَّةَ يَمَّهَاتٍ عَنْ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّنْ
أَنْجَيْنَا مِنْهُمْ ۗ وَاتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَا أُتْرِفُوا فِيهِ وَكَانُوا مُجْرِمِينَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya : *Maka mengapa tidak ada dari umat-umat yang sebelum kamu orang-orang yang mempunyai keutamaan yang melarang daripada (mengerjakan) kerusakan di muka bumi, kecuali sebahagian kecil di antara orang-orang yang telah kami selamatkan di antara mereka, dan orang-orang yang zalim hanya mementingkan kenikmatan yang mewah yang ada pada mereka, dan mereka adalah orang-orang yang berdosa. (Surah Hūd (11) : 116)*

Menerusi ayat ini, ada dinyatakan tentang terdapat segelintir umat manusia yang sukakan kenikmatan dan kemewahan yang diberikan di dunia ini dengan sibuk dengan harta malahan ada yang menurut hawa nafsu dan mementingkan hal ehwal keduniaan.²⁸⁴ Jika dilihat kepada topik asas yang memerlukan dakwah di kalangan manusia, jelas ia menuntut perlunya Islam itu disebarkan kerana sikap manusia itu sendiri. Sehubungan dengan itu dituntut setiap institusi dan organisasi dakwah yang berperanan dalam gerakan dakwah ini harus memainkan peranan masing-masing bagi memastikan dakwah ini dapat dijalankan kerana tugas menyebarkan dakwah ini bukan melibatkan individu iaitu ulama tetapi ia adalah tanggungjawab setiap organisasi.²⁸⁵ Sehubungan dengan itu, isu de islamisasi ini adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh setiap penggiat dakwah khususnya

²⁸⁴ Ṣabūnī, Muhammad ‘Alī al- (1981) *Ṣafwah al-Taf āsir*. Jilid 2. Beirut : Dār al-Qurān. h. 36

²⁸⁵ Ni’mah, Ibr āhīm, (t.t.), *Fiqh al-Da’wah wa al-Da’iyah*. Jordan : Dār al-Furqān li al-Nashr wa al-Tawzī. h. 14

dalam konteks negeri maju yang memerlukan lebih daya dan usaha bagi memastikan kelangsungan dakwah terjamin.

2.7.6 Impak Teknologi Maklumat Masa Kini.

Teknologi maklumat merupakan satu elemen dan mekanisme penting dalam kehidupan manusia kini. Tambahan pula dengan kebanjiran teknologi-teknologi terkini dengan lambakan laman-laman web sosial di internet menambahkan lagi cabaran yang besar kepada kelangsungan dakwah kini. Tambahan pula media cetak dan elektronik masih menguasai dunia dalam penyebaran maklumat.²⁸⁶ Dengan kemajuan teknologi maklumat masa kini, media dapat menyiarkan maklumat mutakhir dan pada bila-bila masa sahaja. Isu ini pernah dibangkitkan oleh seorang sarjana Islam, iaitu Hamid Mowlana yang beranggapan bahawa umat Islam dewasa kini bakal menghadapi cabaran ini dalam era ledakan maklumat yang rata-ratanya dipelopori oleh Barat.²⁸⁷

Sehubungan dengan itu, isu teknologi maklumat dan ledakan informasi ini merupakan cabaran utama kepada pengurusan dakwah lebih-lebih lagi dalam konteks negeri maju. Kita maklum bahawa apabila sesebuah negara itu mencapai taraf maju, sudah semestinya penggunaan teknologi maklumat ini menjadi agenda, malahan ia menjadi indikator utama dalam menilai kemajuan sesebuah negeri itu. Lebih malang lagi, jika umat Islam tidak memanfaatkan kemudahan ini sebagai salah satu wadah utama dalam kehidupan mereka. Dalam satu kajian yang dilakukan berhubung perkara ini, tahap literasi komputer di Malaysia khususnya umat Islam masih rendah. Perangkaan yang dikeluarkan

²⁸⁶ Abdul Monir Yaacob (2005) Media Barat Salah Faham dalam Abdul Monir Yaacob dan Norhanizah Ismail, *Islam Hadhari Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia. h. 239

²⁸⁷ Hamid Mowlana (1993) "The New Global Order and Cultural Ecology" *Media Culture and Society*, Vol. 18, no.1. h. 11

menerusi hasil kajian terhadap 22,000 responden dari pelbagai etnik menunjukkan hanya 20% generasi pada umur 15-24 tahun celik komputer, 12% pada umur 10-14 tahun dan semakin kecil peratusan bagi umur yang semakin meningkat iaitu 1% pada umur lebih 55 tahun.²⁸⁸ Perangkaan ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi maklumat dalam kuantiti yang minimum mampu memberi kesan kepada usaha-usaha dakwah yang cuba disebar oleh institusi dakwah. Ia bertambah buruk jika kelemahan ini diambil kesempatan oleh musuh-musuh Islam dengan melakukan pembohongan dan penyelewengan fakta berkaitan Islam.

Sehubungan dengan itu, setiap institusi dakwah yang berperanan dalam menguruskan aktiviti-aktiviti dakwah perlu membangunkan ummah dengan perkembangan terkini ini lebih-lebih lagi internet. Internet merupakan khazanah yang besar yang mengandungi berbagai maklumat untuk setiap perkara. Contohnya terdapat hampir 15,000 kumpulan perbincangan *newsgroup* untuk berbagai macam kepentingan.²⁸⁹ Lantaran itu, pengguna akan memasuki ruang dan laman web yang sesuai dengan kehendak mereka sama ada yang bersifat makruf mahupun mungkar. Oleh itu, setiap institusi dakwah perlu merebut peluang ini untuk menyebarkan Islam menerusi internet yang dilihat sangat berpotensi dalam penyebaran dakwah ini selaras dengan metode dakwah itu sendiri yang digariskan oleh al-Quran menerusi *manhāj* hikmah.

²⁸⁸ Zulkiple Abd. Ghani (1999) "Imperatif Multimedia Dalam Pembangunan Ummah" dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia. h. 25

²⁸⁹ Abdul Rahman Mohd. Said (1999) "Membimbing Ummah Melalui Multimedia" dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia. h. 44

Firman Allah,

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya : *Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.* (Surah al-Nahl (16) : 125)

Oleh itu setiap institusi dakwah perlu melihat perkara ini sebagai cabaran untuk membangunkan suatu persekitaran di mana pengguna internet terutama umat Islam harus dididik dan dibentuk dengan norma dan ajaran Islam.

2.8 Kesimpulan.

Pengurusan dari segi konsep dan pengamalannya merujuk kepada dua perspektif iaitu Barat dan Islam yang mana sememangnya berbeza kerana dasar yang menjadi asas kepada konsep dan amalan pengurusan Barat adalah nilai-nilai yang tidak tetap yang terhasil dari akal pemikiran manusia yang digambarkan melalui kewujudan dan penciptaan teori-teori sebelumnya untuk menyelesaikan permasalahan pengurusan yang dihadapi. Bagi pengurusan dakwah dengan bersandarkan kepada landasasn Islam pula, ia meletakkan dasar yang diasaskan kepada nilai-nilai yang lahir dari kefahaman terhadap isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah serta amalan para sahabat dan *al-salaf al salih*.

Bagi membincangkan pengurusan institusi dakwah pula, segala konsep dan dasar yang diterapkan melalui teori pengurusan Barat boleh diaplikasikan tetapi dengan meletakkan beberapa syarat yang tertentu khususnya ia tidak bertentangan dengan syarak. Ertinya ia perlu dibatasi dengan aqidah, syariat dan akhlak. Situasi ini perlu kerana ia mampu mewujudkan sebuah institusi dakwah yang berdaya saing dan bersifat global. Manakala penerapan unsur-unsur pengurusan Islam amat ditekankan kerana ia mampu menjadikan sesebuah institusi dakwah tersebut sebagai *role model* (contoh ikutan) kepada institusi yang lain khususnya institusi yang ‘berkiblatkan’ bentuk dan model pengurusan konvensional. Natiujahnya, segala elemen yang terkandung dalam teori dan pelaksanaan pengurusan Islam menerusi al-Quran dan al-Sunnah dipinggirkan begitu sahaja.

Selanjutnya, pengurusan dakwah sememangnya akan mengharungi dan mendepani cabaran dan masalah khususnya dalam konteks negara atau negeri maju. Ini memandangkan bahawa dengan kemajuan yang dialami oleh sesebuah negeri itu sudah semestinya ia menjanjikan pelbagai dugaan yang harus ditempuh oleh sesebuah institusi atau organisasi dakwah. Oleh yang demikian, sesebuah institusi dan organisasi dakwah sewajarnya memikirkan kaedah dan metodologi dakwah yang sempurna bagi memastikan segala usaha dakwah yang dilakukan akan memberikan hasil dan pulangan yang memberangsangkan.

BAB TIGA

PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MELAKA MAJU

3.1 Pengenalan.

Dalam lipatan sejarah Malaysia atau Tanah Melayu, negeri Melaka begitu sinonim dengan kedatangan Islam ke negara ini. Terdapat berbagai teori dan pandangan yang dilontarkan oleh sarjana-sarjana sejarah berhubung kedatangan Islam ke Malaysia atau lebih dikenali dengan Tanah Melayu. Antara teori yang sering diketengahkan berhubung kedatangan Islam ini ialah datangnya dari India, China, Arab dan juga Champa. Namun demikian, penyelesaiannya masih belum dimuktamadkan kerana kurangnya bukti yang menunjukkan tarikh dan tempat yang tepat tentang tempat pertama di Tanah Melayu yang menerima kedatangan Islam. Namun, bukan isu ini yang hendak dibincangkan dalam kajian ini kerana fokus utama kajian ini lebih tertumpu terhadap pengurusan dakwah di negeri Melaka dalam konteks negeri maju. Lantaran itu, perkara berhubung dengan Islam dan dakwah tidak seharusnya dipinggirkan dalam kajian ini kerana ia landasan teori yang kukuh bagi menggerakkan kajian ini dari sudut peranan dakwah yang terdapat di negeri Melaka.

3.2 Sejarah Islam Negeri Melaka.

Peranan Melaka sebagai sebuah pusat penyebaran Islam di Tanah Melayu dan Nusantara tidak dapat disangkal lagi. Dikatakan bahawa Melaka telah wujud dan berperanan sebagai sebuah kerajaan Islam di Nusantara yang terunggul melalui pelbagai cara dan mekanisma.¹ Namun begitu, sebelum dibincangkan tentang peranan Melaka

¹ Mohd. Jamil Mukmin (1994), *Melaka Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise. h. 40.

sebagai pusat penyebaran Islam ini, seharusnya perlu dilihat juga tentang sejarah Melaka itu sendiri. Menurut catatan Sejarah Melayu, Melaka telah ditubuhkan setelah pemerintah Singapura lari ke Melaka angkara serangan kerajaan Majapahit. Pemerintah tersebut yang bernama Iskandar Syah telah melarikan diri ke Muar kemudian ke Bertam dan akhirnya mendirikan sebuah kerajaan yang dinamakan Melaka.²

Namun begitu, pendapat ini telah dipertikaikan oleh kebanyakan sarjana sejarah dengan beranggapan bahawa kewujudan kerajaan Singapura tidak ada kerana ingin menutup fakta yang menyatakan bahawa adanya zaman yang memalukan iaitu kejatuhan kerajaan Sriwijaya Palembang dan digantikan dengan kerajaan Melayu-Jambi.³ Walau bagaimanapun, dalam catatan sejarah yang masyhur, Melaka telah dibuka pada awal abad ke 15 iaitu antara 1400-1402M kerana tidak terdapat apa-apa catatan yang dapat menunjukkan kewujudannya menerusi tulisan pengembara yang melewati kawasan ini sebelum abad ke 15M seperti Marco Polo (1292), Ordoric dari Pordenone (1323M) dan Ibn. Batutah (1345-1346M).⁴ Walaubagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa Melaka sudah pun wujud sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai pelabuhan yang agak besar sekitar tahun 1403M kerana pada tahun itu terdapat catatan China tentang kerajaan dan pelabuhan Melaka.⁵

Dalam Sejarah Melayu ada memberi gambaran bahawa Melaka telah menjadi sebuah empayar yang teguh dan stabil di bawah satu bentuk pentadbiran dan politik tradisional yang teratur dan tersusun. Dalam lipatan sejarah, ia telah merakamkan bahawa Parameswara telah menjadikan Melaka maju dari segi perdagangan bukan

² A. Samad Ahmad (pnyt.) (1986), *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur : Dewan Bahsas dan Pustaka. h. 70-71

³ Wolters (1990), *Kejatuhan Sriwijaya Dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. h. 92

⁴ Mahayudin Yahya dan Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti. h. 633

⁵ *Ibid.* h. 633.

sahaja di Nusantara tetapi di rantau sebelah Timur.⁶ Tambahan pula, perkembangan Melaka yang begitu pesat telah dibantu oleh faktor Parameswara yang telah memeluk Islam pada tahun 1414, seterusnya Melaka telah menjadi pusat penyebaran agama Islam di Nusantara. Ia menjadi kukuh kedudukannya di zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah dan Sultan Alauddin Riayat Shah.⁷

Dalam membincangkan tentang sejarah sesebuah negeri atau negara, perlu dilihat dan dinilai tentang faktor yang menyebabkannya menjadi popular dan menjadi tumpuan umum. Oleh itu, Melaka telah menjadi tumpuan disebabkan keistimewaan dan kekuatannya sebagai sebuah kota atau bandar pelabuhan ditambah pula dengan kedudukan geografinya yang strategik, iaitu di sepanjang jalan perdagangan dan perniagaan dari luar. Ini menjadikan perairan sepanjang Selat Melaka sebagai laluan komunikasi yang sangat kuat dan berkesan.⁸

Lanjutan perbincangan berhubung dengan sejarah Melaka ini, perlu dilihat juga tentang pengasasan kerajaan dan Empayar Melaka yang bertitik tolak kepada Kesultanan Melayu Melaka. Kesultanan Melayu Melaka ialah Kesultanan Melayu yang tertua dalam Sejarah Malaysia. Perkembangan sejarah kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada empat tahap iaitu tahap pembukaan (1400-1424), tahap pengukuhan (1424-1446), tahap kegemilangan (1446-1448) dan tahap kejatuhan (1488-1511).⁹ Melalui tahap-tahap ini, ia memberi gambaran tentang pengasasan sesebuah kerajaan tersebut sehinggalah kepada zaman kejatuhannya. Inilah yang berlaku kepada kesultanan Melayu Melaka yang sudah sebatikan dengan sejarah negeri Melaka. Menerusi

⁶ Mohd. Jamil b. Mukmin (2010) "Pusat Dakwah dan Penyebaran Agama Islam Di Nusantara" dalam Muhammad Yusoff Hashim, et.al. (pnyt.) *Empayar Melaka Tradisi Agung. Melaka* : Kerajaan Negeri Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka. h. 193

⁷ Ibid. h. 194

⁸ Khoo Kay Kim (2010) "Prolog 1" dalam Muhammad Yusoff Hashim, et.al (pnyt.) *Empayar Melaka Tradisi Agung Melaka* : Kerajaan Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka. h. 15

⁹ Mardiana Nordin (2010) "Politik dan Pentadbiran" dalam Muhammad Yusoff Hashim et.al (pnyt.) *Empayar Melaka Tradisi Agung Melaka* : Kerajaan Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka. h. 23

bukti salasilah kesultanan ini yang melangkaui tahap-tahap tertentu ini, ia memberi gambaran tentang kemajuan Melaka ini ini sudah dibuktikan dari sudut politik dan pentadbiran.

3.2.1 Pengaruh Islam Di Melaka.

Melaka sudah termaktub dalam sejarah di Malaysia sebagai salah sebuah pusat penyebaran Islam yang tersohor. Ini kerana ia telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran Islam seiring dengan peranannya sebagai pusat penyebaran agama Islam yang dipikul olehnya serentak dengan penubuhan dan perkembangan kesultanan Melayu Melaka. Syed Naquib al-Attas pernah mengatakan

*“Jikalau dahulu mereka (Raja dan pembesar) asyik menggemari renungan, foya, dongengan, khayal dan sebagainya, kini mereka giat menganjurkan penulisan dan penafsiran ilmu-ilmu sejarah dan tasawuf serta falsafah Islam”*¹⁰

Kenyataan ini jelas menunjukkan tentang pengaruh Islam yang terpahat dalam sistem pemerintahan kerajaan Melayu Melaka. Lantas, ia membuktikan tentang kemasyhuran Melaka sebagai sebuah kerajaan yang bertunjangkan Islam dari segi politik dan pentadbirannya.

Bagi memperluaskan perbincangan ini, perlu dilihat tentang peranan yang dimainkan oleh Islam dalam segenap ruang kehidupan masyarakat di Melaka ini. Melaka terkenal sebagai sebuah negeri Islam yang terulung di Kepulauan Melayu pada abad ke 15 Masihi walaupun terdapat beberapa pandangan yang menafikannya.¹¹

¹⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 120

¹¹ Ahmad Jelani Halimi (2008), *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 247. Perkara ini ada kebenarannya kerana dikatakan bahawa penduduk Melaka ketika itu tidak mempunyai budaya keislaman langsung seperti meminum arak dan pembohong dalam urusan jual beli. Lihat G.R. Tibbets (1979), *A Study of Arabian Texts Containing Material on South-east Asia*, London : Royal Asiatic Soc. h. 206

Terdapat berbagai pendapat yang membicarakan tentang pemerintahan di Melaka berunsurkan Islam. Sungguhpun Melaka merupakan sebuah negeri Islam, namun pemerintahannya tidaklah keislaman sepenuhnya. Undang-undang seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka tidaklah berlandaskan sepenuhnya undang-undang atau peraturan Islam. Ia hanya mempunyai pengaruh Islam seperti Hukum Kanun Melaka yang mempunyai 40.95 peratus sahaja hukum-hukumnya yang mengikut hukuman Islam. Manakala Undang-undang Laut Melaka hanya mempunyai satu fasal sahaja dari 25 fasal yang terdapat di dalamnya yang mengikut hukum Islam sebenar.¹²

Berdasarkan kepada Undang-undang Melaka ini, ia berpaksikan kepada dua peraturan iaitu adat dan agama. Peraturan adat ini bergantung kepada Adat Temenggung, manakala peraturan agama pula bersandarkan kepada mazhab Syafii.¹³ Hukum agama sering dimulakan dengan perkataan “mengikut hukum Allah” atau “mengikut dalil Allah”. Namun, kebanyakan daripada fasal-fasal itu tidak semestinya hukum Islam.¹⁴

Lanjutan kepada perbincangan ini, wajar dibincangkan dengan lebih mendalam berhubung pengaruh Islam di dalam sistem perundangan Islam bagi membuktikan tentang peranan Islam serta kedudukan Melaka sebagai sebuah negeri Islam ketika itu. Jika ditinjau dari sudut sejarah, memang tidak dapat dinafikan bahawa Melaka mempunyai pentadbiran yang sistematik serta mempunyai undang-undang tertentu yang mengawal peraturan dan pentadbirannya.

¹² Muhammad Yusuf Hashim (1989) *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 221-223

¹³ Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.* h. 249

¹⁴ Muhammad Yusof Hashim. *op.cit.* 221

Hukum Kanun Melaka juga dikenali dengan nama Undang-undang Darat Melaka atau Risalat Hukum Kanun. Ia mempunyai 44 fasal dan berkuatkuasa di Melaka serta kawasan-kawasan di bawah jajahan takluknya.¹⁵ Undang-undang ini mempunyai 46 naskah salinan yang disebut dengan pelbagai nama seperti Undang-undang Melaka, Undang-undang Negeri dan Pelayaran, Surat Undang-undang, Kitab Undang-undang Raja Melaka, Undang-undang Sultan Mahmud Syah, Kitab Hukum Kanun dan Surat Hukum Kanun.¹⁶

Untuk perbincangan lanjut berhubung dengan pengaruh Islam dalam perundangan Melaka ini sewajarnya disoroti tentang amalan yang terdapat di dalamnya. Menurut Undang-undang Jenayah yang termaktub di dalam Hukum Kanun Melaka ialah hukuman *Qiṣāṣ*, *Hudūd*, *Ta'azīr* dan *Diāt*.¹⁷

Dalam Hukum Kanun Melaka, fasal 5.1 ada menyebut bahawa kesalahan membunuh orang hendaklah dibalas dengan bunuh juga.¹⁸ Ini selaras dengan al-Quran menerusi firman Allah iaitu

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ
 بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَن
 لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١٧٠﴾

Maksudnya : Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya bahwasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka luka (pun) ada qisasnya. Barangsiapa yang melepaskan (hak qisas) nya, maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara

¹⁵ Mahayuddin Hj. Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.* h. 643.

¹⁶ Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adnan (1991), *Sejarah Islam : India-Nusantara-China*. Kuala Lumpur : Penerbit Elman. h. 187

¹⁷ Abdullah Ishak (1991), *Islam Di India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise. h. 193

¹⁸ Mohd. Jamil Mukmin, *op.cit.* h. 141

menurut apa yang diturunkan Allah, maka, mereka itu adalah orang-orang yang zalim. (Surah al-Māidah (5) : 45)

Menerusi ayat ini, jelas menunjukkan tentang perintah Allah supaya hukuman jenayah yang dilakukan berupa nyawa dan anggota manusia perlu dibalas seperti mana yang dilakukan oleh si penjenayah tersebut.

Hukum Kanun Melaka juga memperuntukkan bagi kesalahan mencuri, iaitu terdapat dalam fasal 7:2 dan 11:1 yang menetapkan potong tangan ke atas pencuri. Hukuman tersebut dilaksanakan ke atas seseorang jika harta yang dicurinya itu cukup kadarnya dan tiada sesuatu sebab yang menghalang seseorang itu dari dikenakan hukuman tersebut.¹⁹ Hal ini selari dengan apa yang termaktub dalam al-Quran menerusi firman Allah iaitu:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾

Maksudnya : *Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Māidah (5) : 38).*

Menerusi ayat ini, jelas menunjukkan bahawa dalam Hukum Kanun Melaka membincangkan tentang hukuman yang selayaknya diterima oleh mereka yang melakukan kesalahan mencuri ini.

Berdasarkan keterangan di atas, ia memberi gambaran bahawa pengaruh Islam memang wujud di Melaka seawal kurun ke 15 atau lebih mudah pada awal

¹⁹ *Ibid.* h. 142.

penubuhannya sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat. Menerusi aspek perundangan, jelas membuktikan tentang pengaruh Islam di dalam kerajaan Melaka ini seterusnya menjadikan ia sebagai pusat penyebaran Islam di rantau ini walaupun terdapat pelbagai pendapat sejarawan yang skeptikal dan pesimis terhadap fakta ini. Pentingnya di sini ialah perlu diketengahkan tentang keunggulan Melaka sejak dahulu lagi memainkan sumbangan yang besar terhadap penyebaran Islam di Tanah Melayu atau di Malaysia kini.

3.2.2 Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Dakwah.

Sejak awal penubuhan Melaka, dikatakan bahawa pedagang-pedagang Islam telah berdagang di Melaka, sama ada secara paksa atau dengan sukarela. Menerusi aktiviti perdagangan itu, akhirnya pembesar dan pentadbir di Melaka telah memeluk Islam.²⁰ Seterusnya, ia dibahaskan tentang siapakah dia raja dan sultan yang awal memeluk Islam bagi memperkukuhkan tentang sumbangan pemerintah Islam yang berperanan dalam penyebaran agama Islam di rantau ini? Hasilnya disepakati bahawa Iskandar Syah merupakan pemerintah Melaka pertama yang memeluk Islam berdasarkan namanya.²¹ Namun, jika dilihat tentang catatan lain, raja Melaka yang mula-mula memeluk Islam ialah Raja Kecil Besar iaitu pemerintah Melaka yang keempat.²² Namun, apa yang hendak dibincangkan di sini bukanlah untuk membincangkan tentang siapakah pemerintah Islam yang pertama, cuma ia adalah satu perbincangan untuk menunjukkan bahawa Islam sudah berkembang dalam ruang yang positif di Melaka.

²⁰ Ahmad Jelani Halimi (2008), *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 225

²¹ *Ibid.* h. 225

²² A Samad Ahmad, *op.cit.* h. 75

Dikatakan bahawa bermula dari Melaka, agama Islam telah berkembang dengan luasnya di seluruh Tanah Melayu. Walaupun terdapat pelbagai fakta sejarah yang memperlihatkan negeri-negeri lain juga berperanan dalam penyebaran dakwah, namun tidak seharusnya diketepikan keupayaan Melaka. Buktinya, Indera Pura (Pahang) tidak menerima Islam sehinggalah ia ditawan oleh Melaka pada zaman Sultan Mansur Syah. Pemerintahnya yang pertama ialah Sultan Muhammad Syah putera Sultan Mansur Syah yang dibuang ke sana kerana membunuh anak kepada Bendahara Paduka Raja iaitu Tun Besar.²³

Seterusnya, terdapat beberapa catatan yang menunjukkan bahawa, Melaka berperanan dalam penyebaran dakwah Islam di Patani. Dikatakan bahawa selepas raja Patani memeluk Islam, beliau telah mengirinkan sembah kepada Sultan Mahmud Syah ketika itu.²⁴

Manakala pada zaman Sultan Mansur Syah, Islam telah tersebar melalui hubungan diplomatik. Baginda telah menghantar beberapa rombongan diplomatik ke beberapa buah negeri lain yang terdapat di Asia Tenggara sehingga ke Gowa (Sulawesi Selatan), Majapahit dan Siam.²⁵

Seterusnya, Islam juga berkembang menerusi Melaka berasaskan perdagangan. Menurut Tome Pires dalam karyanya *Suma Oriental* mengatakan bahawa pelabuhan Melaka ketika itu tiada tolok bandingnya di dunia pada masa itu sehinggakan segala barangan keperluan boleh didapati di situ. Ramai pedagang berdagang di sini seperti Benggala, Burma, Pasai, Sumatera, Palembang, Jawa, Maluku, China dan Indo China.

²³ W.G. Shellabear (1982), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti. h. 110-111

²⁴ Ibrahim Syukri (1985), *History of Malay Kingdom of Patani*. Athens : Center for International Studies Ohio University. h. 17

²⁵ Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.* 233

²⁶ Seterusnya, keunggulan dakwah Islam dapat dizahirkan dengan berkembangnya ajaran tasawuf (sufi). Ramai ulama dari Timur Tengah dan India telah datang ke Melaka. Antara yang dicatatkan dalam Sulatus Salatin ialah Maulana Abu Bakar, Maulana Yusuf dan Khadi Munawar. Dikatakan bahawa Sultan Mansur Syah sendiri telah berguru dengan Maulana Abu Bakar iaitu seorang ulama tasawuf yang datang bersamanya kitab *Durr al-Manzum* ke Melaka..²⁷ Pada masa itu juga disebutkan telah datang seorang putera raja dari Champa untuk mendapat perlindungan dari Melaka kerana negaranya diserang oleh Kuci (orang Annam). Lantas, Sultan Mansur Syah telah meminta putera itu, Syah Indera Berma dan orang-orangnya memeluk Islam.²⁸

Begitulah beberapa catatan sejarah yang telah dirakamkan dalam lipatan sejarah yang menunjukkan bahawa Melaka pernah menjadi sebuah negeri malahan negara yang berperanan sebagai pusat penyebaran Islam dalam pelbagai dimensi. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa perselisihan fakta dalam ruang lingkup sejarah, namun bukan itu isunya. Isu yang ingin dilonjakkan ialah memang terpatut dalam sejarah bahawa Melaka pernah masyhur dan tersohor sebagai pusat penyebaran Islam di Malaysia secara khusus dan Asia Tenggara secara amnya.

3.3 Pengurusan Dakwah Di Melaka.

Dalam usaha mengembangkan ajaran Islam kepada seluruh umat manusia, ia memerlukan kepada mekanisme dan gerak kerja yang tersusun bagi mencapai matlamat yang diharapkan. Sehubungan dengan itu, perbincangan berhubung dengan gerak kerja

²⁶ A. Cortesao (pnyt.) (1967). *The Suma Oriental of Tome Pires and the Book of Francisco Rodrigues*. T.tpt. : The Hakluyt Society. 265

²⁷ Mahayudin Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.* h. 640. Disebutkan bahawa kitab ini ditulis oleh seorang ulama' Makkah bernama Maulana Abu Ishaq.

²⁸ *Ibid.* h. 640

dan usaha menyebarkan dakwah ini perlu dipandang serius bagi menjamin kelangsungan penyebaran dakwah tersebut. Bertitik tolak kepada perkara ini, pengkaji akan menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh beberapa institusi dakwah yang berpengaruh di Melaka dalam usaha mereka memainkan peranan dalam penyebaran dakwah di negeri maju ini.

3.3.1 Majlis Agama Islam Melaka.

Majlis Agama Islam Melaka merupakan institusi induk kerajaan dalam menguruskan hal ehwal Islam termasuk dalam menyebarkan dakwah di negeri Melaka. Majlis Agama Islam telah ditubuhkan pada 28 September 1960.²⁹ Ia ditubuhkan bertujuan menguruskan hal ehwal agama Islam negeri Melaka di samping membantu dan menasihati Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong. Penubuhan Majlis Agama Islam Melaka diperkukuhkan berdasarkan enakmen penubuhannya iaitu:

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Seksyen 4 cerai 1. *Maka hendaklah ada satu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Melaka” untuk membantu dan menasihati Yang di Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubung agama Islam.*³⁰

Seperti yang dinyatakan, bahawa Majlis Agama Islam Melaka merupakan institusi induk hal ehwal agama di negeri Melaka mempunyai beberapa institusi pelaksana dakwah yang bernaung di bawahnya seperti Jabatan Agama Islam Melaka,

²⁹ Majlis Agama Islam, [http:// www.maim.gov/www/v1/info.php?](http://www.maim.gov/www/v1/info.php?) 2 Disember 2011

³⁰ *Ibid.* h. 1

Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah dan beberapa anak-anak syarikat MAIM untuk melaksanakan segala keputusan atau dasar yang telah ditetapkan.

3.3.1 (a) Perancangan.

Dalam membincangkan tentang perancangan dakwah, sudah semestinya ia merujuk kepada beberapa garis panduan dan landasan awal bagi sesebuah organisasi atau institusi dalam menjamin segala gerak kerja dakwah yang dilakukan mengikut piawaian yang sebenarnya. Lantaran itu, pengkaji meletakkan beberapa perkara dasar dalam sesebuah institusi seperti misi, visi dan objektif sebagai perancangan dalam menggerakkan kerja dakwah.

Visi Majlis Agama Islam Melaka ialah ‘untuk menjadi organisasi yang unggul, cekap, mesra dan berkualiti dalam memelihara dan membangunkan syiar Islam di negeri Melaka.’³¹

Manakala misinya ialah ‘Untuk menjadi organisasi yang unggul, cekap, mesra dan berkualiti dalam memelihara dan membangunkan syiar Islam di Negeri Melaka’. Seterusnya, ia dilengkapi dengan meletakkan dua halatuju bagi merealisasikan kerja dakwah dengan berasaskan konsep amar makruf dan nahi mungkar yang terdapat dalam kerja kerja dakwah.

Pihak Majlis Agama Islam Melaka telah meletakkan sasarannya dengan berwadahkan Islam dari aspek amar makruf iaitu ‘untuk melahirkan masyarakat Islam sebagai cara hidup sempurna dengan mengikut dan menghayati ajaran-ajaran Islam

³¹Majlis Agama Islam Melaka. Piagam Pelanggan Majlis Agama Islam Melaka 2011

yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah yang meliputi aspek-aspek aqidah, syariah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan.

Manakala dari aspek nahi mungkar, diletakkan misinya iaitu ‘menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawal dan membasmi kemungkar, maksiat, khurafat, bid’ah, *dalālah* dan fikiran-fikiran yang menjejaskan kesucian Islam mengikut kehendak-kehendak yang termaktub dalam undang-undang Agama Islam Negeri Melaka’.

Menerusi objektif, misi, dan visi yang digariskan ini, ia menunjukkan bahawa segala program dan aktiviti dakwah yang dijalankan di bawah institusi ini juga perlu berlandaskan kepada setiap perkara yang telah digariskan.

3.3.1 (b) Pengorganisasian

Pada peringkat kedua dalam tingkatan pengurusan ialah pengorganisasian. Sehubungan dengan itu, Majlis Agama Islam Melaka yang merupakan sebuah institusi Islam yang berautoriti di dalam hal ehwal agama Islam di negeri ini sudah semestinya mempunyai satu bentuk organisasi yang mantap dalam menjalankan kegiatan dakwah yang dijalankan. Majlis Agama Islam Melaka mempunyai satu bentuk organisasi yang berstruktur dan sistematik. Dengan kewujudan struktur organisasi yang jelas, ia mampu menjana pelaksanaan program-program dakwah selaras dengan matlamat yang digariskan.

Majlis Agama Islam Melaka dinaungi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Seterusnya, ia diperturunkan kepada Tuan Yang Terutama Negeri Melaka. Majlis Agama Islam Melaka diterajui oleh Pengerusi merangkap Ketua Menteri Melaka dengan dibantu oleh seorang timbalan pengerusi dan seorang setiausaha. Manakala organisasi di bawahnya ialah Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka, Baitul Mal dan anak-anak syarikatnya seperti MAIM Holdings dan Pusat Zakat Melaka. Untuk gambaran lanjut tentang pengorganisasian Majlis Agama Islam Melaka, sila lihat Lampiran A.³²

Menerusi carta organisasi ini, ia memberi gambaran bahawa Majlis Agama Islam Melaka merupakan institusi induk dalam pentadbiran hal ehwal Islam di Melaka. Buktinya dengan jelas menunjukkan bahawa beberapa institusi Islam yang berpengaruh dalam kegiatan dakwah berada di dalam pentadbiran dan pengurusannya.

3.3.1 (c) Kepimpinan

Seperti mana yang difahami, bahawa dalam tingkatan pengurusan, kepimpinan merupakan salah satu perkara penting yang dibincangkan dalam pengurusan. Berhubung dengan perkara tersebut dapat difahami bahawa dalam aspek kepimpinan, MAIM diterajui oleh pimpinan tertinggi dalam institusi agama di negeri ini. Memandangkan negeri Melaka, kuasa agama Islam terletak di bawah pemerintahan pusat, lantas Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong adalah pentadbir tertinggi di dalam Majlis Agama Islam ini. Seterusnya, kepimpinan itu diturunkan kepada Tuan Yang Terutama Negeri Melaka yang bertindak sebagai *ex-officio* dalam pentadbiran

³² Bahagian yang bertanggungjawab dalam urusan dakwah ialah Bahagian Dakwah yang diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Melaka. Rujuk Lampiran B

agama di negeri ini. Ini bererti bahawa dari aspek kepimpinan di dalam institusi ini, ia mempunyai struktur yang jelas dengan wujudnya tingkatan kepimpinan pengurusan dakwah yang sistematik.

Seterusnya, kuasa eksekutif yang tertinggi di dalam insitusi ini dipikul oleh YAB Ketua Menteri Melaka yang bertindak sebagai pengerusi. Kepimpinan kedua tertinggi pula disandang oleh Timbalan Pengerusi yang lazimnya dipegang oleh Exco yang memegang potfolio agama Islam. Pada masa kini, jawatan ini disandang oleh YB Datuk Yaakub b. Mohd Amin yang mana merupakan Pengerusi Jawatankuasa Negeri Hal Ehwal Agama.³³ Oleh yang demikian, beliau akan bertindak sebagai barisan pimpinan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan segala yang dirancang bagi merealisasikan matlamat dan hala tuju institusi ini.

Kepimpinan pengurusan ini seterusnya diletakkan kepada Setiausaha MAIM yang berperanan dalam merekodkan segala maklumat-maklumat yang penting dalam hal ehwal pengurusan MAIM ini.³⁴ Peranan yang beliau jalankan di institusi ini begitu besar tugas yang dipikul memandangkan Majlis Agama Islam Melaka ini adalah pentadbir induk dan utama bagi perkara-perkara yang melibatkan hal ehwal agama Islam di Melaka.

3.3.1 (d) Kawalan

Kawalan berperanan dalam memastikan setiap pelaksanaan dan tindakan yang dirancang dapat dilakukan mengikut jadual yang disasarkan dalam sesebuah institusi.

³³ Kerajaan Negeri Melaka. www.melaka.gov.my/bm/majlis-mesyuarat-kerajaan-negeri.htm/. 12 Disember 2011

³⁴ Majlis Agama Islam Melaka. www.maim.gov.my. 12 Disember 2011

Selain itu, ia berperanan juga dalam menggariskan beberapa ketetapan dan peraturan untuk diaplikasikan bagi mencapai matlamat sesebuah institusi tersebut. Bagi memperkukuhkan aspek kawalan dalam pengurusan dakwah MAIM, pengkaji telah meletakkan beberapa enakmen yang digubal bagi membuktikan wujudnya unsur kawalan dalam pengurusan. Dalam memperkemaskan pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka, beberapa enakmen yang bersesuaian telah diwujudkan dan dilaksanakan oleh jabatan /agensi masing-masing. Berikut adalah senarai enakmen-enakmen yang berkuatkuasa :

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.
2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.
3. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
4. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
5. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
6. Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002 dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002.
7. Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.
8. Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005.
9. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.³⁵

Menerusi kawalan yang dilakukan dengan berkala ini, ia menunjukkan tentang kesungguhan kepada Majlis Agama Islam untuk menunjukkan bahawa institusi ini begitu prihatin terhadap kecemerlangan pengurusan, khususnya dalam kerja-kerja dakwah.

³⁵ Majlis Agama Islam Melaka, <http://www.maim.gov.my>. 12 Disember 2011

Berikut adalah sasaran yang diletakkan oleh pihak pengurusan institusi ini bagi menunjukkan keberkesanan kawalan pengurusan ini.

Jadual 3.1 : Kawalan Pengurusan

Kawalan Pengurusan		
Bahagian	Piagam Pelanggan	Tahap pencapaian
Agihan Zakat	Melaksanakan siasatan ke atas permohonan dan menyerahkan bantuan kepada pemohon yang berjaya dalam tempoh 60 hari dari tarikh permohonan dibuat	86 %
Wakaf	Melaksanakan proses permohonan wakaf dalam tempoh 30 hari . Melaksanakan proses penebusan tanah bahagian baitulmal dalam tempoh 21 hari .	86 % 67 %
Pendaftaran Muallaf	Melaksanakan proses pendaftaran muallaf dan pengeluaran kad akuan memeluk Islam dalam tempoh 45 minit selepas pengislaman dibuat	83 %
Pengurusan Rumah Anak Yatim	Melaksanakan proses permohonan kemasukkan pelajar ke rumah anak yatim dan mengadakan temuduga serta memberi keputusan dalam masa 30 minit semasa pendaftaran masuk dibuat;	100 %
Pengurusan Aduan Pelanggan	Memberi maklumbalas kepada aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari . Mengambil tindakan ke atas aduan dalam tempoh 14 hari .	63 %
Kewangan	Menyediakan baucer bayaran dalam tempoh tidak melebihi 2 minggu daripada tarikh bil diterima secara lengkap. Menyiapkan penyata kewangan bulanan tidak lewat daripada 15 haribulan berikutnya	100%

Sumber : Majlis Agama Islam Melaka, <http://maim.gov.my>

Menerusi kawalan pengurusan yang diterjemahkan dalam piagam pelanggan ini, secara mudahnya dapat disimpulkan bahawa wujudnya amalan pengurusan dakwah dengan merujuk kepada peringkat-peringkat pengurusan yang telah dibincangkan dengan terperinci.

3.3.2 Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)

Jabatan Agama Islam Melaka merupakan salah satu cabang atau sebuah agensi kepada Majlis Agama Islam Melaka.³⁶ Jabatan Agama Islam Melaka atau JAIM ditubuhkan pada 28 September 1960 di Bangunan No. 272, Jalan Tengker, Melaka. Pada awal penubuhannya, ia diterajui oleh Tuan Hj. Mohd. Amin b. Imran sebagai Yang di Pertuan Jabatan yang pertama.³⁷ Seterusnya, pada tahun 1962, JAIM telah menubuhkan pejabat agama daerah, kadi dan mahkamah. Manakala pada tahun 1967, jawatan Kadi Besar telah diwujudkan.³⁸

Setelah 26 tahun ia beroperasi di Jalan Tengker, ia telah berpindah ke Seri Negeri, Jalan Hang Tuah, Melaka iaitu pada tahun 1986. Seterusnya, operasi JAIM telah berpindah di Bangunan Graha Maju pada tahun 1991. JAIM telah mengalami beberapa perubahan dalam pentadbirannya apabila Mahkamah Syariah telah diasingkan pentadbirannya pada tahun 1990 dan pada tahun 1996 pula, Jabatan Mufti pula telah diasingkan pentadbirannya.

Kini, pentadbiran Jabatan Agama Islam Melaka telah berpindah di Kompleks Perniagaan Al-Azim di Bukit Palah bermula pada tahun 2010.

3.3.2 (a) Perancangan

Dari segi perancangan pengurusan dakwah Jabatan Agama Islam Melaka, ia telah diperkemaskan dan dipertingkatkan. Ia meliputi sistem perundangan Islam, Baitul Mal,

³⁶ Rujuk Lampiran A

³⁷ Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.* h. 129

³⁸ *Ibid*, h. 129

pendidikan Islam, dakwah pentadbiran tanah wakaf, pentadbiran masjid dan ia diperkemaskan dari semasa ke semasa.³⁹ Pucuk pimpinan kerajaan negeri berpendapat bahawa wawasan supaya zaman kegemilangan Melaka dapat dikembalikan melalui berbagai-bagai rancangan yang telah disusun. Buktinya dengan perancangan-perancangan pembangunan Islam yang telah disusun di Melaka.⁴⁰

Oleh yang demikian, segala perancangan dakwah yang dilakukan di Melaka menerusi Jabatan Agama Islam Melaka perlu memenuhi kriteria pelan induk pembangunan Islam Negeri Melaka. Matlamatnya ialah untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang meliputi aqidah, syariah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan. Dengan adanya pelan pembangunan Islam ini, ia dapat memandu agensi-agensi agama Islam khususnya JAIM dalam merangka dan melaksanakan program dakwah yang berkesan bagi mengukuhkan perkembangan Islam di negeri ini.

Lanjutan perbincangan ini, khususnya dalam membincangkan tentang perancangan pengurusan dakwah dalam sesebuah institusi, ia perlu merujuk kepada visi, misi dan objektif jabatan untuk menjadi landasan dalam merancang segala bentuk program dakwah yang dijalankan. Misi bagi JAIM yang telah digubal ialah “ untuk menjadi organisasi yang berjaya menegakkan syiar Islam dengan menghayati syariatnya serta melahirkan ummah yang bertakwa dan berakhlak mulia.”⁴¹

Manakala misinya pula ialah ‘merancang program amar makruf nahi mungkar dengan sistematik dalam aspek aqidah, syariat dan akhlak serta melaksanakannya

³⁹ Mohd. Jamil Mukmin, *op.cit.* h. 195

⁴⁰ Perkara ini boleh didapati dalam Buku pelan Induk Majlis Agama Islam (MAIM) yang telah dibentangkan dalam Konvensyen Melaka Sebagai Pusat Perkembangan Islam Serantau 1993. Lihat juga Mohd. Jamil Mukmin, *op.cit.* h. 195

⁴¹ Ab. Aziz Mohd. Zin, *op.cit.* h. 129

dengan cekap dan berkesan”. Manakala objektif yang disasarkan ialah ‘untuk memastikan ajaran Islam yang sebenar difahami dan dihayati oleh seluruh masyarakat Islam’.⁴²

Namun demikian, terdapat perincian berhubung perkara ini berdasarkan fungsi dan objektif institusi ini. Berikut adalah perinciannya berhubung objektif JAIM :

- a. Mewujudkan pengurusan pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan yang bersih, cekap dan amanah
- b. Menyediakan sistem pendidikan agama yang dapat melahirkan ummah yang bertakwa dan berakhlak mulia.
- c. Memberi perkhidmatan kekeluargaan yang mesra dan berkualiti tinggi.
- d. Melaksanakan program dakwah dan pemahaman Islam dengan tersusun dan berkesan.
- e. Melaksanakan pengurusan dan pentadbiran masjid dan madrasah dengan cekap.
- f. Melaksanakan penguatkuasaan Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam dengan tegas dan berkesan.
- g. Menentukan kes-kes pendakwaan disediakan dengan lengkap mengikut prosedur untuk dihadapkan ke mahkamah, seterusnya membantu hakim membuat keputusan yang adil dan saksama.
- h. Memberi perkhidmatan pensijilan halal dengan sistematik dan cekap.⁴³

⁴² *Ibid.* h. 129. Rujuk juga Jabatan Agama Islam Melaka, <http://jaim.gov.my>. 21 Disember 2011

⁴³ Majlis Agama Islam Melaka, www.gov.my. 21 Disember 2011

Manakala dari segi fungsi institusi ini ialah,

- a. Menguruskan pentadbiran, kewangan , teknologi maklumat dan perkhidmatan organisasi
- b. Menyediakan kemudahan pendidikan agama dan akademik kepada pelajar-pelajar di peringkat Tadika, Sekolah Rendah Agama, Sekolah Rendah Arab dan Sekolah Menengah Agama.
- c. Menyediakan perkhidmatan kekeluargaan seperti nikah, cerai, rujuk dan bimbingan keluarga kepada penduduk.
- d. Menguatkuasakan Enakmen Pentadbiran dan Keluarga Islam Negeri Islam.
- e. Menjalankan pendakwaan ke atas orang yang dituduh melakukan kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Melaka.
- f. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program dakwah Islam
- g. Menyelaraskan pengurusan masjid-masjid dan surau.
- h. Menguruskan permohonan sijil halal.
- i. Memantau dan mengambil tindakan mencegah ajaran salah.
- j. Menguruskan dan menyelaras pentadbiran Agama Islam peringkat daerah.⁴⁴

Menerusi visi, misi, objektif dan fungsi yang diterapkan dalam institusi ini, ia memberi garis panduan kepada semua kakitangan dalam institusi ini agar memahami dan mengaplikasikan perkara ini dalam menjalankan kerja-kerja dakwah.

Bagi memperkukuhkan perancangan pengurusan institusi ini, perlu kita melihat program-program dan aktiviti yang dilakukan oleh pihak JAIM bagi membuktikan komitmen mereka dalam aspek perancangan pengurusan dakwah ini. Dalam memperkukuhkan perbincangan ini, pengkaji mengambil contoh yang dapat dilihat

⁴⁴ *Ibid.*

menerusi sumbangan institusi ini. Majlis Agama Islam Melaka menerusi Jabatan Agama Islam Melaka telah dilantik sebagai urusetia selaku Biro Dakwah Dunia Melayu Dunia Islam telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran peringkat Dunia Melayu Dunia Islam yang julung-julung kalinya diadakan di Melaka pada 27 hingga 29 Ogos 2010 bersamaan 17-19 Ramadhan 1431H.⁴⁵ Seramai 18 orang peserta telah mengambil bahagian dalam majlis tilawah ini serta telah mendapat sambutan yang menggalakkan terutama daripada peserta dan rakyat Melaka berbangga dengan penganjuran majlis tilawah ini yang bertaraf antarabangsa ini.

3.3.2 (b) Pengorganisasian.

Dari sudut pengorganisasian Jabatan Agama Islam Melaka ini, ia tidak banyak perbezaannya dengan mana-mana institusi dakwah yang lain di negeri ini. Dari sudut penstrukturannya, boleh dikatakan ia menampakkan keseragaman dan keselarasan tugas yang baik. Ini memandangkan keupayaannya sebagai sebuah organisasi Islam yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. Untuk keterangan lanjut berhubung carta organisasi Jabatan Agama Islam Melaka.⁴⁶

Menerusi carta ini, pengurusan tertingginya diketuai oleh seorang Pengarah yang kini disandang oleh Y.Bhg. Datuk Mohd. Zin b. Mansor. Seterusnya, beliau dibantu oleh lapan orang Ketua Penolong Pengarah yang mewakili beberapa unit di jabatan ini. Terdapat lapan unit yang diletakkan di bawah jabatan ini iaitu :-

- a. Bahagian Khidmat Pengurusan
- b. Bahagian Pendidikan

⁴⁵ Abu Bakar Abdul (ed.) *12 Tahun Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Cemerlang 2000-2011*. Melaka : Dunia Melayu Dunia Islam. h. 136

⁴⁶ Rujuk Lampiran B

- c. Bahagian Undang-undang Keluarga Islam
- d. Bahagian Penguatkuasaan
- e. Bahagian Pendakwaan
- f. Bahagian Dakwah
- g. Bahagian Pengurusan Masjid
- h. Bahagian Pendidikan.⁴⁷

Menerusi carta organisasi ini, jelas menunjukkan bahawa pentadbiran dan pengurusan Islam yang dijalankan di institusi ini begitu sistematik dan teratur dengan kewujudan bahagian tertentu yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan setiap deskripsi tugas yang telah diperuntukan.

3.3.2 (c) Kepimpinan.

Dari sudut kepimpinan pula, jabatan ini menunjukkan satu bentuk kepimpinan yang baik kerana ia ditadbir oleh seorang pengarah yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada Majlis Agama Islam Melaka yang merupakan satu badan induk dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri ini.

Seterusnya, pengarah akan menurunkan kuasanya kepada bahagian-bahagian yang terdapat di jabatan ini yang bertanggungjawab kepada skop dan diskripsi tugas masing-masing yang meliputi khidmat pengurusan, pendidikan, undang-undang keluarga Islam, penguatkuasaan, pendakwaan, dakwah dan pengurusan masjid. Setiap bahagian ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada pengarah yang akan melaporkan

⁴⁷ Ab. Aziz Mohd. Zin, et.al., *op.cit.* h. 130

segala maklumat dan rekod kepada Majlis Agama Islam Melaka berhubung hal ehwal Islam di negeri ini.

Ketika ini, setiap bahagian yang terdapat di dalam jabatan ini dipimpin oleh beberapa orang pentadbir yang dilantik bagi mengetuai bahagian-bahagian tersebut. Ia adalah seperti berikut. Seperkara lagi yang ingin dinyatakan ialah tentang kepimpinan jabatan ini yang diletakkan di bawah setiap daerah yang terdapat di dalam negeri ini. Untuk makluman bahawa setiap daerah di dalam negeri ini iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin mempunyai pentadbir agamanya sendiri yang bertanggungjawab kepada Pengarah jabatan ini.. Butirannya seperti berikut.

Jadual 3.2 : Barisan Kepimpinan Jabatan Agama Islam Melaka

Bil.	Bahagian	Ketua Penolong Pengarah
1.	Khidmat Pengurusan	Pn. Siti Azzyati Bt. Hj. Abu Bakar
2.	Pendidikan	Tn. Hj. Haris b. Mahat
3.	Undang-undang keluarga Islam	Tn. Hj. Mohd Shokri Bin Hj. Mustafa
4.	Penguatkuasaan	Tn. Hj. Rahimin B. Bani
5.	Pendakwaan	Pn. Hjh. Haznita Bt. Hamidon
6.	Dakwah	Ust. Abd. Halim b. Tawil
7.	Pengurusan Masjid	En. Suhairi B. Yunos
8.	Pendidikan	Usth. Nur Rasyidah
9.	Penyelidikan	Ust. Siti Rahmaniah Bt. Bachok
10.	Pejabat Agama Melaka Tengah	Tn. Hj. Abd. Halim B. Tawil
11.	Pejabat Agama Alor Gajah	En. Luqman B. Abidin
12.	Pejabat Agama Jasin	En. Huzailan B. Amzah

Sumber : Jabatan Agama Islam Melaka, <http://www.jaim.gov.my>

3.3.2 (d) Kawalan.

Bagi memastikan setiap agenda atau matlamat yang disasarkan itu terlaksana, maka pihak jabatan telah menggariskan beberapa pelan tindakan agar setiap yang dimatlamatkan akan tercapai. Sebagai contoh, dalam memastikan program-program

dakwah terlaksana, tanggungjawab berkenaan dakwah akan dipantau dan dinilai oleh Bahagian Dakwah. Manakala jika ia berkaitan dengan pendidikan, Bahagian Pendidikan yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan segala perancangan dan pelaksanaan program tersebut terlaksana.⁴⁸

Sehubungan dengan itu, kawalan pengurusan yang diamalkan di dalam jabatan ini dapat dikategorikan sempurna dan sistematik kerana ada unit dan bahagian tertentu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu kerja atau tugas.

3.3.3 Jabatan Mufti Negeri Melaka.

Amalan mengeluarkan fatwa berdasarkan keilmuan yang tinggi telah bermula dari zaman Rasulullah saw iaitu berdasarkan kisah Muāz b. Jabal yang ditugaskan ke Yaman, seterusnya dilanjutkan oleh para sahabat selepas kewafatan Rasulullah dan diteruskan oleh para generasi-generasi terkemudian.⁴⁹

Dalam konteks negara ini, institusi fatwa sudah lama wujud di negara ini semenjak sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Semasa pemerintahan Inggeris di Negeri-negeri Selat, satu ordinar yang dikenali sebagai *Mohamaden Marriage Ordinance (No.5)* telah dibuat untuk mewujudkan jawatan mufti.⁵⁰ Oleh itu, kegiatan memberi fatwa sudah lama berkembang di Tanah Melayu di mana masyarakat Islam di negeri ini termasuk pemerintah semenjak dahulu lagi telah meminta para mufti untuk memberi fatwa yang menyentuh kepentingan dalam kehidupan bermasyarakat. Sesetengah mufti di Malaysia adakalanya bertugas sebagai penasihat dalam bidang

⁴⁸ Perinciannya rujuk carta organisasi sebagai asas perbincangan kawalan dalam institusi ini.

⁴⁹ Khudārī, Muḥammad al- (1962), *Usūl al-Fiqh*. Kāherah : al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā. h. 41

⁵⁰ Mohamad Azam Mohamad Adil (2000), "Pengaruh Adat tempatan Dalam Menentukan Fatwa Di Malaysia" (Kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa III, Peringkat Kebangsaan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) 7-8 November 2000. h. 1

hukum Islam malah bertindak sebagai hakim di Mahkamah Syariah dengan dibantu oleh Kadi.⁵¹

Di Malaysia kini, hal-hal berkaitan dengan fatwa diperuntukkan dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam di negeri-negeri di Malaysia dengan peruntukan-peruntukan tertentu.⁵² Selain daripada itu, institusi fatwa diberi mandat secara khusus untuk menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum-hukum fiqh semasa. Persoalan yang ditimbulkan oleh khalayak perlu dijawab dengan teliti dan berwaspada selaras dengan kepentingannya dalam badan terpenting dalam pentadbiran agama Islam.⁵³

Pokok perbincangan yang dibincangkan dalam perkara ini ialah berhubung peranan institusi fatwa dalam hal-hal berkaitan dakwah Islamiah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa institusi fatwa memainkan peranan yang besar dalam bidang dakwah walaupun ruang lingkup perbahasannya banyak berlegar dalam disiplin syariah. Hujah ini dikemukakan dengan bersandarkan peranan institusi fatwa terhadap penentuan hukum dan secara tidak langsung, ia memberi kesan terhadap kerja-kerja dakwah. Dalam satu kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa fatwa dalam hal yang berkaitan syariah yang dikeluarkan sebanyak 3110, diikuti usuluddin 474 dan kemasyarakatan sebanyak 238 buah fatwa.⁵⁴ Statistik ini menunjukkan bahawa institusi fatwa berperanan dalam menentukan hukum pelbagai disiplin pengajian Islam termasuklah dakwah Islamiah.

⁵¹ Abdul Hamid @ Yusof b. Yunus (1993), "Fatwa di Malaysia : Satu Penilaian Sejarah", *Jurnal Penyelidikan Islam*, Jilid 1, Bil. 8 h. 22-25

⁵² Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2000), Fatwa dan Cabaran Isu Semasa dalam Fariza Md. Sham, et.al (ed.), *Dakwah Dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors. h. 106

⁵³ Murtadza Hj. Ahmad (2000), Peranan Institusi Fatwa Dalam Dakwah dan Pengurusan Islam Dalam Abdul Ghafar Don, et.al., (ed.) *Dakwah dan Pengurusan Islam Di Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia. h. 94

⁵⁴ Ahmad Hidayat Buang, et.al (2000), Laporan *Penganalisan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia*, Penyelidikan Projek IRPA), Kuala Lumpur : Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian islam, Universiti Malaya. h. 117

Berdasarkan kepada huraian di atas, pengkaji telah mengenalpasti bahawa institusi fatwa yang wujud di negeri-negeri di Malaysia secara umumnya dan khususnya di Melaka merupakan sebuah institusi dakwah yang berperanan besar dalam penyebaran dakwah Islamiah.

Dari segi sejarah, pada tahun 1957 (selepas merdeka), Negeri Melaka telah pun mewujudkan satu enakmen yang dinamakan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1959 (dipinda pada tahun 1991 dan 2002). Jawatan Mufti dan fungsinya diwujudkan secara rasmi di bawah enakmen ini.

Di peringkat awalnya, Jabatan Mufti Melaka merupakan salah satu bahagian di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Ia dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Bagaimanapun, pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan surat pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia. Semenjak itu, bermulalah wujudnya sebuah institusi fatwa di Negeri Melaka yang dikenali sebagai Pejabat Mufti Negeri Melaka yang diletakkan di bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka.⁵⁵

3.3.3 (a) Perancangan.

Jabatan Mufti Negeri Melaka telah meletakkan beberapa dasar pengurusannya bagi memperlihatkan keupayaannya sebagai sebuah institusi Islam yang bergerak dalam kapasiti dakwah berasaskan maklumat-maklumat umum dalam pengurusan sesebuah

⁵⁵ Jabatan Mufti Negeri Melaka, http://www.jabatan_mufti_melaka.gov.my. 31 Disember 2011. Namun pada masa kini Jabatan Mufti Melaka telah diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Melaka. Lihat perbincangan awalan dalam bab ini berhubung struktur organisasi Majlis Agama Islam Melaka

institusi. Jabatan ini telah menyasarkan beberapa perkara berhubung perancangan pengurusannya. Ia adalah,

- a. Untuk memberi nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Negeri Melaka melalui Majlis Agama Islam, Kerajaan Negeri, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat mengenai hal ehwal agama Islam dan hukum syarak.
- b. Untuk mengeluarkan fatwa atau pandangan hukum syarak yang lengkap, kemas dan bersistematik atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi yang berhubungan dengan hukum syarak berdasarkan kepada nas al-Quran dan al-Sunnah serta pendapat imam-imam mazhab yang *mu'tabar*.
- c. Untuk menjadi pusat rujukan yang utama dan terakhir dalam aspek fatwa dan hukum syarak.
- d. Untuk menjadi pusat pendidikan, penyelidikan dan astro-pelancongan dalam bidang ilmu falak syarie / astronomi yang mantap, berwibawa dan disegani.⁵⁶

Bagi memperincikan dasar pengurusannya, jabatan ini telah menggariskan visi, misi dan objektif jabatan ini agar difahami dan dihayati oleh setiap anggota perkhidmatan jabatan ini. Visinya adalah “Beriltizam menjadi institusi mufti yang berwibawa dan cemerlang dalam memantapkan aqidah, memartabatkan syariat dan memperkasakan akhlak ummah”.⁵⁷

Misinya pula ialah “Memacu kecemerlangan pengurusan institusi mufti secara cekap dan berkesan seiring dengan aspirasi Melaka Maju 2010 dan Wawasan Negara

⁵⁶ Jabatan Mufti Negeri Melaka, http://www.jabatan_mufti_melaka.gov.my. 31 Disember 2011. Peranan Jabatan Mufti Negeri Melaka sebagai salah sebuah institusi dakwah ialah melalui peranannya yang mengeluarkan fatwa yang berkaitan hukum syarak sebagai menepati prinsip dakwah iaitu *amar makrūf wa nahy al-munkar*.

⁵⁷ *Pelan Strategik Jabatan Mufti Negeri Melaka 2011-2015*, Melaka : Jabatan Mufti Melaka. h. 2

2020”. Manakala moto perkhidmatannya pula ialah “Profesional dan Berhikmah”. Berdasarkan objektif, visi dan misi jabatan ini, ia dapat merangka pelan tindakan dalam melaksanakan setiap program dan aktiviti yang dilakukan.

3.3.3 (b) Pengorganisasian.

Jabatan ini diterajui oleh Sahibus Samahah Datuk Wira Rashid Redza Mohd. Salleh iaitu Mufti Kerajaan Negeri Melaka. Dari segi pengorganisasian, jabatan ini mempunyai lima bahagian utama serta fungsinya iaitu :-

i) Bahagian Fatwa dan Buhuth :

- a. Menguruskan pengeluaran Fatwa dan
- b. Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan Fatwa.

ii) Bahagian Falak Syarie :

- a. Pendidikan ilmu Falak Syarie / Astronomi;
- b. Kajian dan penyelidikan berkaitan Falak Syarie / Astronomi
- c. Pengurusan Balai cerap Al-Khawarizmi dan astro-pelancongan dan
- d. Pengurusan sumber maklumat Islam berkaitan Fatwa dan Falak Syarie /
Astronomi.⁵⁸

iii) Bahagian Sumber Maklumat:

- a. Pengurusan sumber maklumat Islam berkaitan Fatwa dan Falak Syarie /
Astronomi

⁵⁸ Jabatan Mufti Melaka, http://www.al-azim.com/jmm/maklumat_organisasi.htm, 9 Januari 2012

- b. Menguruskan perpustakaan jabatan
- c. Menguruskan percetakan dan penerbitan jabatan

iv) Bahagian Teknologi Maklumat (ICT) :

- a. Perkhidmatan ICT bagi kegunaan jabatan;
- b. Pembangunan dan penyelenggaraan sistem maklumat bagi kegunaan jabatan dan
- c. Program e-masjid Negeri Melaka.

v) Bahagian Khidmat Pengurusan:

- a. Urusan Pentadbiran Am Jabatan
- b. Urusan Perkhidmatan Kakitangan dan Pembangunan Sumber Manusia.
- c. Pengurusan Kewangan Jabatan

Berdasarkan kepada beberapa bahagian dan fungsi jabatan ini, ia menggambarkan tentang wujudnya pengorganisasian yang mantap dan ia memudahkan kepada kerja-kerja dalam pelaksanaan dakwah di institusi ini menerusi kerjasamanya dengan institusi-institusi dakwah yang lain di negeri ini.

3.3.3 (c) Kepimpinan.

Sejajar dengan peranan jabatan ini yang bergerak sebagai sebuah institusi dakwah yang berasaskan kepada kefatwaan, selayaknya jabatan ini diterajui oleh seorang mufti yang berperanan sebagai penggerak dan pemimpin di institusi ini. Berdasarkan kepada pengorganisasian, secara umumnya jabatan ini diterajui oleh seorang Mufti yang

bertaraf JUSA C. Secara keseluruhannya, jabatan ini mempunyai 35 orang kakitangan yang mempunyai peranan masing-masing dalam menggerakkan fungsi jabatan ini.

Berdasarkan kepada carta organisasi yang dilampirkan, jabatan ini mempunyai lima bahagian yang berperanan dalam menentukan hala tuju jabatan ini seiring dengan misi dan visinya. Contohnya, Bahagian Fatwa Dan Buhuth diketuai oleh seorang pegawai hal ehwal Islam yang bertanggungjawab kepada beberapa orang kakitangan di bawahnya. Begitulah keadaannya kepada bahagian-bahagian lain di jabatan ini.⁵⁹

Menerusi pembahagian tugas dan pengkhususan kerja menerusi kepimpinan ini, ia memudahkan kepada pucuk pimpinan institusi ini untuk menggerakkan jabatan ini agar setiap skop dan fungsi yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

3.3.3 (d) Kawalan.

Seiring dengan perubahan-perubahan yang memberi implikasi dan membawa cabaran kepada pengurusan hal ehwal hukum syarak dan kefatwaan di peringkat negeri Melaka, Jabatan ini telah meletakkan beberapa pendekatan yang dilihat sebagai bentuk kawalan pengurusan dalam memastikan setiap misi, visi dan matlamat jabatan ini dapat dilaksanakan. Buktinya, jabatan ini telah menggariskan pelan strategik bagi memastikan segala perancangan. Berikut adalah pelan strategik yang dilihat sebagai kawalan bagi institusi ini:

- a. Perneriksaan keupayaan kapasiti dan organisasi bagi meningkatkan kecekapan, kepakaran dan pelaksanaan hal ehwal hukum syarak.
- b. Penguatan profesionalisme institusi mufti melalui bidang kefatwaan.

⁵⁹ Ustaz Hj. Mohd. Nazri b. Abd. Majid (Penolong Mufti, Jabatan Mufti Melaka) (temubual) 22 Mac 2012

- c. Memartabatkan ilmu falak dalam masyarakat.
- d. Mengukuhkan jalinan lestari yang strategik antara institusi mufti di peringkat nasional dan serantau
- e. Pemeraksanaan pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan penghayatan Islam bagi melahirkan *khaira ummah*.⁶⁰

Teras-teras strategik ini dibentuk agar menggambarkan hasrat dan hala tuju Jabatan Mufti Melaka secara dinamik dan menyeluruh. Seterusnya, bagi memastikan teras strategik ini dapat dilaksanakan, seterusnya digariskan beberapa mekanisme pelaksanaan bagi memastikan ia dapat dizahirkan. Memandangkan terdapat keperluan untuk melaksanakan pelan strategik institusi ini secara holistik, maka tindakan-tindakan berikut akan dilaksanakan dengan jayanya :-

- i. Pengstrukturkan Jabatan Mufti Melaka bagi merealisasikan visi dan misi pelan strategik
- ii. Penubuhan Jawatankuasa Pelan Strategik dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Melaka bertujuan menggubal, melaksana dan memantau pelan strategik yang telah dibangunkan.
- iii. Penubuhan sekretariat jawatankuasa penyelarasan di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Mufti Negeri Melaka bagi tujuan penyelarasan dan penilaian kemajuan pencapaian pelaksanaan pelan strategik.
- iv. Mengadakan kajian semula secara berkala bertujuan memantapkan bagi perancangan dan pelaksanaan pelan strategik.

⁶⁰ *Pelan Strategik Jabatan Mufti Negeri Melaka*, Melaka : Jabatan Mufti Melaka. h. 12

Menurut jadual, kajian pelaksanaan ini akan dijalankan pada tahun 2013 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategi dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Menerusi pelaksanaan pelan strategik jabatan ini, ia merupakan satu usaha jangka panjang yang memerlukan kerjasama semua agensi dan bahagian di jabatan ini. Melalui usaha ini, diharapkan jabatan ini mampu mencapai visi dan misinya untuk mewujudkan institusi mufti yang lebih mantap dan lebih cemerlang. Harapan yang tinggi diletakkan agar dengan adanya pelan ini pada tahun 2011 dan mendatang, jabatan ini sentiasa relevan dan peka dengan apa yang berlaku dalam alam persekitaran serta sentiasa mencipta pendekatan operasi dan budaya pengurusan yang inovatif.⁶¹

Menerusi pendekatan strategi ini, pengkaji berpendapat bahawa apa yang digaris oleh institusi ini adalah merupakan salah satu bentuk kawalan pengurusan yang dijalankan bagi mencapai matlamat institusi ini dalam mengembangkan dakwah Islam berpaksikan kefatwaan.

3.3.4 Institusi Masjid (Masjid al-Azim, Negeri Melaka)

Firman Allah

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ
وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya : *Sesungguhnya orang-orang yang yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari Kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada*

⁶¹ *Ibid*, h. 17

siapapun) selain kepada Allah, Maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.

Surah al-Taubah (9) : 18

Firman Allah lagi,

لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَمَْسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ
رِجَالٌ مُّحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ

Maksudnya : *Sesungguhnya masjid yang diasaskan di atas dasar taqwa semenjak hari pertama ia didirikan adalah lebih berhak untuk Engkau (wahai Muhammad) menunaikan sembahyang kepadanya... Surah al-Taubah (9) : 108*

Berdasarkan kedua-dua dalil di atas, ia memberi gambaran tentang keunggulan masjid sebagai sebuah tempat untuk beribadat bagi umat Islam khususnya bagi orang yang bertaqwa dan beramal soleh. Ada pendapat yang mengatakan bahawa muka bumi adalah masjid dan umat Islam boleh menunaikannya di mana sahaja apabila tiba waktunya yang mana ia merupakan satu keistimewaan dan kemudahan kepada umat Islam dalam menunaikan ibadat khususnya solat.⁶²

Institusi masjid di dalam Islam dianggap tempat yang penting dalam pembangunan Islam dan masyarakatnya khususnya sebagai tempat peribadatan, pendidikan dan juga kebajikan masyarakat.⁶³ Perkara ini lebih difokuskan kepada peranan dan fungsi masjid yang begitu meluas serta ditumpukan peranannya kepada pengembangan dakwah Islamiah. Fungsi masjid dapat dilihat dengan lebih terperinci dari zaman Rasulullah lagi. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Rasulullah

⁶² Muḥamad Dāwudī (1988), *al-Masjid fī al-Kitāb wa al-Sunnah wa Aqwāl al-Fuqahā'* : Mīsr : Dār al-Wafā', h. 9-10

⁶³ Berhanundin Abdullah (2000), "Pengurusan Masjid Dalam Pembentukan Masyarakat Harmoni : Kajian Kes di Kalangan Guru Pelatih di Maktab Perguruan Islam, Baagi" (Kertas kerja Seminar Penyelidikan Islam Ke 3 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi), 9-10 November, h. 1

semasa sampai di Madinah ialah membina masjid. Masjid merupakan institusi penting dalam Islam kerana ia merupakan tempat ibadah dan tempat penyebaran Islam.⁶⁴

Di samping itu, ia juga berperanan sebagai pusat pendidikan bagi menyebarkan ilmu pengetahuan. Masjid juga dikatakan sebagai pusat gerakan kebangkitan Islam dalam pelbagai dimensi dengan merujuk ia sebagai tempat berkumpul untuk menunaikan ibadah dan berbincang tentang kehidupan umat Islam meliputi bidang sosial, politik, ekonomi, kebudayaan kegiatan ilmiah dan sebagainya.⁶⁵ Ia dirumuskan bahawa masjid bukan sahaja pusat kerohanian bagi orang muslim tetapi sebagai pusat politik, pendidikan dan kemasyarakatan (sosial).⁶⁶ Masjid juga boleh dijadikan tempat bermesyuarat bagi masyarakat Islam untuk memutuskan perkara-perkara penting di dalam masyarakat seperti yang dilakukan oleh Rasulullah.⁶⁷

Dalam konteks semasa, peranan masjid dilihat sangat besar selaras dengan visi yang jauh ke hadapan bagi menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan Islam yang merangkumi semua kegiatan yang boleh dikategorikan sebagai ibadah. Dalam pembentukan masyarakat Islam yang bertakwa apa jua aktiviti khususnya pengajian yang mendatangkan kebajikan dan kemanfaatan kepada masyarakat sepatutnya dijalankan di masjid atau kawasan sekitarnya dan masjid jua disarankan berfungsi sebagai tempat penyelesaian masalah yang membabitkan individu, kekeluargaan dan kemasyarakatan.⁶⁸ Di Malaysia, institusi masjid haruslah mempunyai lebih kurang 50 peranan utama bagi mencapai tujuan tersebut. Antaranya ialah masjid sebagai pusat

⁶⁴ Mahayudin Hj. Yahya dan Ahmad Jelani Halimi, *op.cit.* h. 9

⁶⁵ Abd. Ghaffar Don dan Kamaruzzaman Yusof (1999), "Peranan Masjid Dalam Menjana Kebangkitan Siasah Islam dalam Zulkiple Abd. Ghani, et.al. (ed.) *Kepimpinan Dakwah dalam Politik Islam*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 44

⁶⁶ Amir Hassan Siddiqi (1970), *Cultural Centers of Islam*, Karachi : Jamiyatul Falah Publications. h. 17

⁶⁷ Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) (1980), *Peranan Masjid : Pelajaran Dan Sebaran Am Dalam Bidang Dakwah dalam Laporan Muktamar Dakwah Islamiah Tenggara Asia dan Asia Pasifik*, 11-14 Januari 1980, h. 99

⁶⁸ Abd. Ghaffar Don dan Berhanundin Abdullah (2002), *Pengurusan Masjid Dalam Membentuk Masyarakat Bertaqwa dalam Sulaiman Ibrahim, et.al (ed.) Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*, Bangi : Jabatan pengajian Dakwah dan kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 58

pembangunan Islam, pusat percambahan ilmu, pusat pendidikan, pusat pembina kekuatan ummah, pusat kebajikan Islam serta pusat dakwah.⁶⁹

Senario kewujudan masjid di Malaysia dari segi kuantitinya amat menggalakkan. Berdasarkan kajian yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, pada tahun 2000 terdapat sebanyak 10, 963 buah masjid dan surau di seluruh Malaysia.⁷⁰ Perangkaan ini juga merangkumi jumlah masjid dan surau yang terdapat di Negeri Melaka yang meliputi tiga daerah negeri ini.⁷¹

Menyentuh landasan kajian ini yang difokuskan kepada negeri Melaka, pengkaji meletakkan Masjid al-Azim, Negeri Melaka sebagai sampel kajian ini yang mewakili masjid di seluruh negeri ini sebagai sebuah institusi dakwah yang berperanan besar dalam mengembangkan dakwah Islamiah di negeri ini. Pada asalnya, hasrat untuk menubuhkan masjid negeri ini telah diluahkan dalam Kongres Pembangunan Islam di negeri Melaka yang berlangsung pada tahun 1978.⁷² Masjid ini telah dirasmikan pada hari Jumaat 21 Zulhijah 1410H bersamaan 13 Julai 1990 yang disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah. Kerja-kerja pembinaan masjid ini telah dimulakan pada 14 Mac 1984 dan kos perbelanjaannya berjumlah RM 19.5 juta yang mengandungi dua fasa. Fasa pertama dibina dalam jangka masa 7 tahun dan mula digunakan sejak 12 Januari 1990, manakala fasa kedua siap dibina pada 7 Mac 1996.⁷³ Masjid ini terletak 5 kilometer dari Bandar Melaka di atas tapak seluas

⁶⁹ Lokman Abd. Rahman dan Musa Ahmad (1996), *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*, Melaka : Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka. h. 12-23

⁷⁰ Abd. Ghaffar Don dan Kamaruzzaman Yusof, *op.cit.* h. 47. Pengkaji optimis angka ini bertambah kini memandangkan banyak masjid dan surau dibina di setiap negeri memandangkan populasi penduduk Islam yang semakin bertambah di negara ini.

⁷¹ Menurut Ustaz Md. Khairulzaki b. Misbah (Penolong Pengarah Unit Takmir , Bahagian Pengurusan Masjid, JAIM. temubual. 13 Mac 2012 menyatakan perangkaan terkini berjumlah jumlah masjid dan surau di Melaka adalah 181 buah masjid kariah, 6 buah masjid kerajaan dan 623 buah surau di seluruh negeri.

⁷² Ab. Aziz Mohd. Zin, *op.cit.* h. 159

⁷³ *Ibid.* h. 159

25 ekar (10.12 hektar). Luas keseluruhan bangunan ini ialah 72.561 km persegi termasuk tiga buah anjung yang mengandungi pintu masuk dan sebuah menara. Masjid ini dilengkapi dewan solat, auditorium, dewan kuliah, bilik pandang dengar, bangunan perpustakaan, pentas terbuka, bilik mesyuarat, bilik tetamu dan VIP. Ia berfungsi untuk mengurus aktiviti dakwah melalui program penyebaran ilmu dan kefahaman Islam, pengurusan masjid, pendaftaran saudara baru dan dakwah kepada non-muslim.

3.3.4 (a) Perancangan.

Secara dasarnya, Masjid al-Azim ini mempunyai perancangan yang tersusun dalam mengembangkan aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dirancangan. Melalui perancangan program dakwah yang telah ditetapkan dan disasarkan, masjid ini berupaya bertindak dan berfungsi sebagai sebuah institusi dakwah yang dinamik dan progresif.

Seiring dengan peranannya sebagai sebuah institusi dakwah yang mantap memandangkan peranan masjid yang besar dalam pengembangan ilmu-ilmu Islam sudah semestinya setiap aktiviti dan program yang dijalankan dilihat memberi impak yang besar kepada umat Islam di negeri ini. Antara perancangan dakwah yang dapat diterjemahkan dalam penganjuran program adalah Kelas Pengajian Agama, Kelas Pengajian Agama Dewasa Persijilan, Kelas Asas Al-Quran dan Fardhu Ain Kanak-Kanak (5 dan 6 tahun), Kelas Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Fardhu Ain Kanak-Kanak dan Majlis *Maulud Diba'ie*.⁷⁴

⁷⁴ Untuk maklumat lanjut sila lihat Lampiran D berhubung program-program dakwah Masjid al-Azim, Melaka dalam konteks perancangan dakwah.

3.3.4 (b) Pengorganisasian.

Dari sudut pengorganisasian, masjid ini diletakkan di bawah penguasaan Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Melaka. Ertinya, institusi masjid di negeri ini secara keseluruhannya, berada di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Melaka sebagai pelaksana setiap perancangan program dakwah menerusi institusi masjid. Dari sudut organisasi, masjid ini mempunyai 21 orang ahli jawatankuasa termasuk empat orang ahli lembaga pengarah yang diterajui oleh YAB Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam selaku Ketua Menteri Melaka dan Pengerusi Lembaga Majlis Agama Islam Melaka. Timbalan Pengerusi pula disandang oleh YB. Datuk Ghazalee Mohamad selaku Timbalan Pengerusi MAIM. Manakala setiausaha disandang oleh Datuk Alias Saad selaku Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka dan bendahari disandang oleh YB Datuk Naim Abu Bakar selaku Pegawai Kewangan Negeri.⁷⁵

Menerusi pengorganisasian ini, ia menunjukkan bahawa Masjid al-Azim di Melaka ini memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan ilmu dakwah melalui program-program keagamaan yang dijalankan untuk kegunaan dan kemanfaatanumat Islam di negeri ini.

3.3.4 (c) Kepimpinan

Dari sudut kepimpinan masjid ini, secara autoritinya ia diketuai oleh seorang Imam Besar dan dibantu oleh dua orang imam yang bertanggungjawab kepada Imam Besar dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran.

⁷⁵ Untuk maklumat lanjut, lihat lampiran E berhubung senarai ahli jawatankuasa Masjid al-Azim yang dibincangkan dalam konteks pengorganisasian dakwah institusi masjid.

Secara ringkasnya, terdapat tujuh orang kakitangan yang bertanggungjawab dalam melicinkan perjalanan pentadbiran Masjid al-Azim iaitu :-

- a. Imam Besar S 48 - Datuk Mohamad b. Hashim al-Hafiz
- b. Iman I S 41– Ustaz Hasbullah b. Selah al-Hafiz
- c. Pembantu Hal Ehwal Islam S 22 – Nor Azmi Ishak
- d. Tiga Pembantu Hal Ehwal Islam S 17 – Mohd. Sufie b. Abd. Karim, Afham b. Mohd. Sharif dan Mohd. Aidiel b. Jaapar.⁷⁶

Namun, dari segi arahan dan segala pekeliling yang berkaitan dengan dasar kerajaan, institusi ini tertakluk kepada segala arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Melaka.

3.3.4 (d) Kawalan.

Bagi memastikan segala perancangan yang digariskan mencapai sasarannya, maka institusi ini telah meletakkan beberapa dasar pentadbirannya sebagai salah satu bentuk kawalan dalam pengurusannya iaitu :-

- a. memastikan ajaran Islam yang sebenar tersebar kepada seluruh masyarakat kearah melahirkan masyarakat Islam yang mengamalkan cara hidup sempurna berlandaskan syariat Islam menerusi institusi masjid.
- b. Menjadikan institusi masjid yang berjaya menegakkan syiar Islam dengan menghayati syariatnya serta melahirkan ummah yang bertaqwa dan berakhlak mulia.
- c. Untuk merancang program amar makruf dan nahi mungkar dengan sistematik dan melaksanakannya dengan cekap dan berkesan.

⁷⁶Menurut Ustaz Md. Khairulzaki b. Misbah (Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Pengurusan Masjid (temubual) 13 Mac 2012

- d. Mewujudkan program pengimarah dan pentadbiran masjid yang efisien.⁷⁷

Menerusi empat dasar ini, ia menjadi kawalan pengurusan yang efisien kepada institusi masjid ini agar lebih dinamik dalam usaha menjadikannya sebagai sebuah institusi dakwah yang berperanan besar dan berpengaruh di Melaka.

3.3.5 Bahagian Rumahku Syurgaku, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Institusi keluarga adalah asas yang paling penting dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu, maju, makmur, sejahtera dan harmoni. Kekuatan institusi keluarga dapat melahirkan kestabilan politik dalam pembangunan negeri dan negara⁷⁸. Firman Allah

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya : *Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.* (Sūrah al-Rūm (30) : 21)

Ayat ini menunjukkan tentang pentingnya institusi keluarga yang dibina rasa kasih sayang yang mana kesannya sangat besar dalam membina sebuah masyarakat dan negara yang makmur dan maju. Ia dilihat sangat signifikan dalam dakwah kerana matlamat sesebuah institusi dakwah ialah memperlengkapkan rumah masyarakat Islam dan mendidik semua individunya bertepatan dengan *manhāj* dan peraturan Islam untuk

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ Rujuk Othman Talib (2002), *How Children Are Brought Up : An Islamic Perspective* dalam Sulaiman Ibrahim, et.al. (ed.) *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM. h. 169 yang menyatakan bahawa institusi keluarga berperanan dalam membentuk, mendidik dan membimbing anak mereka sebagai satu wasilah dakwah.

mbolehkan anak-anak membesar dengan suasana keislaman selain ibu bapa wajib membentuk, mendidik dan membimbing anak mereka.⁷⁹

Lantaran pentingnya peranan institusi keluarga, kerajaan Negeri Melaka telah memperkenalkan pelaksanaan Program Rumahku Syurgaku yang telah dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Mohd. Ali b. Mohd. Rustam pada 5 Ogos 2003. Program ini adalah teras utama dalam merealisasikan aspirasi untuk menjadikan negeri maju pada tahun 2010 dengan satu dasar pembangunan yang seimbang di antara aspek jasmani dan rohani, fizikal dan mental serta duniawi dan ukhrawi selain ia menjadi agenda utama dalam menangani permasalahan sosial yang melanda masyarakat hari ini.⁸⁰

Kerajaan Negeri Melaka amat serius dalam melaksanakan program Rumahku Syurgaku ini dan telah mengisytiharkan tahun 2004 sebagai tahun Rumahku Syurgaku dalam menumpukan kepada usaha untuk memperkukuhkan ikatan institusi rumah tangga, masyarakat dan berusaha menangani isu dan masalah sosial yang melanda masyarakat pelbagai peringkat hari ini secara berterusan dan konsisten.⁸¹ Penubuhan Bahagian Pembangunan Rumahku Syurgaku di Jabatan Ketua Menteri Melaka menguatkan lagi keseriusan kerajaan negeri dalam program ini dan telah dapat dibuktikan dengan penyertaan melebihi 100,000 orang melalui program yang telah diatur seperti seminar, kursus, konvensyen, bengkel dan sebagainya melalui modul-modul yang telah dibangunkan.⁸²

⁷⁹ ‘Ulwān, ‘Abd. Allāh Nāsih (1981), *Tarbīyah al-Awlad fī al-Islām*. Beirut : Mūassasah al-Risālah. h. 171

⁸⁰ Johari Mohd. Yusof (Pegarah, Bahagian Rumahku Syurgaku), temubual, 15 Januari 2011

⁸¹ Kerajaan Negeri Melaka (2005), *Rumahku Syurgaku Modul 4 Pengukuhan Institusi Keluarga dan Masyarakat*. Melaka : Bahagian Rumahku Syurgaku. h. vii

⁸² *Ibid*, h. viii

3.3.5 (a) Perancangan.

Dalam merealisasikan institusi ini sebagai sebuah institusi dakwah yang dinamik dalam sebuah negeri maju, bahagian ini telah menggariskan beberapa misinya iaitu :-

- a. Menjadi pemangkin kepada kerajaan dan pusat sumber kepada masyarakat.
- b. Memperkukuhkan sahsiah individu, keluarga dan masyarakat melalui program keagamaan yang sistematik agar dapat melahirkan generasi yang berwawasan.
- c. Meningkatkan mutu kehidupan.
- d. Menjadikan ikatan kekeluargaan moto utama.⁸³

Manakala objektif penubuhan institusi ini ialah,

- a. Memberikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dalam membentuk dan memantapkan institusi kekeluargaan.
- b. Menyediakan khidmat nasihat Hal Ehwal Kekeluargaan dan permasalahan remaja.
- c. Menghadapi dan menangani masalah sosial dan kepincangan institusi kekeluargaan dan masyarakat Islam di semua peringkat.
- d. Melahirkan keluarga yang bahagia dan masyarakat sejahtera yang menjadikan Islam sebagai wadah perpaduan ummah.⁸⁴

Bagi memperkukuhkan perancangan pengurusan institusi ini, ia telah menggariskan beberapa strategi bagi membuktikan keseriusannya dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah di negeri Melaka. Antaranya ialah

⁸³ *Ibid*, h. ix

⁸⁴ Bahagian Rumahku Syurgaku, <http://rumahku.syurgaku.gov.my>. 12 Januari 2012

- a. Memberi bimbingan rohani dan jasmani kepada individu dan keluarga untuk memanfaatkan kekuatan dan potensi diri bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi melalui ceramah, bengkel, seminar, motivasi, forum dan sesi dialog, hiburan, pementasan drama/teater, slot-slot di radio dan television, siri ziarah ke rumah-rumah, riadah dan rekreasi, sukan dan sebagainya.
- b. Mengkaji, mengawasi, menyelidik dan mengumpul maklumat serta data mengenai permasalahan kekeluargaan dan isu sosial dengan tujuan mengenalpasti tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.
- c. Menggabungkan semua jabatan kerajaan dan badan sukarela untuk sama-sama berusaha melaksanakan program Rumahku Syurgaku dengan menumpukan kepada usaha-usaha untuk memperkukuhkan ikatan institusi rumahtangga dan masyarakat.
- d. Berusaha menangani isu dan masalah sosial yang melanda masyarakat di pelbagai peringkat hari ini secara berterusan dan konsisten.
- e. Menyampaikan maklumat dan mempromosi program-program dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Rumahku Syurgaku, Jabatan Ketua Menteri Melaka.⁸⁵

Melalui strategi yang digariskan diharapkan agar setiap program-program yang dirancang perlu memenuhi strategi dan perancangan yang telah ditetapkan. Bagi memperlihatkan kesungguhan dalam perancangan pengurusan dakwah ini, institusi ini telah menggariskan beberapa bentuk program dalam merealisasikan perancangan pengurusan yang telah disasarkan. Berikut adalah beberapa bentuk program yang telah

dilakukan oleh institusi ini dalam memainkan peranan sebagai sebuah institusi dakwah yang berpengaruh di negeri ini khususnya sebagai sebuah negeri maju.

3.3.5 (b) Pengorganisasian.

Dari segi organisasi institusi ini, ia diterajui oleh seorang pengarah serta dibantu oleh beberapa orang pegawai yang mempunyai tugas masing-masing. Secara ringkasnya institusi ini mempunyai 10 orang kakitangan yang diketuai oleh seorang Pengarah S44 iaitu Ustaz Johari Hj. Yusof.

Bagi melicinkan pentadbiran dan pengurusan institusi ini, ia dibahagikan kepada tiga unit iaitu :-

- a. Unit Operasi dan Sosial
- b. Unit Pentadbiran dan Pembangunan Wanita Dan Keluarga.
- c. Unit Penyelidikan Dan Pengkalan Data.⁸⁶

Ketiga-tiga unit ini berperanan dalam menggerakkan institusi ini dalam menjadikan ia sebagai sebuah institusi dakwah yang berperanan besar dalam menerusi program pembinaan keluarga menepati hukum syarak.

3.3.5 (c) Kepimpinan.

Dalam membincangkan tentang kepimpinan dalam pengurusan bahagian ini, ia telah menggariskan beberapa mekanisme dalam memastikan setiap yang dirancang itu dapat dilaksanakan dengan jayanya. Contohnya, institusi telah mewujudkan teras piagam dan

⁸⁶ Untuk maklumat lanjut sila lihat Lampiran E berhubung carta organisasi institusi ini.

kewajipan pelanggan untuk memastikan segala perancangan dapat dicapai. Teras piagam pelanggannya yang dilihat berperanan sebagai kawalan dalam proses pengurusan ialah :

- a. Memastikan program-program kekeluargaan, pembangunan sosial dan masyarakat diadakan kepada kumpulan sasar tertentu sekurang-kurangnya 100,000 penduduk Melaka dalam tempoh setahun.
- b. Memastikan setiap permohonan untuk melaksanakan program diberi maklumbalas dalam tempoh 14 hari daripada tempoh permohonan lengkap diterima.
- c. Memastikan pembangunan dan pengurusan program dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan prinsip-prinsip Islam berkonsepkan amar makruf nahi mungkar.
- d. Memastikan promosi bagi program-program dibuat melalui laman web Bahagian RKSK setiap hari.⁸⁷

3.3.5 (d) Kawalan.

Dalam memastikan setiap program dan perancangan dapat dijalankan dengan baik dan sempurna, institusi ini telah meletakkan kawalan pengurusan melalui sasaran kerja yang telah ditetapkan, iaitu :-

- a. Memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti serta penuh keikhlasan kepada pelanggan.
- b. Memberikan layanan mesra kepada setiap pelanggan yang berurusan dengan Bahagian Pembangunan Rumahku Syurgaku.
- c. Memberikan kemudahan yang selesa dan mesra pelanggan.

⁸⁷ Ustaz Bazri Abu Bakar (Penolong Pengarah Unit Pentadbiran dan Pembangunan Wanita dan Keluarga) (temubual) 22 Mac 2012

- d. Memastikan setiap permohonan pelanggan dapat diselesaikan dalam waktu yang ditetapkan dan seminima mungkin.
- e. Memastikan Program yang dianjurkan sama ada secara persendirian atau secara penganjuran bersama mencapai objektif yang disasarkan.⁸⁸

Jadual 3.4 : Sasaran Kerja Tahunan Bahagian Rumahku Syurgaku 2012

Bil.	Ringkasan Aktiviti Projek	Kuantiti	Masa
1.	Forum Perdana (8) Parlimen Peringkat RKSK	6 siri 2 siri	Jan-Sep Februari-Ogos
2.	Ceramah (249) Peringkat RKSK Ihya' Ramadhan	24 siri 225 siri	Jan-Dis 1-20 Ramadhan
3	Program Kecemerlangan Insan (12) Khemah Ibadat/Smart Solat Motivasi	6 siri 6 siri	Feb-Sept Jan-Okt.
4.	Sambutan Hari Kebesaran Islam (34) Maulidurasul Maal Hijrah	31 siri 3 siri	Feb-April Nov-Di
5.	Seminar (4) Seminar Remaja Seminar Wanita Seminar Ibubapa Seminar RKSK DMDI	1 siri 1 siri 1 siri 1 siri	Jun Mac Februari Februari
6.	Kursus (83) Integriti Keluarga Jenazah Latihan staff dan pegawai	3 siri 10 siri 70 siri	Jan-Di Jan-Di Jan-Di
7	Pidato Pembangunan Ummah	12 siri	Jan-Di
8.	Lawatan Muhibbah Keluarga	150 siri	Ramadhan
9.	Program RKSK Peringkat Belia	10 siri	Jan-Di
10.	Program RKSK Peringkat Agensi/NGO	10 siri	Jan Di
	Jumlah Keseluruhan	502 siri	

Sumber : Sasaran Kerja Tahunan Bahagian Rumahku Syurgaku 2012

Bagi memperincikan kawalan pengurusan ini, institusi telah meletakkan sasaran kerja tahunan menerusi jadual di atas untuk memberi panduan kepada kakitangan institusi serta pelanggan mereka berhubung dengan program yang mereka jalankan. Menerusi aktiviti dan rancangan yang telah digariskan ia mampu menjadi pemangkin kepada jabatan ini untuk menjadi sebuah institusi dakwah yang dinamik di negeri ini.

⁸⁸ Bahagian Rumahku Syurgaku, <http://rumahku.syurgaku.gov.my>. 12 Januari 2012. Berhubung program yang dijalankan, sila rujuk Lampiran J berhubung Jadual 3.3 yang menyentuh program tahunan yang telah dirancang untuk dilaksanakan.

Menerusi piagam pelanggan dan sasaran kerja tahunan ini, institusi ini dapat mengenalpasti keupayaannya dalam usaha untuk memastikan supaya segala program yang telah dirancang dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

3.3.6 Angkatan Belia Islam Malaysia (Melaka).

Angkatan Belia Islam Malaysia atau lebih sinonim dengan panggilan ABIM merupakan salah sebuah pertubuhan Islam yang selalunya dikaitkan secara langsung dengan kebangkitan Islam atau gerakan dakwah di negara ini.⁸⁹ Ia juga merupakan sebuah organisasi induk yang menggabungkan badan-badan pelajar Islam peringkat negeri, kampus pengajian tinggi dan maktab.⁹⁰ Secara dasarnya, ia merupakan penerusan gerakan Islam yang dipelopori oleh bekas pelajar (alumni) Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).

ABIM telah ditubuhkan dengan rasminya pada 16 Ogos 1971 oleh Dato'Seri Hamzah Abu Samah iaitu Menteri Belia Dan Sukan. Pada ketika itu, usaha-usaha untuk menubuhkan gerakan ini telah lama wujud sejak dari tahun 1967 lagi tetapi ia gagal kerana tidak mendapat tempat serta sambutan di kalangan belia Islam pada ketika itu.⁹¹ Pada awal penubuhannya, penekanan ABIM lebih menyentuh tentang persoalan dakwah dan tarbiyyah menyebabkan ia mendapat sambutan hebat dari masyarakat pada ketika itu. Dalam Muktamar ABIM yang pertama telah diadakan pada tahun 1972 di Kuala Lumpur dan Razali Nawawi telah dilantik sebagai Presiden ABIM yang pertama

⁸⁹ Siddiq Fadhil (1979) "Amal Jama'iy :Satu Rumusan" (kertas kerja Tamrin al-Kadir di Kuala Lumpur, 6 Disember 1979). h. 1-2

⁹⁰ Badlihasham Mohd. Nasir (2000), *Dakwah Gerakan Islam Tanahair : Sorotan Terhadap PAS, ABIM dan JIM* dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, et.al (ed.) *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, Bangi : Jabatan pengajian Dakwah Dan Kepimpinan UKM. h. 12

⁹¹ Berhanundin Abdullah (1993) *Pengurusan pentadbiran Organisasi Dakwah di Malaysia*" (Disertasi Sarjana , Jabatan Pengajian Dakwah dan kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h., 131

bersama-sama sepuluh orang ahli Jawatankuasa Kerja Pusat. Pada tahun 1974, Anwar Ibrahim telah dilantik sebagai Presiden ABIM yang kedua. Pada 1982, Siddiq Fadhil telah dilantik menjadi Presiden ketiga dan pada tahun 1991.⁹²

Sumbangan ABIM dalam memainkan peranan yang aktif sebagai sebuah institusi dakwah yang aktif dan dinamik dapat direalisasikan menerusi Perlembagaannya yang menerangkan dengan jelas tentang objektif penubuhannya iaitu:

- a. Menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah dengan ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah.
- b. Menjalankan dakwah Islamiah dengan syarat mendapat kebenaran dari Jabatan Agama Islam negeri yang berkenaan.
- c. Mengembeleng tenaga belia Islam seluruhnya untuk bekerjasama memberi bantuan dan sokongan untuk meningkatkan taraf hidup dalam semua lapangan termasuk sosial, pelajaran, kebudayaan, falsafah dan teknologi.
- d. Mewakili belia Islam di persidangan dalam dan luar negeri.
- e. Menjalankan kegiatan lain yang tidak berlawanan dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah saw.⁹³

Huraian lanjut menunjukkan bahawa perjuangan ABIM adalah berlandaskan Islam sebagai *al-Dīn* iaitu suatu fahaman yang mencakupi segala kehidupan manusia. Dalam membentuk ideologi perjuangan ABIM, pemimpin-pemimpin ABIM telah banyak mendapat inspirasi daripada perjuangan Gerakan al-Ikhwan al-Muslimin dari Mesir.⁹⁴ Selain itu, peranan ABIM bukan setakat mengembangkan dakwah di

⁹² Angkatan Belia Islam Malaysia, <http://abim.org.my/sejarah.html>. 26 Jun 2002. Maklumat terkini diperolehi menerusi En. Fadzal Adly Jaafar (Yang Di Pertua ABIM Melaka), temubual, 25 Februari 2012

⁹³ Sidik Ishak (1996) *Buku 25 Tahun Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM (1971-1996))*. Petaling Jaya : Penerbitan ABIM. h.. 4-5

⁹⁴ Mohd. Jamil Mukmin (2009) *Gerakan Islam Di Malaysia :Kesinambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA. h. 33

Malaysia, malahan ia juga berperanan dalam menggerakkan misi dakwah ini di luar negara. Buktinya apabila ABIM mempunyai hubungan yang akrab dengan institusi Islam antarabangsa seperti *World Assembly of Muslim Youth (WAMY)*, *Jamaat Islami* di Pakistan, *Rabitah Alam Islami* di Makkah, *Malaysian Islamic Study Group (MISG)* di London yang bergabung dengan *Federation of Students of Islamic Societies (FOSIS)* dan *Muslim Students Association of America (MSA)*. Hubungan ini telah meningkatkan lagi pengalaman ahli-ahli ABIM untuk bergerak cergas sehinggakan dua orang pimpinannya iaitu Kamarudin Mohd. Nor dan Anwar Ibrahim pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Organisasi Pelajar-pelajar Islam (IIFSO) dan jawatankuasa Majlis Islam Antarabangsa serta Jawatankuasa Institusi Pemikiran Islam. ⁹⁵

3.3.6 (a) Perancangan.

Dalam memastikan kelangsungan dakwah menerusi *manhaj haraki* yang diterapkan dalam institusi ini, maka ABIM Melaka telah mengambil pendekatan yang proaktif selari dengan dasar dan hala tujunya dengan mengadakan program dan aktiviti yang berbentuk dakwah dan tarbiyyah. Antara perancangannya dalam memastikan kelangsungan dakwah di negeri ini ialah :

a. Program Usrah.

Usrah ialah satu program tarbiyyah yang dijalankan dalam satu kelompok yang kecil yang disertai oleh lima hingga 10 orang ahli jemaah. Pengisiannya ialah dengan mengadakan muzakarah/perbincangan berhubung pembacaan kitab-kitab tafsir, hadith dan sirah. Ia dilakukan sebanyak sekali seminggu serta tertakluk kepada sebarang

⁹⁵ *Ibid.* h. 33. Lihat juga *Perlembagaan ABIM 1992*. h. 4-5

perubahan.⁹⁶ Lokasinya ialah di rumah ahli-ahli ABIM terbabit mengikut pusingan (*rotation*) atau pun di pejabat ABIM negeri.

b. Program Tamrin

Jika program usrah dijalankan dalam kelompok yang kecil manakala program tamrin pula dijalankan dalam kelompok yang besar. Ia biasanya dilakukan sekali setahun atau dua kali setahun. Selalunya, ia diadakan di luar negeri seperti tempat-tempat peranginan yang boleh dijalankan kursus untuk peserta yang menyertainya. Dalam Perlembagaan ABIM, ada dinyatakan tentang tujuan usrah dan tamrin diadakan. Tujuannya adalah ;-

- a. Memperluaskan serta memperdalamkan pengertian terhadap cita-cita dan tuntutan-tuntutan Islamiah serta ajaran-ajaran Islam keseluruhannya sebagai al-din yang sempurna dan sistem hidup yang praktikal kepada ahli-ahlinya.
- b. Memperdalamkan pemahaman ahli-ahli tentang erti perjuangan, ciri-ciri sebuah gerakan Islamiah dan landasan perjuangan.
- c. Menimbulkan susasana kewaspadaan terhadap segala bentuk cabaran dan cubaan yang mungkin timbul di setiap ketika.
- d. Membentuk sahsiah muslim dengan mengambil kira sejarah hidup Rasulullah sebagai contoh dan tauladan.
- e. Mengukuhkan sikap tanggungjawab terhadap perjuangan ummah dan ikatan di kalangan ahli-ahli kepada perjuangan Islam.
- f. membekal latihan pimpinan yang sesuai dengan kehendak masyarakat Islam setempat dan umat sejagat.⁹⁷

⁹⁶ Untuk ABIM Melaka, usrah dijalankan pada setiap malam Rabu. En. Fadzal Azly Jaafar (Yang Di Pertua ABIM, Melaka) (temubual) 16 Mac 2012

⁹⁷ Mohamad Nazli Omar, *op.cit.* h. 113. Perkara ini diakui juga benar oleh En. Fazal Adly selaku YDP ABIM Melaka dalam temubual yang dijalankan.

c. Program pendidikan

Dari segi pendidikan, ABIM pada dasarnya mempunyai Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (Taski), Kelas-kelas Tahfiz, Sekolah Rendah Islam (SRI), Sekolah Menengah Agama Islam (SMI) dan Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam (IPI).⁹⁸ Namun, untuk negeri Melaka ia hanya mempunyai satu Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (Taski) iaitu Taski al-Huda yang bertempat di Taman Putra, Bukit Baru, Melaka Bandaraya Bersejarah.

d. Muktamar Sanawi (Mesyuarat Agung)

Muktamar Sanawi ialah mesyuarat agung bagi institusi ini yang mana ia diadakan setahun sekali untuk memilih dan melantik pimpinan baru bagi menggerakkan institusi ini dan seterusnya memastikan kelangsungan dakwah di negeri ini. Muktamar ini juga dikatakan sebagai program *muhasabah* perdana tahunan bertujuan untuk menilai kembali prestasi ahli, pimpinan dan organisasi serta merancang dan mengorak langkah pengukuhan dan pemantapan masa depan.⁹⁹

Menerusi perancangan ini yang bercorak pelaksanaan program, tidak dapat dinafikan bahawa ABIM Melaka secara dasarnya mengikuti perancangan dakwah seiring dengan ketetapan pusat. Ini bagi memastikan tiada berlaku perselisihan dan pertindanan (*overlapping*) halatuju dakwah tersebut.

⁹⁸ Ahmad Azam Abdul Rahman (2000), *Dakwah Dalam Gerakan Islam Di Malaysia* dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, et.al (ed.) *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM. h. 17. Maklumat terkini IPI kini dikenali dengan nama Kolej Dar al-Hikmah di Kajang, Selangor.

⁹⁹ En. Fadzal Adly (Yang Di Pertua ABIM Melaka) (temubual) 16 Mac 2012

3.3.6 (b) Pengorganisasian.

ABIM Melaka mempunyai sepuluh orang ahli jawatankuasa yang berperanan dalam melaksanakan tugas masing-masing. ABIM Melaka diterajui oleh seorang Yang Di Pertua dengan dibantu oleh seorang Naib Yang di Pertua serta beberapa ahli jawatankuasa lain.

Di antara ahli jawatankuasa yang berperanan dalam menjamin keutuhan dan kemantapan institusi ini ialah dengan pengwujudan beberapa biro iaitu Biro Perhubungan, Biro Penerangan, Biro Dakwah, Biro Pendidikan, Biro Kebajikan, Biro Ekonomi dan Biro Penerbitan.¹⁰⁰

3.3.6 (c) Kepimpinan.

Bagi memastikan setiap perancangan dicapai untuk merealisasikan halatuju dan matlamat dakwah, ABIM telah menggariskan beberapa bentuk tindakan bagi memenuhi kepimpinan pengurusannya yang perlu dipatuhi oleh setiap ahli organisasi supaya setiap ahli faham akan matlamat dan perjuangan ABIM sebagai sebuah institusi dakwah yang dinamik dan proaktif. Antara penekanannya ialah ;-

- a. Semua ahli perlu membayar semua yuran dan bayaran yang berkaitan.
- b. Patuh kepada Perlembagaan dan keperibadian Islam.
- c. Menjalankan semua arahan daripada Jawatankuasa
- d. Mengadakan daya usaha untuk mengembangkan dan menguatkan ABIM sama ada di peringkat pusat mahu pun negeri.

¹⁰⁰ *Ibid.* Untuk maklumat lanjut sila lihat Lampiran C berhubung struktur organisasi ABIM Melaka

Menerusi penekanan ini, aspek kepimpinan pengurusan yang diterapkan dalam institusi ini dapat direalisasikan di mana ahli-ahli dalam institusi ini faham akan tanggungjawab dan peranan mereka di samping memudahkan pimpinan pusat melakukan tindakan sekiranya terdapat kecurangan di kalangan anggota institusi ini.

3.3.6 (d) Kawalan.

Bagi ABIM Melaka dalam mewujudkan kawalan pengurusan, ia perlu kembali kepada objektif utama penubuhan ABIM itu sendiri.¹⁰¹ Antaranya ialah

- a. Menegak, mengembang dan memperjuangkan cita-cita Islamiah sesuai dengan asas al-Quran dan al-sunnah.
- b. Menjalankan dakwah Islamiah dengan cara yang progresif dengan syarat mendapat kebenaran Jabatan Agama Islam Melaka.
- c. Mengembleng tenaga belia Islam di negeri ini untuk bekerjasama.
- d. Bekerjasama dan mengeratkan perhubungan dengan mana-mana institusi yang seiring dengan ABIM bagi menjalinkan persahabatan.
- e. Menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam yang bertunjangan al-Quran dan sunnah Rasul.

Melalui penghayatan serta pemahaman yang jitu tentang objektif ABIM sama ada di peringkat pusat dan negeri secara khususnya, secara tidak langsung ia menjadi kayu ukur kepada pimpinan negeri untuk memastikan segala apa yang dirancang dapat dilaksanakan bagi mencapai objektif dan hala tuju ABIM Melaka ini.

¹⁰¹ En. Fadzal Adly (Yang Di Pertua ABIM Melaka) (temubual) 16 Mac 2012

Sehubungan dengan itu, dapatlah dirumuskan bahawa ABIM Melaka merupakan salah sebuah institusi dakwah yang dinamik dan proaktif dalam menjayakan misi dan visi dakwah di negeri Melaka yang maju ini. Tidak boleh dipinggirkan keupayaannya memandangkan ABIM Melaka ini sudah melalui pelbagai cabaran dan rintangan dalam menjalankan kerja-kerja dakwah Islamiah di negeri ini.

3.3.7 Jemaah Islah Malaysia / IKRAM , Melaka. ¹⁰²

Ia merupakan sebuah institusi Islam yang telah diluluskan pendaftaran penubuhannya pada 27 Julai 1990. ¹⁰³ Jemaah Islah Malaysia dan beberapa gerakan dakwah di Malaysia dikatakan ditubuhkan selepas mendapat sumber inspirasi dan asuhan dari perkembangan gerakan Ikhwan Muslimin dan Jamaat Islami. ¹⁰⁴ Dari segi sejarahnya, JIM telah dikaitkan dengan sejarah kemunculan Islamic Representative (IRC) atau Majlis Syura Muslimun (MSM). ¹⁰⁵ Seterusnya, JIM dikatakan menjadi idola kebangkitan pelajar Islam di luar negara khususnya di United Kingdom dalam era 1970 an dan 1980 an serta Timur Tengah dengan nama ‘*Alami*’. ¹⁰⁶ Seperkara, lagi yang sering dibincangkan berkaitan JIM ini ialah metodologi keanggotaan mereka yang rata-ratanya banyak berteraskan kerahsiaan sehingga sukar untuk diketahui umum tentang latar belakang mereka. ¹⁰⁷ Dalam konteks Malaysia, JIM telah dilihat sebagai sebuah organisasi ataupun sebuah institusi dakwah melalui program dan aktiviti seperti Akademi Islah Malaysia, Kelab Penulis Islah, JIM *Enviro-Watch* dan JIM *Health*

¹⁰² Menurut Hj. Abd. Aziz Omar, JIM akan bertukar namanya kepada IKRAM dan akan dirasmikan penjenamaan itu pada Julai 2012. Hj. Ab. Aziz Omar (Yang Di Pertua JIM/IKRAM Melaka) (temubual). 23 Mac 2012. Menurut beliau lagi penjenamaan itu juga merupakan satu *sinergi* kepada JIM Melaka untuk mengharungi cabaran negeri maju yang dikecapi Melaka kini.

¹⁰³ Jemaah Islah Malaysia, <http://www.jim.org.my/organisasi.htm>. 21 Februari 2012.

¹⁰⁴ Badlihisam Mohd. Nasir (2002), “Masa Depan Gerakan Dakwah di Malaysia”, *Pemikir*, April-Jun 2002. H. 118

¹⁰⁵ Badlihisam Mohd. Nasir (2000), *Dakwah Gerakan Islam Tanahair : Sorotan Terhadap PAS, ABIM dan JIM* dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, et.al (ed.), *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 16

¹⁰⁶ *Ibid.*, h. 16

¹⁰⁷ Zainah Anwar (1987), *Islamic Revivalism in Malaysia : Dakwah Among Students*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications. h. 27

Concern yang mana kesemuanya itu lebih menjurus kepada program kemasyarakatan yang berteraskan Islam.¹⁰⁸

JIM juga merupakan sebuah institusi yang bercirikan aliran kontemporari (sezaman dan realistik) dan inovatif (kreatif) dalam usaha pembaharuan.¹⁰⁹ Dikatakan bahawa istilah *Islah* yang terdapat di dalam nama institusi ini berdasarkan kalimah ini termaktub di dalam al-Quran menerusi firman Allah iaitu :

قَالَ يٰٓقَوْمِ اَرۡءَيتُمۡ اِنۡ كُنۡتُمْ عَلٰۤىٰ بَیۡنَةِ مِّنۡ رَّبِّیۡ وَرَزَقۡنِیۡ مِنْهُ رِزۡقًا حَسَنًا ۚ وَمَا اُرِیۡدُ اَنْۢ
اُخَالِفَکُمۡ اِلٰی مَا اَنْهَیۡکُمۡ عَنْهُ ۚ اِنۡ اُرِیۡدُ اِلَّا اِلَّاۤیۡ صٰلِحًا مَا اَسۡتَطَعۡتُ ۚ وَمَا تَوَفِّیۡۤیۡۚ اِلَّا بِاللّٰهِ
عَلِیۡهِ تَوَكَّلۡتُ وَاِلَیۡهِ اُنِیۡبُ ﴿۸﴾

Maksudnya : *Syuaib* berkata: "Hai kaumku, bagaimana fikiranmu jika aku mempunyai buktinya bermaksud kecuai (mendatangkan) kebaikan selama aku masih berkesanggupan. dan tidak ada taufik bagiku melainkan dengan (pertolongan) Allah. Hanya kepada Allah aku bertawakkal dan hanya kepada-Nyalah aku kembali. (Surah Hūd (11) : 8

Kalimah *islah* di dalam ayat ini merujuk kepada kebaikan dan ia menjadi teras kepada dasar penubuhan institusi ini sebagai institusi dakwah memandangkan ia amat berpotensi dalam menjalankan kerja-kerja dakwah menerusi penerapan komponen islah ini.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa JIM ini merupakan sebuah institusi dakwah yang berperanan dan berpotensi besar dalam menjalankan kerja-kerja dakwah di Malaysia secara amnya dan negeri-negeri secara khususnya.

¹⁰⁸ Saari Sungip (1994), *Aktivisme JIM 1993-1995 Mengukuhkan Medan Fokus Dalam Menjayakan Program-program Pengislahan Masyarakat*. Shah Alam : Ummah Media Sdn. Bhd. h. 14-17

¹⁰⁹ Ab. Aziz Mohd. Zin, et.al. (2006), *op.cit.* h. 196

3.3.7 (a) Perancangan.

Seiring dengan peranannya sebagai sebuah institusi dakwah yang berperanan besar dan luas pengalamannya, JIM telah menetapkan beberapa dasar yang menjadi kayu ukurnya dalam merancang program-program yang dinamik dan berimpak kepada usaha-usaha dakwah mereka. Bagi merealisasikan matlamat mereka, JIM peringkat Pusat telah menetapkan beberapa dasar yang perlu diikuti oleh setiap JIM peringkat negeri untuk melaksanakan segala bentuk program seiring dengan perancangan yang telah ditetapkan.

Secara mudahnya, visinya ialah “membangun sebuah negara Malaysia yang melaksanakan sepenuhnya syariat Islam menjelang 2020”.¹¹⁰ Manakala misinya pula ialah menjadi gerakan Islam ulung yang :-

- a. Membangun sumber manusia untuk melahirkan insan *ṣāliḥ wa muṣliḥ*.
- b. Membudaya pendekatan perkongsian dan permuafakatan.
- c. Mengislah serta menggemblerang masyarakat kearah penegakan kebenaran dan keadilan sejagat.

Kesemua ini dirumuskan dalam satu pernyataan motto JIM yang berslogan “Bersama Islam Membina Masyarakat”.¹¹¹

Seterusnya, bagi memastikan setiap perancangan JIM ini berjaya, diterapkan di dalam dasar institusi ini supaya dalam meluaskan rangkaian usaha dakwah, ia juga menyediakan satu lagi wadah dan pendekatan dakwah bagi penglibatan ummah dan

¹¹⁰ Tuan Haji Abd. Aziz Omar (Yang di Pertua JIM Melaka), temubual. 25 Mac 2012

¹¹¹ *Ibid.*

masyarakat. JIM menganggap semua organisasi, kumpulan atau individu yang bergiat untuk Islam sebagai sebuah keluarga. Baginya, setiap institusi dakwah mempunyai keistimewaan dan sumbangan yang tersendiri kepada dakwah dan masyarakat.

Semangat kerjasama dan persefahaman untuk membuahkan kerja Islam yang berkualiti perlu dipupuk dan perselisihan perlu dielakkan di samping berusaha kearah kesatuan menjadi tanggungjawab semua. Dalam rangka mengembalikan pengabdian kepada Allah, JIM berjuang untuk pelaksanaan Islam sepenuhnya. Usaha JIM berasaskan prinsip Islam sepenuhnya. Usaha JIM berasaskan prinsip Islam, mengambil kira realiti (*wāqi'*) masyarakat dan kemampuan JIM sendiri. Oleh, itu JIM mengambil pendekatan yang bercirikan :-

- a. Memberi keutamaan kepada kepentingan Islam, ummah dan masyarakat.
- b. Positif dan membangun dengan penilaian dan sikap yang objektif.
- c. Penggemblengan sumber dan kemampuan ummah dan masyarakat.¹¹²

Melalui objektif dan fungsi ini, ia memberi gambaran bahawa setiap program dan aktiviti yang dijalankan oleh JIM perlu bersendikan kepada beberapa perkara utama ini. Seterusnya, ia memudahkan untuk dilakukan perancangan untuk memastikan program dakwah tersebut dapat dilaksanakan.

¹¹² Mohamad Nazli Omar, *op.cit.* h. 127

3.3.7 (b) Pengorganisasian

Seiring dengan peranannya sebagai sebuah institusi Islam yang dinamik dalam menjalankan kerja-kerja dakwah, JIM telah membina satu bentuk struktur organisasi yang mantap. Pada peringkat Pusat, terdapat sebuah Jawatankuasa Pusat Pimpinan JIM (JKP JIM). Pemilihan mereka melalui pemilihan oleh para perwakilan JIM negeri setiap dua tahun sekali di Perhimpunan Perwakilan Nasional (PPN). JKP JIM bertanggungjawab untuk memimpin dan memandu JIM. Ia terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden (dua orang), Setiausaha Agung, Bendahari, Penolong Setiausaha Agung.¹¹³

Bagi pimpinan negeri pula, ia meliputi beberapa jawatan utama yang berperanan dalam menggerakkan institusi ini. Ahli jawatankuasa negeri dipilih oleh para perwakilan JIM daerah-daerah setiap dua tahun sekali. JK JIM negeri bertanggungjawab untuk memimpin JIM negeri dan daerah yang berada di bawahnya. Berdasarkan visi dan misi JIM Pusat serta fokus dakwah yang telah dikenalpasti oleh JIM Pusat, JK JIM negeri akan menggariskan objektif dan tindakan di peringkat negeri yang membantu untuk melaksanakan misi dan seterusnya mencapai visi yang telah ditetapkan. Struktur JIM Negeri termasuk Melaka ialah

- a. Yang di Pertua (YDP)
- b. Timbalan Yang Di Pertua (TYDP)
- c. Setiausaha
- d. Bendahari
- e. Penolong Setiausaha

¹¹³ Ab. Aziz Mohd. Zin, *op.cit.* 198

f. Ahli-ahli jawatankuasa.¹¹⁴

Selain daripada pimpinan tersebut, JIM juga telah menubuhkan beberapa bahagian di dalam institusi ini untuk memastikan dakwah Islam dapat dijalankan dengan sempurna dan lebih teratur, terancang dan sistematik.¹¹⁵ Dengan adanya satu bentuk pengorganisasian yang mantap ini, ia memberi gambaran berhubung keupayaan JIM sebuah institusi dakwah yang mantap dan berpengaruh dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah di negeri Melaka yang maju ini.

3.3.7 (c) Kepimpinan.

Menerusi pengorganisasian JIM Melaka ini, ia menunjukkan tentang kewujudan satu bentuk gerakan dakwah yang sistematik dan terancang. Buktinya, setiap JIM negeri khususnya di Melaka ini, ia mengikut acuan yang telah dibina di peringkat pusat.

Bagi memantapkan institusi ini, JIM telah mewujudkan beberapa portfolio yang berperanan dalam menjalankan gerak kerja dakwah yang tersusun seiring dengan sasaran dakwah mereka yang terdiri dari pelbagai komuniti manusia.

Bagi memastikan setiap perancangan program yang mensasarkan wanita, telah ditubuhkan Wanita JIM yang berperanan bertemu, berkomunikasi, bekerjasama, bermuafakat dan mencapai persefahaman untuk kebaikan wanita seluruh negara. Ertinya, bagi memastikan program kewanitaan ini dijalankan dengan sempurna, biro ini

¹¹⁴ Untuk maklumat lanjut berhubung struktur organisasi JIM Melaka sila rujuk lampiran E.

¹¹⁵ JIM telah menubuhkan Wanita JIM, Budiman, Jawtankuasa Kumpulan Akademia JIM (KAJI), JIM-Harapan, JIM Antarabangsa, JIM Intl, JIM IPT, JIM IT, JIM Medic, Kelab Korporat dan Usahawan JIM KKUJ, Koperasi Islah Malaysia Berhad KIMB, Raudatus Sakinah, Tarbiah-Pembangunan Sumber Manusia (TPSM) dan Unit Khidmat Nasihat Islah (UKNI). Lihat Ab. Aziz Mohd. Zin, *op.cit.* h. 199-213

bertanggungjawab untuk memastikan ia dilaksanakan dengan jayanya. Fungsi kepimpinan ini akan dapat direalisasikan menerusi penetapan portfolio ini.

Pihak JIM juga telah menubuhkan satu unit yang dinamakan *Raudatus Sakinah*. Ia merupakan sebuah pusat yang ditubuhkan untuk memberi bimbingan dan perlindungan yang menawarkan perkhidmatan bimbingan dan perlindungan yang menawarkan perkhidmatan bimbingan dan sokongan emosi serta pendidikan khusus untuk remaja Islam. Menurut laporan sejak ia beroperasi, unit ini telah mengendalikan seramai 36 orang pelatih terdiri daripada pelbagai peringkat umur sekitar 14-20 tahun yang memerlukan bimbingan emosi dan kerohanian. Elemen kepimpinan yang wujud dalam perkara ini, ialah pengendali Raudatus Sakinah ini adalah terdiri daripada tenaga pakar yang meliputi kaunselor, pra kaunselor, sahabat pembimbing, sukarelawan, pembimbing akademik, pengurus dan warden. Hasilnya ialah supaya program yang dijalankan menepati sasaran dan objektif kerana ia dikendalikan oleh mereka yang pakar dan berkemahiran. Oleh yang demikian, aspek kepimpinan dalam pengurusan institusi yang menuntut agar setiap program yang direncanakan tercapai objektifnya dapat direalisasikan menerusi penekanan aspek ini.

3.3.7 (d) Kawalan.

Dari aspek kawalan yang digunakan oleh pihak JIM Melaka, mereka menggunakan pendekatan yang diaplikasikan di peringkat Pusat.¹¹⁶ Sebagai contoh, institusi ini telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dapat memenuhi tuntutan semasa berhubung persoalan syarak dan undang-undang. Unit ini berperanan serta bertanggungjawab selain sebagai penasihat berkaitan persoalan-persoalan syarak. Antara fungsinya ialah :-

¹¹⁶ Hj. Ab. Aziz Omar (Yang Di Pertua JIM Melaka) (temubual) 25 Mac 2012

- a. Sebagai penasihat peribadi kepada presiden/yang di pertua berhubung persoalan syarak dan undang-undang.
- b. Sebagai penasihat kepada JIM secara keseluruhan.
- c. Sebagai rujukan dalaman (*internet consumption*) hal-hal syarak dan perundangan.
- d. Sebagai rujukan dalam isu-isu nasional berhubung persoalan-persoalan syarak dan undang-undang.¹¹⁷

Menerusi penubuhan jawatankuasa ini, ia dapat merealisasikan kawalan pengurusan dalam institusi ini sebagai sebuah institusi dakwah yang dinamik.

3.3.8 Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Melaka.

Institusi ini telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1960.¹¹⁸ Ia ditubuhkan untuk mengembangkan pengajaran Islam kepada orang bukan Islam terutamanya yang tidak memeluk agama Islam atau mana-mana agama.¹¹⁹ Selain itu, ia juga memberi nasihat kepada saudara baru bagi mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam agama Islam dan menolong mereka mengatasi masalah yang mereka hadapi.¹²⁰

Institusi ini merupakan satu-satunya pertubuhan di negara ini yang bergiat dalam bidang kebajikan dan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam. Selain itu, ia bergiat cergas menyebarkan dakwah melalui aktiviti-aktiviti kebajikan. Bagi memudahkan dakwah itu disebarkan kepada pelbagai bangsa di Malaysia. Institusi ini juga mempunyai pegawai-pegawai dakwah yang terdiri dari pelbagai bangsa bagi membolehkan mereka menyebarkan Islam dengan menggunakan bahasa ibunda mereka

¹¹⁷ *Ibid.*

¹¹⁸ Ab. Aziz Mohd. Zin, (1997), *op.cit.* h. 82

¹¹⁹ Risalah PERKIM "Memperkenalkan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, t.t. h. 20

¹²⁰ Mohamad Nazli Omar, *op.cit.* h. 117

sendiri dan mereka terdiri dari orang Cina, India, Thai dan Kemboja.¹²¹ Sehubungan dengan itu, pengkaji optimis meletakkan institusi ini sebagai subjek kajian memandangkan *seniority* (kematangan) yang dimiliki selain *track record* yang cemerlang yang telah dikecapi oleh institusi ini selama ia berkecimpung secara aktif dalam penyebaran dakwah di Malaysia amnya dan Melaka khususnya. Kini PERKIM Melaka terletak di No 158, Kompleks Perniagaan Munshi Abdullah, Jalan Munshi Abdullah, 75100, Melaka.

3.3.8 (a) Perancangan.

Bagi memastikan setiap perancangan insituti ini menepati sasaran sama ada di peringkat pusat mahu pun negeri, telah ditetapkan beberapa matlamat penubuhan agar setiap pimpinan dapat merangka dasar dan program yang bersesuaian dengan hala tuju institusi ini. Antara matlamat penubuhannya ialah ;

- a. Untuk membantu menegakkan dan mengekalkan agama Islam sebagai agama rasmi dalam erti kata yang sebenarnya.
- b. Mengembangkan agama Islam di kalangan orang bukan Islam supaya dapat menambah bilangan orang Islam di Malaysia. Dengan ini ia dapat memperkuatkan kedudukan umat Islam dalam hal-hal sosial, ekonomi, politik dan negara ini.
- c. Menanamkan semangat taat setia yang lebih mendalam terhadap negara ini di kalangan orang Islam termasuklah orang Cina Islam.
- d. Memperkuatkan keyakinan dan pegangan orang Islam terhadap al-Quran dan al-Hadith dan meneguhkan ukhuwah Islamiah melalui pelajaran dan pendidikan.¹²²

¹²¹ Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.* h. 214. Lihat juga Sarida Mohd. Yaakop (2001), Saudara Baru di PERKIM : Kajian Tentang Permasalahannya, "Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 17

¹²² Abdullah Muhammad Zin (2000), Pengurusan Dakwah Dalam Masyarakat Cina dan Orang Asli dalam Abd. Ghafar Don, et.al (ed.), *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 114

Seterusnya, bagi perincian matlamat penubuhannya, ia telah meletakkan beberapa perkara pokok yang perlu difahami dan diaplikasi dalam melaksanakan program dakwah yang dijalankan. Antaranya ialah :

- a. Dakwah iaitu menjalankan kegiatan dakwah di kalangan orang Islam dan bukan Islam secara positif dan berkesan.
- b. Pekerjaan iaitu memberi, mengadakan, mengurus dan menjalankan pendidikan agama Islam melalui segala media dan segala jalan yang sah di sisi undang-undang.
- c. Kebajikan iaitu menjalankan kerja-kerja kebajikan termasuklah memberi bantuan derma, biasiswa dan dermasiswa kepada mereka yang layak dan menjalankan lain-lain amal jariah kepada orang yang memerlukan (sakit dan fakir miskin)
- d. Kerjasama dalam bidang agama iaitu mewujudkan kerjasama dengan pertubuhan dan badan dakwah dalam memajukan agama Islam.
- e. Menjalankan kegiatan yang lain demi kepentingan dan kemajuan agama.¹²³

Menerusi hala tuju dan matlamat ini, pihak PERKIM dapat meneruskan kerja dan aktiviti dakwah mereka dengan lebih baik dan berfokus.

3.3.8 (b) Pengorganisasian

Dari segi struktur pengorganisasian, PERKIM Melaka telah menyusun struktur organisasi yang mantap. Dari segi carta organisasi, PERKIM Melaka telah menubuhkan satu barisan ahli jawatankuasa yang sepadu. Untuk tahun 2012, PERKIM Melaka telah memperuntukkan beberapa ahli jawatankuasa. Antara jawatan yang ditubuhkan dalam

¹²³ *Ibid.* h. 114

institusi ini ialah Pengerusi, Naib Pengerusi 1 dan 2, Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat dan 15 orang ahli jawatankuasa.¹²⁴

Selain daripada itu, PERKIM Melaka juga telah mewujudkan beberapa perwakilan yang mewakili beberapa kawasan di sekitar Melaka berdasarkan kawasan undangan negeri dan parlimen seperti Serkam, Ayer Molek, Bukit Asahan, Sebatu, Alai, Melekek, Bachang, Sungai Udang, Chabau, Kesidang, Bukit Baru, Seri Bahagia Bemban, Seri Merlimau, Kota Laksamana, Klebang Besar, Seri Machap, Pantai Kundur, Seri Gadek dan Seri Rumbia.¹²⁵

Menerusi pengorganisasian ini, ia memberi gambaran jelas bahawa PERKIM Melaka mempunyai satu bentuk organisasi yang mantap kerana institusi ini memainkan peranan yang besar dalam pengembangan dakwah di negeri Melaka kini seiring dengan sejarahnya yang sudah lama bertapak di negara ini sebagai sebuah organisasi yang unggul.

3.3.8 (c) Kepimpinan.

Menerusi kepimpinan yang dapat dilihat dari aspek pengurusan dakwah di dalam institusi ini ialah dengan merujuk program-program yang dilakukan sejajar dengan matlamat yang telah ditetapkan dalam misi dan visi institusi ini.

Elemen kepimpinan yang diketengahkan oleh pengkaji untuk institusi ini lebih merujuk kepada aktiviti dan program yang telah dijalankan. Aspek kepimpinan dalam

¹²⁴ Pn. Ruqiyah Sungip (Setiausaha Kerja PERKIM Melaka), temubual, 26 Mac 2012. Untuk maklumat lanjut sila lihat Carta Organisasi PERKIM Melaka di Lampiran 8.

¹²⁵ Laporan Mesyuarat Agung Tahunan, Kali Ke 8, PERKIM Bahagian Melaka. h. 13-15

pengurusan lebih merujuk kepada tindakan dan pelaksanaan pihak pengurusan sesebuah institusi untuk memastikan agar setiap matlamat dan perancangan yang digariskan akan tercapai.

Bagi merealisasikan aspek kepimpinan dalam mencapai objektif institusi ini, pihak PERKIM Melaka telah menggariskan beberapa aktiviti dan program untuk dilaksanakan bagi mencapai objektif tersebut. Antara program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2011 adalah seperti Jadual 3.5.

Jadual 3.5 : Aktiviti dan Program PERKIM Melaka 2011

Bil.	Aktiviti / Program	Bulan
1.	Kelas Peningkatan Pelajaran Agama Saudara Muslim di Bahagian dan Cawangan	Sepanjang tahun
2.	Kursus Pengenalan Islam Saudara Baru	Februari & Ogos
3.	Forum Perdana	Mac & September
4.	Seminar Keluarga Bahagia Saudara Muslim	Mei & November
5.	Khemah Ibadah Anak-anak Saudara Muslim Negeri Melaka	Jun
6.	Seminar Pengukuhan Aqidah Saudara Muslim	Julai
7.	Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat Orang Asli Sempena Program Ihya Ramadhan	Julai
8.	Ijtimak Tahunan Saudara Muslim	September
9.	Program Kasih Tanpa Sempadan Di Perkampungan Orang Asli Negeri Melaka	Oktober
10.	Majlis Khatam al-Quran Saudara Muslim Negeri Melaka	November
11.	Program Hari Mesra Saudara Muslim dan Masyarakat Etnik Negeri	Disember

Sumber : Laporan Program, Sinar PERKIM Melaka 2011

Selain daripada itu, terdapat juga program-program khusus kepada dakwah yang dijalankan menerusi biro dakwah seperti program dakwah di perkampungan orang Asli sebanyak 9 kali telah direkodkan sepanjang tahun 2010 menerusi program jiwa

murni, ziarah serta ramah mesra, pemantapan aqidah saudara muslim orang Asli, khidmat masyarakat orang Asli, kem kesihatan orang Asli dan sebagainya.¹²⁶

3.3.8 (d) Kawalan.

Kawalan pengurusan yang hendak dibincangkan dalam institusi ini lebih merujuk kepada pelan tindakan yang dilakukan oleh institusi ini bagi memastikan setiap perancangan untuk mencapai objektif tercapai.

Dalam membincangkan perkara ini, pengkaji ingin mengenegahkan tentang hasil yang dicapai oleh PERKIM Melaka dalam usaha mereka menjadi sebuah institusi dakwah yang berpotensi dalam sebuah negeri maju khususnya di Melaka. Ertinya dengan adanya aspek kawalan yang baik, ia menghasilkan satu kejayaan dalam mencapai matlamat institusi ini.

Pertama sekali yang perlu diperlihatkan berhubung statistik pemelukan agama Islam di Negeri Melaka sepanjang 10 tahun yang lalu. Berdasarkan kepada perangkaan yang ditunjukkan menunjukkan bahawa PERKIM Melaka telah berusaha keras bagi memastikan kelangsungan dakwah berjalan dengan cemerlang dan jayanya. Menerusi perangkaan ini juga menunjukkan bilangan pemelukan Islam di Melaka ini ada peningkatannya saban tahun cuma terdapat penurunan bilangan iaitu pada tahun 2003, 2005 dan 2010 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

¹²⁶ Laporan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 37, PERKIM Melaka. h. 27-30. Dalam hal ini, pengkaji pernah mengalami sendiri pengalaman di mana pihak PERKIM telah memainkan peranan yang besar dalam program dakwah di perkampungan orang Asli sewaktu pengkaji menuntut di UKM pada 1996. Pada ketika itu, pengkaji terlibat sepenuhnya program dakwah orang Asli di Tanah Abang, Mersing di bawah kendalian Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin (mantan Ketua Jabatan Pengajian Dakwah, UKM).

Jadual 3.6 : Rekod Pengislaman oleh PERKIM Melaka (2001-2011)

Bil.	Tahun	Jumlah Pemelukan
1.	2001	144 orang
2.	2002	169 orang
3.	2003	138 orang
4.	2004	176 orang
5.	2005	159 orang
6.	2006	169 orang
7.	2007	161 orang
8.	2008	192 orang
9.	2009	269 orang
10.	2010	204 orang
11.	2011	204 orang

Sumber : Carta Pengislaman PERKIM Melaka dalam Sinar PERKIM Bilangan 2 (2011)

Pengkaji optimis bahawa PERKIM Melaka telah melakukan peranannya sebagai sebuah institusi dakwah yang berjaya dan cemerlang kerana memandangkan PERKIM Melaka pernah menerima penghargaan daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai pertubuhan berdaftar melebihi 35 tahun yang aktif dan sentiasa mematuhi peruntukan – peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan Perlembagaan Pertubuhan pada tahun 2007.¹²⁷

Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah PERKIM Melaka memperolehi anugerah ini? Pada hemat pengkaji jawapan yang tepat ialah kerana amalan pengurusan dakwah yang mereka jalankan telah membuahkan hasil yang memberangsangkan menerusi program-program yang telah mereka jalankan. Ini dibuktikan lagi dengan statistik pemelukan Islam yang menunjukkan hasil yang positif. Lantaran itu, aspek kawalan pengurusan yang diaplikasikan dalam institusi ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

¹²⁷ Pn. Ruqiyah Sungip (Pegawai Kerja PERKIM, Melaka), temubual, 26 Mac 2012

Oleh yang demikian, peranan PERKIM Melaka sebagai *'player'* (pemain) dalam merencanakan penyebaran dakwah di Melaka dalam konteks negeri maju dapat dilihat keberkesanannya. Tambahan pula PERKIM Melaka telah mendapat sokongan padu dari pelbagai agensi agama sama ada dari kelompok kerajaan dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) begitu baik sekali. Dengan kolaborasi ini, usaha-usaha dakwah dapat dirancarkan seiring dengan tuntutan Islam.

3.4 Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju.

Tanggal 20 Oktober 2010 merupakan tarikh bersejarah bagi pemimpin dan seluruh rakyat jelata Negeri Melaka apabila Melaka telah diisytiharkan sebagai sebuah negeri maju. Dari segi kedudukan, Melaka merupakan negeri kedua diiktiraf sebagai sebuah negeri maju selepas Selangor yang telah memperolehi pengiktirafan tersebut pada tahun 2005.¹²⁸

Jika dilihat kepada senario ini, sebenarnya Melaka hampir mencapai taraf negeri maju semenjak 2006 lagi apabila Ketua Menteri Melaka iaitu YAB Datuk Seri Mohd Ali Rustam pernah melontarkan kenyataan yang berbunyi

*“ Prestasi petunjuk sosio-ekonomi Melaka Maju 2010 yang terdiri daripada 23 petunjuk ekonomi dan sosial telah pun mencatatkan pencapaian sebanyak 52 peratus daripada sasaran, saya berpuashati dengan pencapaian setakat ini dan yakin Melaka dapat diisytiharkan sebagai sebuah negeri maju menjelang 2010 ”.*¹²⁹

Kenyataan yang dilontarkan oleh YAB Ketua Menteri Melaka itu telah memperlihatkan keyakinan beliau bahawa matlamatnya untuk menjadikan negeri

¹²⁸ Walaupun Melaka lebih awal dibuka dan mencapai kemajuan yang luar biasa satu ketika dahulu, lebih awal dan cemerlang daripada Selangor, sedangkan apa yang ternyata sekarang ialah tahap kemajuan Selangor lebih tinggi dari Melaka. Rujuk kenyataan ini pada Ab. Rahim Selamat, et.al., *op.cit.* h. 7

¹²⁹ Baharuddin Yusof, *op.cit.* h. 6

Melaka sebagai sebuah negeri maju pada tahun 2010 pasti akan tercapai. Jika dilihat kepada kenyataan tersebut ia bukanlah retorik semata-mata sebaliknya ia berasaskan kepada statistik dan indikator yang telah digunakan sebagai kayu pengukur sejauh mana pencapaian negeri Melaka untuk merealisasikan matlamat negeri maju menjelang 2010. Melalui 23 indikator yang digunakan untuk menilai pencapaian sosio-ekonomi negeri Melaka, 12 daripadanya telah pun mencapai sasaran lebih awal manakala 11 lagi akan dapat dicapai dalam tempoh sebelum menjelang 2010.

Buktinya, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang dicatatkan oleh Melaka pada 2005 adalah sebanyak 6.3% iaitu melebihi KDNK nasional yang mencatatkan sebanyak 5.0%. Pencapaian ini memperlihatkan perangkaan yang lebih baik berbanding dengan beberapa negara maju seperti USA (3.5%), Jepun (2.6%), Jerman (0.9%) dan Korea Selatan (4%).¹³⁰ Seterusnya, pencapaian ekonomi Melaka pada tahun 2005 adalah memuaskan dengan perolehan pelaburan bernilai RM1.039 bilion melalui 52 buah projek yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) 62.56% atau RM 650 juta daripada nilai pelaburan asing manakala RM 389 juta atau 37.43% adalah pelaburan domestik.¹³¹

Menerusi pelancongan pula, 12 sub-sektor pelancongan yang diperkenalkan ternyata telah membuahkan hasil apabila negeri Melaka terus mencatatkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong setiap tahun. Pada tahun 2005, kerajaan Negeri Melaka mensasarkan sejumlah 4.4 juta pelancong dengan anggaran pendapatan sebanyak RM 2.2 bilion. Ia ditambah lagi dengan pelancongan kesihatan yang merupakan sub-sektor

¹³⁰ Hanita Hassan (penyelenggara) (2007) *Koleksi Eksklusif Ucapan KM Bersama IKSEP ; Modal Insan Menjana Pembangunan Masyarakat Dan Negara*. Melaka : Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme. h. 17

¹³¹ Baharudin Yusof, *op.cit.* . h. 6

pelancongan yang paling menonjol dengan kemasukan pesakit luar ke tiga buah hospital swasta seramai 52,000 orang.¹³²

Seterusnya, ialah pelancongan pendidikan yang telah mencatatkan Melaka sebagai negeri ketiga di Malaysia yang mencatatkan jumlah pelajar institusi pengajian tinggi yang ramai. Pada tahun 2004 sahaja, Melaka telah mencatatkan seramai 53,000 orang pelajar yang menuntut di negeri ini merangkumi pelajar tempatan dan antarabangsa.

Sektor perindustrian juga mencatatkan pertumbuhan yang semakin baik dengan menyumbang sejumlah 28% kepada KDNK negeri sejak beberapa tahun lalu. Pada 2005, KDNK daripada sektor industri membabitkan nilai sebanyak RM 2,201 juta. Sektor Perindustrian juga telah mewujudkan sejumlah 78,706 peluang pekerjaan kepada rakyat selain menjana pertumbuhan industri sokongan seperti pengangkutan, telekomunikasi, perbankan dan hartanah.

Dari segi kemiskinan pula, di Melaka hanya tinggal 2.7%. Ini kerana beberapa tindakan efektif yang dijalankan oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan rakyat termiskin berkenaan yang kini telah berkurangan kepada 4800 orang. Pelaksanaan pelbagai program membasmi kemiskinan termasuk pemberian bantuan dan penyediaan kemudahan asas memberikan keyakinan kepada kerajaan negeri untuk mencapai sasaran kemiskinan sifar pada 2010. Selain itu, matlamat negeri maju ini bukan sahaja untuk mempertingkatkan pendapatan tetapi juga yang paling utama untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup penduduk. Ini diperkukuhkan lagi dengan catatan kadar

¹³² *Ibid.* h. 6

pengangguran di Melaka adalah yang terendah di Malaysia iaitu untuk dua tahun berturut-turut pada 1999-2001 dan 2004-2005 dengan kadar 1.2% berbanding 3.5% peringkat nasional.¹³³

Bertitik tolak daripada itu, kerajaan negeri melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) dan Bahagian Antarabangsa telah membina Indeks Kualiti Hidup Negeri Melaka (IKHM) meliputi 11 indikator. Ia melibatkan 52 sasaran kualiti hidup Melaka Maju 2010 di mana taraf kualiti hidup itu setanding dengan yang terdapat di negara-negara maju terutamanya Korea.

Menerusi perangkaan dan data yang dikemukakan, ia memperlihatkan bahawa kesungguhan kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan ia sebagai sebuah negeri maju menjelang 2010.¹³⁴

Bagi memperincikan data berkaitan kemajuan Melaka ini, pengkaji akan menghuraikan perincian tersebut menerusi pembahagian indikator tersebut berasaskan politik, ekonomi, pembuatan, populasi, perindustrian, pelancongan, perumahan, infrastruktur, sosial dan pembangunan Islam.

3.4.1 Politik

Secara asasnya negeri Melaka sudah mencapai kemajuannya melalui keupayaannya mengekalkan kestabilan politik dari aspek kemapanan pentadbiran kerajaan.¹³⁵

¹³³ Hanita Hassan, *op.cit.* h. 17. Dicapitkan bahawa Melaka telah mengatasi kadar pengangguran negara maju di dunia seperti USA (5.1%), China (9%) dan Jerman (11.7%). Rujuk Hanita Hassan di halaman 18.

¹³⁴ Untuk maklumat lanjut lihat Lampiran J untuk melihat penanda aras pencapaian Melaka sebagai negeri maju pada 2010

¹³⁵ Direktorat Pelaksanaan Negeri (2006), *Melaka Pencapaian Cemerlang, Gemilang Dan Terbilang 2000-2006*. Melaka : Jabatan Ketua Menteri Melaka. h. 92. Mapan beerti mantap, tidak berubah, sudah kukuh, tidak goyah dan stabil. Rujuk Kamus Dewan, *op.cit.* h. 801

Merujuk kepada aspek kemapanan, negeri Melaka telah diiktiraf sebagai sebuah negeri Bandar dengan pembangunan yang mapan seiring dengan pengiktirafan yang diterima dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berdasarkan status bandaraya dan perbandaran yang telah diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).¹³⁶ Pengiktirafan negeri mapan ini adalah berdasarkan Malaysia Urban Indicators Network (MurniNet) yang mencatatkan kesemua PBT tersebut mendapat skor melebihi 80 markah dan hanya Melaka sahaja yang mencapai taraf mapan di seluruh negeri.¹³⁷ Ia penting kerana dengan kestabilan politik yang baik ia mampu menjana pertumbuhan ekonomi serta pembangunan sosial yang baik. Buktinya melalui pentadbiran kerajaan yang mantap menerusi kerajaan tempatan di negeri ini, ia mampu memberikan pulangan dari sudut ekonomi yang baik menerusi kecekapan pentadbiran dan kestabilan politik. Pada tahun 2011, beberapa badan kerajaan khususnya kerajaan tempatan seperti Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin telah menyumbangkan pendapatan yang besar kepada kerajaan negeri.

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menyumbangkan RM 142.94 juta, Majlis Perbandaran Alor Gajah pula menyumbangkan RM 20.83 juta. Manakala Majlis Perbandaran Jasin menyumbangkan RM 13.08 juta dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya pula menyumbangkan RM 31.12 juta.¹³⁸ Jumlah keseluruhan kutipan yang telah dibuat ialah RM 207.97 juta. Natiyahnya menunjukkan bahawa dengan kestabilan dan kemapanan politik yang ditonjolkan oleh pucuk pimpinan negeri Melaka, ia menjadi pendorong kepada pencapaian pembangunan negeri ini menerusi kecekapan kerajaan

¹³⁶ Ahmad Faladini (2013), *Aura & Umph Ali Rustam*, t.tpt : Prominent Publishing Sdn. Bhd. h. 97

¹³⁷ *Ibid*, h. 97

¹³⁸ Abdul Razak Abu Chik, *op.cit.* h. 126

tempatan tersebut berhubung kutipan pendapatan mereka. Ia tidak akan direalisasikan sekiranya politik di dalam sesebuah negeri itu tidak stabil dan kukuh.

Selain daripada itu, dalam mengukur kemajuan sesebuah negeri menerusi politik ini menerusi piawaian OECD ialah Indeks Persepsi Ketelusan Rasuah dan Kecekapan Kerajaan. Bagi tahun 2009, skor Indeks Persepsi Ketelusan Rasuah yang telah dicatatkan untuk negeri ini ialah 7.0 berbanding 5.1 pada 2008. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 72.85%. Manakala dari aspek Kecekapan Kerajaan pula skor yang dicatatkan pada 2007 ialah 82.9 dan pada 2008 ialah 86.7 dengan peningkatan sebanyak 9.56%.¹³⁹ Menerusi dua indikator ini, jelas menunjukkan bahawa kesungguhan kerajaan Melaka untuk memajukan negeri ini menerusi aspek politik dan pentadbirannya. Ia menunjukkan bahawa dengan kemajuan dari segi politik ia dapat membantu kerajaan Melaka untuk melonjakkan lagi kemampuannya sebagai sebuah negeri maju dari pelbagai sudut.

3.4.2 Ekonomi

Petunjuk ekonomi merupakan teras utama dalam menilai kemajuan sesebuah negeri atau negara. Menerusi petunjuk ekonomi yang digunakan, pengkaji berpandukan kepada data perangkaan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang mengklasifikasikan beberapa sumber pendapatan dalam menjana ekonomi sesebuah negeri atau negara. Antara perkara yang diutamakan sebagai pendapatan sebagai penanda aras bagi kemajuan sesebuah negeri itu ialah pertanian,

¹³⁹ Unit Perancang Ekonomi Negeri (2009), *Data Asas Melaka Negeri Bersejarah 2009*. Melaka : Jabatan Ketua Menteri Melaka. h. 102

perlombongan, pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pendapatan per kapita.

Perinciannya adalah seperti yang tertera dalam jadual 3.7

Jadual 3.7 : Keluaran Dalam Negara Kasar Mengikut Sektor, Melaka-Malaysia 2007-2009

Sektor	2007		2008		2009	
	Melaka Juta RM (%)	Malaysia Juta RM (%)	Melaka Juta RM (%)	Malaysia Juta RM (%)	Melaka Juta RM (%)	Malaysia Juta RM (%)
Pertanian	504 (3.52)	38,224 (7.57)	476 (3.16)	39,769 (7.53)	475 (2.97)	39,929 (7.69)
Perlombongan	4 (0.03)	42,881 (8.49)	3 (0.02)	42,550 (8.05)	2 (0.01)	40,926 (7.88)
Pembuatan	3,973 (27.74)	151,789 (30.6)	3,749 (24.87)	153,774 (29.10)	3,866 (24.20)	139,448 (26.86)
Pembinaan	345 (2.41)	15,332 (3.04)	335 (2.22)	15,657 (2.96)	435 (2.72)	16,548 (3.19)
Perkhidmatan	9,496 (66.30)	270,903 (53.65)	10,512 (69.73)	290,538 (54.99)	11,200 (70.10)	297,995 (57.39)
KDNK pada harga malar 2000 (RM Juta)	14,323	504,919	15,057	528,311	15,977	519,218
KDNK pada harga semasa (RM Juta)	17,798	639,776	18,772	738,677	19,864	674,434
Penduduk ('000)	738.3	27,174	753.5	27,729	769.3	28,307
Pendapatan Per kapita	Melaka (RM)	M'sia (RM)	Melaka (RM)	M'sia (RM)	Melaka (RM)	M'sia (RM)
Pada Harga Malar 2000 (RM)	12,045	17,730	12,423	17,726	20,768	18,374
Pada Harga Semasa 2000 (RM)	24,090	23,033	24,847	25,784	25,797	23,826
Kadar Pertumbuhan KDNK Pada Harga 2000 (%)	6.6	6.2	5.2	4.6	6.0	-1.7

Sumber : Data Asas Melaka Negeri Bersejarah 2009, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Berdasarkan kepada perangkaan ini, menunjukkan bahawa pimpinan kerajaan Negeri Melaka telah bersungguh-sungguh untuk menjadikan negeri ini maju pada tahun 2010. Melalui perangkaan yang ditunjukkan untuk tempoh tiga tahun sebelum menjelang 2010, beberapa peningkatan telah ditunjukkan seperti pendapatan per kapita dan keluaran negara kasar yang menunjukkan peningkatan yang positif saban tahun.

Jadual 3.8 : Kadar Pertumbuhan KDNK Mengikut Sektor

Sektor	Kadar Pertumbuhan (%)					
	2006-2007		2007-2008		2008-2009	
	Melaka	Malaysia	Melaka	Malaysia	Melaka	Malaysia
Pertanian	2.3	1.4	-5.6	4.0	-0.2	0.4
Perlombongan	-25.0	2.0	-25.0	-0.8	-33.3	-3.8
Pembuatan	3.1	3.1	-5.6	1.3	3.1	-9.3
Pembinaan	4.4	4.7	-2.9	2.1	29.9	5.7
Perkhidmatan	8.5	9.6	10.7	7.2	6.5	2.6

Sumber : Data Asas Melaka Negeri Bersejarah 2009, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Melalui perbandingan ini, jelas menunjukkan tentang bahawa negeri Melaka begitu komited dalam usahanya untuk mencapai negeri maju yang disasarkan pada tahun 2010. Memang tidak dinafikan beberapa petunjuk yang menunjukkan pertumbuhan yang negatif khususnya menerusi perlombongan. Ini disebabkan keadaan geografi negeri Melaka yang tidak mempunyai hasil bumi yang banyak. Namun, ia ditampung sektor lain khususnya perkhidmatan yang begitu memberangsangkan pertumbuhannya.

3.4.3 Populasi

Populasi yang dimaksudkan di dalam bahagian ini adalah merujuk kepada kependudukan yang terdapat di negeri ini. Jika dilihat dalam konteks kemajuan sesebuah negeri atau negara itu, aspek berhubung penduduk amat dititikberatkan dari aspek kesihatan dan polarisasi kaum yang wujud di dalamnya. Dalam bahagian ini, pengkaji akan memperincikan tentang populasi ini dari sudut anggaran penduduk, kelahiran dan kematian.

Jadual 3.9 : Anggaran Bilangan Penduduk Melaka Mengikut Etnik 2007-2009

Kumpulan Etnik	2007		2008		2009	
	Bil ('000)	Peratus	Bil ('000)	Peratus	Bil ('000)	Peratus
Warganegara M'sia	705.4	95.5	718.8	95.4	733.3	95.3
Bumiputera	462.7	62.2	473.8	62.9	485.5	63.1
Melayu	452.8	61.3	463.5	61.5	476.6	61.7
Lain-lain b'putera	9.9	1.3	10.4	1.4	10.9	1.4
Cina	193.6	26.2	195.3	25.9	197.4	25.7
India	44.1	6.0	44.6	5.9	45.3	5.9
Lain-lain	5.0	0.7	5.0	0.7	5.1	0.7
Bukan Warganegara	33.4	4.5	34.7	4.6	36.0	4.7
Jumlah	738.8	100.0	753.5	100.0	769.3	100.0

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia 2009.

Jadual di atas menunjukkan tentang jumlah penduduk negeri Melaka untuk tiga tahun sebelum ia mencapai status negeri maju pada 2010. Perangkaan menunjukkan bahawa penduduk Melaka bertambah saban tahun. Secara logiknya, apabila populasi ini bertambah, ia memberi gambaran jelas tentang kemajuan yang dicapai membolehkan pertambahan penduduk berkembang dengan pola yang positif. Lebih mengujakan ialah bilangan penduduk beragama Islam menguasai hampir 60% peratus menerusi penduduk berbangsa Melayu yang sinonim dengan agama Islam.

Seterusnya, pengkaji akan memfokuskan tentang kadar kelahiran di negeri ini untuk tempoh tiga tahun bermula 2007-2009.

Jadual 3.10 : Bilangan Kelahiran Berdaftar Mengikut Etnik 2007-2009

Kumpulan Etnik	2007	2008	2009
Melayu	9801	9889	9956
Cina	3174	3137	2958
India	861	878	841
Lain-lain	274	396	403
Jumlah	14,110	14,300	14,158

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Melaka 2009

Berdasarkan kepada perangkaan di atas, ia menunjukkan bahawa kadar kelahiran di Melaka mencatatkan purata 14,000 orang untuk tempoh tiga tahun sebelum 2010 yang disasarkan sebagai tahun untuk negeri ini mencapai kemajuan. Selain daripada itu, kadar kematian yang dicatatkan di Melaka juga berada pada pola yang sederhana. Ia adalah seperti berikut

Jadual 3.11 : Bilangan Kematian Berdaftar Mengikut Etnik 2007-2009

Kumpulan Etnik	2007	2008	2009
Melayu	2540	2663	2760
Cina	1356	1233	1351
India	275	305	321
Lain-lain	101	142	113
Jumlah	4272	4343	4545

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Melaka 2009.

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa kadar kematian di Negeri Melaka menunjukkan kurang dari 4000 orang berbanding kadar kelahiran lebih daripada 14,000 orang yang dicatatkan untuk tempoh tiga tahun berturut. Ini membuktikan bahawa kemajuan yang dicapai oleh negeri Melaka menitikberatkan aspek kesihatan hingga membolehkan ia mencatatkan kadar kelahiran yang tinggi berbanding kadar kematian.

3.4.4 Perindustrian

Seiring dengan kemajuan yang dicapai, aspek perindustrian tidak diketepikan. Ini penting memandangkan negara-negara maju di dunia ini mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang mantap menerusi perindustrian sebagai salah satu langkah mereka untuk mencapai status maju. Oleh yang demikian, ditunjukkan di bawah ini menerusi jadual berhubung sektor perindustrian sebagai kerangka untuk mencapai sebuah negeri maju.

Jadual 3.12 : Bilangan Kilang, Nilai Pelaburan dan Bilangan Pekerja Negara Asal 2007-2009

Negara	Bil. Kilang Beroperasi			Nilai Pelaburan (RM Juta)			Bilangan pekerja		
	2007	2008	2009	2007	2008	2009	2007	2008	2009
Malaysia	340	322	310	14,701.42	14,843.27	14,635.21	27,600	28,094	27,374
Taiwan	53	40	32	3,669.57	3,669.63	3,469.63	13,599	11,845	10,645
Jerman	5	9	8	2,703.07	2,703.76	2,703.26	5,418	3,330	3,180
Jepun	32	30	26	1,326.78	1,345.54	13,353.94	16,074	14,233	13,633
USA	5	5	5	1,027.59	4,249.99	4,249.99	6,600	6,600	6,500
Singapura	33	30	33	1,632.71	1,646.91	1,721.91	7,791	7,942	7,992
Britain	4	3	3	343.00	343.00	343.00	1,960	1,960	1,543
Australia	2	2	2	64.80	78.20	78.20	1,850	1,943	1,868
Belanda	5	2	1	92.67	92.67	92.67	1,565	1,451	780
Korea	1	1	1	26.06	26.06	26.06	193	180	125
H Kong	3	1	1	52.53	53.73	53.73	777	787	507
S'zerland	3	3	3	80.16	80.16	80.16	234	220	910
Belgium	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Perancis	3	3	3	35.20	190.20	190.20	38	72	89
Itali	2	2	0	510.38	510.38	510.38	10	20	0
Denmark	1	1	1	3.57	3.57	3.57	345	217	195
India	-	1	1	590.00	590.00	590.00	2,219	2,195	2,200
JUMLAH	492	455	430	26,859.51	30,436.07	30,436.07	86,273	81,089	76,821

Sumber : Invest Melaka 2009

Berdasarkan perangkaan di atas, jumlah nilai pelaburan yang dijana melalui sektor perindustrian menunjukkan peningkatan saban tahun. Purata penjanaaan pendapatan negeri Melaka melalui perindustrian ini lebih daripada RM 30 juta. Ini menunjukkan satu mekanisme terpenting dalam menjamin kelangsungan kemajuan negeri ini.

3.4.5 Infrastruktur

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan tentang perangkaan yang dicatatkan dalam sektor infrastruktur yang meliputi jalanraya, penggunaan elektrik dan air serta pemilikan telefon yang berperanan dalam melengkapkan kehidupan bagi rakyat Melaka yang maju.

Jadual 3.13 : Jenis/Kelas Jalanraya Mengikut Daerah Di Melaka, 2007-2009

Daerah	2007			2008			2009		
	Jalan Persekutuan	Jalan Negeri	Jumlah (KM)	Jalan Persekutuan	Jalan Negeri	Jumlah (KM)	Jalan Persekutuan	Jalan Negeri	Jumlah (KM)
Melaka Tengah	88.85	888.68	975.53	86.85	918.97	1,005.82	86.85	961.79	1,048.64
Alor Gajah	105.31	459.80	564.11	105.31	467.64	572.95	105.31	481.19	586.5
Jasin	66.55	377.99	444.54	66.55	385.46	452.01	66.55	389.11	455.66
Jumlah	258.71	1,726.47	1,984.18	258.71	1,772.08	2,030.79	258.71	1,832.09	2,090.80

Sumber : Jabatan Kerja Raya Melaka 2009

Menerusi data ini, dapat dirumuskan bahawa negeri Melaka mempunyai rangkaian jalan raya yang baik dan menunjukkan terdapat peningkatan saban tahun menerusi pertambahan kilometer untuk tempoh tiga tahun sebelum Melaka diisytiharkan maju. Ini penting kerana menurut piawai antarabangsa, rangkaian jalan raya juga termasuk dalam penanda aras kemajuan sesebuah negara menerusi infrastruktur yang baik

Jadual 3.14 : Bekalan Elektrik Mengikut Daerah 2007-2009

Daerah	2007			2008			2009		
	Bilangan	Keupayaan Terpasang (MVA)	Beban Maksima (MVA)	Bilangan	Keupayaan Terpasang (MVA)	Beban Maksima (MVA)	Bilangan	Keupayaan Terpasang (MVA)	Beban Maksima (MVA)
Melaka Tengah	14	1,035	364.60	13	870	528.50	14	1,155	445.75
Alor Gajah	5	240	78.60	5	210	69.20	5	270	92.32
Jasin	2	120	36.70	2	120	55.50	2	120	42.74
Jumlah	21	1,395	479.90	20	1200	653.20	21	1545	580.81

MVA : *Mega Volt Ampere*

Sumber : Tenaga Nasional Berhad, Melaka 2009

Dalam membincangkan infrastruktur, aspek penggunaan tenaga elektrik juga diambil kira. Menerusi data di atas, penggunaan elektrik di negeri Melaka ini pada tahap sederhana. Namun perkara yang hendak diketengahkan ialah kebolehan kerajaan Negeri Melaka menyediakan kemudahan elektrik ini adalah sesuatu yang

membanggakan kerana untuk menjadi negeri maju, kemudahan elektrik begitu penting.

140

Jadual 3.15 : Penggunaan Air Mengikut Daerah 2007-2009

Daerah	Penggunaan Air (meter padu)		
	2007	2008	2009
Melaka Tengah	72,935,107.00	72,095.337.00	75,124.869.00
Alor Gajah	20,883,565.00	21,384.629.00	24,948.796.00
Jasin	13,222,474.00	13,491,106.00	14,611.466.00
Jumlah	107,041,146.00	106,971,072.00	114,685,131.00

Sumber : Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) 2009

Kerajaan Negeri Melaka juga telah menyediakan kemudahan infrastruktur yang tidak kurang pentingnya iaitu air. Jika dilihat pada data di atas, ia menunjukkan bahawa penggunaan air untuk rakyat negeri Melaka ini agak tinggi penggunaannya. Namun, ia tidak menjadi masalah buat kerajaan negeri kerana mampu menyediakan kemudahan tersebut. Natiujahnya, kemudahan air di Melaka amat baik kedudukannya.¹⁴¹

Jadual 3.16 : Jumlah Talian Telefon Mengikut Daerah Dan Jenis Pengguna, 2007-2009

Daerah	2007			2008			2009		
	Kediaman	Perniagaan	Jumlah	Kediaman	Perniagaan	Jumlah	Kediaman	Perniagaan	Jumlah
Melaka Tengah	68,113	39,565	107,678	65,495	38,549	528.50	67,336	38,621	105,957
Alor Gajah	15,870	4,959	20,829	16,729	5,407	22,136	15,981	4,648	20,629
Jasin	17,738	3,851	21,589	16,910	3,854	20,764	19,721	4,054	23,775
Jumlah	101,721	48,375	150,056	99,134	47,810	146,944	98,579	47,323	160,361

Sumber : TM, Melaka 2009

Penggunaan telekomunikasi khususnya di negeri Melaka semakin mendapat tempat. Jika dilihat perangkaan di atas, ia menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang mendadak antara tahun 2008 kepada tahun 2009 iaitu sebanyak 9.13% dalam tempoh setahun. Ini menunjukkan dasar kerajaan negeri Melaka menyediakan kemudahan perhubungan ini boleh dikatakan tepat pada waktunya memandangkan

¹⁴⁰ Melaka mencatatkan 100% bekalan elektrik dan lampu awam terbanyak di Malaysia iaitu lebih 120,000 unit. Rujuk Ahmad Faladini, *op.cit.* h. 104

¹⁴¹ Melaka mencatatkan 100% bekalan air terbersih dan tersihat di Malaysia selepas Putrajaya. *ibid.* h. 104

untuk mencapai taraf negeri maju, kemudahan telekomunikasi sangat penting keperluannya.

3.4.6 Sosial

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan tentang beberapa perkara utama berhubung aspek sosial yang merangkumi kesihatan, pendidikan dan keselamatan kepada rakyat di negeri Melaka ini. Aspek pertama ialah kesihatan merangkumi bilangan katil, bilangan dan nisbah tenaga kerja kesihatan kepada penduduk dan kemudahan kesihatan.

Jadual 3.17 : Bilangan Katil Di Hospital Kerajaan dan Swasta 2007-2009

Kategori Hospital	Hospital	Bilangan katil		
		2007	2008	2009
Kerajaan	Hospital Melaka	795	823	823
	Hospital Alor Gajah	29	29	29
	Hospital Jasin	76	76	76
	Hospital Kem Terendak	144	144	144
Swasta	Putra Specialist Hospital	201	201	201
	Pantai Ayer Keroh Hospital	224	224	224
	Mahkota Medical Centre	228	356	356
	Asia Clinic & Maternity Home	6	6	6
	Damai Medical & Heart Clinic	8	8	8
	Jumlah	1,711	1,867	1,867

Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri Melaka 2009

Berdasarkan kepada perangkaan di atas, ia menunjukkan bahawa kerajaan negeri Melaka telah berusaha untuk menjamin kesihatan bagi rakyatnya agar terjamin. Menerusi statistik di atas, penambahan prasarana yang melibatkan katil-katil pesakit yang perlu ditampung bagi menjamin kelangsungan kesihatan yang baik di kalangan rakyatnya seiring dengan status negeri maju yang dicapai pada 2010 nanti.

Jadual 3.18 : Bilangan Dan Nisbah Tenaga Kerja Kesihatan Pada Penduduk 2007-2009

Jenis Tenaga Manusia Kesihatan		2007		2008		2009	
		Bilangan	Nisbah	Bilangan	Nisbah	Bilangan	Nisbah
Doktor	Kerajaan	440	1 : 933	494	1 : 906	597	1 : 916
	Swasta	352		338		343	
	Jumlah	792		832		940	
Doktor Gigi	Kerajaan	60	1 : 7,696	64	1 : 7,461	69	1 : 8,460
	Swasta	36		37		39	
	Jumlah	96		101		108	
Pegawai Farmasi	Kerajaan	82	1 : 5,060	104	1 : 4,381	122	1 : 4,681
	Swasta	64		68		68	
	Jumlah	149		172		190	
Jururawat	Kerajaan	1395	1 : 391	1,380	1 : 384	1,400	1 : 456
	Swasta	493		580		580	
	Jumlah	1888		1,960		2,025	

Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri Melaka 2009

Menerusi data di atas, bilangan sumber manusia yang melibatkan aspek kesihatan juga bertambah. Ini dapat dibuktikan melalui nisbah di antara sumber manusia dapat dicekalkan. Ia melibatkan doktor perubatan, doktor gigi, ahli farmasi dan jururawat. Jika dilihat untuk tempoh tiga tahun ini, nisbah antara doktor perubatan dengan penduduk negeri ini adalah 1 : 900 dan nisbah itu berkekalan untuk tiga tahun mendatang. Jika dibandingkan dengan indikator tersebut dengan piawaian yang ditetapkan oleh sasaran kerajaan negeri, ia tercapai. Ini membolehkan negeri Melaka maju dari aspek sosial dengan mengambil kira keupayaannya menyediakan prasarana kesihatan yang baik untuk manfaat rakyat.

Jadual 3.19 : Kemudahan Kesihatan Mengikut Daerah 2007-2009

Jenis Kemudahan	Daerah									Negeri		
	Melaka Tengah			Alor Gajah			Jasin					
	2007	2008	2009	2007	2008	2009	2007	2008	2009	2007	2008	2008
Hospital Awam	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
Hospital Tentera	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1	1
Hospital Swasta	5	5	5	0	0	0	0	0	0	5	5	5
Pejabat Kesihatan	1	1	1	1	1	1	1	1	1	3	3	3
Poliklinik Komuniti	11	11	11	9	9	9	7	7	7	27	27	27
Klinik Desa	14	14	14	25	25	25	22	22	22	61	61	61
Klinik Pergigian	9	9	9	3	3	3	4	4	4	16	16	16
Klinik Swasta	218	220	222	28	28	29	15	15	15	259	261	266
Klinik Pergigian Swasta	25	27	26	5	5	5	3	2	2	33	34	33
Farmasi Swasta	35	36	39	6	6	5	3	3	3	44	45	47

Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri Melaka 2009

Menerusi perangkaan ini, ia menunjukkan tentang beberapa kemudahan kesihatan yang disediakan untuk memastikan kelangsungan jaminan kesihatan di negeri ini. Menerusi perangkaan yang ditunjukkan, ia menunjukkan bahawa terdapat beberapa pusat kemudahan kesihatan yang disediakan bagi menjamin kelangsungan kesihatan yang baik buat rakyat negeri ini. Pertambahan pusat perkhidmatan kesihatan ini dilihat semakin bertambah bagi menjamin kesihatan penduduk ini khususnya yang melibatkan klinik swasta serta farmasi swasta. Lantaran itu, ia memberikan maklumat bahawa kadar jaminan kesihatan di negeri ini adalah baik.

Seterusnya, dalam membincangkan tentang kemajuan negeri ini yang berkaitan dengan sosial ialah berasaskan kepada pendidikan. Dalam membincangkan perkara ini,

beberapa komponen pendidikan ini akan disentuh bermula dari pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi.

Jadual 3.20 : Bilangan Sekolah Rendah Mengikut Daerah 2007-2009

Daerah	2007	2008	2009
Melaka Tengah	87	90	90
Alor Gajah	73	75	75
Jasin	64	66	66
Jumlah	224	231	231

Sumber : Jabatan Pelajaran Melaka 2009

Mengikut perangkaan ini, ia menunjukkan bahawa bilangan sekolah untuk pendidikan rendah di Melaka ialah lebih dari 200 buah untuk tiga tahun kebelakangan ini. Perkara utama yang perlu diberi penekanan ialah pertambahan bilangan sekolah rendah bertambah saban tahun. Ini membuktikan bahawa usaha kerajaan negeri Melaka untuk memberikan pendidikan terbaik kepada rakyatnya tercapai.

Ini diperkukuhkan lagi dengan pendidikan menengah yang juga menunjukkan pertambahan bilangan sekolah saban tahun. Setiap daerah di negeri Melaka mencatatkan pertambahan sekurang-kurangnya sebuah sekolah untuk tempoh setahun. Ini disebabkan pertambahan penduduk sekaligus melonjakkan juga pertambahan pelajar menengah di negeri ini. Buktinya, menerusi paparan Jadual 3.21.

Jadual 3.21 : Bilangan Sekolah Menengah Mengikut Daerah 2007-2009

Daerah	2007	2008	2009
Melaka Tengah	30	36	37
Alor Gajah	17	20	20
Jasin	14	17	17
Jumlah	66	73	74

Sumber : Jabatan Pelajaran Melaka 2009

Untuk jadual 3.22 pula, ia menunjukkan tentang nisbah antara guru dan pelajar bagi negeri Melaka. Secara kasarnya, nisbah bilangan antara guru dan pelajar dalam

lingkungan 1 : 14.¹⁴² Nisbah ini dilihat memadai dalam usaha menjana modal insan menerusi bidang pendidikan. Dengan nisbah ini, usaha kerajaan negeri Melaka menyediakan pendidikan yang baik dan berkualiti dapat direalisasikan seiring dengan status sebagai sebuah negeri maju. Sehubungan dengan itu, indikator yang dinilai menerusi bidang pendidikan dalam usaha menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri maju dapat dicapai pada 2010.

Jadual 3.22 : Bilangan Dan Nisbah Guru Dengan Murid 2007-2009

Institut		2007		2008		2009	
		Bilangan	Nisbah	Bilangan	Nisbah	Bilangan	Nisbah
Rendah	Guru	6,206	1 : 15	6,676	1 : 14	6,902	1 : 13
	Murid	92,992		94,519		92,904	
Menengah	Guru	4,857	1 : 14	5,451	1 : 13	5,736	1 : 13
	Murid	69,475		71,943		73,677	
Melaka	Guru	11,063	1 : 15	12,127	1 : 14	12,638	1 : 13
	Murid	162,467		166,462		166,581	

Sumber : Jabatan Pelajaran Melaka 2009

Bagi mengukuhkan lagi keseriusan kerajaan negeri dalam menjadikan negeri ini maju dari aspek pendidikan, kadar celik huruf bagi pelajar sekolah rendah telah mencatatkan perangkaan yang sangat memberangsangkan. Untuk tempoh tiga tahun sebelum, peratus celik huruf di Melaka lebih daripada 95% pada setiap tahun. Perangkaan ini membuktikan bahawa dasar kemajuan negeri ini berasaskan pendidikan membuahkan hasil. Tidak keterlaluan pada tahun 2020, kadar celik huruf di Melaka mencatatkan 100% berbanding dengan negara maju yang lain.

¹⁴² Untuk nisbah antarabangsa nisbah guru dan murid ialah 1 : 15

Jadual 3.23 : Kadar Celik Huruf Bagi Sekolah Rendah Negeri Melaka 2007-2009

Tahun	Bil. Pelajar	Bil. Pelajar Pemulihan Dan Bimbingan	Bilangan Pelajar Pendidikan Khas Rendah	Kadar Celik Huruf	
				Jumlah	Peratus
2007	92,992	2,496	1,192	89,304	96.03
2008	94,519	1,080	1,255	93,439	98.86
2009	92,904	978	1,394	91,510	98.50

Sumber : Jabatan Pelajaran Melaka 2009

Seterusnya, dalam membincangkan aspek pendidikan ini, pengajian tinggi juga perlu dilihat kemajuannya. Menerusi perangkaan dalam jadual di bawah ini, bilangan pelajar di institusi pengajian tinggi di Melaka berjumlah lebih daripada 60,000 orang. Secara dasarnya, ia telah menepati 60% bilangan pelajar pengajian tinggi yang disasarkan oleh kerajaan Melaka iaitu jumlah pelajar di pusat pengajian tinggi pada 2010 adalah berjumlah 100,000 orang. Usaha berterusan yang dijalankan oleh kerajaan negeri dalam memajukan sektor pendidikan khusus dalam pengajian tinggi ini perlu dihargai.

Jadual 3.24 : Bilangan Pelajar dan Pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi 2007-2009

Jenis Institusi	2007		2008		2009	
	Bil. Pelajar	Bil. Pensyarah	Bil. Pelajar	Bil. Pensyarah	Bil. Pelajar	Bil. Pensyarah
IPTA	30,400	2,551	32,619	2,752	34,282	2,807
IPTS	30,266	1,090	34,959	1,319	31,248	1,355
Jumlah	60,666	3,641	67,578	4,071	65,530	4,162

Sumber : Jabatan Pelajaran Melaka 2009

Menerusi data-data yang dinyatakan dalam sub topik sosial ini, dapatlah dirumuskan bahawa negeri Melaka layak untuk mencapai status sebagai sebuah negeri maju menerusi pembangunan berterusan menerusi pelbagai dimensi khusus dari aspek

sosial ini. Walaupun terdapat sesetengah data dan perangkaan belum mencatatkan sasaran, namun usaha gigih ini akan direalisasikan menjelang 2010 kelak.

3.4.7 Pembangunan Islam

Selain daripada usaha kerajaan negeri memenuhi kriteria status negeri maju menerusi indikator yang telah ditetapkan oleh piawaian antarabangsa, aspek pembangunan Islam juga tidak diabaikan.¹⁴³ Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa pembangunan Islam yang telah dilakukan oleh kerajaan Melaka menerusi sekolah agama, bilangan masjid dan surau serta pembangunan ekonomi Islam menerusi zakat. Dalam memperincikan perkara ini, pengkaji akan menerangkan dari aspek pendidikan terlebih dahulu.

Jadual 3.25 : Bilangan Institusi Pendidikan, Jabatan Agama Islam Melaka 2009

Institut	Melaka Tengah			Alor Gajah			Jasin			Jumlah		
	Sekolah	Murid	Guru	Sekolah	Murid	Guru	Sekolah	Murid	Guru	Sekolah	Murid	Guru
Tadika	35	2,306	182	14	496	44	10	467	37	59	3,261	263
Sekolah Agama (Petang)	64	21,749	573	53	9,927	332	44	8,821	305	161	40,417	1,210
Sekolah Rendah Arab	3	1,333	109	2	524	47	2	529	45	7	2,386	201
Sekolah Menengah Arab	2	701	71	3	1,009	105	1	161	17	6	1,871	193
Maahad Tahfiz al-Quran	0	0	0	0	0	0	1	210	35	1	210	35
Jumlah	104	26,089	935	72	11,956	104	58	10,188	439	234	48,233	1,902

Sumber : Jabatan Agama Islam Melaka 2009

Menerusi jadual di atas, ia menunjukkan bahawa pembangunan Islam yang dicapai oleh kerajaan negeri Melaka menerusi pendidikan agama menunjukkan perkembangan yang positif. Ini dibuktikan pertambahan bilangan pelajar yang berjumlah lebih 48,000 orang pelajar. Angka ini bertambah memandangkan kesedaran

¹⁴³ Perbincangan berhubung pembangunan Islam, pengkaji meletakkan Indeks Pembangunan Islam yang dibangunkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia sebagai rujukan.

ibu bapa kini yang menekankan pendidikan agama sebagai wasilah dalam membangunkan modal insan menurut acuan Islam.

Selain daripada itu, aspek pembangunan sosial menerusi pembinaan masjid dan surau juga dilihat menunjukkan perkembangan yang positif. Dalam tahun 2009 sahaja, negeri ini mencatat 610 buah surau dan 165 buah masjid. Ini menunjukkan walaupun negeri ini kecil dari segi geografinya, namun pembinaan masjid dan surau menunjukkan perangkaan yang memberangsangkan. Sehubungan dengan itu, kemajuan yang dicapai oleh Melaka bukan semata-mata berasaskan ekonomi dan sosial tetapi dari aspek pembangunan Islam juga menunjukkan perangkaan yang memberangsangkan. Berikut adalah jadual yang membuktikan perkara ini.

Jadual 3.26 : Bilangan Surau dan Masjid di Negeri Melaka 2007-2009

Daerah	2007		2008		2009	
	Surau	Masjid	Surau	Masjid	Surau	Masjid
Melaka Tengah	277	72	279	74	279	74
Alor Gajah	221	64	225	64	223	64
Jasin	106	47	108	47	108	47
Jumlah	604	183	612	185	610	185

Sumber : Jabatan Agama Islam Melaka 2009

Seterusnya, pembangunan Islam yang dicatatkan dalam perangkaan ini adalah merujuk kepada keupayaan pemberian zakat kepada golongan asnaf khususnya golongan fakir dan miskin. Berdasarkan perangkaan yang ditunjukkan, ada peningkatan dari sudut amaun yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Melaka menerusi Pusat Zakat Melaka. Pengkaji berpendapat, ini disebabkan pendapatan per kapita yang tinggi yang diperolehi oleh penduduk Islam di negeri ini membolehkan pungutan zakat dapat dikutip dengan baik. Oleh itu kesannya, agihan yang luas dapat dilakukan. Hasilnya,

golongan fakir dan miskin yang menerima wang zakat bertambah. Buktinya berdasarkan perangkaan seperti di jadual 3.27.

Jadual 3.27 : Bilangan Fakir Miskin Yang Menerima Bantuan Daripada Majlis Agama Islam Melaka 2007-2009

Daerah	2007			2008			2009		
	Fakir	Miskin	Jum.	Fakir	Miskin	Jum.	Fakir	Miskin	Jum.
Melaka Tengah	1,010	1,019	2,029	1,360	1,048	2,408	2,458	1,357	3,815
Alor Gajah	688	677	1,365	849	663	1,512	1,517	819	2,336
Jasin	521	640	1,161	590	641	1,231	1,080	784	1,864
Jumlah	2,219	2,336	4,555	2,799	2,352	5151	2,799	2,960	8,015

Sumber : Jabatan Agama Islam Melaka 2009

Pengkaji optimis dengan kenyataan di atas berhubung pendapatan per kapita bagi penduduk Islam di Melaka ini positif keadaannya disebabkan pungutan zakat yang dicatatkan untuk dua tahun sebelum 2010 sebagai sasaran negeri maju begitu memberangsangkan. Boleh dikatakan semua jenis zakat yang dikuatkuasakan mencatatkan peningkatan yang baik, cuma zakat dari saham yang menunjukkan negatif peningkatannya. Secara puratanya, kenaikan peratusan berkisar pada 15 % untuk dua tahun tersebut. Ini adalah satu petunjuk yang menunjukkan bahawa negeri Melaka ini menunjukkan pembangunan Islam yang baik. Bagi mengukuhkan pandangan pengkaji, datanya dipaparkan di jadual 3.28 sebagai bukti tentang prestasi pungutan zakat yang baik di negeri ini seiring dengan kemajuan yang dikecapinya.

Jadual 3.28 : Perbandingan Prestasi Kutipan Zakat Bagi 2008-2009

Jenis Zakat	Kutipan				Pembayar			
	2008	2009	Perbezaan	%	2008	2009	Perbezaan	%
Pendapatan	10,308,015.61	12,257,941.89	1,949,926.28	18.92	16,469	17,102	633	3.84
Wang simpanan	5,712,230.23	6,871,363.85	1,159,133.62	20.29	5,189	5,793	604	11.64
Perniagaan	7,168,162.76	7,731,375.72	563,212.96	7.86	1,114	1,225	111	9.96
Emas	363,952.58	501,272.57	137,319.99	37.73	970	980	10	1.03
Saham	334,366.66	271,227.75	63,138.91	18.88	266	231	-35	-
Ternakan	45,950.70	46,003.00	52.30	0.11	44	75	31	70.45
Pertanian	38,186.55	43,334.04	5,147.49	13.48	89	115	26	29.21
Jumlah	23,970,865.09	27,722,518.82	3,751,653.73	15.65	24,141	25,521	1,380	5.72
Zakat Fitrah	2,935,069.20	3,000,620.70	65,551.50	2.23	465,884	476,289	10,405	2.23
Jumlah	26,905,934.29	30,723,139.52	3,817,205.23	14.19	490,025	501,810	11,785	2.40

Sumber : Data Asas Melaka Negeri Bersejarah 2009.

3.5 Penutup

Menerusi perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa Islam yang bertapak di Melaka sejak ratusan tahun yang lalu telah memberi kesan yang besar terhadap kemajuan negeri Melaka kini. Dapatan sejarah telah membuktikan bahawa Melaka merupakan salah satu daripada lokasi awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah memberi implikasi besar terhadap ekonomi, sosial dan politik di negara ini. Rentetan daripada itu, pimpinan kerajaan negeri Melaka telah mengorak langkah dengan meletakkan sasaran untuk menjadi sebuah negeri maju pada tahun 2010. Keyakinan untuk memajukan negeri ini memandangkan keupayaan Melaka suatu masa dulu telah muncul sebagai sebuah kuasa besar di rantau ini dengan mengecapi pelbagai kejayaan dari aspek ekonomi, politik dan sosial. Namun, dengan harapan untuk menjadi sebuah negeri maju, aspek-aspek pembangunan dan penyebaran Islam yang menjadi lambang kepada kemasyhuran empayar Melaka harus dititikberatkan. Oleh itu, institusi-institusi dakwah yang wujud di negeri Melaka kini perlu maju dalam gerak kerja dakwah mereka seiring dengan kemajuan negeri ini.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab keempat ini merupakan bab yang paling penting dalam kajian ini. Bab ini juga boleh dianggap sebagai hasil kemuncak bagi pengkaji. Dalam bab ini, pengkaji akan melampirkan data-data dan keputusan-keputusan yang diperoleh hasil daripada kajian yang dibuat. Hasil kajian tersebut adalah berkaitan dengan pengurusan dakwah di negeri maju dari segi aspek realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju serta mengenal pasti cabaran dan masalah-masalah yang wujud dalam pengurusan dakwah di Melaka. Dengan menggunakan *Statistical Package of Social Sciences (SPSS) Version 16* sebagai kaedah penganalisan data, kesemua data mentah yang diperoleh telah dianalisis mengikut kaedah statistik analisis deskriptif. Kaedah analisis statistik deskriptif yang digunakan adalah peratus, taburan frekuensi, min dan sisihan piawai.

Setiap analisis yang dilakukan adalah berdasarkan kepada tiga objektif utama kajian ini yang telah dibentuk terlebih dahulu. Objektif-objektif tersebut adalah:

- i. Untuk meneliti serta mengkaji realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju menurut perspektif Islam.
- ii. Untuk mengkaji dan menganalisis cabaran pengurusan dakwah di negeri maju merujuk kepada negeri Melaka.
- iii. Untuk mengkaji dan menganalisis masalah pengurusan dakwah di negeri maju merujuk kepada negeri Melaka.


Menerusi objektif kajian ini, ia berperanan sebagai panduan kepada pengkaji untuk mengemukakan dapatan kajian ini serta dianalisa data-data yang diperolehi menerusi kajian yang dijalankan.

Manakala, keputusan analisis data ini juga telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- i. Bahagian I untuk melaporkan keputusan deskriptif mengikut setiap objektif yang dikaji beserta dengan nilai kebolehpercayaan alat ujian yang digunakan.
- ii. Bahagian II untuk menghuraikan analisa kajian berdasarkan objektif menerusi keputusan taburan min dan sisihan piawai bagi setiap indikator yang terkandung dalam objektif yang dikaji.

4.2 Keputusan Deskriptif (Bahagian I)

Keputusan deskriptif yang diperolehi ini adalah untuk melihat taburan responden mengikut demografi yang terpilih. Sebanyak 120 borang soal selidik telah diedarkan. Hasilnya daripada jumlah tersebut, sebanyak 106 borang telah dikembalikan semula kepada pengkaji. Kadar pulangan tersebut mencatatkan kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 88.3%. Kadar pulangan tersebut dijelaskan melalui rajah 4.1 yang berikut. Kadar pulangan yang tinggi ini membolehkan pengkaji untuk menganalisa hasil kajian ini dengan baik seiring dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.



Cara pengedaran soal selidik ini, dilakukan secara pengagihan ke semua institusi dakwah yang terpilih dan berpotensi dalam melakukan kerja-kerja dakwah. Sebanyak lapan buah institusi dakwah yang dipilih dalam kajian ini seperti yang telah dinyatakan dalam bab 1 yang lalu. Pengedaran borang soal selidik ini dilakukan secara rawak (*random sampling*) ke atas institusi dakwah yang telah terpilih. Perinciannya melalui kaedah rawak berlapis.

Bagi mengukuhkan dapatan kajian ini, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual bagi memperkukuhkan dapatan kajian yang diperolehi menerusi pengedaran borang soal selidik.

4.2.1 Taburan Responden Mengikut Demografi

Pengkaji telah memilih beberapa pembolehubah sebagai demografi. Pembolehubah yang terpilih adalah jantina, umur, tahap pendidikan, gred jawatan, dan institusi atau organisasi responden bertugas dan berkhidmat.

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	n	Peratus (%)
Lelaki	68	64.2
Perempuan	38	35.8
Jumlah	106	100

Sumber : Borang Soal Selidik

Taburan data mengikut jantina menunjukkan responden lelaki mempunyai frekuensi yang lebih tinggi dua kali ganda berbanding dengan responden perempuan. Seramai 68 orang responden lelaki dan 38 orang responden perempuan terlibat dalam kajian ini. Ia menunjukkan bahawa kebanyakan anggota perkhidmatan di dalam institusi dakwah di Melaka didominasi oleh kaum lelaki memandangkan tugas-tugas dakwah ini memerlukan komitmen yang tinggi dan sepadu. Sehubungan dengan itu, kebanyakan institusi dakwah ini mengambil langkah dengan meramaikan kaum lelaki bagi memudahkan kerja-kerja dakwah.

Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	N	Peratus (%)
20 – 25 Tahun	8	7.5
26 – 30 Tahun	26	24.5
31 – 35 Tahun	11	10.4
36 – 40 Tahun	19	17.9
40 Tahun ke atas	42	39.6
Jumlah	106	100

Sumber : Borang Soal Selidik

Latar belakang umur responden telah dipecahkan kepada lima bahagian seperti mana yang telah ditunjukkan dalam jadual di atas. Lebih 50% responden berumur melebihi 31 tahun ke atas. Kekekapan paling tinggi ialah umur 40 tahun ke atas di mana seramai 42 responden dicatatkan pada usia tersebut. Pengkaji optimis bahawa di dalam institusi dan organisasi dakwah di negeri Melaka, rata-ratanya didominasi oleh golongan pentadbir yang sudah berpengalaman dalam sesebuah institusi tersebut. Ia dilihat penting kerana dalam menjalankan kerja-kerja dakwah ini, ia menuntut supaya ia dijalankan dengan kaedah dan mekanisme yang berkesan. Sehubungan dengan itu, dalam merencana dan merancang hala tuju dan pelaksanaan dakwah ini, ia memerlukan pentadbir dan pelaksana yang berpengalaman dalam urusan kerja-kerja dakwah ini.

Jadual 4.3 : Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	N	Peratus (%)
Sekolah Menengah Rendah (PMR/SRP/LCE)	3	2.8
Sekolah Menengah Atas (SPM/MCE)	23	21.7
Pra Universiti (STPM/STAM/Diploma/A-Level)	34	32.1
Universiti (Ijazah Keatas)	44	41.5
Lain-Lain : Sijil	2	1.9
Jumlah	106	100

Sumber : Borang Soal Selidik

Terdapat lima tahap pendidikan yang telah dinyatakan pengkaji dalam borang soal selidik yang diedarkan. Responden yang terlibat pula telah merangkumi kelima-lima tahap pendidikan tersebut. Bagi tahap pendidikan yang paling rendah iaitu mempunyai pendidikan di sekolah menengah rendah mempunyai tiga orang responden (2.8%). Manakala, kebanyakan responden dalam kajian ini memiliki kelulusan dari universiti dengan kekerapan 44 responden iaitu 41.5%.

Ini menunjukkan bahawa kebanyakan institusi dakwah di negeri Melaka ini mempunyai kakitangan yang berlatar belakang kelulusan akademik yang tinggi. Ia merupakan satu perkembangan yang positif kerana suasana dakwah pada masa kini menuntut supaya pendakwah wajar memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi seiring dengan peredaran zaman yang semakin mencabar. Pengkaji optimis sekiranya golongan pendakwah kini tidak memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, ia akan memberikan kesan yang negatif kepada kerja-kerja dakwah seperti ketinggalan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, tiada perancangan yang khusus untuk gerakan dakwah dan sebagainya. Natijahnya, dakwah Islamiah akan ketinggalan tambahan pula ia berlaku di dalam sebuah negeri maju.

Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Kedudukan Pengurusan

Kedudukan Pengurusan	n	Peratus (%)
Pengurusan Atasan	9	8.5
Pengurusan Pertengahan	48	45.3
Pengurusan Bawahan	49	46.2
Jumlah	106	100

Sumber : Borang Soal Selidik

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada tiga jenis grad jawatan seperti mana yang telah tertera dalam jadual di atas. Didapati, pekerja dari pengurusan bawahan memonopoli kajian dengan jumlahnya seramai 49 orang responden. Sungguhpun begitu, nilai frekuensinya tidak begitu ketara perbezaannya jika hendak dibandingkan dengan pengurusan pertengahan iaitu sebanyak 45.3%. Namun demikian, nilai ini dilihat ketara perbezaannya jika dibandingkan dengan pekerja di pengurusan atasan iaitu sebanyak 8.5%.

Berdasarkan perangkaan ini, ia menunjukkan bahawa senario struktur pengurusan di dalam setiap institusi dakwah di negeri Melaka menunjukkan satu bentuk hierarki pengurusan yang biasa wujud dalam mana-mana struktur organisasi iaitu pengurusan atasan biasanya kecil kuantitinya diikuti pengurusan pertengahan dan bawahan. Ini dibuktikan melalui dapatan kajian ini berdasarkan data yang diperolehi. Pengkaji dimaklumkan bahawa, bilangan responden yang tidak memulangkan borang kajian ini seramai 14 orang adalah daripada golongan pengurusan bawahan ini. Namun ia tidak menjejaskan dapatan kajian ini kerana bilangan 49 orang yang direkodkan dalam dapatan kajian ini dilihat sudah memadai untuk mencapai objektif kajian ini.

Jadual 4.5 : Taburan Responden Mengikut Institusi Atau Organisasi

Institusi / Organisasi	Populasi	Edar	N	Peratus (%)
Majlis Agama Islam Melaka	15	10	7	6.6
Jabatan Agama Islam Melaka	150	50	46	43.4
Jabatan Mufti Negeri Melaka	15	10	10	9.4
Institusi Masjid (Masjid Al-Azim)	5	5	5	4.7
Bahagian Rumahku Syurgaku	8	8	7	6.6
Angkatan Belia Islam M'sia, Melaka	10	10	8	7.5
Jemaah Islah Malaysia, Melaka	10	10	7	6.6
PERKIM, Melaka	20	17	16	15.2
Jumlah	233	120	106	100

Sumber : Borang Soal Selidik

Sebanyak 120 borang soal selidik telah diedarkan ke lapan buah institusi atau organisasi yang terpilih di Melaka. Institusi utama yang menjadi pilihan ialah Jabatan Agama Islam Melaka dengan pengedaran borang soal selidik sebanyak 50 borang soal selidik. Kriteria utama yang menyebabkan Jabatan Agama Islam Melaka menjadi pilihan utama untuk mengedarkan borang soal-selidik ialah kerana jabatan ini memiliki populasi pekerja yang lebih ramai berbanding dengan institusi yang lain. Menurut Ustaz Rahimin Bani, dianggarkan jabatan ini mempunyai hampir 300 orang kakitangan termasuk guru-guru di sekolah-sekolah agama di bawah kelolaan jabatan ini.¹ Namun untuk bahagian pengurusan ia hanya melibatkan 150 orang sahaja. Seterusnya ia melayakkan jabatan ini mencatatkan jumlah responden yang paling ramai iaitu 46 orang (43.4%)

Manakala, institusi masjid iaitu Masjid al-Azim pula menyumbangkan 4.7% dengan kekerapannya sebanyak lima orang responden. Jumlah ini adalah yang terendah memandangkan institusi ini mempunyai kakitangan yang rendah jumlahnya. Manakala Majlis Agama Islam Melaka, Bahagian Rumahku Syurgaku dan Jemaah Islah/IKRAM Melaka mencatatkan peratusan yang sama iaitu 6.6% dengan kekerapan tujuh orang responden setiap satu institusi tersebut.

¹ Ustaz Rahimin Bani, Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasaan, JAIM). temubual pada 23 Mac 2012.

Seterusnya PERKIM, Melaka pula menunjukkan perangkaan yang positif dengan 15.2% bagi mewakili 16 orang responden. Secara asasnya, pengkaji positif dengan kajian ini memandangkan respon daripada institusi-institusi dakwah di negeri Melaka ini begitu baik dengan kerjasama yang diberikan khususnya pihak pengurusannya yang telah membantu pengkaji dalam pengedaran borang soal selidik seterusnya data dan analisa kajian ini dapat disempurnakan.

4.2.2 Kebolehpercayaan Bagi Alat Ujian yang Digunakan

Memandangkan ketiga-tiga alat ujian yang digunakan ini merupakan alat ujian yang dibina sendiri oleh pengkaji menerusi kajian terdahulu, maka terlebih dahulu pengkaji telah menguji kebolehpercayaannya bagi menentukan kestabilan dan kejituan kesemua alat ujian ini. Ini adalah untuk memperkukuhkan bahawa kajian ini memiliki kebolehpercayaan nilainya berdasarkan data yang diperolehi.

4.2.2 (a) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian Tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju

Bagi kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah memperoleh nilai kebolehpercayaan $\alpha = 0.960$. Jika mengikut Kaplan dan Saccuzzo² nilai kebolehpercayaan yang diterima bagi soal selidik ini boleh dianggap baik kerana melebihi 0.70. Secara asasnya, kajian ini mempunyai asas yang kukuh memandangkan data yang diperolehi mencatatkan nilai yang boleh dipercayai untuk dikaji.

² Kaplan, R.M dan Saccuzzo, D.P (1993). *Psychological Testing Application And Issues* 3rd Edition. California : Brooks/Cple Publishing Co. h. 45

4.2.2 (b) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju

Bagi soal selidik kajian tentang cabaran pengurusan dakwah di negeri maju, nilai yang diperoleh pengkaji ialah $\alpha = 0.945$. Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh ini adalah tinggi dan dianggap baik seperti mana yang ditentukan oleh Murphy.³ Secara asasnya, kajian ini mempunyai asas yang kukuh memandangkan data yang diperolehi mencatatkan nilai yang boleh dipercayai untuk dikaji.

4.2.2 (c) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian Tentang Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju

Pengkaji telah memperoleh nilai kebolehpercayaan $\alpha = 0.907$ bagi soal selidik yang mengkaji objektif yang ketiga ini. Nilai ini juga dianggap sebagai nilai yang baik oleh Anastasi.⁴ Secara asasnya, kajian ini mempunyai asas yang kukuh memandangkan data yang diperolehi mencatatkan nilai yang boleh dipercayai untuk dikaji.

4.3 Keputusan Deskriptif (Bahagian II)

Keputusan deskriptif yang diperoleh ini adalah untuk melihat taburan responden mengikut demografi yang terpilih. Data-data yang dilampirkan dalam bentuk peratusan secara tidak langsung dapat memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap kajian yang dilakukan in

³ Murphy, K.R & Davidshofer, C.O (1998) *Psychological Testing, Principles And Applications*. 4th Edition. New Jersey : Prentice-Hall. Ins

⁴ Anastasi, A. (1986), *Involving Concepts of Test Validation*. *Annual Review of Psychology*, 37 : 267-280

4.3.1 Analisa Kajian Tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan tentang taburan min serta sisihan piawai berhubung realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju menerusi indikator-indikator yang telah dikemukakan dalam borang soal selidik seiring dengan objektif kajian ini. Dapatan yang diperolehi adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.6 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kajian Tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju

Objektif	n	Min	Sisihan Piawai	Bil. Soalan
Kajian tentang realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju	106	3.72	0.7812	30

Sumber : Borang Soal Selidik

Taburan min yang ditunjukkan iaitu 3.72 menunjukkan bahawa ia berada pada jujukan 3 yang menunjukkan bahawa responden tidak pasti bahawa Melaka adalah sebuah negeri maju menerusi indikator-indikator yang terdapat dalam sebuah negeri maju. Namun demikian wujudnya kecenderungan kepada responden untuk mengatakan bahawa Melaka adalah sebuah negeri maju kerana nilai 3.72 itu lebih hampir kepada jujukan 4 yang menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa negeri Melaka adalah sebuah negeri maju. Statistik ini membuktikan bahawa kemajuan yang telah dicapai oleh negeri Melaka pada 2010 ini masih baru lagi keadaannya.⁵ Sehubungan dengan itu, ia mempengaruhi data ini yang mencatatkan min 3.72. Pengkaji optimis, jika kajian tentang realiti Melaka sebagai negeri maju ini dilakukan pada masa akan datang, ia mampu mencatatkan min yang lebih tinggi memandangkan negeri Melaka masih berterusan memajukan indikator-indikatornya sebagai sebuah negeri maju.

⁵ Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh OECD, pendapatan per kapita untuk negeri Melaka pada 2010 adalah USD 14,261 lebih tinggi berbanding Turki yang mencatatkan USD 13,00. Rujuk Abdul Razak Chik (ed.), *op.cit.* h. 49

Manakala nilai sisihan piawai yang besar menunjukkan bahawa taburan data keseluruhan bagi objektif yang pertama ini adalah luas dan markahnya terserak daripada min kumpulan tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa markah bagi data keseluruhan bertaburan secara tidak seragam. Hal ini bermaksud bahawa markah yang diperoleh daripada responden adalah terserak secara rawak. Markahnya juga didapati lebih pelbagai dan bukan berpusat di sekitar ukuran kecenderungan memusat mahupun terkumpul pada satu titik sahaja. Jika nilai min dijadikan ukuran untuk mengesahkan dapatan kajian ini, ia dilihat memadai kerana min yang diperolehi lebih menjurus kepada bersetuju bahawa Melaka secara realitinya adalah sebuah negeri maju.

Dalam bahagian ini, akan diperincikan tentang keputusan statistik deskriptif untuk melihat taburan min dan sisihan piawai bagi setiap indikator yang terkandung di dalam setiap objektif yang ingin dikaji. Terdapat enam kriteria yang terkandung dalam objektif pertama ini iaitu kajian tentang realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju. Kriteria-kriteria tersebut ialah kriteria sosial, kriteria pentadbiran kerajaan, kriteria politik, kriteria ekonomi, kriteria pembangunan modal insan dan kriteria maju dari perspektif Islam.

Jadual 4.7: Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Sosial

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Taraf kemiskinan rendah	3.74	0.989
Kadar pengangguran rendah	3.58	1.003
Jangka hayat tinggi	3.74	0.832
Taraf kesihatan rakyat baik	3.79	0.983
Kadar jenayah rendah	3.48	1.123

Sumber : Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual di atas, daripada kelima-lima indikator yang terkandung dalam kriteria sosial, didapati responden bersetuju bahawa untuk mengenalpasti realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju, taraf kesihatan rakyat semakin baik kerana mencatatkan skor min yang tertinggi iaitu 3.79 dengan sisihan piawai 0.983. Manakala, indikator

kadar jenayah rendah mencatatkan skor min terendah iaitu 3.48 dengan sisihan piawainya 1.123.

Rata-rata responden bersetuju bahawa indikator taraf kesihatan rakyat semakin baik adalah indikator utama untuk mengenalpasti realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju melalui kriteria sosial. Peningkatan taraf kesihatan rakyat menunjukkan bahawa perkhidmatan perubatan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan semakin baik dan berkesan. ⁶ Dalam menghuraikan perkara ini, pengkaji berpendapat bahawa taraf kesihatan yang baik adalah jaminan terbaik untuk mengklasifikasikan majunya sesebuah negeri itu. Buktinya di negeri Melaka, taraf kehidupan rakyatnya adalah baik menerusi kadar kelahiran yang tinggi selain daripada kewujudan hospital-hospital dan pusat perubatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan yang baik. Menurut Penolong Pengarah, Bahagian Rumahku Syurgaku dalam kajian yang dilakukan oleh Universiti Teknologi MARA, terdapat seramai 81.5% penduduk Melaka berpendapat bahawa negeri Melaka adalah sebuah negeri yang maju. ⁷ Hal ini disokong oleh Yang Di Pertua ABIM, Melaka yang bersetuju menyatakan bahawa negeri Melaka adalah sebuah negeri maju namun perlu kepada beberapa pendekatan yang melayakkannya sebagai sebuah negeri yang benar-benar maju kerana kemajuan sesebuah negeri itu tidak seharusnya melibatkan pengorbanan pembangunan khususnya dalam pembangunan belia. ⁸ Manakala bagi Penolong Pengarah Unit Takmir Masjid JAIM pula, optimis mengatakan bahawa Melaka sudah mencapai taraf negeri maju berdasarkan 11 indikator yang telah disasarkan. ⁹ Ertinya secara zahirnya, Melaka sudah mencapai status negeri maju.

⁶ Jika dinilai dari sudut kesihatan ini, bilangan hospital yang menawarkan perkhidmatan di negeri ini amat baik melalui penubuhan 9 buah hospital yang berperanan menjamin kelangsungan kesihatan yang baik. Rujuk data bilangan hospital dan prasarana yang disediakan dalam Data Kesihatan Negeri Melaka 2009.

⁷ Bazri Abu Bakar, Penolong Pengarah, Bahagian Rumahku Syurgaku. temubual pada 22 Mac 2012

⁸ Fadzal Adly Jaafar, Yang di Pertua, ABIM, Melaka. temubual pada 20 Mac 2012

⁹ Md. Khairulzaki Misbah, Penolong Pengarah Unit Takmir Bahagian Pengurusan Masjid JAIM. temubual pada 13 Mac 2012

Jadual 4.8 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Pentadbiran Kerajaan

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Kemapanan pentadbiran kerajaan negeri	3.87	0.874
Ketelusan pentadbiran	3.61	1.038
Rasuah sifar	3.06	1.170
Penggunaan ICT baik dalam pentadbiran	3.78	0.946
Sistem penyampaian baik	3.77	0.979

Sumber : Borang Soal Selidik

Bagi kriteria pentadbiran kerajaan pula, skor min yang tertinggi dicatatkan oleh kemapanan pentadbiran kerajaan negeri iaitu sebanyak 3.87 dan sisihan piawainya 0.874. Nilai skor min yang sederhana ditunjukkan oleh indikator sistem penyampaian yang baik dengan skor min 3.87 serta nilai sisihan piawainya 0.979. Manakala, nilai terendah pula ditunjukkan oleh indikator rasuah sifar dengan skor minnya 3.06 dan sisihan piawainya 1.170.

Pentadbiran kerajaan negeri dilihat semakin cekap dan efisien. Pelbagai usaha untuk memantapkan pentadbiran telah dilakukan bagi memastikan kemampuannya sebagai sebuah negeri maju. Buktinya apabila kerajaan Negeri Melaka telah melakukan pelbagai usaha untuk memantapkan pentadbiran kerajaan menerusi pengwujudan pihak berkuasa tempatan yang baru iaitu Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan juga menaik taraf Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ).¹⁰ Tujuannya adalah untuk memperkukuhkan pentadbiran kerajaan di peringkat daerah agar efisien dan sistematik. Menurut Penolong Pengarah Bahagian Rumahku Syurgaku, dalam membincangkan kemajuan sesebuah negeri, negeri Melaka telah mengikuti 32 indikator yang menjadi asas ukuran negeri maju berdasarkan OECD dan salah satu indikatornya ialah pengurangan indeks rasuah.¹¹ Inilah yang menjadi teras kemajuan dalam konteks maju

¹⁰ Bukti menunjukkan bahawa dengan kemapanan pentadbiran dan politik di Melaka telah membantu beberapa kerajaan tempatan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan mereka untuk melayakkan negeri Melaka maju dari segi politiknya. Rujuk Direktorat Pelaksanaan Negeri, *op.cit.* h. 92

¹¹ Bazri Abu Bakar, Penolong Pengarah, Bahagian Rumahku Syurgaku. temubual pada 22 Mac 2012

dari sudut pentadbiran kerajaan. Bagi Penolong Mufti Negeri Melaka beliau berpendapat bahawa dari sudut pentadbiran kerajaan untuk mencapai taraf maju, ia perlu kepada penggunaan ICT yang meluas agar maklumat kerajaan dapat disampaikan dengan jayanya.¹²

Jadual 4.9 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Politik

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Sokongan padu rakyat pada pucuk pimpinan negeri	3.72	1.012
Keluhuran demokrasi	3.63	1.124
Kestabilan politik	3.81	0.937
Kekerapan pemimpin turun padang	3.87	1.005
Perkongsian kuasa yang jelas dan teratur	3.64	1.016

Sumber : Borang Soal Selidik

Dari segi kriteria politik pula, rata-rata responden bersetuju bahawa kekerapan pemimpin turun padang menjadi kriteria utama dalam menentukan realiti Melaka sebagai negeri maju. Nilai min yang dicatatkan bagi indikator ini adalah 3.87 dengan sisihan piawai 1.005. Keluhuran demokrasi pula dipilih sebagai kriteria politik yang terendah dengan nilai skor minnya 3.63 dan sisihan piawai 1.124.

Pemimpin yang enggan turun padang bagi melihat realiti kehidupan rakyat yang sebenar akan dianggap sebagai pemimpin yang tidak mempunyai tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Pemimpin seharusnya mempunyai sifat bertanggungjawab dan penyayang terhadap keseluruhan rakyatnya kerana kepercayaan yang diberikan oleh rakyatlah yang menyebabkan seseorang pemimpin itu berada di tampuk kepimpinan. Di Melaka, budaya kerap turun padang yang diamalkan khususnya yang melibatkan YAB Ketua Menteri telah banyak menjayakan misi dan visi kerajaan Melaka.¹³ Melalui program bersama rakyat ini, masyarakat dapat memahami aspirasi dan wawasan kerajaan negeri yang mahukan rakyat dan negeri maju. Tambahan pula, dari segi

¹² Mohd. Nazri Abdul Majid, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Melaka. temubual pada 22 Mac 2012.

¹³ Melalui budaya turun padang ini, ukuran untuk mengukur kemajuan dari sudut politik ialah dengan statistik kecekapan kerajaan yang ditunjukkan pada 2008 adalah 86.7% berbanding 82.9% pada 2007. Rujuk Unit Perancang Ekonomi Negeri, *op.cit.* h. 102

geografi, Melaka merupakan sebuah negeri yang kecil dan ia memudahkan pemimpin negeri untuk melakukan program turun padang ini untuk menjayakan misi untuk mencapai taraf dan status sebuah negeri maju. Menurut Ketua Penolong Pengarah (Dakwah) JAIM yang juga bekas Setiausaha MAIM, faktor pemimpin kerap turun padang dilihat sangat penting dalam konteks negeri maju kerana pemimpin negeri dapat menyampaikan maklumat kerajaan dengan baik. Inilah yang telah dilakukan oleh pemimpin di negeri Melaka khususnya YAB Datuk Seri Mohd. Ali Rustam selaku Ketua Menteri Melaka. ¹⁴ Kesannya masyarakat melihat, ia sebagai satu langkah proaktif untuk menjadikan negeri Melaka ini maju dari sudut politiknya.

Jadual 4.10 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Ekonomi

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Sektor pekerjaan yang banyak dan pelbagai	4.00	0.730
Pertumbuhan ekonomi pesat	3.89	0.898
Pelaburan asing tinggi	3.86	0.833
Kepesatan perindustrian yang tinggi	3.90	0.827
Kepesatan industri pelancongan	4.30	0.620

Sumber : Borang Soal Selidik

Majoriti responden bersetuju bahawa kepesatan industri pelancongan menunjukkan realiti Melaka sebagai negeri maju. Nilai skor min yang dicatatkan oleh indikator ini ialah 4.30 dengan nilai sisihannya 0.620. Diikuti oleh indikator sektor pekerjaan yang banyak dan pelbagai dengan nilai skor minnya 4.00 dan nilai sisihan piawai 0.739. Kesemua indikator ini mencatatkan nilai skor min yang agak tinggi walaupun nilai yang terendah sekali.

Melaka sememangnya terkenal sebagai salah sebuah industri pelancongan yang terkemuka di Malaysia. Jumlah kemasukan pelancong ke negeri ini dilihat mencatatkan peningkatan saban tahun. Seperkara yang perlu diketahui bahawa industri pelancongan

¹⁴ Abd. Halim b. Tawil, Ketua Penolong Pengarah (Dakwah), JAIM dan mantan Setiausaha MAIM . temubual pada 14 Mac 2012.

merupakan sumber pendapatan yang telah menjana ekonomi negeri Melaka.¹⁵ Dengan penyediaan produk pelancongan bertaraf dunia, industri pelancongan telah menyumbang pendapatan kepada negeri Melaka. Ini dibuktikan dengan peratusan kedatangan pelancong ke Melaka berjumlah 8.9 juta orang pada 2009 dengan pertambahan 23.59%. Perangkaan ini menunjukkan bahawa industri pelancongan memainkan peranan besar dalam menjamin kemajuan negeri Melaka ini.¹⁶

Bagi Setiausaha Kerja PERKIM Melaka, beliau amat bersetuju bahawa industri pelancongan adalah kriteria utama dari sudut ekonomi kerana ia telah mendatangkan hasil yang tinggi buat negeri Melaka.¹⁷ Manakala Penolong Mufti Negeri Melaka pula, melihat peningkatan pendapatan dan ekonomi yang pesat merupakan indikator maju dari aspek ekonomi.¹⁸

Jadual 4.11 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Pembangunan Modal Insan

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Pembangunan belia yang baik	3.69	0.930
Pembangunan wanita yang baik	3.75	0.957
Pembangunan pendidikan yang baik	3.89	0.747
Amalan integriti yang baik di kalangan pekerja	3.66	0.975
Pengangguran yang minimum	3.51	0.978

Sumber : Borang Soal Selidik

Bagi kriteria pembangunan modal insan, pengangguran yang minimum dilihat paling rendah skor minnya iaitu 3.51 beserta sisihan piawai 0.978 berbanding dengan indikator-indikator lain dalam kriteria pembangunan modal insan ini. Manakala, indikator pembangunan wanita yang baik mencatatkan nilai skor min yang sederhana iaitu 3.75 dengan sisihan piawai 0.957.

¹⁵ Misalnya pada 2005, industri pelancongan di Melaka telah menyumbang RM 2.2 bilion untuk menjana pendapatan negeri Melaka dan ia meningkat saban tahun. Rujuk Baharudin Yusof, *op.cit.* h. 6

¹⁶ Rujuk Hanita Hassan, *op.cit.* h. 45

¹⁷ Ruqiyah Sungip, Setiausaha Kerja PERKIM, Melaka. temubual pada 26 Mac 2012.

¹⁸ Mohd. Nazri Abdul Majid, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Melaka. temubual pada 22 Mac 2012

Pembangunan pendidikan yang baik dilihat sebagai indikator utama dalam mengenalpasti realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju melalui kriteria pembangunan modal insan. Pendidikan merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan hala tuju masyarakat. Skor min yang ditunjukkan untuk sektor pendidikan ialah 3.89 dan ia berada dalam jujukan yang lebih cenderung kepada setuju bahawa dari sudut pembangunan modal insan, kriteria pendidikan memainkan peranan yang besar.¹⁹ Pengkaji optimis dengan perkara ini, memandangkan sektor pendidikan telah diletakkan sebagai sasaran untuk mencapai taraf negeri maju. Sasaran kerajaan negeri ialah pada tahun 2010, disasarkan seramai 100,000 pelajar untuk pengajian tinggi di Melaka. Perangkaan yang dicatatkan pada tahun 2009, seramai 65530 orang pelajar telah mengikuti pengajian tinggi di Melaka. Ertinya 65% sasaran untuk mencapai sasaran sebenar telah dapat dicapai.

Dalam kriteria ini, pelbagai pendapat dapat dikumpulkan. Bagi Yang Di Pertua ABIM Melaka, beliau menyatakan dalam konteks pembangunan modal insan pembangunan belia perlu diberi perhatian disebabkan ia berkaitan dengan pembinaan akhlak.²⁰ Bagi Penolong Pengarah Unit Takmir JAIM pula berpendapat bahawa dalam konteks pembangunan modal insan ia perlu kepada kriteria pendidikan dari sudut perkembangan ilmu pengetahuan.²¹

Jadual 4.12: Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kriteria Maju Dari Perspektif Islam

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Kurangnya jenayah syariah	3.09	1.117
Aktiviti dakwah yang pesat	3.76	1.000
Wujudnya institusi dakwah yang aktif	3.80	0.877
Penubuhan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)	3.78	0.946
Pembangunan institusi Islam yang positif	3.87	0.874

Sumber : Borang Soal Selidik

¹⁹ Berkaitan pendidikan, pengkaji melihat aspek celik huruf yang tinggi wajar dilihat sebagai indikator untuk menilai kemajuan dari aspek pendidikan. Pada 2007 kadar celik huruf 96.03% manakala pada 2008 ia meningkat pada 98.86%. Rujuk Data Pendidikan, Jabatan Pelajaran Melaka 2009.

²⁰ Fadzal Adly Jaafar, Yang di Pertua, ABIM, Melaka. temubual pada 20 Mac 2012.

²¹ Md. Khairulzaki Misbah, Penolong Pengarah Unit Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid JAIM. temubual pada 13 Mac 2012.

Bagi kriteria terakhir untuk mengenalpasti realiti Melaka sebagai negeri maju iaitu kriteria maju dari perspektif Islam, indikator yang mencatatkan nilai min tertinggi ialah pembangunan institusi Islam yang positif.²² Nilai minnya ialah 3.87 dengan sisihan piawai 0.874. Nilai min terendah pula dicatatkan oleh indikator kurangnya jenayah syariah dengan nilai sebanyak 3.09 beserta sisihan piawainya 1.117. Menurut Setiausaha Kerja PERKIM Melaka, kemajuan dari sudut Islam dapat dilihat dengan berkembangnya maahad-maahad tahfiz yang ditaja oleh pihak kerajaan negeri mahu pun badan-badan bukan kerajaan.²³ Baginya ia penting kerana ia berperanan sebagai satu usaha dakwah yang positif di dalam sebuah negeri maju. Sehubungan dengan itu pembangunan institusi Islam di negeri maju harus diberikan sokongan agar ia dapat menjalankan kerja-kerja dakwah yang memberi manfaat besar kepada ummah dan hala tuju Islam itu sendiri.

Pembangunan institusi Islam di negeri Melaka semakin meningkat dan disambut positif oleh segenap anggota masyarakat. Dalam membincangkan perkara ini, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan institusi Islam di Melaka berada pada landasan yang baik. Buktinya dengan penubuhan beberapa institusi Islam oleh kerajaan negeri untuk memperkasakan Islam dan dakwah. Contohnya seperti penubuhan Bahagian Rumahku Syurgaku, Jabatan Ketua Menteri, Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) yang memainkan peranan dalam mengembangkan dakwah bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi peringkat global khususnya serantau. Selain daripada itu, pembinaan masjid yang banyak disokong dengan program-program dakwahnya. Kesemuanya ini menunjukkan bahawa, kemajuan dari perspektif Islam ini dapat dilihat

²² Perbincangan tentang perkara ini, pengkaji melihat melalui prestasi pungutan zakat yang positif. Pada 2008 kutipan berjumlah RM26,905,934.29 manakala pada 2009 pula ia berjumlah RM 30, 723, 139.52. Rujuk Data Asas Melaka Bandaraya Bersejarah, *op.cit.* h. 54

²³ Ruqiyah Sungip, Setiausaha Kerja PERKIM, Melaka. temubual pada 26 Mac 2012.

melalui pembuktian pembangunan institusi Islam khususnya institusi dakwah di Melaka.

4.3.2 Analisa Kajian Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.

Jadual berikut menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi objektif yang kedua iaitu kajian tentang cabaran pengurusan dakwah di negeri maju.

Jadual 4.13 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kajian Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Objektif	n	Min	Sisihan Piawai	Bil. Soalan
Kajian tentang cabaran pengurusan dakwah di negeri maju	106	4.09	0.5636	25

Sumber : Borang Soal Selidik

Taburan min yang ditunjukkan iaitu 4.09 menunjukkan bahawa ia berada pada jujukan 4 yang menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa terdapatnya cabaran pengurusan dakwah di negeri maju.

Nilai sisihan piawai bagi objektif kedua ini menunjukkan bahawa taburan data keseluruhan adalah baik kerana nilai sisihan dan serakan markah daripada min kumpulannya adalah kecil. Ini bermaksud, markah yang diperoleh responden adalah lebih seragam (kurang rawak) berbanding dengan taburan data bagi objektif yang pertama. Serakan markahnya juga kurang luas dan pelbagai jika dibandingkan dengan serakan markah bagi objektif yang pertama. Melalui dapatan kajian ini, min yang dicatatkan iaitu 4.09 membuktikan bahawa responden bersetuju bahawa adanya cabaran bagi pengurusan dakwah di negeri maju yang melibatkan pelbagai indikator. Sehubungan dengan itu, setiap institusi dakwah yang menjalankan kerja-kerja dakwah

perlu melihat tentang cabaran ini supaya matlamat dakwah yang hendak disampaikan dapat dicapai

Bagi objektif kedua iaitu objektif yang menyentuh mengenai cabaran pengurusan dakwah di negeri maju, terdapat lima jenis cabaran yang telah disenarai pendek oleh pengkaji. Kelima-lima cabaran tersebut merangkumi cabaran untuk mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien, cabaran untuk menyediakan golongan pendakwah yang profesional, cabaran menyediakan kewangan yang kukuh, cabaran mewujudkan program dakwah yang berkualiti serta cabaran menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju.

Jadual 4.14 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Mewujudkan Institusi Dakwah Yang Dinamik Dan Efisien

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Institusi dakwah yang berdaya saing	3.87	0.874
Kekerapan campur tangan politik	3.60	1.084
Bersikap positif	3.96	0.716
Kurangnya birokrasi	3.88	0.902
Dasar Islam menjadi teras institusi dakwah	4.22	0.730

Sumber : Borang Soal Selidik

Rata-rata responden berpendapat bahawa cabaran utama dalam mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien ialah untuk menjadikan Dasar Islam sebagai teras institusi dakwah. ²⁴ Nilai skor min yang dicatatkan ialah 4.22 dan nilai sisihan piawainya ialah 0.730. Manakala, indikator kekerapan campur tangan politik dilihat sebagai cabaran yang paling rendah kerana mencatatkan nilai skor min yang terendah iaitu 3.60 dengan nilai sisihan piawainya 1.084.

Bagi membincangkan cabaran mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien, responden menyatakan bahawa untuk menjadikan Islam sebagai teras institusi

²⁴ Ia merupakan satu perkara yang mencabar apabila Islam dijadikan teras dalam institusi dakwah di negeri maju. Rujuk Abdul Ghafar Don, (2010), *op.cit.* h. 1

dakwah adalah cabaran terbesar. Ini disebabkan bahawa suasana persekitaran institusi dakwah memainkan peranan yang besar dalam menjamin kelangsungan dakwah yang perlu dijalankan. Responden bersetuju bahawa untuk menjadikan Islam sebagai dasar dan teras adalah suatu perkara yang mencabar dalam mewujudkan sebuah institusi dakwah yang dinamik dan efisien. Bagi Yang Di Pertua ABIM Melaka, beliau berpendapat cabaran utama dalam perkara ini ialah apabila pandangan masyarakat terhadap gerakan Islam yang dikatakan lebih condong menyokong parti pembangkang hanya kerana berkongsi agenda iaitu ke arah membina individu, keluarga, masyarakat dan negara Islam.²⁵ Hasilnya ia akan menjadikan kerja-kerja dakwah terhenti disebabkan wujudnya persepsi berkenaan. Inilah cabaran yang dihadapi oleh gerakan-gerakan dakwah di negeri maju khususnya di Melaka. Bagi Penolong Pengarah Unit Takmir JAIM pula, beliau menyatakan bahawa cabaran dalam isu ini ialah berhubung tahap kolaborasi pengurusan dakwah yang efisien dalam pengurusan dakwah yang perlu diperkembangkan.²⁶ Ia penting bagi menjamin kelangsungan dalam gerakan dakwah di negeri maju.

Jadual 4.15: Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Menyediakan Golongan Pendakwah Yang Profesional

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Penguasaan metod dakwah yang baik	3.93	0.929
Penekanan sikap positif di kalangan pendakwah	4.11	0.832
Anjakan paradigma di kalangan pendakwah	4.14	0.749
Integriti menjadi asas	4.15	0.881
Menangani halangan dan hambatan dakwah dengan hikmah	4.11	0.772

Sumber : Borang Soal Selidik

Cabaran yang kedua iaitu cabaran menyediakan golongan pendakwah yang profesional menunjukkan indikator penguasaan metod dakwah yang baik sebagai cabaran yang paling rendah dengan nilai skor minnya 3.93 dan sisihan piawai 0.929. Manakala,

²⁵ Fadzal Adly Jaafar, Yang di Pertua, ABIM, Melaka. temubual pada 20 Mac 2012.

²⁶ Md. Khairulzaki Misbah, Penolong Pengarah Unit Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIM. temubual pada 13 Mac 2012.

cabaran yang meletakkan integriti menjadi asas mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.15 dengan nilai sisihan 0.881.

Perkara berkaitan integriti sering dibincangkan dalam perkhidmatan sesebuah institusi dan organisasi.²⁷ Oleh itu, untuk menjadikan integriti sebagai asas bagi diri pendakwah dilihat sebagai satu cabaran yang besar. Ini disebabkan rata-rata pendakwah yang bernaung di bawah sesebuah institusi berhadapan dengan karenah birokrasi peraturan dan perintah am kerajaan. Lantaran, aspek integriti adalah satu cabaran yang harus dilihat peranannya dalam diri pendakwah. Dalam perkara ini, bagi Penolong Pengarah Bahagian Rumahku Syurgaku, beliau berpendapat bahawa salah satu cabaran pengurusan dakwah ialah apabila wujudnya sikap segelintir individu yang terlibat dengan masalah penyelewengan, salah guna kuasa, ketidakcekapan dalam sistem penyampaian.²⁸ Hasilnya institusi dakwah tidak dapat menjalankan kerja-kerja dakwah disebabkan isu-isu tersebut yang menjadi cabaran kepada pengurusan dakwah di negeri maju.

Jadual 4.16 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Menyediakan Kewangan Yang Kukuh

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Suntikan dana kerajaan yang berterusan	4.08	0.933
Badan korporat terlibat dalam penyediaan dana	3.94	1.022
Institusi dakwah kreatif dalam mendapatkan dana	3.96	0.894
Audit kewangan dalam institusi dakwah	4.11	0.797
Kewangan diuruskan secara berhemah	4.08	0.963

Sumber : Borang Soal Selidik

Menerusi cabaran menyediakan kewangan yang kukuh, cabaran audit kewangan dalam institusi dakwah menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.11 dengan sisihan piawai

²⁷ Rujuk Qaradāwī, Yūsuf al, (1995), *op.cit.* h. 150-152 yang menyatakan bahawa untuk melihat kemajuan yang sebenar ia memerlukan kemajuan dari aspek spiritual yang merangkumi keagamaan dan kerohanian menerusi akhlak yang baik.

²⁸ Bazri Abu Bakar, Penolong Pengarah, Bahagian Rumahku Syurgaku. temubual pada 22 Mac 2012.

0.797. Namun begitu, cabaran memperoleh dana dari badan korporat menunjukkan nilai min yang terendah iaitu 3.94 beserta nilai sisihan piawai 1.022.

Bagi cabaran menyediakan kewangan yang kukuh, audit kewangan dalam institusi dakwah dilihat adalah cabaran utama.²⁹ Dalam perkara ini, aspek kewangan adalah aspek terpenting dalam operasi sesebuah institusi. Tanpanya program dan aktiviti tidak dapat dijalankan. Sehubungan dengan itu, pengauditan kewangan dilihat adalah cabaran yang besar kerana kebanyakan institusi dakwah banyak bergantung kepada dana dan sumber kewangan dari pelbagai pihak sama ada kerajaan dan badan bukan kerajaan. Lantaran ia adalah satu cabaran kerana sumber kewangan yang diperolehi itu, perlu diaudit untuk pengesahan. Tidak dinafikan bahawa aspek kewangan adalah cabaran terbesar bagi pengurusan dakwah lebih-lebih di negeri maju. Hujah ini disokong kuat oleh Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasaan) JAIM yang beranggapan bahawa kekangan dari sudut kewangan adalah cabaran yang besar yang perlu dihadapi oleh setiap institusi dakwah khususnya dalam melaksanakan program-program dakwah.³⁰ Perkara ini turut dinyatakan Penolong Mufti Negeri Melaka yang berpendirian bahawa penyediaan sumber kewangan yang kukuh adalah salah satu cabaran yang harus dipikul oleh setiap institusi dakwah.³¹

Jadual 4.17 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Mewujudkan Program Dakwah Yang Berkualiti

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Penggunaan teknologi maklumat diutamakan	4.25	0.659
Metode dakwah yang sesuai dalam program dakwah	4.23	0.784
Keberkesanan program dakwah sering dinilai	4.12	0.870
Penglibatan ahli akademik	4.19	0.841
Sifar birokrasi	3.95	0.970

Sumber : Borang Soal Selidik

²⁹ Rujuk Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), *op.cit.* h. 27 yang menyatakan cabaran dalam melaksanakan program dakwah selalunya melibatkan kewangan menerusi promosi dan pengurusan penganjuran.

³⁰ Rahimin Bani, Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasaan) JAIM. temubual pada 13 Mac 2012.

³¹ Mohd. Nazri Abdul Majid, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Melaka. temubual pada 22 Mac 2012.

Terdapat lima cabaran dalam mewujudkan program dakwah yang berkualiti. Daripada kelima-lima cabaran tersebut, indikator penggunaan teknologi maklumat diutamakan dicatatkan sebagai penyumbang utama bagi cabaran ini dengan nilai min 4.25 dan sisihan piawai 0.659. Sebaliknya, cabaran untuk memastikan sifar birokrasi dilihat penyumbang terakhir dalam kelompok cabaran ini dengan nilai minnya yang rendah iaitu 3.95 dan sisihan piawai 0.970.

Dalam perbincangan berkaitan perkara ini, memang tidak dapat dinafikan bahawa dunia kini maju seiring dengan teknologi komunikasi dan maklumatnya. Min yang ditunjukkan adalah tinggi nilainya dan berada dalam jujukan setuju. Ertinya responden bersetuju bahawa cabaran teknologi maklumat dalam program-program dakwah adalah satu perkara yang harus diberi perhatian.³² Bagi Penolong Pengarah Bahagian Rumahku Syurgaku, beliau berpendapat bahawa pengaruh media massa, alat komunikasi dan laman sosial yang menyebarkan maklumat tanpa had dan batas syarie menjadi cabaran kepada institusi dakwah dalam merangka dan melaksanakan program dakwah.³³ Ertinya setiap pengurusan institusi dakwah di negeri maju harus peka dengan cabaran dalam mewujudkan program berkualiti melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini. Bagi Setiausaha Kerja PERKIM Melaka pula, beliau menyatakan cabaran dalam aspek ini ialah berkaitan tiadanya mereka yang berkemahiran dalam kerja-kerja dakwah khususnya penglibatan anak tempatan.³⁴ Natijahnya ia memberi kes yang negatif dalam tugas dakwah yang dilaksanakan.

³² Rujuk Zulkiple Abd. Ghani (1999), *op.cit.* h. 25 yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi maklumat yang minimum mampu memberikan kuantiti yan minimum terhadap usaha-usaha dakwah.

³³ Bazri Abu Bakar, Penolong Pengarah, Bahagian Rumahku Syurgaku. temubual pada 22 Mac 2012.

³⁴ Ruqiyah Sungip, Setiausaha Kerja PERKIM, Melaka. temubual pada 26 Mac 2012.

Jadual 4.18 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Cabaran Menjadikan Islam Sebagai Indikator Negeri Maju

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Islam sebagai kriteria utama negeri maju	4.28	0.837
Aqidah asas utama kemajuan	4.42	0.743
Ibadat elemen pelaksanaan kemajuan	4.38	0.723
Akhlahk mekanisme utama penanda aras kemajuan	4.41	0.753
Melaka ikon negeri maju berwadiah Islam	3.96	1.068

Sumber : Borang Soal Selidik

Mengikut cabaran menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju, didapati bahawa indikator aqidah asas utama kemajuan mencatatkan nilai skor min tertinggi dengan nilai 4.42 dan nilai sisihan piawainya 0.743. Manakala, indikator akhlak mekanisme utama penanda aras kemajuan pula mencatatkan nilai min yang tidak jauh beza dengan indikator yang pertama iaitu dengan bezanya sebanyak 0.01 menjadikan nilainya 4.41. Nilai sisihan piawainya pula adalah 0.753.

Sebenarnya, Islam adalah kemajuan berdasarkan prinsip dan dasar yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Namun kemajuan yang dituntut oleh Islam perlu memenuhi kriteria yang khusus. Sehubungan dengan itu, responden bersetuju menyatakan bahawa menjadikan aqidah sebagai asas kemajuan adalah cabaran dalam menjadikan sesebuah negeri itu maju dan tidak semestinya maju dari aspek lahiriah dan fizikal menerusi indikator negeri maju yang diterapkan oleh Barat.³⁵ Menurut Penolong Mufti Negeri Melaka cabaran dari sudut ini melibatkan usaha-usaha musuh-musuh Islam yang menjajah budaya dan pemikiran umat Islam melalui usaha Kristianisasi, ajaran sesat, pengaruh Syiah, fahaman Wahabi serta golongan yang suka membid'ahkan perkara-perkara *furū'*.³⁶ Inilah cabaran setiap institusi dakwah dalam usaha mereka untuk menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju.

³⁵ Rujuk Muhammad Syukri Salleh (1990), *op.cit.* h. xii yang menyatakan bahawa asas dalam pembangunan atau kemajuan perlu kepada asas tauhid iaitu hubungan antara manusia dengan Allah

³⁶ Mohd. Nazri Abdul Majid, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Melaka. temubual pada 22 Mac 2012.

4.3.3 Analisa Kajian Tentang Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.

Jadual berikut menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi objektif ketiga iaitu kajian tentang masalah pengurusan dakwah di negeri maju. Dapatan kajian ini dilihat mampu memberi *input* yang berguna kepada institusi dakwah di dalam negeri maju supaya dapat menjadikan permasalahan ini sebagai pemangkin kepada mereka untuk mengorak langkah yang lebih positif dalam menjalankan kerja-kerja dakwah mereka.

Jadual 4.19 : Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kajian Tentang Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Objektif	n	Min	Sisihan Piawai	Bil. Soalan
Kajian tentang masalah pengurusan dakwah di negeri maju	106	3.70	0.522	25

Sumber : Borang Soal Selidik

Taburan min yang ditunjukkan iaitu 3.70 menunjukkan bahawa ia berada pada jujukan 3 yang menunjukkan bahawa responden tidak pasti bahawa terdapatnya masalah pengurusan dakwah di negeri maju. Namun demikian, nilai 3.70 itu menunjukkan wujud kecenderungan di kalangan responden bahawa terdapatnya masalah dalam pengurusan dakwah di negeri maju cuma nilai tersebut tidaklah besar julatnya berbanding dengan dua objektif yang awal.

Nilai sisihan piawai bagi objektif ketiga ini adalah lebih kecil berbanding kedua-dua objektif sebelum ini. Hal ini menunjukkan bahawa taburan data keseluruhan bagi objektif yang terakhir ini adalah lebih seragam berbanding dengan objektif yang pertama dan kedua. Markah yang dicatatkan oleh setiap responden juga kurang rawak jika hendak dibandingkan dengan objektif-objektif terdahulu. Namun dari sudut kejituan

soalan yang dikemukakan, ia menunjukkan dapatan kajian yang boleh dipercayai kerana nilai 0.522 menggambarkan bahawa responden secara asasnya melihat adanya masalah dalam pengurusan dakwah di negeri maju kerana nilai itu menunjukkan penumpuan responden terhadap masalah-masalah yang dikemukakan adalah tinggi.

Objektif seterusnya dalam kajian ini berkenaan dengan masalah pengurusan dakwah di negeri maju. Seperti mana objektif yang terdahulu berhubung cabaran, objektif ketiga ini juga menyatakan lima jenis masalah yang wujud dalam pengurusan dakwah di negeri Melaka. Masalah-masalah tersebut adalah masalah perancangan pengurusan, masalah kewangan, masalah pertembungan dasar institusi dakwah, masalah persaingan daripada misionari Kristian dan terakhir, masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam atau *de-islamisasi*.

Jadual 4.20: Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Perancangan Pengurusan

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Banyak berlaku pertembungan program	3.68	0.921
Tiada penyelarasan penganjuran program antara unit	3.57	0.926
Perancangan program tidak sistematik	3.51	0.918
Program dianjurkan tidak mendapat sambutan	3.21	1.093
Prasarana tidak mencukupi untuk menampung peserta	3.25	1.043

Sumber : Borang Soal Selidik

Rata-rata responden berpendapat bahawa salah satu masalah utama perancangan pengurusan ialah banyak berlakunya pertembungan program. Indikator ini menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 3.68 dengan nilai sisihan piawai 0.921. Seterusnya, masalah kedua ialah tiada penyelarasan penganjuran program antara unit dengan nilai sisihan piawai 0.926 dan nilai min 3.57. Namun begitu, masalah program dianjurkan tidak mendapat sambutan menyumbang nilai min yang terkecil iaitu hanya 3.21 dan nilai sisihan piawainya 1.093.

Tidak dapat dinafikan bahawa di negeri Melaka, terdapat banyak institusi dakwah yang berpotensi dan menyumbang kepada pengembangan dakwah di negeri ini. Namun masalah yang timbul, apabila banyak program yang dirancang oleh sesebuah institusi tersebut bertembung atau bertindan antara satu sama lain.³⁷ Inilah yang dilihat sebagai salah satu masalah yang timbul dalam masalah perancangan pengurusan bagi sesebuah institusi dakwah. Menurut Penolong Mufti Negeri Melaka antara masalah berhubung dengan perancangan pengurusan ialah organisasi dakwah yang tidak mantap dalam melaksanakan program-program dakwah.³⁸ Kesannya ia tidak mencapai matlamat dakwah yang disasarkan. Ia diperkukuhkan lagi sekiranya pelaksana program-program dakwah tidak bersikap telus dan mempunyai niat yang ikhlas serta mempunyai agenda lain dalam menjalankan tugas-tugas mereka.³⁹ Lantaran daripada itu, ia akan memberikan kesan yang negatif kepada institusi dakwah dalam melaksanakan dan menjayakan sesebuah program dakwah jika tiada perancangan yang khusus dan sistematik.

Jadual 4.21: Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Kewangan

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Tiada peruntukan kewangan yang mencukupi	3.82	0.871
Dana kerajaan terbatas	3.75	1.012
Badan korporat bersikap dingin terhadap program	3.74	0.887
Ketirisan dalam pengurusan kewangan	3.54	0.938
Kos semakin meningkat	4.02	0.743

Sumber : Borang Soal Selidik

Masalah kewangan utama yang dilihat ialah melalui peningkatan kos. Nilai min yang ditunjukkan mencatatkan nilai tertinggi berbanding dengan masalah-masalah kewangan yang lain iaitu 4.02 dan nilai sisihan piawainya 0.743. Sebaliknya, masalah ketirisan dalam pengurusan kewangan pula dilihat sebagai masalah kecil dalam kelompok

³⁷ Rujuk Rozhan Othman (1990), *op.cit.* h. 64-65 yang menyatakan antara masalah institusi dakwah ialah tiada penyelarasan dalam melaksanakan program dakwah menerusi kelemahan pelaksanaan dan kawalan.

³⁸ Mohd. Nazri Abdul Majid, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Melaka.. temubual pada 22 Mac 2012.

³⁹ Bazri Abu Bakar, Penolong Pengarah, Bahagian Rumahku Syurgaku. temubual pada 22 Mac 2012.

masalah kewangan dengan nilai min yang rendah iaitu 3.54 dan nilai sisihan piawainya 0.938.

Tidak dapat dinafikan bahawa kos sara hidup kini semakin meningkat. Lantas ia dilihat adalah masalah yang besar bagi sesebuah institusi untuk menyediakan program yang bermutu dan berkesan untuk sasarannya.⁴⁰ Oleh itu dapatan kajian menunjukkan bahawa kos semakin meningkat adalah masalah utama dalam masalah kewangan bagi sesebuah institusi dakwah. Bagi Setiausaha Kerja PERKIM Melaka, beliau berpendirian tegas dengan menyatakan bahawa masalah kewangan adalah masalah yang terbesar dalam menjayakan agenda dan program dakwah yang dirancang memandangkan kos semakin bertambah saban tahun.⁴¹ Hal ini dikongsi bersama oleh Yang Di Pertua ABIM Melaka yang melihat bahawa masalah kewangan adalah hambatan utama dalam melaksanakan program dakwah malah mencadangkan supaya fungsi Pusat Zakat dan Baitul Mal perlu menyalurkan bantuan kewangan kepada institusi dakwah bukan kerajaan agar dapat menjana program dakwah yang berkesan dan sistematik.⁴²

Jadual 4.22: Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Pertembungan Dasar Institusi Dakwah

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Kepelbagaian visi dan misi institusi dakwah menyukarkan	3.34	0.975
Perselisihan dasar institusi dakwah yang rumit	3.26	0.998
Unsur-unsur politik dalam institusi dakwah	3.71	0.985
Institusi dakwah lebih mengutamakan publisiti	3.41	1.049
Kakitangan institusi tidak memahami kerja dakwah	3.36	1.007

Sumber : Borang Soal Selidik

Seterusnya, bagi masalah pertembungan dasar institusi dakwah, perselisihan dasar institusi dakwah yang rumit tidak dilihat sebagai penyumbang kepada masalah utama kerana nilai min yang dicatatkan adalah lebih rendah berbanding dengan nilai min

⁴⁰ Rujuk Abd. Manaf Ahmad (1998), *op.cit.* h. 169 yang menyatakan bahawa masalah kewangan adalah masalah utama dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah di dalam sesebuah institusi dakwah.

⁴¹ Ruqiyah Sungip, Setiausaha Kerja PERKIM, Melaka. temubual pada 26 Mac 2012.

⁴² Fadzal Adly Jaafar (Yang di Pertua, ABIM, Melaka. temubual pada 20 Mac 2012.

masalah-masalah yang lain. Nilainya ialah 3.26 dengan nilai sisihan piawai 0.998. Namun begitu, wujudnya unsur-unsur politik dalam institusi dakwah dilihat sebagai penyumbang utama bagi masalah pertembungan dasar institusi dakwah. Nilai min yang dicatatkan adalah tertinggi iaitu 3.71 dengan nilai sisihan piawainya 0.985.

Nilai min yang tinggi ini menunjukkan bahawa pengaruh politik dilihat sebagai satu masalah dalam pertembungan dasar institusi dakwah di negeri Melaka ini. Melalui kajian yang dilakukan, daripada lapan buah institusi dakwah yang dilakukan kajian, terdapat lima buah di bawah pengawasan kerajaan negeri. Tiga buah lagi bergerak secara badan bukan kerajaan, namun PERKIM Melaka juga dilihat ada unsur politik berdasarkan pimpinan atasannya kebanyakannya terdiri daripada bekas-bekas kakitangan kerajaan negeri yang mempunyai kepentingan politik.⁴³ Sehubungan dengan itu, ia dilihat sebagai masalah dalam pertembungan dasar sesebuah institusi dakwah.⁴⁴

Bagi Penolong Mufti Negeri Melaka yang berpendapat bahawa terdapat institusi dakwah rasmi yang merujuk institusi dakwah milik kerajaan yang tidak bebas dari kuasa dan pengaruh politik.⁴⁵ Ia adalah suatu realiti di negara ini memandangkan kebanyakan institusi dakwah bernaung di bawah kerajaan sama ada persekutuan dan negeri. Oleh itu tidak hairanlah jika pengaruh dan unsur politik wujud di dalamnya. Dalam perkara ini, pada hemat pengkaji tiada masalah yang besar kerana yang penting ialah program dakwah dapat dilaksanakan dan mencapai objektif institusi dakwah tersebut. Ia menjadi masalah jika pengaruh politik menjadi hambatan dan kekangan dalam pelaksanaan dakwah. Bagi Yang Di Pertua ABIM Melaka, kerajaan negeri Melaka perlu mempertingkatkan hubungan yang baik dengan gerakan-gerakan Islam di negeri ini

⁴³ Rujuk Carta Organisasi PERKIM Melaka di Lampiran H

⁴⁴ Rujuk Badlihisam Mohd. Nasir (2002), *op.cit.* h. 120 yang menyatakan bahawa perbezaan ideologi, pendapat dan dasar mampu meranapkan usaha-usaha dakwah yang dijalankan oleh institusi-institusi dakwah berkenaan.

⁴⁵ Mohd. Nazri Abdul Majid, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Melaka. temubual pada 22 Mac 2012.

dengan memberi ruang dan memudahkan cara bagi gerakan-gerakan Islam bergerak ke peringkat belia 'grassroot' (akar umbi) bagi tujuan berkongsi, mendidik, memperkukuh dan memperkasakan Islam.⁴⁶ Menerusi usaha ini, pengaruh politik tidaklah menjadi isu besar dalam pengurusan dakwah di negeri ini.

Jadual 4.23: Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Persaingan Daripada Misionari Kristian

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Misionari Kristian bergiat cergas seiring dengan kemajuan negara	3.91	0.845
Peruntukan kewangan mereka lebih besar	4.07	0.897
Mubaligh Kristian aktif dan positif dalam gerakan mereka	4.08	0.836
Tiada perselisihan sesama Mubaligh Kristian	3.47	0.958
Mubaligh Kristian menganggap dakwah Islam sebagai ancaman	3.76	0.972

Sumber : Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual taburan min di atas, nilai min tertinggi ditunjukkan oleh indikator Mubaligh Kristian aktif dan positif dalam gerakan mereka bagi masalah persaingan daripada Misionari Kristian. Nilai minnya ialah 4.08 dan nilai sisihan piawainya 0.836. Indikator tiada perselisihan sesama Mubaligh Kristian pula mencatatkan nilai min yang terendah iaitu 3.47 dan nilai sisihan piawai 0.958.

Memandangkan negeri Melaka, adalah negeri terawal menerima kedatangan missionari Kristian di Malaysia menerusi penjajahan Portugis pada 1511, responden menyatakan bahawa dalam masalah persaingan daripada missionari Kristian, keaktifan mereka serta nilai positif dalam gerakan mereka adalah satu masalah kepada pengurusan dakwah di negeri ini.⁴⁷ Selain itu peruntukan kewangan mereka yang besar juga dilihat satu masalah kepada institusi dakwah di negeri ini. Bagi Ketua Penolong Pengarah (Dakwah) JAIM, memang tidak dinafikan bahawa ancaman Kristian dilihat masalah

⁴⁶ Fadzal Adly Jaafar, Yang di Pertua, ABIM, Melaka. temubual pada 20 Mac 2012.

⁴⁷ Rujuk Ibrahim Che Noh (1995), *op.cit.* h. 78 yang menyatakan bahawa missionari Kristian ini ada menggunakan pelbagai cara untuk merealisasikan cita-cita mereka untuk mengembangkan dakyah mereka melalui taman asuhan kanak-kanak dan pusat-pusat kebajikan.

yang besar dalam menjalankan kerja-kerja dakwah ini. Ini disebabkan mereka juga berusaha untuk meramaikan pengikutnya malah cuba menyaingi Islam dalam gerakan-gerakan dakwah Islam yang wujud kini.⁴⁸ Sehubungan dengan itu setiap institusi dan gerakan dakwah harus berwaspada dan mengambil berat terhadap ancaman Kristian ini kerana ia mampu menjadi masalah besar terhadap kerja-kerja dakwah yang dijalankan.

Jadual 4.24: Taburan Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Masalah Pengaruh Penghakisan Nilai-Nilai Islam

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Umat Islam kini tidak berminat pada program dakwah	3.77	1.026
Umat Islam kini terdedah kepada budaya hiburan	4.35	0.769
Keprihatinan memberi sumbangan kewangan amat mengecewakan	3.98	0.816
Pengaruh laman sosial membelenggu umat Islam kini	4.34	0.755
Institusi dakwah lesu dalam menghadapi penghakisan nilai-nilai Islam	3.74	1.063

Sumber : Borang Soal Selidik

Bagi masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam, kebanyakan responden bersetuju bahawa umat Islam kini terdedah kepada budaya hiburan. Hal ini ditunjukkan melalui nilai min yang tertinggi yang dicatatkan dalam kategori ini iaitu sebanyak 4.35 dan nilai sisihan piawainya 0.769. Seterusnya, indikator pengaruh laman sosial membelenggu umat Islam kini juga mencatatkan nilai min yang kedua tertinggi iaitu 4.34 dan nilai sisihan piawai 0.755. Manakala, institusi dakwah lesu dalam menghadapi penghakisan nilai-nilai Islam merupakan masalah terendah dalam kelompok masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam kerana nilai minnya yang dicatatkan hanya 3.74 dengan nilai sisihan piawai 1.063.

Tidak dinafikan bahawa masalah utama yang membelenggu umat Islam kini ialah masalah hiburan yang melampau yang semakin mencengkam umat Islam kini.⁴⁹ Oleh itu, responden dalam kajian ini menyatakan bahawa ia adalah masalah utama

⁴⁸ Abd. Halim b. Tawil, Ketua Penolong Pengarah (Dakwah), JAIM dan mantan Setiausaha MAIM. temubual pada 14 Mac 2012.

⁴⁹ Rujuk Abdul Ghafar Don (2008), *op.cit.* h. 51 yang menyatakan bahawa de islamisasi ini selalunya merujuk kepada budaya hedonisme yang mencari keseronokan sehingga melupakan nilai dan dasar Islam.

dalam penghakisan nilai-nilai Islam buat umat Islam di dalam sebuah negeri maju. Ertinya dengan budaya hiburan yang semakin rancak kini, ia juga memberi kesan dari sudut masalah terhadap pengurusan dakwah di negeri maju. Bagi Penolong Mufti Negeri Melaka, beliau menyatakan masalah ini sebagai hambatan duniawi.⁵⁰ Ia memberi maksud bahawa umat Islam kini leka dengan hal-hal keduniaan sehingga terlupakan tentang peranan sebagai khalifah di dunia ini. Lantas ia menjadi masalah kepada institusi dakwah untuk melaksanakan program dakwah jika tiada sokongan dan sumbangan daripada umat Islam itu sendiri. Akhirnya ia menjadi masalah utama kepada institusi dakwah dalam menggerak dan melaksanakan tugas mereka kerana faktor ini. Bagi Yang Di Pertua ABIM Melaka pula, beliau pada masa kini semakin terpengaruh dengan hal-hal keduniaan semata-mata.⁵¹ Ini disebabkan mereka terpengaruh dengan perkembangan teknologi masa kini yang menyebabkan mereka leka dan lalai. Malahan adakalanya kelekaan tersebut boleh menjerumuskan mereka dalam melakukan maksiat. Oleh itu, ia dilihat sebagai satu bentuk masalah dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah tersebut lebih-lebih lagi dalam konteks negeri maju.

4.4 Taburan Dapatan Min Tertinggi Mengikut Institusi Dakwah.

Jadual di bawah menunjukkan indikator-indikator yang mencatatkan nilai min tertinggi bagi setiap kriteria. Melalui kesemua kriteria yang ditunjukkan, didapati bahawa kriteria ekonomi menunjukkan realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju kerana nilai min yang dicatatkan adalah tertinggi berbanding dengan nilai min bagi kriteria-kriteria yang lain. Menerusi indikator kepesatan industri pelancongan, nilai min yang diperolehi ialah 4.30 dengan nilai sisihan piawai 0.620.

⁵⁰ Mohd. Nazri Abdul Majid, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Melaka. temubual pada 22 Mac 2012.

⁵¹ Fadzal Adly Jaafar, Yang di Pertua, ABIM, Melaka. temubual pada 20 Mac 2012

Jadual 4.25: Ringkasan Dapatan Kajian Tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju

Kriteria	Indikator	Min	Sisihan Piawai
Kriteria sosial	Taraf kesihatan rakyat baik	3.79	0.983
Kriteria pentadbiran kerajaan	Kemampuan pentadbiran kerajaan negeri	3.87	0.874
Kriteria politik	Kekerapan pemimpin turun padang	3.87	1.005
Kriteria ekonomi	Kepesatan industri pelancongan	4.30	0.620
Kriteria Pembangunan Modal Insan	Pembangunan pendidikan yang baik	3.89	0.747
Kriteria Maju dari Perspektif Islam	Pembangunan institusi Islam yang positif	3.87	0.874

Sumber : Borang Soal Selidik

Sehubungan dengan itu, nyatalah bahawa kriteria utama dalam penentuan status dan realiti negeri maju, aspek ekonomi dilihat sebagai indikator utama dalam dalam menentukan majunya sesebuah negeri atau negara. Tidak hairanlah, kerajaan Melaka berusaha keras untuk mencapai status negeri maju telah melipat gandakan usahanya dalam membangunkan ekonominya menerusi indikator-indikator yang telah ditetapkan.

Bagi memperincikan tentang dapatan kajian ini, pengkaji akan mengemukakan perinciannya menerusi paparan jadual berhubung indikator-indikator tersebut berdasarkan *cross tabulation* bagi melihat perbandingan di antara institusi dakwah di Melaka. Melalui penjadualan ini, pengkaji akan merumuskan dapatan kajian ini menerusi peratusan yang tertinggi yang dicatatkan oleh institusi dakwah berkenaan berdasarkan indikator-indikator yang telah ditetapkan. Ertinya menerusi data yang diperolehi, nilai peratusan yang tertinggi menerusi skala amat setuju dan setuju dijadikan sebagai ukuran untuk menunjukkan pencapaian indikator-indikator tersebut.

Jadual 4.26 Kriteria Sosial : Taraf Kesihatan Baik

Institusi	Skala					
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jum.
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (29%)	5 (71%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	1 (2.2%)	8 (17%)	7 (15.2%)	20 (43%)	10 (22%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	1 (10%)	2 (20%)	2 (20%)	5 (50%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	2 (40%)	1 (20%)	2 (40%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	1 (14%)	0 (0%)	5 (71%)	1 (14%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	2 (25%)	1 (12.5%)	4 (50%)	1 (13%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	1 (14%)	1 (14.3%)	5 (71%)	0 (0%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	2 (12.5%)	10 (63%)	4 (25%)	16
Jumlah	1 (0.9)	13 (12%)	15 (14.2%)	49 (46.2%)	28 (26.4%)	106

Sumber : Borang Soal Selidik

Bagi kriteria sosial menerusi taraf kesihatan yang baik merujuk kepada indikator kemajuan negeri Melaka, Majlis Agama Islam Melaka merupakan institusi yang mencatatkan peratusan tertinggi dengan 71% bagi amat setuju manakala 29% bersetuju dengan indikator ini. Menerusi dapatan kajian ini, kebanyakan responden di Majlis Agama Islam Melaka bersetuju dengan meletakkan taraf kesihatan yang baik sebagai indikator untuk mencapai kemajuan sesebuah negeri menerusi kriteria sosial. Ia diikuti oleh PERKIM, Melaka yang mencatatkan 25% amat setuju dan 63% bersetuju berhubung kesihatan yang baik adalah indikator utama majunya sesebuah negeri dari aspek sosial.

Jadual 4.27 Kriteria Pentadbiran Kerajaan : Kemapanan Kerajaan Negeri

Institusi	Skala					
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	1 (14.3%)	3 (42.9%)	3 (42.9%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	2 (4.35%)	1 (2.17%)	3 (6.5%)	29 (63%)	11 (23.9%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	1 (10%)	0 (0%)	5 (50%)	4 (40%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	1 (20%)	4 (80%)	0 (0%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (71.4%)	2 (28.6%)	7
ABIM, Melaka	1 (12.5%)	3 (37.5%)	0 (0%)	4 (50%)	0 (0%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	3 (42.9%)	0 (0%)	4 (57.1%)	0 (0%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	1 (6.25%)	1 (6.25%)	11 (68.8%)	3 (18.75%)	16
Jumlah	3 (2.83%)	9 (8.49%)	9 (8.49%)	65 (61.3%)	23 (21.7%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Bagi kriteria pentadbiran kerajaan, Bahagian Rumahku Syurgaku mencatatkan perangkaan tertinggi dalam meletakkan indikator kemapanan kerajaan negeri Melaka sebagai kriteria utama untuk menjadikan negeri Melaka maju dari sudut pentadbirannya. Buktinya dengan 28.57% amat setuju dan 71.4% bersetuju dengan kriteria tersebut. Institusi ini juga tidak mencatatkan sebarang peratusan untuk skala tidak pasti, tidak bersetuju dan amat tidak bersetuju. Secara mudahnya kebanyakan responden di institusi ini mengakui kemajuan dari segi pentadbiran kerajaan negeri diukur menerusi kemapanan kerajaan negeri.

Jadual 4.28 Kriteria Politik : Kekerapan Pemimpin Turun Padang

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	1 (14.3%)	1 (14.3%)	1 (14.3%)	4 (57.1%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	3 (6.5%)	3 (6.5%)	4 (8.7%)	24 (52.2%)	12 (26.1%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (40%)	6 (60%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (80%)	1 (20%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (42.9%)	4 (57.1%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	4 (50%)	2 (25%)	2 (25%)	0 (0%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	3 (42.9%)	3 (42.9%)	4 (57.1%)	0 (0%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	1 (6.3%)	2 (12.5%)	11 (68.8%)	2 (12.5%)	16
Jumlah	3 (2.83%)	12 (11.3%)	12 (11.3%)	53 (50%)	29 (27.4%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Bagi kriteria politik pula, Jabatan Mufti Melaka mencatatkan peratusan yang tinggi menerusi indikator kekerapan pemimpin turun padang sebagai ukuran majunya politik di Melaka ini adalah menerusi penglibatan pemimpinnya secara aktif dalam hal ehwal kemasyarakatan. Bagi yang amat bersetuju dicatatkan 60% dan bersetuju 40%. Secara keseluruhannya kesemua responden di institusi ini mengakui bahawa kekerapan pemimpin turun padang adalah indikator utama dalam menilai kemajuan negeri Melaka dari sudut politik.

Jadual 4.29 Kriteria ekonomi : Kepesatan Industri Pelancongan

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (42.9%)	4 (57.1%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)	30 (65.2%)	14 (30.4%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (30%)	7 (70%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	1 (20%)	3 (30%)	1 (20%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (28.6%)	5 (71.4%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	1 (12.5%)	5 (62.5%)	2 (25%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	7 (100%)	0 (0%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	1 (6.3%)	0 (0%)	10 (62.5%)	5 (31.3%)	16
Jumlah	0 (0%)	2 (1.9%)	3 (2.8%)	73 (68.9%)	38 (35.8%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Dalam perbincangan berkaitan kriteria ekonomi pula, indikatornya ialah kepesatan industri pelancongan. Institusi dakwah yang mencatatkan peratusan tertinggi dalam memperakukan bahawa indikator ini sebagai kriteria utama bagi ekonomi ialah Jabatan Mufti Negeri Melaka. Seramai 70% amat bersetuju dan 30% bersetuju dengan indikator tersebut. Ertinya kesemua responden mengakui negeri Melaka maju dari segi ekonomi adalah menerusi kepesatan industri pelancongannya.

Jadual 4.30 Kriteria Pembangunan Modal Insan : Pembangunan Pendidikan Yang Baik

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (85.7%)	1 (14.3%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	1 (2.2%)	1 (2.2%)	4 (8.7%)	30 (65.2%)	10 (21.7%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	7 (70%)	3 (30%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (100%)	0 (0%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (57.1%)	3 (42.9%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	1 (12.5%)	2 (25%)	5 (62.5%)	0 (0%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	3 (42.9%)	4 (57.1%)	0 (0%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	1 (6.3%)	2 (12.5%)	11 (68.8%)	2 (12.5%)	16
Jumlah	1 (0.9%)	3 (2.8%)	11 (10.4%)	72 (67.9%)	19 (17.9%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Berkaitan kriteria pembangunan modal insan pula, indikatornya ialah pembangunan pendidikan yang baik dilihat sebagai indikator utama. Dalam bahagian ini, terdapat empat buah institusi memperakukan indikator pendidikan sebagai kriteria utama dalam menilai kemajuan sesebuah negeri dari sudut pembangunan modal insan. Bagi Majlis Agama Islam Melaka seramai 14.3% amat bersetuju dan 85.7% bersetuju dengan indikator tersebut. Manakala Jabatan Mufti Melaka pula seramai 30% amat bersetuju dan 70% bersetuju dengan indikator tersebut. Bagi Masjid al-Azim pula 100% respondennya bersetuju dan Bahagian Rumahku Syurgaku pula seramai 42.9% amat setuju dan 57.1% bersetuju dengan indikator tersebut. Secara mudahnya, aspek pendidikan dilihat sangat signifikan dengan kemajuan dari sudut pembangunan modal insan.

Jadual 4.31 Kriteria Maju Dari Perspektif Islam : Pembangunan Institusi Islam Yang Positif

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (71.4%)	2 (28.6%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	1 (2.2%)	2 (4.3%)	3 (6.5%)	29 (63%)	11 (23.9%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (50%)	5 (50%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	1 (20%)	3 (60%)	1 (20%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (85.7%)	1 (14.3%)	7
ABIM, Melaka	1 (12.5%)	1 (12.5%)	3 (37.5%)	3 (37.5%)	0 (0%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	3 (42.9%)	1 (14.3%)	2 (28.6%)	1 (14.3%)	7
PERKIM, Melaka	1 (6.3%)	0 (0%)	4 (25%)	9 (56.3%)	2 (12.5%)	16
Jumlah	3 (2.8%)	6 (5.7%)	12 (11.3%)	62 (58.5%)	23 (21.7%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Dalam konteks majunya sesebuah negeri dari perspektif Islam, indikator pembangunan institusi dakwah yang positif dilihat mendapat tempat yang memberangsangkan. Dalam perkara ini, institusi dakwah yang memperakunya ialah Majlis Agama Islam Melaka, Jabatan Mufti Melaka dan Bahagian Rumahku Syurgaku dilihat mencatatkan peratusan yang tinggi. Bagi Majlis Agama Islam Melaka seramai 28.6% amat setuju dan 71.4% bersetuju dengan indikator tersebut. Bagi Jabatan Mufti Melaka pula, 50% amat setuju dan 50% pula bersetuju dengan indikator tersebut. Manakala Bahagian Rumahku Syurgaku pula seramai 14.3% amat setuju dan 85.7% bersetuju dengan indikator tersebut. Ini memberikan gambaran bahawa kemajuan dari persepektif Islam dapat dilihat menerusi pembangunan institusi dakwah yang positif.

Perincian dapatan kajian bagi objektif kedua iaitu cabaran pengurusan dakwah di negeri maju, pengkaji menggunakan kaedah yang sama dengan melihat perbandingan mengikut institusi dakwah melalui dapatan kajian yang telah diperolehi. Melalui penjadualan ini, pengkaji akan merumuskan dapatan kajian ini menerusi peratusan yang tertinggi yang dicatatkan oleh institusi dakwah berkenaan berdasarkan indikator-indikator yang telah ditetapkan. Ertinya menerusi data yang diperolehi, nilai peratusan yang tertinggi menerusi skala amat setuju dan setuju dijadikan sebagai ukuran untuk menunjukkan pencapaian indikator-indikator tersebut.

Seterusnya, pengkaji akan menerangkan pula dapatan kajian berhubung cabaran pengurusan dakwah yang telah dicatatkan dalam kajian ini menerusi min tertinggi serta dilihat perbandingannya di antara institusi dakwah yang dikaji.

Jadual 4.32: Ringkasan Bagi Kajian Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Cabaran	Indikator	Min	Sisihan Piawai
Cabaran mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien	Dasar Islam menjadi teras institusi dakwah	4.22	0.730
Cabaran menyediakan golongan pendakwah yang profesional	Integriti menjadi asas	4.15	0.881
Cabaran menyediakan kewangan yang kukuh	Audit kewangan dalam institusi dakwah	4.11	0.797
Cabaran mewujudkan program dakwah yang berkualiti	Penggunaan teknologi maklumat diutamakan	4.25	0.659
Cabaran menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju	Aqidah asas utama kemajuan	4.42	0.743

Sumber : Borang Soal Selidik

Mengikut cabaran pengurusan dakwah di negeri maju, cabaran utama yang dihadapi ialah cabaran untuk menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju. Melalui indikatornya iaitu aqidah asas utama kemajuan, nilai min yang dicatatkan adalah yang paling tinggi berbanding dengan cabaran-cabaran yang lain. Nilai skor minnya ialah 4.42 dengan nilai sisihan piawai 0.743.

Sehubungan dengan itu, cabaran utama bagi pengurusan dakwah di negeri maju ialah menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju menerusi dasar-dasar utama Islam merangkumi aqidah, ibadah dan akhlak. Jika dilihat dalam penanda aras yang ditetapkan oleh OECD dan beberapa agensi penilai antarabangsa, aspek keislaman tiada langsung dalam senarai indikatornya. Sehubungan dengan itu, Melaka yang sudah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju perlu menjadikan Islam sebagai satu indikator utama dalam menjamin kemajuan sesebuah negeri atau negara berdasarkan acuan Islam yang sebenar.

Bagi memperincikan tentang dapatan kajian ini, pengkaji akan mengemukakan perinciannya menerusi paparan jadual berhubung indikator-indikator tersebut berdasarkan *cross tabulation* bagi melihat perbandingan di antara institusi dakwah di Melaka.

Jadual 4.33 Cabaran Mewujudkan Institusi Dakwah Yang Dinamik Dan Efisien : Dasar Islam Menjadi Teras Institusi Dakwah

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	1 (14.3%)	0 (0%)	3 (42.9%)	3 (42.9%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	3 (6.5%)	26 (56.5%)	17 (37%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (30%)	7 (70%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	1 (20%)	1 (20%)	3 (60%)	0 (0%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (71.4%)	2 (28.6%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	1 (12.5%)	0 (0%)	6 (75%)	1 (12.5%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	2 (28.6%)	4 (57.1%)	1 (14.3%)	7
PERKIM, Melaka	1 (6.3%)	0 (0%)	0 (0%)	10 (62.5%)	5 (31.3%)	16
Jumlah	1 (0.9%)	3 (2.8%)	6 (5.7%)	60 (56.6%)	35 (33%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Dalam memperkatakan tentang cabaran mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien, indikatornya ialah dasar Islam menjadi teras institusi dakwah. Institusi yang mencatatkan peratusan tertinggi dalam memperakukan cabaran ini ialah Jabatan Mufti Melaka dengan 70% amat setuju dan 30% bersetuju. Ia diikuti oleh Bahagian Rumahku Syurgaku dengan 28.6% amat setuju dan 71.4% bersetuju dengan cabaran tersebut.

Jadual 4.34 Cabaran Menyediakan Golongan Pendakwah Yang Profesional : Integriti Menjadi Asas

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	1 (14.3%)	3 (42.9%)	3 (42.9%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	3 (6.5%)	21 (45.7%)	22 (47.8%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (30%)	7 (70%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	1 (20%)	0 (0%)	3 (60%)	1 (20%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	1 (14.3%)	4 (57.1%)	2 (28.6%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	1 (12.5%)	1 (12.5%)	4 (50%)	2 (25%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	4 (57.1%)	2 (28.6%)	1 (14.3%)	0 (0%)	7
PERKIM, Melaka	1 (6.3%)	1 (6.3%)	0 (0%)	10 (62.5%)	4 (25%)	16
Jumlah	1 (0.9%)	7 (6.6%)	8 (7.5%)	49 (46.2%)	41 (38.7%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Dalam konteks cabaran menyediakan golongan pendakwah yang profesional dengan indikator integriti menjadi asas, Jabatan Mufti Melaka mencatatkan peratusan tertinggi iaitu seramai 70% amat setuju dan 30% bersetuju dengan indikator tersebut. Manakala institusi dakwah yang lain ada menunjukkan peratusan yang tidak bersetuju dengan indikator tersebut terutamanya badan bukan kerajaan seperti Jemaah Islah Malaysia/IKRAM yang mencatatkan 57.1% tidak bersetuju dengan indikator tersebut.

Jadual 4.35 Cabaran Menyediakan Kewangan Yang Kukuh : Audit Kewangan Dalam Institusi Dakwah

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (71.4%)	2 (28.6%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	7 (15.2%)	22 (47.8%)	16 (34.8%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (30%)	7 (70%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	1 (20%)	0 (0%)	4 (80%)	0 (0%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	1 (14.3%)	2 (28.6%)	4 (57.1%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	1 (12.5%)	6 (75%)	1 (12.5%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	1 (14.3%)	0 (0%)	4 (57.1%)	2 (28.6%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	2 (12.5%)	2 (12.5%)	8 (50%)	4 (25%)	16
Jumlah	0 (0%)	4 (3.8%)	11 (10.4%)	54 (50.9%)	36 (34%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Perbincangan tentang cabaran menyediakan kewangan yang kukuh pula, indikator yang dilihat sebagai kayu ukurnya ialah audit kewangan dalam institusi dakwah. Institusi dakwah yang memperakui cabaran ini ialah Majlis Agama Islam Melaka yang mencatatkan 28.6% amat setuju dan 71.4% bersetuju. Manakala Jabatan Mufti Melaka pula mencatatkan 70% amat setuju dan 30% bersetuju dengan cabaran tersebut dalam konteks cabaran menyediakan kewangan yang kukuh buat institusi dakwah di negeri maju.

Jadual 4.36 Cabaran Mewujudkan Program Dakwah Yang Berkualiti : Penggunaan Teknologi Maklumat Diutamakan

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (85.7%)	1 (14.3%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	2 (4.3%)	24 (52.2%)	20 (43.5%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (30%)	7 (70%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	2 (40%)	3 (60%)	0 (0%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (28.6%)	5 (71.4%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	1 (12.5%)	0 (0%)	6 (75%)	1 (12.5%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	2 (28.6%)	4 (57.1%)	1 (14.3%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	1 (6.3%)	1 (6.3%)	10 (62.5%)	4 (25%)	16
Jumlah	0 (0%)	2 (1.9%)	7 (6.6%)	58 (54.7%)	39 (36.8%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Bagi cabaran mewujudkan program dakwah yang berkualiti, indikatornya melalui penggunaan teknologi maklumat yang perlu diutamakan. Institusi dakwah yang mencatatkan peratusan tertinggi berhubung cabaran ini ialah Bahagian Rumahku Syurgaku melalui 71.4% amat bersetuju dan 28.6% bersetuju. Ia diikuti Jabatan Mufti Negeri Melaka dengan 70% amat bersetuju dan 30% bersetuju. Seterusnya Majlis Agama Islam Melaka pula yang mencatatkan 14.3% amat bersetuju dan 85.7% bersetuju dengan cabaran tersebut.

Jadual 4.37 Cabaran Menjadikan Islam Sebagai Indikator Negeri Maju : Aqidah Asas Utama Kemajuan

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	1 (14.3%)	4 (57.1%)	2 (28.6%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	1 (2.2%)	20 (43.5%)	25 (54.3%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (10%)	9 (90%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	1 (14.3%)	0 (0%)	1 (14.3%)	5 (71.4%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (62.5%)	3 (37.5%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	1 (13.4%)	0 (0%)	4 (57.1%)	2 (28.6%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	1 (6.3%)	6 (37.5%)	9 (56.3%)	16
Jumlah	0 (0%)	2 (1.9%)	4 (3.8%)	43 (40.6%)	57 (53.8%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Bagi cabaran menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju, aspek aqidah sebagai asas kemajuan dilihat kriteria utama yang mencatatkan nilai tertinggi. Institusi dakwah yang mencatatkan peratusan tertinggi berhubung perkara ini ialah Jabatan Mufti Melaka dengan 90% amat setuju dan 10% bersetuju dengan elemen tersebut. Seterusnya diikuti dengan ABIM, Melaka yang mencatatkan 37.5% amat bersetuju dan 62.5% bersetuju dengan berpendirian bahawa aqidah adalah asas utama dalam mencapai kemajuan sesebuah negeri.

Seterusnya, dapatan kajian bagi objektif ketiga iaitu masalah pengurusan dakwah di negeri maju, pengkaji menggunakan kaedah yang sama dengan melihat perbandingan mengikut institusi dakwah melalui dapatan kajian yang telah diperolehi. Melalui penjadualan ini, pengkaji akan merumuskan dapatan kajian ini menerusi

peratusan yang tertinggi yang dicatatkan oleh institusi dakwah berkenaan berdasarkan indikator-indikator yang telah ditetapkan. Ertinya menerusi data yang diperolehi, nilai peratusan yang teringgi menerusi skala amat setuju dan setuju dijadikan sebagai ukuran untuk menunjukkan pencapaian indikator-indikator tersebut.

Jadual 4.38: Ringkasan Bagi Kajian Tentang Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Masalah	Indikator	Min	Sisihan Piawai
Masalah perancangan pengurusan	Banyak berlaku pertembungan program	3.68	0.921
Masalah kewangan	Kos semakin meningkat	4.02	0.743
Masalah pertembungan Dasar Institusi Dakwah	Unsur-unsur politik dalam institusi dakwah	3.71	0.985
Masalah persaingan daripada Misionari Kristian	Mubaligh Kristian aktif dan positif dalam gerakan mereka	4.08	0.836
Masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam	Umat Islam kini terdedah kepada budaya hiburan	4.35	0.769

Sumber : Borang Soal Selidik

Berdasarkan jadual di atas yang menunjukkan masalah pengurusan dakwah di negeri maju, masalah yang paling utama ialah masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam melalui indikatornya umat Islam kini terdedah kepada budaya hiburan. Nilai skor min yang dicatatkan bagi masalah yang membebankan ini ialah 4.35 dengan nilai sisihan piawainya 0.769. Manakala, masalah yang paling rendah nilai skor minnya ialah masalah perancangan pengurusan menerusi indikatornya banyak berlaku pertembungan program.

Oleh yang demikian, masalah *de-islamisasi* atau penghakisan nilai-nilai Islam dilihat adalah masalah yang utama dalam pengurusan dakwah di negeri maju. Ertinya setiap institusi, organisasi, gerakan dakwah di dalam sesebuah negeri maju perlu melihat penghakisan nilai-nilai Islam ini sebagai masalah yang besar dalam usaha mereka menggerakkan kerja-kerja dakwah mereka. Setiap program dan aktiviti yang

dijalankan perlulah seiring malah perlu melangkaui masalah penghakisan nilai-nilai Islam ini. Jika ia tidak diberi perhatian yang sewajarnya, semestinya dakwah tidak dapat dijalankan dengan jayanya kerana menghadapi masalah penghakisan nilai-nilai keislaman ini yang lebih cenderung kepada hiburan.

Bagi memperincikan tentang dapatan kajian ini, pengkaji akan mengemukakan perinciannya menerusi paparan jadual berhubung indikator-indikator tersebut berdasarkan *cross tabulation* bagi melihat perbandingan di antara institusi dakwah di Melaka. Melalui penjadualan ini, dapat dirumuskan tentang bahawa setiap institusi dakwah mempunyai persepsi dan pandangannya berhubung masalah pengurusan dakwah.

Jadual 4.39 Masalah Perancangan Pengurusan : Banyak Berlaku Pertembungan Program

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	1 (14.3%)	0 (0%)	6 (85.7%)	0 (0%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	5 (10.9%)	4 (8.7%)	25 (54.3%)	12 (26.1%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	1 (10.0%)	2 (20%)	6 (60%)	1 (10.0%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	2 (40%)	3 (60%)	0 (0%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	1 (14.3%)	4 (57.1%)	2 (28.6%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	2 (25.0%)	0 (0%)	6 (75.0%)	0 (0%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	2 (28.6%)	1 (14.3%)	3 (42.9%)	1 (14.3%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	6 (37.5%)	3 (18.8%)	6 (37.5%)	1 (6.3%)	16
PERKIM, Melaka	0 (0%)	17 (16.0%)	13 (12.3%)	59 (55.7%)	17 (16.0%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Bagi masalah perancangan pengurusan, masalah utamanya ialah banyak berlaku pertembungan program dilihat sebagai masalah utama yang membelenggu institusi dakwah di negeri maju. Institusi dakwah yang mencatatkan peratusan tertinggi berhubung perkara ini ialah Bahagian Rumahku Syurgaku dengan 28.6% amat setuju dan 57.1% bersetuju dengan masalah tersebut. Ia diikuti Jabatan Agama Islam Melaka dengan 26.1% amat setuju dan 54.3% bersetuju dengan masalah tersebut.

Jadual 4.40 Masalah Kewangan : Kos Semakin Meningkat

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	7 (100%)	0 (0%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	2 (4.3%)	4 (8.7%)	26 (56.5%)	14 (30.4%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	1 (10%)	0 (0%)	5 (50%)	4 (40%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	2 (40%)	3 (60%)	0 (0%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	2 (28.6%)	4 (57.1%)	1 (14.3%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	7 (87.5%)	1 (12.5%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	2 (28.6%)	1 (14.3%)	3 (42.9%)	1 (14.3%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	1 (6.3%)	1 (6.3%)	11 (68.8%)	3 (18.8%)	16
Jumlah	0 (0%)	6 (5.7%)	10 (9.4%)	66 (62.3%)	24 (22.6%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Masalah seterusnya berhubung pengurusan dakwah ialah masalah kewangan berdasarkan kos yang semakin meningkat. Institusi dakwah yang mencatatkan peratusan tertinggi berhubung masalah ini ialah ABIM, Melaka yang mencatatkan 12.5 % responden amat setuju dan 87.5% bersetuju. Manakala Majlis Agama Islam Melaka pula mencatatkan 100% bersetuju dengan masalah kewangan yang membelenggu institusi dakwah berdasarkan senario kos yang semakin meningkat kini.

Jadual 4.41 Masalah Pertembungan Dasar Institusi Dakwah : Unsur-unsur Politik Dalam Institusi Dakwah

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	1 (14.3%)	0 (0%)	5 (71.4%)	1 (14.3%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	7 (15.2%)	5 (10.9%)	21 (45.7%)	13 (28.3%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	3 (30%)	2 (20%)	2 (20%)	3 (30%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	1 (20%)	4 (80%)	0 (0%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	1 (14.3%)	2 (28.6%)	3 (42.9%)	1 (14.3%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	1 (12.5%)	1 (12.5%)	4 (50%)	2 (25.0%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (57.1%)	3 (42.9%)	7
PERKIM, Melaka	1 (6.3%)	3 (18.8%)	2 (12.5%)	7 (43.8%)	3 (18.8%)	16
Jumlah	1 (0.9%)	16 (15.1%)	13 (12.3%)	50 (47.2%)	26 (24.5%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan masalah pertembungan dasar institusi dakwah melalui unsur-unsur politik dalam institusi dakwah, Jemaah Islah Malaysia Melaka mencatatkan peratusan tertinggi. Seramai 42.9% amat setuju dengan masalah tersebut manakala 57.1% pula bersetuju. Pengkaji berpendapat bahawa, Jemaah Islah Malaysia Melaka yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang menjalankan kegiatan dakwah secara aktif tidak berasa selesa sekiranya wujud campur tangan politik di dalam institusi dakwah yang mana ia dilihat akan memberikan kesan yang negatif terhadap dakwah Islamiah.

Jadual 4.42 Masalah Persaingan Dari Missionari Kristian : Mubaligh Kristian Aktif Dan Positif Dalam Gerakan Mereka

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	0 (0%)	1 (14.3%)	5 (71.4%)	1 (14.3%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	3 (6.5%)	4 (8.7%)	20 (43.5%)	19 (41.3%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	1 (10%)	0 (0%)	4 (40%)	5 (50%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	1 (20%)	0 (0%)	2 (40%)	2 (40%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	2 (28.6%)	2 (28.6%)	3 (42.9%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	1 (12.5%)	0 (0%)	6 (75%)	1 (12.5%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	1 (14.3%)	1 (14.3%)	4 (57.1%)	1 (14.3%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	1 (6.3%)	1 (6.3%)	9 (56.3%)	5 (31.3%)	16
Jumlah	0 (0%)	8 (7.5%)	9 (8.5%)	52 (49.1%)	37 (34.9%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Bagi masalah persaingan dari missionari Kristian pula, masalah utama yang dihadapi oleh institusi dakwah ialah mubaligh Kristian aktif dan positif dalam gerakan mereka dan mampu memberi ancaman kepada gerakan dakwah di negeri maju. Institusi dakwah yang mencatatkan peratusan tertinggi berhubung perkara ini ialah Jabatan Mufti Melaka dengan 50% amat setuju dan 40% bersetuju. Ia diikuti ABIM Melaka dengan 12.5% amat setuju dan 75% bersetuju dengan masalah tersebut.

Jadual 4.43 Masalah Pengaruh Penghakisan Nilai-nilai Islam : Umat Islam Kini Terdedah Kepada Budaya Hiburan

Institusi	Skala					Jum.
	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Majlis Agama Islam Melaka	0 (0%)	2 (28.6%)	0 (0%)	5 (71.4%)	0 (0%)	7
Jabatan Agama Islam Melaka	0 (0%)	1 (2.2%)	0 (0%)	20 (43.5%)	25 (54.3%)	46
Jabatan Mufti Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (40%)	6 (60%)	10
Institusi Masjid : Masjid al-Azim	0 (0%)	0 (0%)	1 (20%)	2 (40%)	2 (40%)	5
Bahagian Rumahku Syurgaku	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (42.9%)	4 (57.1%)	7
ABIM, Melaka	0 (0%)	1 (12.5%)	1 (12.5%)	4 (50%)	2 (25%)	8
JIM/IKRAM, Melaka	0 (0%)	1 (14.3%)	1 (14.3%)	3 (42.9%)	2 (28.6%)	7
PERKIM, Melaka	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	8 (50%)	8 (50%)	16
Jumlah	0 (0%)	5 (4.7%)	3 (2.8%)	49 (46.2%)	49 (46.2%)	106

Sumber : Borang soal selidik

Berhubung masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam berdasarkan keadaan umat Islam kini yang terdedah kepada budaya hiburan menjadikan ia sebagai masalah utama dalam menjayakan kegiatan dakwah di negeri maju. Institusi dakwah yang mencatatkan peratusan tertinggi ialah Jabatan Mufti Melaka iaitu 60% amat setuju dan 40% bersetuju dengan masalah tersebut. Manakala Bahagian Rumahku Syurgaku pula mencatatkan 57.1% amat setuju dan 42.9% bersetuju. Ia menunjukkan bahawa pengaruh hiburan yang melalaikan mampu menjadi masalah kepada institusi dakwah terbabit khususnya dalam usaha mereka untuk merancang dan merencanakan program dakwah yang bersesuaian dengan permasalahan tersebut.

4.5 Kesimpulan

Melalui kaedah taburan min yang digunakan, dapat dilihat bahawa kriteria ekonomi dikategorikan sebagai kriteria utama dalam menentukan realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju. Manakala, cabaran menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju dikenalpasti sebagai cabaran pengurusan dakwah di negeri maju. Seterusnya, bagi objektif yang terakhir iaitu kajian tentang masalah pengurusan dakwah di negeri maju, didapati bahawa masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam dilihat sebagai ancaman utama bagi masalah ini.

Bertitik tolak dari hasil dapatan dan perbincangan kajian ini, pengkaji merumuskan bahawa setiap indikator untuk mencapai status negeri maju ini menunjukkan bahawa negeri Melaka pada dasarnya sudah mencapai kemajuannya walaupun perangkaan yang dipaparkan tidak berada dalam keadaan yang terbaik. Besar kemungkinan pengiktirafan Melaka sebagai sebuah negeri maju masih awal tempohnya pada pandangan responden.

Seterusnya dari sudut cabaran pengurusan dakwah pula, rumusan yang dapat dinyatakan ialah setiap cabaran yang dikemukakan perlu diberi perhatian oleh setiap institusi dakwah di negeri maju. Melalui cabaran ini, ia mampu memberikan kesan kepada pengurusan institusi dakwah di negeri maju. Manakala dari sudut masalah yang dikemukakan, ia juga seharusnya diberi perhatian serius oleh setiap institusi dakwah terbabit. Sebarang pengabaian terhadap masalah yang dikemukakan mampu memberikan kesan yang negatif terhadap perkembangan dakwah di negeri maju yang mempunyai pelbagai dimensi kehidupan yang mencabar situasinya.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan.

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan hasil dapatan dan perbincangan kajian yang telah dihuraikan dalam bab empat. Bagi memperincikan perbincangan dalam bab ini, pengkaji akan membahagikan topik perbincangan kepada dua perkara utama iaitu rumusan kajian ini dan disusuli dengan cadangan terhadap rumusan kajian ini.

Menerusi cadangan ini, secara tidak langsungnya, kajian ini adalah penanda aras atau *bench marking* kepada pengkaji seterusnya untuk melakukan kajian yang sama namun berbeza dari landasan teori, metodologi dan hasil kajian tersebut. Diharapkan dalam kajian lanjutan dari kajian ini wajar jika difokuskan kepada penyelesaian terhadap cabaran dan masalah pengurusan dakwah di negeri maju. Disarankan juga untuk kajian lanjutan agar dibincangkan juga tentang strategi berhubung cabaran dan masalah yang perlu dihadapi oleh institusi dakwah di negeri maju agar ia tidak dilihat mampu menjejaskan usaha dan kerja dakwah berkenaan. Antara perkara yang harus diberi penekanan kajian akan datang adalah dengan merujuk kepada negeri-negeri yang sudah mencapai status maju. Selain itu, rumusan dan cadangan yang dikemukakan boleh menjadi panduan yang berkesan buat institusi dakwah yang terbabit merencanakan mekanisme dan strategi dakwah yang berkesan dalam suasana negeri maju yang banyak cabaran dan masalahnya. Perlu juga

dikaji berhubung sejauh mana cabaran dan masalah tersebut mempengaruhi usaha-usaha dakwah yang dijalankan.

Lanjutan daripada itu, pengkaji akan menyentuh secara menyeluruh tentang beberapa aspek dalam kajian ini khususnya objektif kajian ini berkisar kepada realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju, cabaran pengurusan dakwah di negeri maju dan masalah pengurusan dakwah di negeri maju yang mana fokus kajian tersebut di negeri Melaka. Rumusan dan cadangan ini dibina berasaskan kepada dapatan kajian yang lalu dilihat signifikan untuk kajian mendatang.

5.2 Rumusan Secara Umum.

Secara umumnya kajian ini telah dijalankan dengan jayanya berdasarkan kepada metodologi yang telah ditetapkan. Seramai 106 orang responden yang menjadi sampel kajian telah ditemui untuk menjawab soal selidik yang telah dijalankan. Dalam bahagian ini pengkaji akan merumuskan dapatan kajian dengan merujuk tiga objektif utama yang telah dibincangkan pada bab empat yang lalu.

5.2.1 Rumusan Realiti Melaka Sebagai Negeri Maju.

Perkara ini merupakan objektif pertama bagi kajian ini. Menerusi dapatan kajian ini pada bab empat yang lalu, memang tidak dinafikan bahawa Melaka adalah sebuah negeri maju berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam sebuah negeri maju. Untuk huraian lanjut, pengkaji akan menghuraikan rumusan objektif pertama ini berdasarkan indikator yang telah ditetapkan.

1. Dari segi kriteria sosial, taraf kesihatan rakyat semakin baik dilihat adalah kriteria utama dalam mengukur kemajuan sesebuah negeri itu. Kemajuan sesebuah negeri perlu kepada taraf kesihatan yang baik merujuk kepada jangka hayat yang tinggi dan kadar kematian yang rendah. Dalam membincangkan perkara ini, pengkaji bersetuju memandangkan secara realitinya, negeri Melaka kini telah memperkenalkan satu konsep pelancongan yang dikenali sebagai pelancongan kesihatan. Buktinya di Melaka kini terdapat ramai pelancong asing datang untuk mendapatkan rawatan kesihatan yang diberikan khususnya hospital-hospital swasta.

2. Dari segi pentadbiran kerajaan yang memerintah, hasil kajian menunjukkan bahawa kemapanan kerajaan negeri Melaka telah mencatatkan min yang tertinggi. Secara dasarnya pengkaji bersetuju dengan hasil dapatan ini memandangkan pentadbiran kerajaan negeri Melaka memang terbukti sebagai salah sebuah kerajaan yang baik dan mantap. Hasilnya menerusi kemampanan pentadbiran kerajaan ini, pucuk pimpinan kerajaan dapat menumpukan sepenuhnya komitmen mereka untuk mencapai status negeri maju mengikut perancangan. Hasilnya pada tahun 2010, Melaka telah diiktiraf sebagai sebuah negeri maju di Malaysia.

3. Dari aspek politik pula, kekerapan pemimpin turun padang atau melawat kawasan telah mencatatkan min yang tertinggi. Pengkaji begitu optimis dengan hasil kajian ini memandangkan pucuk pimpinan kerajaan negeri khususnya Ketua Menteri Melaka iaitu YAB Datuk Seri Mohd. Ali Rustam memang terkenal dengan gaya kepimpinannya yang selalu turun padang untuk melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh rakyat. Menerusi amalan ini, rakyat negeri Melaka memahami

aspirasi yang dicetuskan oleh pimpinan negeri untuk mencapai status negeri maju yang telah ditetapkan.

4. Dari kriteria ekonomi pula, kepesatan industri pelancongan telah mencatatkan min yang tertinggi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sumber kekuatan ekonomi negeri Melaka adalah bergantung kepada kepesatan industri pelancongan memandangkan negeri Melaka ini tidak memiliki sumber hasil bumi yang banyak berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Lantaran itu, kriteria pelancongan dilihat sebagai salah satu produk utama untuk menjana pendapatan bagi melonjakkan negeri Melaka sebagai sebuah negeri maju.
5. Dari kriteria pembangunan modal insan pula, min tertinggi yang dicatatkan ialah pembangunan pendidikan yang baik. Dapatan ini ada kebenarannya menerusi pendidikan rendah, pendidikan menengah yang baik. Ini ditambah lagi dengan kepesatan penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi sama ada awam mahupun swasta. Bagi negeri ini yang kecil keadaan geografinya memiliki sepuluh buah pusat pengajian bertaraf universiti atau kolej universiti. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan buat negeri Melaka bagi merealisasikan kemajuan yang dikecapi kini.
6. Dari kriteria kemajuan dari perspektif Islam pula, wujudnya institusi dakwah yang aktif dilihat sebagai satu landasan untuk melihat Melaka sebagai sebuah negeri maju dari kacamata Islam. Dalam membincangkan isu ini, pengkaji mengambil contoh tentang kewujudan beberapa institusi dakwah di negeri ini sama ada ada di bawah naungan kerajaan atau pun badan-badan bukan kerajaan. Menerusi kerajaan Melaka,

diwujudkan sebuah institusi khusus untuk membina kekeluargaan berlandaskan Islam iaitu Bahagian Rumahku Syurgaku. Ini membuktikan keprihatinan pimpinan negeri untuk mewujudkan institusi keluarga yang menepati kehendak Islam seterusnya dapat mewujudkan masyarakat Islam yang baik. Inilah yang dikehendaki dalam dakwah Islamiah.

Berdasarkan rumusan di atas, negeri Melaka ini bolehlah dikategorikan sebagai sebuah negeri maju memandangkan responden telah mengakui kemajuan negeri ini menerusi pecahan kriteria yang telah ditetapkan berdasarkan statistik yang telah dibincangkan dalam bab yang terdahulu.

5.2.2 Rumusan Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan merumuskan berhubung cabaran yang wujud dalam pengurusan dakwah di negeri maju khususnya di Melaka yang sudah dikategorikan sebagai sebuah negeri maju berdasarkan perangkaan dan data yang telah dikemukakan. Dalam membincangkan tentang cabaran pengurusan dakwah di negeri maju ini, pengkaji akan menerangkan berhubung beberapa indikator atau cabaran yang wujud itu.

1. Bagi cabaran pertama merujuk kepada cabaran mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien, cabaran untuk menjadikan Islam menjadi teras institusi dakwah telah mencatatkan min yang tertinggi. Dalam hal ini, pengkaji berpendapat, untuk meletakkan serta melaksanakan dasar Islam yang optimum keadaannya dalam sesebuah institusi dakwah adalah sesuatu yang mencabar situasinya. Ini disebabkan masyarakat Islam khususnya meletakkan harapan yang tinggi kepada institusi

Islam untuk menjadi penggerak kepada kelangsungan dakwah selain menjadi *role-model* kepada institusi yang lain. Namun adakalanya terdapat segelintir institusi dakwah yang wujud tidak dapat melaksanakan misi dan visinya yang rata-ratanya meletakkan Islam dan dakwah sebagai sasaran mereka. Oleh yang demikian, pengkaji bersetuju dengan dapatan ini memandangkan untuk meletakkan kedudukan Islam pada kedudukan yang tinggi bukan suatu tugas mudah.

2. Cabaran kedua ialah untuk menyediakan golongan pendakwah yang profesional. Dapatan kajian menunjukkan cabaran untuk menjadikan integriti menjadi asas kalangan pendakwah adalah cabaran yang tertinggi kedudukannya. Memang tidak dinafikan, ada di kalangan sesetengah pendakwah tidak memahami tugas dan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan tugas mereka. Ini bertambah rumit sekiranya mereka berkhidmat pendakwah dalam sesebuah institusi dakwah yang formal keadaannya. Ia bertambah sukar apabila wujud di kalangan pendakwah ini yang tidak menunjuk dan menampakkan wajah dan keadaannya sebagai pendakwah. Natiujahnya usaha dan program dakwah yang dirancang akan gagal memandangkan golongan pendakwah tidak meletakkan integriti sebagai asas dalam menjalankan tugas mereka.
3. Cabaran ketiga bagi sesebuah institusi dakwah ialah penyediaan kewangan yang kukuh. Dalam memperhalusi cabaran ini, audit kewangan dalam institusi dakwah mencatatkan min tertinggi. Pengkaji melihat perkara ini merupakan adalah satu cabaran yang besar memandangkan untuk melakukan audit kewangan secara telus bukan suatu perkara yang mudah. Untuk institusi dakwah yang bernaung di bawah kerajaan mungkin tiada masalah besar memandangkan audit kewangan sering

dijalankan. Namun bagi institusi dakwah yang bergerak secara sendirian, ia adalah satu cabaran yang besar memandangkan ia biasanya bergerak menerusi sumbangan dan penyaluran dana dari pihak luar. Sehubungan dengan itu, pengkaji berkeyakinan bahawa audit kewangan ini adalah cabaran besar bagi mewujudkan kewangan yang mantap bagi sesebuah institusi dakwah.

4. Cabaran keempat ialah penyediaan program dakwah yang berkualiti. Umum sedia maklum bahawa perbincangan utama tentang dakwah ialah program dan aktiviti yang dijalankan. Namun persoalan yang sering timbul adakah program dan aktiviti yang dijalankan itu berkualiti dan memenuhi keperluan *mad'ū* atau lebih tepatnya adakah ia mencapai sasaran? Persoalan-persoalan ini sering membelenggu setiap institusi dakwah apabila mereka mengadakan program dan aktiviti dakwah. Bagi mengukuhkan situasi ini, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa cabaran terbesar ialah penggunaan teknologi maklumat perlu diutamakan. Catatan min bagi cabaran ini tinggi kedudukannya. Bagi mengukuhkan situasi ini, pengkaji sendiri berhadapan dengan kesukaran apabila pengkaji berusaha mencari bahan berhubung sesebuah institusi dakwah ini, maklumat yang terdapat di laman sesawang mereka agak mengecewakan kerana *out-dated* keadaannya. Akhirnya ia memberi gambaran negatif berhubung kedudukan dan keadaan sesebuah institusi dakwah berkenaan.
5. Cabaran kelima ialah untuk menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju. Jika dilihat kepada beberapa indikator untuk mencapai status negeri maju, sesebuah negeri atau negara perlu merujuk kepada piawaian antarabangsa yang dipelopori oleh OECD iaitu sebuah badan luar yang menilai kemajuan sesebuah negeri atau negara berasaskan piawaian mereka sendiri. Sehubungan dengan itu, pengkaji

meletakkan cabaran ini iaitu menjadikan Islam sebagai asas utama bagi mengiktiraf kemajuan sesebuah negeri. Sudah pasti cabaran dan tugas ini dipikul oleh setiap institusi dakwah untuk menjadikan Islam sebagai indikator utama dalam penentuan kemajuan sesebuah negeri itu. Seterusnya dalam dapatan kajian ini, data menunjukkan bahawa aqidah adalah asas kemajuan khususnya dalam sesebuah negeri. Ertinya responden melihat aqidah adalah kerangka utama dalam menjadikan sesebuah negeri itu maju atau sebaliknya. Oleh yang demikian, jelas menunjukkan kepada kita bahawa aqidah adalah asas utama dalam mencapai kemajuan yang diharapkan.

Menerusi rumusan berhubung cabaran pengurusan dakwah di negeri maju ini, ia menunjukkan tentang kewajaran cabaran-cabaran tersebut memainkan peranan bagi semua institusi dakwah di negeri maju untuk menjadikannya sebagai kayu ukur dan rangsangan kepada mereka untuk bersaing serta berperanan besar dalam pengembangan dakwah. Cabaran-cabaran tersebut sebenarnya memberi gambaran jelas bahawa setiap institusi dakwah perlu positif dalam melakukan transformasi gerak kerja mereka lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan masyarakat yang maju keadaannya berasaskan dapatan kajian yang telah dipaparkan bab yang terdahulu.

5.2.3 Rumusan Berhubung Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Dalam bahagian ini, pengkaji akan merumuskan dapatan kajian berhubung masalah pengurusan dakwah di negeri maju.

1. Untuk masalah yang pertama, iaitu masalah perancangan pengurusan, dapatan kajian menunjukkan masalah yang sering berlaku dalam perancangan ini ialah banyak berlaku pertembungan program. Pengkaji berpendapat isu ini ada kewajarannya memandangkan memang terdapat banyak pertembungan program dan aktiviti di kalangan institusi dakwah. Ia bertambah rumit lagi jika pertembungan itu melibatkan unit yang sama dalam sesebuah jabatan. Akhirnya *mad'ū* atau golongan sasaran akan memberikan reaksi yang negatif berhubung masalah ini. Lantaran itu, setiap perancangan program perlu disusun dan perlu mengikut jadual yang telah ditetapkan.
2. Untuk masalah kedua pula merujuk kepada pengurusan institusi dakwah ialah masalah kewangan. Perkara ini adalah masalah global dan ia bukan sahaja menimpa institusi dakwah malah semua institusi yang mempunyai program dan aktiviti akan mengalami masalah yang sama. Bagi memperkukuhkan keadaan ini, masalah peningkatan kos semasa yang semakin meningkat menyebabkan responden mempersetujui masalah kewangan adalah masalah yang besar bagi sesebuah institusi khususnya institusi dakwah.
3. Untuk masalah ketiga, masalahnya ialah pertembungan dasar-dasar institusi dakwah. Perkara ini juga adalah satu masalah yang besar dan rumit. Umum maklum

bahawa di negara ini terdapat pelbagai institusi dan organisasi dakwah dan ia tidak terkecuali di negeri Melaka ini. Masalah yang sering timbul, apabila tiada keseragaman halatuju dan dasar. Akhirnya berlaku pertembungan dasar yang pelbagai. Lantaran daripada itu, ia menjadi masalah dalam pengurusan dakwah ini. Bagi memperkukuhkan senario ini, responden berpendapat bahawa masalah utama ialah apabila wujudnya unsur-unsur politik dalam institusi dakwah terbabit. Akhirnya ia menimbulkan masalah kerana wujudnya unsur '*bias*' (cenderung) kepada sesebuah parti politik yang dilihat tidak mendatangkan sebarang implikasi yang positif kepada gerak kerja dakwah.

4. Masalah keempat ialah persaingan gerakan misionari Kristian. Sejarah telah membuktikan bahawa Melaka adalah negeri pertama di Malaysia yang telah dijajah oleh kuasa Barat iaitu Portugis pada 1511. Ertinya kedatangan Portugis ini membawa bersamanya gerakan Kristian untuk disebarkan di Tanah Melayu pada ketika itu. Peninggalan penjajahan Portugis yang datang bersamanya Kristian itu masih boleh dilihat dengan jelasnya di Melaka kini. Sehubungan dengan itu, pengkaji meletakkan masalah ini memandangkan ia adalah suatu realiti bahawa di Melaka kini gerakan Kristian begitu kuat dengan penubuhan gererja Kristian yang banyak. Oleh itu, misionari Kristian dilihat sebagai masalah besar kepada pengurusan dakwah di negeri Melaka. Bagi memperkukuhkan keadaan ini, indikator yang menyatakan mubaligh Kristian aktif dan proaktif dalam gerakan mereka mencatatkan min yang tertinggi. Rentetan daripada itu, ia adalah satu masalah besar kepada institusi dakwah di Melaka untuk melaksanakan gerakan dakwah mereka kerana wujudnya persaingan daripada misionari Kristian.

5. Masalah kelima pula ialah masalah penghakisan nilai-nilai murni di kalangan umat Islam atau dikenali juga *de-islamisasi*. Perkara ini sebenarnya adalah penyakit sosial yang semakin parah keadaannya kini. Sehubungan dengan itu, ia menjadi masalah kepada pengurusan dakwah dalam sesebuah institusi khususnya dalam merangka bentuk dan metodologi dakwah untuk digunakan dalam usaha mengembangkan dakwah Islamiah dalam dunia yang semakin maju dan kompleks ini. Dalam mengukuhkan kenyataan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa umat Islam kini lebih terdedah kepada hiburan. Perkara ini ada kewajarannya memandangkan realiti dan mentaliti manusia kini lebih cenderung kepada hiburan. Lantaran ia adalah satu masalah kepada institusi dakwah dalam usaha mereka untuk merangka program dan aktiviti yang sesuai dengan kehendak dan kemahuan masyarakat Islam kini yang lebih terdedah kepada hiburan. Oleh itu, setiap institusi dakwah perlu kreatif dan inovatif dalam merangka gerak kerja dakwah yang baik dan sistematik. Akhirnya ia kembali kepada pengurusan dakwah yang mantap dan bijak untuk menyelesaikan polemik dan masalah masyarakat Islam kini.

Berdasarkan rumusan di atas, jelas menunjukkan bahawa institusi dan organisasi dakwah kini berhadapan masalah pengurusan dakwah yang berat keadaannya. Masalah yang wujud ini merangkumi dalam dan luaran. Sehubungan dengan itu setiap institusi dakwah perlu menyusun dan merangka strategi dakwah yang tersusun dan holistic dalam menghadapi cabaran dan masalah dakwah yang semakin menguji sifatnya.

5.3 Cadangan Secara Umum.

Dalam sesebuah kajian ilmiah, perlu dinyatakan tentang cadangan yang seharusnya diberikan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk memastikan sumbangan kajian itu dimanfaatkan bersama. Ertinya cadangan yang dikemukakan ini adalah untuk kebaikan dan *survival* pengurus dakwah masa akan datang. Lantaran daripada itu, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan untuk diberikan perhatian oleh setiap institusi dakwah untuk memperkemaskan gerak kerja mereka seiring dengan kedudukan mereka di dalam masyarakat dan negeri yang maju.

5.3.1 Cadangan Berhubung Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju.

Hasil dari dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa Negeri Melaka sudah pun mencapai status negeri maju pada 2010 yang lalu. Status negeri maju ini merupakan satu kebanggaan buat pemimpin dan rakyat negeri ini. Namun demikian, senario dakwah di negeri maju ini harus diberi perhatian memandangkan rumusan kajian ini banyak menunjukkan bahawa dalam usaha mengejar dan mengekalkan status negeri maju ini, ia mempunyai banyak tugas dan tanggungjawab yang harus dipikul bersama khususnya dalam menjamin kelangsungan dakwah Islamiah di negeri yang maju ini. Berikut adalah cadangan yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak dalam memastikan kelangsungan Islam seiring dengan kemajuan sesebuah negeri.

1. Kerajaan negeri Melaka perlu mewujudkan satu lagi produk pelancongan seiring dengan dasar kerajaan Melaka yang menjadikan taraf kesihatan sebagai satu produk iaitu pelancongan kesihatan. Dalam membincangkan perkara ini, wajar sekiranya

kerajaan negeri mewujudkan ‘pelancongan dakwah’. Ertinya dalam merealisasikan perkara ini, kerajaan negeri seharusnya memperhebatkan serta menggembelng semua institusi dakwah di Melaka untuk bekerjasama dalam mengembangkan dakwah di negeri maju ini untuk dijadikan sumber rujukan kepada institusi dakwah di negeri lain.

2. Cadangan seterusnya ialah kepada pemimpin di Melaka ini untuk menjadi pendakwah seiring dengan keupayaan mereka sebagai pimpinan masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pimpinan negeri kerap turun padang untuk melihat masalah rakyat. Ini adalah satu senario yang sangat positif. Sehubungan dengan itu, amat wajar pemimpin yang turun padang bukan sahaja melihat masalah rakyat malah mampu bertindak sebagai pendakwah seperti mengimamkan solat, memberi tazkirah dan mengetuai bacaan doa dalam majlis-majlis kenduri. Pengkaji yakin jika usaha ini dilakukan ia akan memberikan kesan yang positif.
3. Kemajuan sesebuah negeri itu lebih terarah kepada pembangunan modal insan yang terdapat dalam negeri tersebut. Oleh itu aspek pendidikan dilihat memainkan peranan yang penting dalam melahirkan modal insan yang baik. Cadangan yang ingin dinyatakan di sini ialah, setiap institusi pendidikan di negeri maju ini harus memainkan peranan mereka dalam membentuk dan membangunkan modal insan yang dikehendaki menepati kehendak Islam. Ia bertambah perlu dengan merujuk kepada institusi pendidikan yang menjadikan Islam sebagai terasnya seperti sekolah-sekolah aliran agama, institusi pengajian tinggi khususnya Kolej Universiti Islam Melaka yang memainkan peranan yang besar dalam pengembangan dakwah Islamiah menerusi pendidikan.

4. Cadangan seterusnya ialah kepada kerajaan Melaka untuk terus membantu dalam bentuk dana kewangan kepada semua institusi dakwah yang wujud di negeri ini dalam usaha mereka untuk menyebarkan dakwah Islamiah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan Melaka memiliki institusi dakwahnya tersendiri menerusi Majlis Agama Islam Melaka. Namun, sekiranya kerajaan Melaka mampu membantu semua institusi dakwah di negeri ini khususnya badan-badan bukan kerajaan, hasilnya amat positif dalam menjamin kelangsungan dakwah di negeri Melaka yang maju ini.

Menerusi cadangan di atas, pengkaji lebih memfokuskan kepada kerajaan negeri Melaka untuk mengambil tindakan proaktif bagi menggerakkan usaha dakwah Islamiah agar berada kedudukan yang tertinggi. Jika mereka mampu melonjakkan Melaka sebagai sebuah negeri maju, masakan tidak mengembalikan semula kegemilangan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam yang tersohor suatu ketika dahulu.

5.3.2 Cadangan Berhubung Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa cabaran pengurusan dakwah di negeri maju ini. Berikut adalah beberapa cadangan pengkaji kepada semua institusi dakwah di negeri ini.

1. Setiap institusi dakwah perlu berusaha dengan lebih serius untuk mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien. Ertinya kelesuan yang kadang kala membelenggu institusi dakwah haru dikikis dan dibuang. Sekiranya tiada sebarang

perubahan, natijahnya kesan yang negatif akan kelihatan tambahan pula kemajuan negeri ini akan mewujudkan suasana yang mencabar.

2. Setiap institusi dakwah perlu menyediakan golongan pendakwah yang berpotensi, intelek dan mempunyai semangat juang yang tinggi dalam merealisasikan tugas dakwah mereka. Tindakan yang perlu diambil ialah dengan melakukan latihan dan pembangunan terhadap pendakwah dari pelbagai sudut khususnya pembangunan insan. Tambahan pula suasana *mad'ū* kini semakin mencabar situasinya. Ini disebabkan tugas kepada penyebaran Islam ini mempunyai nilai kesinambungan yang berterusan.
3. Setiap institusi dakwah perlu memikirkan cara untuk mendapatkan dana bagi menampung kos operasi yang semakin meningkat. Ia boleh dicapai dengan memohon peruntukan daripada kerajaan bagi memenuhi tuntutan program yang hendak dijalankan. Dalam hal ini, pengkaji memuji usaha yang dimainkan oleh ABIM dengan mewujudkan Koperasi Belia Islam yang berperanan untuk menjaga kewangan mereka. Akhirnya mereka mampu bergerak dengan jayanya seiring dengan kemajuan negeri ini khususnya dan Malaysia amnya.
4. Setiap institusi Islam di negeri maju perlu memikirkan untuk mewujudkan program dakwah yang berkualiti khususnya dalam mendekati golongan sasaran yang pelbagai rentak dan keadaannya. Program-program dakwah yang dijalankan perlu memenuhi tuntutan semasa serta kehendak *mad'ū* tanpa membelakangkan kaedah syarak. Contohnya dengan membuat program kesenian Islam dalam usaha mendekati golongan remaja yang cenderung kepada hiburan dan kesenian. Setiap institusi

dakwah perlu mengenali golongan sasaran masing-masing agar metodologi yang digunakan akan membuahkan hasil.

5. Setiap institusi dakwah di Melaka ini harus meletakkan halatuju dan matlamat mereka seiring dengan kemajuan negeri ini. Jika negeri Melaka meletakkan pelbagai indikator untuk menjadi maju, mereka juga seharusnya meletakkan beberapa indikator untuk maju bersama tetapi maju dalam penyebaran dakwah mereka menerusi program yang berkualiti dan pengurusan yang baik. Malang keadaannya jika musuh-musuh Islam maju seiring dengan negeri Melaka ini tetapi institusi dakwah ketinggalan kedudukannya.

Diharapkan cadangan ini, mampu memberi rangsangan dan motivasi kepada institusi dakwah di negeri Melaka yang maju ini untuk melakukan anjakan paradigma dan tindakan agar dakwah Islam ini dapat ditegakkan hasil daripada cabaran yang mendatang ini.

5.3.3 Cadangan Berhubung Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa masalah pengurusan dakwah di negeri maju ini. Berikut adalah beberapa cadangan pengkaji kepada semua institusi dakwah di negeri ini berhubung masalah yang wujud ini.

1. Masalah pengurusan yang sering timbul dalam institusi dakwah ialah masalah perancangan. Pelbagai implikasi yang negatif akan wujud jika masalah ini timbul. Sehubungan dengan itu, setiap institusi dakwah perlu memahami dan melaksanakan

amalan pengurusan dakwah yang bijak dan sempurna. Perancangan program misalnya hendaklah dibuat dengan rapi dan tersusun bagi memastikan kelancarannya. Namun setiap pengurusan institusi dakwah perlu melihat sama ada program yang dijalankan member kesan yang maksimum atau sebaliknya.

2. Setiap institusi dakwah perlu memikirkan agar masalah kewangan ini dapat diatasi. Berdasarkan kepada senario ini, adakalanya sesebuah institusi dakwah itu merancang untuk mengadakan program dakwah yang banyak, namun tidak melihat keupayaan kewangan yang dimiliki. Kesannya banyak program tergendala disebabkan kekangan kewangan yang rumit. Saranan yang dapat diberikan di sini, ialah pengurusan institusi dakwah perlu melihat keupayaan kewangan mereka terlebih dahulu dan melihat kewajaran sesebuah program itu dapat dilaksanakan. Jika tiada masalah, ia hendaklah diteruskan dan begitulah sebaliknya.
3. Masalah seterusnya ialah berhubung dengan pertembungan dasar institusi dakwah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa di negara ini wujud pelbagai institusi dakwah yang mempunyai halatuju dan objektif yang pelbagai. Namun sebenarnya ia bukanlah alasan bagi mereka untuk bercakaran dalam memenangi hati golongan sasar mereka. Seharusnya setiap institusi dakwah terbabit perlu menghormati metodologi serta matlamat sesebuah institusi dakwah tersebut selagi ia tidak bertentangan dengan syarak. Tiada siapa yang untung malah rugi yang menimpa jika pertembungan dasar ini menjadi masalah dalam pengurusan dakwah lebih-lebih lagi apabila masyarakat dan negara sudah mencapai status maju.

4. Masalah persaingan daripada misionari Kristian ini sebenarnya bukanlah perkara baru. Namun yang menghairankan apabila melihat kesungguhan misionari Kristian dalam menyebarkan ajaran mereka dengan komitmen yang tinggi. Sehubungan dengan itu, semua pengurusan institusi dakwah di negeri maju perlu memikirkan apakah strategi dan metodologi untuk mengekang usaha-usaha misionari Kristian yang licik ini. Oleh yang demikian masalah misionari Kristian ini harus dijadikan kekuatan kepada semua pengurusan dakwah untuk melipat gandakan usaha mereka dalam menyebarkan ajaran Islam ini dengan sebaiknya.

5. Setiap institusi dakwah harus melihat penghakisan nilai-nilai Islam atau *de-islamisasi* adalah masalah umat Islam kini. Sehubungan dengan itu, setiap pengurusan institusi dakwah perlu melihat apa yang berlaku kepada umat Islam kini adalah dorongan dan pemangkin kepada mereka untuk terus aktif dalam menjalankan kegiatan dakwah mereka agar masalah umat Islam kini dapat diselesaikan.

Berdasarkan cadangan ini, pengkaji mengharapkan agar setiap institusi dakwah khususnya yang melibatkan pengurusannya mengambil perhatian yang serius, tambahan pula di negeri maju yang mana rata-rata cabaran dan masalah ini memang wujud. Cuma sejauh mana keseriusan itu tidak dapat dijelaskan dengan terperinci. Namun setiap pengurusan dakwah perlu peka, agresif dan proaktif dalam menangani masalah ini di samping memastikan penyebaran dakwah dilaksanakan dengan jayanya.

5.4 Kesimpulan.

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian pada bab yang lalu, pengkaji dapat merumuskan beberapa perkara pokok seiring dengan objektif kajian ini. Rumusan yang dilakukan merangkumi tiga objektif utama kajian ini. Seterusnya menerusi rumusan tersebut, pengkaji mengemukakan cadangan yang dilihat relevan berasaskan rumusan yang telah dijalankan. Lantaran daripada kesinambungan kajian ini yang teratur, dapatlah disimpulkan bahawa memang wujud cabaran dan masalah terhadap pengurusan dakwah di negeri maju khususnya negeri Melaka yang sudah mencapai status maju pada 2010 yang lalu. Harapan pengkaji agar metodologi dan dapatan kajian ini dapat membantu kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk menilai tentang beberapa perkara yang dibincangkan dalam kajian ini khususnya tiga objektif yang telah digariskan.

BIBLIOGRAFI

Al-Qurān al-Karīm.

A. Cortesao (pnyt.) (1967). *The Suma Oriental of Tome Pires and the Book of Francisco Rodrigues*. T.tpt. : The Hakluyt Society.

A. Hasjmy (1974), *Dustur Dakwah Menurut al-Quran*. Jakarta : Bulan Bintang.

A Samad Ahmad (pnyt.) (1986), *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd. Zin (2000), “Hubungan Dakwah Dengan Ahli Korporat”, *Jurnal Usuluddin*, Jil. 1 Bil. 11, Julai 2000.

Ab. Aziz Mohd. Zin (2002), “Pembangunan Minda Pegawai Masjid” (Kertas kerja Seminar Pembangunan Masjid di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 28 Disember 2002.

Ab. Aziz Mohd. Zin (2004) *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Syarahan Perdana Peranan Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd. Zin (2006), “Dakwah Dalam Pembinaan Islam Hadhari Di Malaysia” dalam Nor Raudah Hj. Siren, et.al *Dakwah Islam Semasa Konsep Dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd. Zin et.al (2006), *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd. Zin (2012), *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi Saw*. Kuala Lumpur : Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ab. Mumin Ab. Ghani (1996), “Penerapan Konsep Pemasaran Dalam Dakwah”, *Jurnal Usuluddin*, Bil 5.

Ab. Mumin Ab. Ghani (2006), ‘Sistem Pengurusan Islam : Tinjauan Menyeluruh Dari Aspek Konsep’ dalam Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadilah Mansor , *Dimensi Pengurusan Islam ; Mengurus Kerja Dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Rahim Selamat, et.al (2010), *Melaka Negeri Maju : Perspektif Pendidikan*. Batu Pahat : Penerbit Universiti Tun Hussin Onn.

Abd. Ghafar Don (2006), ‘Pendekatan Dakwah The Islamic Foundation (UK) Melalui Program Cultures Awareness Training’ dalam Nor Raudah Hj. Siren, et.al., *Dakwah Islam Semasa ; Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Abd. Ghafar Don (2010), ‘Pengurusan Institusi Dakwah di Britain : UK Islamic Mission (UKIM)’ dalam Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Salasiah Hanin Hamjah, *Pengurusan Organisasi Dakwah*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah UKM.

Abd. Ghaffar Don dan Berhanundin Abdullah (2002), ‘Pengurusan Masjid Dalam Membentuk Masyarakat Bertaqwa’ dalam Sulaiman Ibrahim, et.al (ed.) *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*, Bangi : Jabatan pengajian Dakwah dan kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abd. Ghaffar Don dan Kamaruzzaman Yusoff (1999), ‘Peranan Masjid Dalam Menjana Kebangkitan Siasah Islam’ dalam Zulkiple Abd. Ghani, et.al. (pnyt.) *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.

Abd. Monir Yaacob (2000), ‘Universaliti Piagam Madinah’ dalam Abd. Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (pnyt.) *Kriteria Negara Berteraskan Prinsip Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Ghafar Don (2000), ‘Budaya Hedonisme : Corak dan Kesannya Terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia’ dalam Fariza Mohd. Sham, et.al., *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.

Abdul Ghafar Don (2003), ‘Peranan Institusi Dakwah Di Britain : Kajian di The Islamic Foundation’ (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Abdul Hamid @ Yusof b. Yunus (1993), ‘Fatwa di Malaysia : Satu Penilaian Sejarah’, *Jurnal Penyelidikan Islam*, Jilid 1, Bil. 8.

Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) (1980), ‘Peranan Masjid : Pelajaran Dan Sebaran Am Dalam Bidang Dakwah’ dalam *Laporan Muktamar Dakwah Islamiah Tenggara Asia dan Asia Pasifik*, 11-14 Januari 1980.

Abdul Manaf Ahmad (1998), ‘Masalah Dakwah Islamiah Di Malaysia Dan Cara Mengatasinya’ dalam Abdullah Muhammad Zin, et.al., *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi : Penerbit UKM.

Abdul Manaf Haji Ahmad (1998), ‘Masalah Dakwah Islamiah di Malaysia Dan Cara Mengatasinya’ dalam *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM.

Abdul Monir Yaacob (2005), ‘Media Barat Salah Faham’ dalam Abdul Monir Yaacob dan Norhanizah Ismail , *Islam Hadhari Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Munit Kasmin (2005), “Selangor 2005 – Petunjuk Pembangunan Ekonomi” dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Seminar Selangor 2005 : Model Islam Sebuah Ekonomi Maju*. Shah Alam : Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Abdul Rahman Abdullah (1992), *Gerakan Islam Tradisional Di Malaysia : Sejarah Dan Pemikiran Jamaat Tabligh Dan Darul Arqam*, Kuala Lumpur : Penerbitan Kintan.

Abd. Rahman Embong (2006) “Pembangunan Insan Wawasan 2020 Takrif Negara Maju Dalam Agenda Pembangunan Negara” (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Psikologi Pembangunan Komuniti ISM-UKM di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur), 20-21 Disember 2006.

Abdul Rahman Mohd. Said (1999) “Membimbing Ummah Melalui Multimedia” dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman, *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Razak Abu Chik (ed.) (2012), *Melaka Transformed Under Datuk Seri Mohd. Ali Rustam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing.

Abdul Wahab Zakaria (1992), *Konsep Kepimpinan Dalam Islam ; Pesanan Seorang Da'ie*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam.

Abdullah Ishak (1991), *Islam Di India, Nusantara dan China*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.

Abdullah Muhammad Zin (1991), *Islamic Da'wah (Mission) ; The Definition, Conception & Foundation* 1st Edition. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

Abdullah Muhammad Zin (2000), Pengurusan Dakwah Dalam Masyarakat Cina Dan Orang Asli dalam Abd. Ghafar Don, et.al (ed.) *Dakwah Dan Pengurusan Islam di Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abu al-A'la al-Maududi (1980), *Islamic Movement Pre-requisties For Success*. Aligarh : Crescent Publisihing Company.

Abu Bakar Abdul (ed.) *12 Tahun Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Cemerlang 2000-2011*. Melaka : Dunia Melayu Dunia Islam.

Ahmad Azam Abdul Rahman (2000), “Dakwah Dalam Gerakan Islam Di Malaysia” dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, et. al *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Bangi : Jabatan Dakwah dan Kepimpinan UKM.

Ahmad Falahdini (2013), *Aura & Umph Ali Rustam*, t.tpt. : Prominent Publishing Sdn. Bhd.

Ahmad Hidayat Buang, et.al (2000), *Laporan Penganalisaan Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia*, Penyelidikan Projek IRPA), Kuala Lumpur : Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian islam, Universiti Malaya.

Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991), *Pengurusan Dalam Islam* (terj. Abd. Rashid Ngah dan Jusoh Kadir). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Jelani Halimi (2008), *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.

Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2002), “Sistem Pemerintahan Demokrasi”, *Jurnal Pemikir*, April-Jun 2002.

Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2008), *Cabaran dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Pahang*. Bangi : Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Ahmad Sarji Abd. Hamid (2005) Sembah Ucapan dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Dan Seminar Selangor 2005 : Model Islam Sebuah Ekonomi Maju*. Shah Alam : Jabatan Mufti Selangor.

Ahmad Sarji Abd. Hamid (2005) “Indeks Pembangunan Ummah Di Malaysia” dalam *Sekadar Berpendapat*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Ahmad Şarūr Muḥammad (1978), *Usūl al-Idārah al-‘Amal*. Qāhirah : Dār al-Kitāb al-‘Arabī.

Aḥmad, Muḥfid Khālīd (1995), *‘Alaqah Baina al-Fiqh wa al-Da’wah*. Kuwait : Dār al-Bayān.

Aidit Ghazali (1990), *Development In Islamic Perspective*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications.

Aidit Ghazali (1993), “Negara Maju Berteraskan Sistem Nilai” dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt.) *Ke Arah Negara Maju Berdasarkan Sistem Nilai*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Malaysia.

Alain Mingat (1998) “ The Strategy Used by High-Performing Asian Economics in Education : Some Lessons for Developing Countries,” *World Development* 26, no. 4 (April 1998).

Alī, Muḥammad Kurd (1968), *al-Islām wa al-Ḥādārāḥ al-‘Arabīyah*. Qāhirah : Maṭba‘ah Lujnah al-Ta’līf wa al-Turjumah wa al-Nasyr.

Alurī, Adam Abdullāh al- (1989), *Tārīkh al-Dakwah al-Islamīyyah Baina al-Ams ilā al-Yaum*. Qāhirah : Maktabah Wahbah.

Amir Hassan Siddiqi (1970), *Cultural Centers of Islam*, Karachi : Jamiyatul Falah Publications.

Anifah Hamzah, et.al (2003), *Fundamental Economics*. Petaling Jaya : Prentice Hall-Pearson.

Anis, Ibrāhīm & Muntaṣar, ‘Abd. Ḥalīm (1972), *al-Mu’jam al-Wasiṭ*, Jilid 2. Beirut : Dār Iḥya al-Turāth al-‘Arabīy.

Anthony B. Zwi dan Anne Miils (1995), “Health Policy in Less Developed Countries : Past Trends and Future Directions”, *Journal of International Development* 7, no. 3 (May-June 1995).

Anuar Puteh, et.al. (2010), “Pengurusan Aktiviti Saudara Kita di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah” dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus dan Salasiah Hanin Hamjah *Pengurusan Organisasi Dakwah*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.

Appleton, S, Hoddinott, J dan MacKinnon (1996), “Education And Health In Sub-Saharan Africa” *Journal of International Development* 8, No. 3 (May-June 1996).

Asmadi Mohamed Naim (2003), *Maqasid Syariah Dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Auni Hj. Abdullah (2000), *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur : Ikdas Sdn.Bhd.

Azizi Yahya, et.al (2006), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan ; Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur : t.pt

Azman Che Omar (2001), *Pengurusan Di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Badlihisam Mohd. Nasir (2000), “Dakwah Gerakan Islam Tanahair : Sorotan Terhadap PAS, ABIM dan JIM” dalam Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, et.al (ed.), *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Badlihisam Mohd. Nasir (2002), “Masa Depan Gerakan Dakwah Di Malaysia”, *Pemikir*, April-Jun 2002.

Badlihisam Mohd. Nasir (2002), “Masa Depan Gerakan Dakwah di Malaysia”, *Pemikir*, April-Jun 2002.

Badlihisam Mohd. Nasir (2009), *Dinamisme Gerakan Islam Dan Cabaran Semasa*. Shah Alam : Karisma Publications.

Bahagian Rumahku Syurgaku, <http://rumahku.syurgaku.gov.my>. 12 Januari 2012.

Baharudin Yusoff et. al (2006), *Melaka Maju 2010*. Melaka : Pusat Sumber Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Barry Holden (1980), *The Nature of Democracy*. Britain : Thomas Nelson and Sons Ltd.

Bartol, K.M dan Mactin, D.C (2003), *Management*, Boston : Mc Graw Hill.

Bayānūnī , Muḥd. ‘Abd al-Fattaḥ al- (1993), *al-Madkhal ilā ‘Ilm al-Dakwah*. Beirut : Mūassasah al-Risālah.

Berhanudin Abdullah (1993) “Pengurusan pentadbiran Organisasi Dakwah di Malaysia” (Disertasi Sarjana , Jabatan Pengajian Dakwah dan kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia),

Berhanudin Abdullah (1997), *‘Amal Jama’ie Dalam Organisasi Islam*. Besut : Zabib Enterprise.

Berhanudin Abdullah (2000), “Pentadbiran Organisasi Dakwah” dalam Abd. Ghaffar Don, et.al (pnyt.), *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berhanudin Abdullah (2000), “Pengurusan Dakwah Dalam Menangani Gejala Sosial” dalam Fariza Md. Sham, et.al *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors.

Berhanudin Abdullah (2000), “Pengurusan Masjid Dalam Pembentukan Masyarakat Harmoni : Kajian Kes di Kalangan Guru Pelatih di Maktab Perguruan Islam, Bangi” (Kertas kerja Seminar Penyelidikan Islam Ke 3 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).

Bernard Lewis (1970) *The Arabs In History*, 5th edition. London : Hutchison University Library.

Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam (2006), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam.

Choo Sook Yee, et. al (2005), *Ekonomi*. Singapore : Thomson Learning.

Chua Yan Piaw (2011), *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1 : Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.

Darrāz. Muḥamad Abdullāh (1997), *Dustūr al-Akhlāq*. Kuwait : Dār al-Qalām.

Direktorat Pelaksanaan Negeri (2006), *Melaka Pencapaian Cemerlang, Gemilang Dan Terbilang 2000-2006*. Melaka : Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Dḥahāyan, Abd. al-Raḥmān (1986), *al-Idārah fī al-Islām*. Beirut : Dār al-Syurūq.

Donald Ary, et. al (1985), *Introduction To Research In Education 3rd ed*. New York ; Rinehart and Winston.

Eilen Fry, et.al (1997) “Religions in UK” dalam Paul Weller, *A Multi Faith Directory*. Derby : University of Derby and The Inter-Faith Network for The United Kingdom.

Ernest Dale (1960), *The Great Organizers*. New York : Mc Graw-Hill Book Company.

Faṭḥī Yakan (1974), *Musykilāh al-Dakwah wa al-Da’iyāh*. Beirut : Dār al-Risālāh.

Fattaḥ, ‘Abd. al-Munṣif Maḥmūd ‘Abd, al- (1983) *Yānabie al-Sa’ādah*. Qāhirah : Ha’iah Ulamā’ al-Wa’az bi al-Azhar.

Fattaḥ, Muḥammad Sa’id ‘Abd. al-, (1981), *al-Idārah al-‘Āmmah*. Qāhirah : Dār al-Miṣriyah al-Ḥadīthah.

Fong Chan Onn (1994), “Pendidikan Dan Latihan Ke Arah Mencapai Wawasan 2020” dalam Ibrahim Abu Shah, et.al *Perspektif Sumber Manusia Ke Arah Pencapaian Wawasan 2020*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

G.R. Tibbets (1979), *A Study of Arabian Texts Containing Material on South-east Asia*, London : Royal Asiatic Soc.

Gary Dessler (1987), *Management Fundamentalist*. New York : Reston Publishing Company.

George Sarton (1968), *Introduction To The History of Science*, Vol. 1. Baltimore : The Williams & Wilkinson Co.

Ghaḍbān, Munīr Muḥamad al- (1985), *al-Manḥāj al- Ḥarakī lī al-Sīrah al-Nabawīyah*. Jordan : Maktabah al-Manār.

Ghalwash, Aḥmad Aḥmad (1979), *al-Da’wah al-Islamīyah Uṣūluḥā wa Wasāluḥā*. Qāhirah : Dār Kitāb al-Miṣri.

Ghazālī, Muḥammad al, (1981), *Ma’a Allāh*. Beirut : Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Hadrami, ‘Abd. Rahman b. Muhammad Khaldun (1980), *The Muqaddimah : An Introduction To History* (terjemahan Franz Rosenthal). Princeton.

Hamid Mowlana (1993), “The New Global Order and Cultural Ecology” *Media Culture and Society*, Vol. 18, no.1.

Hanita Hassan (penyelenggara) (2007), *Koleksi Eksklusif Ucapan KM Bersama IKSEP ; Modal Insan Menjana Pembangunan Masyarakat Dan Negara*. Melaka : Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme.

Harun Nasution (1995), *Islam Rasional*. Bandung : Pustaka Mizan.

Hashim Makaruddin (ed.) *Pengurusan Ekonomi Malaysia ; Ucapan Pilihan Dr. Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Ḥuqayl, Sulaymān b. ‘Abd. al-Raḥmān (t.t) *al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-nahy ‘an al-Munkar*. t.tp : Mawqī’ al-Islām.

Ian Brownile (1990), *Principle of Public International Law*. Oxford : Clarendon Mass.

Ibn. Khaldun (2006), *Mukadimah* (terjemahan). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Hj. Che Noh (1995), “Dakwah Kepada Non-Muslim : Masalah Dan Cabaranya” dalam Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (ed.) *Dakwah Islamiah Malaysia Malaysia Masa Kini*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibrahim Syukri (1985), *History of Malay Kingdom of Patani*. Athens : Center for International Studies Ohio University.

Ideris Endot (1988), *Tasawwur Dakwah Islamiah Di Malaysia (Satu Tinjauan Awalan)*. Kuala Lumpur : al-Rahmaniah.

Institut Tadbiran Awam Negara (1992), *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur : INTAN.

Ishfaq Ahmad (2000), “Research And Development in The Islamic World; Past and Present Problems and Future Directions”. *Journal of Islamic Science*. Vol. 16 (1-2),

Ismā’īl, ‘Abd. Al-Khāliq Ibrāhīm (1997), *al-Da’wah Ilā Sabīl Allāh Usūluhā wa Miyadīnuhā*. Misr : Mūasassah al-Nujūm al-Hāsyīmīyah.

Ismail Noor (2002), *Prophet Muhammad’s Leadership ; The Paragon Of Excellence Altruistic Management. A Cross-Application To Modern Management And Leadership Practice*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors.

J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan Penggunaannya Dalam Pemasaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jaafar Muhammad (2000), *Asas Pengurusan*, Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Jabatan Agama Islam Melaka, <http://www.jaim.gov.my>.

Jabatan Hal Ehwal Khas, [http:// www.jasa.gov.my/home_index.php?cont](http://www.jasa.gov.my/home_index.php?cont). 5 Mac 2010.

Jabatan Mufti Negeri Melaka, http://www.jabatan_mufti_melaka.gov.my. 31 Disember 2011.

James. A.F. Stoner & Charles Wankel (1986), *Management*, 3rd. Edition. New Jersey : Prentice Hall Inc.

Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adnan (1991), *Sejarah Islam : India-Nusantara-China*. Kuala Lumpur : Penerbit Elman.

Jemaah Islah Malaysia, <http://www.jim.org.my/organisasi.htm>. 21 Februari 2012.

John David Garcia (1971), *The Moral Society*. New York : The Julain Press Inc.

Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Saari (2003), “Pembangunan Ekonomi Masjid” dalam Norrodzoh Siren dan Yusmini Mohd. Yusuf, *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur : Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan.

Juhary Ali dan Ishak Ismail (2004), *Prinsip Dan Amalan Pengurusan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Julia Sanwell (ed.) (1995), *The Oxford Modern English Dictionary*. New York : Oxford University Press.

Kamus Dewan edisi 4 (1994), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kathīr, al-Imām Abī al-Fidā al-Ḥāfīz ibn, (1992), *Tafsīr al-Qurān al-Azīm*, Jilid 3. Beirut : Dār al-Fikr.

Kerajaan Negeri Melaka (2005), *Rumahku Syurgaku Modul 4 Pengukuhan Institusi Keluarga dan Masyarakat*. Melaka : Bahagian Rumahku Syurgaku.

Kerajaan Negeri Melaka. www.melaka.gov.my/bm/majlis-mesyuarat-kerajaan-negeri.htm/. 12 Disember 2011.

Khoo Kay Kim (2010), “Prolog 1” dalam Muhammad Yusoff Hashim, et.al (pnyt.) *Empayar Melaka Tradisi Agung Melaka* : Kerajaan Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka.

Khuḍarī, Muḥammad al- (1962), *Uṣūl Fiqh*. Qāhirah : al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.

Khullīy, Bahī al- (1983), *Tazkīrah al-Du’āh*. Beirut : Dār al-Qurān al-Karīm.

Khurshid Ahmad (1980), *Economic Development In An Islamic Framework*. United Kingdom : Leceister.

Kimbrough, R.B (1985), *Ethics : A Course Of Study For Educational Leaders*. Arlington : The American Association of School Administrators.

Laporan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 37, PERKIM Melaka.

Laporan Mesyuarat Agung Tahunan, Kali Ke 8, PERKIM Bahagian Melaka.

Lasswell, H.D dan Kaplan, A (1950), *Power And Society ; A Framework For Political Inquiry*. New Haven : Yale University Press.

Laṭīf, ‘Abd al-Ḥakām ‘Abd. (1995), *Ḥadārah Warada Zikruha fī al-Qurān wa al-Sunnah al-Nabawīyah*. Qāhirah : Maktabah Dār al-‘Arabīyah li al-Kitāb.

Lokman Abd. Rahman dan Musa Ahmad (1996), *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*, Melaka : Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka.

Lyle, L & Werff, W. (1997), *Christian Mission To Muslim The Research Anglican and Reformat Approache In India and The Near East 1800-1983*, California :William Carey Library.

Mahayudin Yahya (1990), *Islam Di Sepanyol Dan Sicily*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahayudin Yahya dan Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2000), “Fatwa dan Cabaran Isu Semasa” dalam Fariza Md. Sham, et.al (ed.), *Dakwah Dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2002), “Sumbangan Sarjana Islam Dalam Sains Dan Teknologi” (Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Islam dan Teknologi di Legacy Hotel Melaka, 11-12 September 2002).

Mahmud Saedon Awang Othman (1996), “Teori Pentadbiran Islam Menurut Ibn. Taimiyyah” dalam Abd. Halim El-Muhammady (penyelenggara) *Pengurusan Dalam Islam*, Petaling Jaya : Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.

Maḥmūd Shaltūt (1979), *Tawjīhāt Islām*. Qāhirah : Dār al-Kitāb al-‘Arabī

Maḥmūd, ‘Alī ‘Abd. al-Ḥalīm (1992), *Fiqh al-Dakwah al-Farḍīyyah*. t.tpt : Dār al-Wafā’.

Majlis Agama Islam, [http:// www.maim.gov/www/v1/info.php?](http://www.maim.gov/www/v1/info.php?). 2 Disember 2011.

Majlis Agama Islam Melaka. Piagam Pelanggan Majlis Agama Islam Melaka 2011.

Malik Bin Nabi (1977), *Dawr al-Muslimīn wa Risālatuh fī al-thuluth al-Akhīr min al-Qarn al-‘Ishrīn*. Beirut : Mūassasah al-Risālah.

Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn. Mukarram ibn., (1992), *Lisān al-‘Arab*, Beirut : Dār al- Ṣadīr.

Mardiana Nordin (2010), “Politik dan Pentadbiran” dalam Muhammad Yusoff Hashim et.al (pnyt.) *Empayar Melaka Tradisi Agung Melaka* : Kerajaan Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka.

Mashūr, Muṣṭafā (1995), *Min al-Fiqh al-Da’wah*. Qāhirah : Dār al-Tawzi’ wa al-Nashr al-Islāmīyyah.

Māwardī, Abū Ḥasan ‘Alī b.Muḥammad b. Ḥabīb al-Baṣrīy al-Baghdādīy (1983), *al-Aḥkām al-Sulṭaniyah wa al-Wilāyāh al-Dīnīyah*. Qāhirah : Dār al-Fikr.

Melaka Maju 2010 Dari Kacamata Mohd. Ali Rustam, <http://www.mohdalirustam.com/?p=98>. 26 Julai 2009.

Mohamad Abu Bakar (2000), “Dakwah Di Persimpangan ; Hala Tuju dan Masa Depan Islam Di Malaysia” dalam Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, et.al. (ed.) *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, UKM.

Mohamad Azam Mohamad Adil (2000), “Pengaruh Adat Tempatan Dalam Menentukan Fatwa Di Malaysia” (Kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa III, Peringkat Kebangsaan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) 7-8 November 2000.

Mohamad Nazli Omar (2003), “Pengurusan Institusi Dakwah Di Negeri Sembilan : Kajian di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mohd Jamil Mukmin (2009), *Gerakan Islam Di Malaysia Kesenambungan Respons Dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara.

Mohd. Jamil b. Mukmin (2010), “Pusat Dakwah dan Penyebaran Agama Islam Di Nusantara” dalam Muhammad Yusoff Hashim, et.al. (pnyt.) *Empayar Melaka Tradisi Agung. Melaka* : Kerajaan Negeri Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka.

Mohd. Jamil Mukmin (1994), *Melaka Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.

Mohd. Jamil Mukmin (2009), *Gerakan Islam Di Malaysia :Kesenambuingan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.

Mohd. Shahir Abdullah (1998), “Model Operasi Pengurusan Dakwah Di Malaysia” dalam Abdullah Muhammad Zin, et.al (pyt) *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Syukri Yeoh Abdullah dan Abdul Ghafar Don (2007), “Penyebaran Islam Di Andalus Menurut Perspektif Dakwah” dalam *Prosiding Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan II. Politik, Ekonomi, Sosial dan Intelektual Era Andalusi* Bangi : Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM.

Mohd Shariza Sulaiman “ Selangor Model Negeri Maju Selaras Tuntutan Syariat, <http://www.ikim.gov.my/v5/print.php?grp=2&key=748>. 16 Oktober 2009.

Muḥamad Dāwudī (1988), *al-Masjid fī al-Kitāb wa al-Sunnah wa Aqwāl al-Fuqahā'* : Miṣr : Dār al-Wafa'.

Muhamad Zulkhibri Abdul Majid (2004), *Ekonomi Malaysia Alaf Baharu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Kamal Hassan (1990), “Pembangunan Yang Berteraskan Islam” dalam Muhammad Syukri Salleh (pnyt.) *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking : A Survey of Contemporary Literature*. United Kingdom : The Islamic Foundation.

Muhammad Nur Manuty (1998), “Pendekatan Islam Dalam Menyahut Cabaran Wawasan 2020” dalam Abdullah Muhammad Zin, et.al., *Prinsip Dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM.

Muhammad Syukri Salleh (1990), “Ke Arah Pembentukan Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam” dalam Muhammad Syukri Salleh (pnyt.) *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Yasin Mazhar (1993), *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah* (terjemahan Khalil Mohd. Zain dan Md. Yunus Md. Said). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusuf Hashim (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Murtadza Hj. Ahmad (2000), Peranan Institusi Fatwa Dalam Dakwah dan Pengurusan Islam Dalam Abdul Ghafar Don, et.al., (ed.) *Dakwah dan Pengurusan Islam Di Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia.

Musa Ahmad (1994), “Pentadbiran Dan Pengurusan Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Tasawwur Islam*. Jil. 1.

Mustafa Dakian (2005) *Sistem Kewangan Islam Instrumen, Mekanisme Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.

Mustafa Kamil Ayub (1992), “Peranan ABIM Dalam Kebangunan Umat Islam di Malaysia” dalam Abdul Halim El-Muhammady *Dinamika Dakwah Suatu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*, Petaling Jaya: Budaya Ilmu.

Muṣṭafa Ṣibā’īe (t.th), *al-Sīrah al-Nabawīyah Durūs wa ‘ibar*. Beirut : al-Maktabah al-Islāmī.

Nadawī, al-Sayyid Abī al-Ḥassan ‘Alī al-Ḥasani al, (1977), *al-Sīrah al-Nabawīyah* . Jeddah : Dār al-Shurūq.

Naufal, Abū al-Majd al-Sayyīd (1977), *al-Da’wah ilā Allah Ta’āla, Khaṣāiṣuhā Muqawwimatuhā Manāhijuhā*. Qāhirah : Maṭba’ah al-Ḥadārah al-‘Arabīyyah.

Ni’mah, Ibrāhīm, (t.t.), *Fiqh al-Da’wah wa al-Da’īyah*. Jordan : Dār al-Furqān li al-Nashr wa al-Tawzi.

Omar Hasyim (1976), *Toleransi Dan Kemerdekaan Beragama Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog Antara Agama*. Surabaya : Pustaka Bina Ilmu.

Othman Talib (2002), "How Children Are Brought Up : An Islamic Perspective" dalam Sulaiman Ibrahim, et.al. (ed.) *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM.

Paul Glewwe (1996) "The Relevance of Standard Estimates of Rates of Return for Schooling for Educational Policy : A Critical Assessment," *Journal of Development Economics* 51, no. 2 (Disember 1996).

Pelan Strategik Jabatan Mufti Negeri Melaka, Melaka : Jabatan Mufti Melaka.

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (1994), Perlembagaan PERKIM, Kuala Lumpur : PERKIM.

Philip K. Hitti (1970), *History of The Arabs*. London : Mc Millan Press.

Pritchett. L (1997), "Divergence Big Time", *Journal of Economic Perspectives*. No. 3.

Psacharopoulos, G (1988), "Education And Development : A Review" *World Bank Observer* 3, no. 1, January 1988.

Qahtānī, Sa'īd b. 'Alī b. Wahb (200), *Fiqh al Da'wah fī Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhārī* Vol. 2 Rīyāḍh : al-'Āmmah li Idārah al-Buḥuth al-'Ilmīyah wa al-Iftā wa al-Da'wah wa al-Irshād.

Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1978), *Thaqāfah al-Da'īyah*. Beirut : Mūassasah al-Risālah.

Qaraḍāwī, Yūsuf al, (1995), *al-Islām Ḥaḍārah al-Ghad*. Qāhirah : Maktabah Wahbah.

Qaraḍāwī, Yūsuf al-, (1969), *al-Iman wa al-Ḥayah*. Beirut : Dar al-Saūdiyyah.

Qayyīm, Shams al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad, ibn (t.th), *al-Ahkām ahl al-Dhimmah*. Syriā : Maṭba'ah Jāmi'ah al-Dimashq.

Qurṭubī, Abī 'Abd. Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣarī (1995), *al-Jāmi' al-Ahkām al-Qurān* Juzuk 13. Beirut : Dār Iḥya' al-Turāth al-'Arabī.

R.G Anderson (1983), *A Dictionary Of Management Terms*, Plymouth : Mac Donald and Evans.

Raīs, Muḥammad Dhīā'uddīn al- (1976), *al-Nazārīyyah al-Siyāsah al-Islāmīyah*. Qāhirah : Maktabah Dār al-Turāth.

Raūf Syalabī (1982), *Sīkūlūjīah al-Rā'i wa al-Da'wah*. Kuwait : al-Qalam.

Razaleigh Muhamad @ Kawangit (2010), *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam ; Sejarah, Teori Dan Pelaksanaan..* Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM.

Risalah PERKIM "Memperkenalkan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, t.t.

Robert A. Dahl (1983), *Modern Political Analysis*, 4rd Edition. New Jersey : Englewood Cliff.

Roland J. Pennock (1979), *Democratic Political Theory*. New York : Princeton University Press.

Roslan Mohamed (2002) “ Keberkesanan Program Masjid : Kajian Umum Masjid-masjid Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur” (Kertas kerja Seminar Pembangunan Masjid di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 28 Disember 2002.

Roslan Mohamad (2003), Pengurusan Dakwah : ‘Sorotan Mengenai Konsep’, *Jurnal Yadim*. Bil. 5, Disember 2003.

Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*. Shah Alam : Ummah Media Sdn. Bhd.

Saari Sungip (1994), *Aktivisme JIM 1993-1995 Mengukuhkan Medan Fokus Dalam Menjayakan Program-program Pengislahan Masyarakat*. Shah Alam : Ummah Media Sdn. Bhd.

Sabitha Marican (2005) *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya : Pearson Prentice Hall.

Sabitha Marican (2006) *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Selangor : Edusystem Sdn. Bhd.

Ṣābūnī, Muḥammad ‘Alī al- (1981), *Ṣafwah al-Tafāsīr*. Jilid 2. Beirut : Dār al-Qurān.

Ṣāliḥ, Ṣubḥi al (1976), *al-Nuzūm al-Islāmīyah*. Beirut : Dār al ‘Ilm Lil Malāyīn.

Sahn D.E dan Alderman H (1988), “The Effects Of Human Capital Of Wages And The Determinants Of Labor Supply In A Developing Country”. *Journal Of Development Economic* 29. no.2.

Samuel Basse Okposin, et. al (2000), *The Changing Phases of Malaysia Economy*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications Sdn. Bhd.

Santosh Mehrotra dan Richard Jolly, (ed.) (1998) *Development With A Human Face : Experiences in Social Achievement and Economic Growth*. Oxford : Oxford University Press.

Sarah Richardson (1995), “The Return of The Plague”, *Discover* !6, No.5 (January 1995).

Sarida Mohd. Yaakop (2001), Saudara Baru di PERKIM : Kajian Tentang Permasalahannya, “ Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Shaharir Mohamad Zain (1992), “Kedudukan Matematik Muslim Dalam Sejarah Matematik” dalam Sulaiman Noordin, *Sains Menurut Perspektif Islam*. Bangi : Pusat Pengajian Umum UKM.

Shaharom TM Sulaiman (1999), *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Batu Caves : Thinkers Library.

Shellabear, W.G (1978), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.

Sherwin Rossen dan Bruce A. Weinberg (1997), “Incentives, Efficiency and Government Provision of Public Services” dalam Boris Pleskovic dan Joseph Stiglitz (pnyt.) *Annual World Bank Conference On Development Economic 1997*. Washington : World Bank.

Siddiq Fadhil (1979), “Amal Jama'iy : Satu Rumusan” (kertas kerja Tamrin al-Kadir di Kuala Lumpur), 6 Disember 1979.

Siddiq Fadzil, et.al (2005), *Pengurusan Dalam Islam Menghayati Prinsip Dan Nilai Murni*. Kuala Lumpur : Akademi Pengurusan YPEIM.

Sidek Mohd. Noah (2002), *Rekabentuk Penyelidikan ; Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Sidik Ishak (1996), *Buku 25 Tahun Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM (1971-1996))*. Petaling Jaya : Penerbitan ABIM.

Sīn, Aḥmad Ibrāhīm Abū (1984), *al-Idārah fī al-Islām* , Miṣr : Maktabah Wahbah.

Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt.) (1993), *Ke Arah Negara Maju Berasaskan Sistem Nilai*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Sohirin M. Solohin (2008), *Islamic Da'wah Theory and Practice*. Gombak : International Islamic University Press.

Stephens P. Robbins & Mary Coutler (2005), *Management*. Boston : Mc Graw Hill.

Stiglitz, J.E (1975), “The Theory of Screening Education And Distribution Of Income, *American Economic Review* 65. no 3.

Stuart R. Lynn (2003), *Economic Development ; Theory And Practice For A Divided World*. New Jersey : Pearson Education.

Sulaiman Ibrahim (1998), “Metodologi Dakwah Terhadap Non-Muslim Dalam al-Quran al-Karim ; Sorotan Terhadap Manhaj Diskusi Dakwah Para Nabi” dalam Abd. Ghafar Don, et.al (pnyt.) *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia : Konsep, Metode Dan Pengalaman*. Bangi : Jabatan Dakwah dan Kepimpinan.

Syamsul Bahri Andi Galigo (1998) “Pendekatan Dakwah Non-Muslim Mengikut Perspektif Sirah Nabawiyah dalam Abdul Ghafar Don, et.al (ed.) *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia : Konsep Metode dan Pengalaman*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syamsul Bahri Andi Galigo (2006), *Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampauan Agama*. Bandar Baru Nilai : Kolej Universiti Islam Malaysia.

Syaukānī, Muḥammad b. ‘Alī b. Muḥammad (1995), *Fath al-Qadīr*. Beirut : Dār al-Ma’rifah.

Syed Mahmudunnasir (1993), *Islam ; Its Concept And History*. New Delhi : Kitab Bhavan.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Othman al-Habshi (1998), “Kepentingan Pengurusan Dalam Dakwah Islamiah” dalam Abdullah Muhammad Zin, et. al, *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi : Penerbit UKM.

Syeikh ‘Alī Maḥfuz (1958), *Hidāyah al-Mursyidīm ilā Ṭurūq al-Wa’az wa al-Khitābah*. Qāhirah : al-Maṭba’ah al-Uthmānīyah al-Misrīyah.

Sheikh Othman Sheikh Salim (pnyt.) (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syuhbah, Muḥammad b. Muḥammad Abū (2009), *al-Sīrah al-Nabawīyyah fī Ḍau’ al-Qurān wa al-Sunnah*. Damsyiq. Dār al-Qalam.

T. Paul Schultz (1988) “ Education Investments and Returns” dalam Hollis Chenery dan T.N. Srivinasan (pnyt.) *Handbook of Development Economic*. Vol. 1. Amsterdam : Elsevier Science Publishers.

Taimīyah, Ibn. (t.t) *Majmū’ Fatāwā. Riyādh* : Tauzi’ al-Rīasah al-‘Āmah lī Idārah al-Buḥūth al-‘ilmīyah wa al-Iftā’ wa al-Dakwah wa al-Irsyād.

The World Almanac and Books Facts. 2001. New Jersey : World Almanac Books.

Thomas Vinod., et.al (2000), *The Quality of Growth*. Washington : World Bank.

Ulwān, ‘Abd. Allāh Nāṣih (1981), *Tarbīyah al-Awlad fī al-Islām*. Beirut : Mūassasah al-Risālah.

Umar Fārrukh (1983) *Tārīkh al-Fikr al-‘Arabīy*, Jilid 4. Beirut : Dār al ‘Ilm Lil Malāyīn

Umri, al-Sayyid Jalāl al-Dīn (1980), *al-Amr bi al-ma’rūf wa nahy al-munkar*. Kuwait : Syarīkah al-Shu’a lī al-Nashr.

Unit Perancang Ekonomi Negeri (2009), *Data Asas Melaka Negeri Bersejarah 2009*. Melaka : Jabatan Ketua Menteri Melaka.

United Nations Millenium Development Goals 2010 .
<http://www.un.org/millenniumgoals/stats.shtml>. 10 Januari 2010.

W.G. Shellabear (1982), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Wā'ī, Tāwfiq (1995), *al-Da'wah ilā Allāh : al-Risālah, al-Wasīlah wa al-Hadaf*. Qāhīrah : Dār al-Yaqīn li al-Tawzi' wa al-Nashr.

Wan Ali b. Wan Jusoh, et.al (2005), *Institusi-institusi Islam*. Kuala Lumpur : Universiti Teknologi Malaysia City Campus.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan Di Malaysia Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam.

Wan Hussein Azmi Abdul Kadir (1984), *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Hussein Azmi Abdul Kadir (1995), "Organisasi Dan Carta Gerakan Dakwah dalam Sidi Gazalba dan Zainab Ismail, *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wolters (1990), *Kejatuhan Sriwijaya Dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. h. 92.

World Bank (1993), *World Development Report 1993 : Investing In Health*. Washington : World Bank/Oxford University Press.

World Bank (2003), *Human Development Report 2003*.

Zaabar Yusof dan Mohd. Ansarullah Hashim (2000) "Pengurusan Dakwah dan Pelaksanaannya di JAWI dalam Abdul Ghafar Don, et.al (ed.) *Dakwah dan Pengurusan Islam Di Malaysia : Konsep Dan Pelaksanaan*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zafar Bangash (1996), *In The Pursuit of The Islam Major Wrings of Kalim Siddiqui*. London : The Muslim Institute.

Zainah Anwar (1987), *Islamic Revivalism in Malaysia : Dakwah Among Students*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications

Zainal Kling (2005), "Petunjuk Pembangunan Sosial Dalam Sebuah Ekonomi Maju" dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Seminar Selangor 2005 : Model Islam Sebuah Ekonomi Maju*. Shah Alam : Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Zaydān, 'Abd. Karīm (1991), *al-Madhkal li al-Dirāsah al-Syar'īyyah al-Islāmīyyah*. Beirut : Mūassasah al-Risālah.

Zulkiple Abd. Ghani (1995), "Diffusion of Da'wah Through Broadcasting Media : The Experience of Radio Television Malaysia (RTM)" (Tesis Doktor Falsafah, University of Edinburgh).

Zulkiple Abd. Ghani dan Abd. Ghafar Don (1996) “ Dakwah di Era Teknologi Maklumat : Cabaran Dan Prospek Masa Depan” (Kertas kerja Semianr Kebangsaan Dakwah dan Pengurusan Islam Di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi) 22-23 Julai 1996.


Zulkiple Abd. Ghani (1999) “Imperatif Multimedia Dalam Pembangunan Ummah” dalam Abu Bakar Abdul Majeed dan Siti Fatimah Abdul Rahman *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Zulkiple Abd. Ghani (1999), *Komunikasi Islam : Perkembangan Dan Dinamisme*, Bangi : Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.


Zulkiple Abd. Ghani (2001), *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.

Zulkiple Abd. Ghani (2003) Peranan Dakwah Dalam Menghadapi Kesan Media Massa Terhadap Perubahan Sosio Budaya dalam Fariza Mohd. Sham et.al., *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.


LAMPIRAN A : CARTA ORGANISASI MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA




LAMPIRAN B : CARTA ORGANISASI JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA




LAMPIRAN C : CARTA ORGANISASI JABATAN MUFTI MELAKA



LAMPIRAN D : CARTA ORGANISASI MASJID AL-AZIM NEGERI MELAKA



LAMPIRAN E : CARTA ORGANISASI BAHAGIAN RUMAHKU SYURGAKU JKMM



LAMPIRAN F : SENARAI QIYADAH/PIMPINAN ABIM MELAKA 2011/12

YANG DIPERTUA
SAUDARA FADZAL ADLY BIN HJ JAAFAR

TIMBALAN YANG DIPERTUA
SAUDARA SUHAIMI MOHD SAID

SETIAUSAHA NEGERI
SAUDARA SHUKRI BIN SULAIMAN


PENOLONG SETIAUSAHA
SAUDARA AZMI BIN ARIFFIN

BENDAHARI NEGERI
SAUDARA AMRAN BIN YUSOF

KETUA HAL EHWAL NEGERI
SAUDARI JUNAIDAH

KETUA HAL EHWAL NEGERI
PN MAZIAHDINA BTE HJ MOHD KASSIM


SENARAI BIRO ABIM NEGERI



LAMPIRAN G : CARTA ORGANISASI
PERTUBUHAN JEMAAH ISLAH MALAYSIA (MELAKA)



LAMPIRAN H : AHLI JAWATANKUASA
PERKIM BAHAGIAN NEGERI MELAKA 2009/2011





SULIT

**PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MAJU : KAJIAN TENTANG
CABARAN DAN MASALAHNYA DI MELAKA**

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN,
BAHAGIAN USULUDDIN,
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM,
UNIVERSITI MALAYA,
50603, KUALA LUMPUR,
MALAYSIA

BORANG SOAL SELIDIK

Perhatian bagi responden.

Jawapan tuan / puan hendaklah pendapat sendiri tanpa dipengaruhi oleh orang lain atau sumber lain (perbincangan / rujukan). Kajian ini dijalankan untuk tujuan *akademik* sahaja.

Jawapan tuan / puan mestilah ikhlas dan jujur.

Setiap maklumat yang diberikan adalah *sulit* dan akan *dirahsiakan*.

Sila tandakan (\surd) pada ruang yang berkenaan.

BAHAGIAN A DEMOGRAFI RESPONDEN

Jantina

Lelaki
Perempuan

Umur

20 – 25 Tahun
26 – 30 Tahun
31 – 35 Tahun
36 – 40 Tahun
40 Ke atas

Tahap Pendidikan

Sekolah Rendah
Sekolah Menengah Rendah (PMR/SRP/LCE)
Sekolah Menengah Atas (SPM/MCE)
Pra-Universiti (STPM/STAM/Diploma/A-Level)
Universiti (Ijazah ke atas)
Lain-lain (Nyatakan) _____

Gred Jawatan

Pengurusan Atasan
Pengurusan Pertengahan
Perkhidmatan Bawahan

Institusi/Organisasi

Majlis Agama Islam Melaka	<input type="checkbox"/>
Jabatan Agama Islam Melaka	<input type="checkbox"/>
Jabatan Mufti	<input type="checkbox"/>
Institusi Masjid	<input type="checkbox"/>
Bhg. Rumahku Syurgaku	<input type="checkbox"/>
Angkatan Belia Islam Malaysia	<input type="checkbox"/>
Jemaah Islah Malaysia	<input type="checkbox"/>
PERKIM, Melaka	<input type="checkbox"/>

BAHAGIAN B

Kajian Tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju

Perhatian bagi responden

Sila tandakan (\checkmark) pada ruangan yang berkenaan. Sila tandakan SATU tandaan sahaja pada setiap pernyataan/masalah yang dikemukakan.

Dalam bahagian ini, ia memfokuskan tentang **Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju**. Responden dikehendaki agar memberikan pandangan berdasarkan masalah-masalah yang dikemukakan berdasarkan bahagian-bahagian yang tertentu.

Skala : Sangat Setuju (5), Setuju (4), Tidak Pasti (3), Tidak Setuju (2), Amat Tidak Setuju (1)

1. **Kriteria Sosial.**

<i>Indikator</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Taraf kemiskinan yang rendah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kadar pengangguran yang rendah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Jangka hayat yang tinggi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Taraf kesihatan rakyat yang baik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kadar jenayah yang rendah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

2. Kriteria Pentadbiran Kerajaan.

<i>Indikator</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Kemampuan pentadbiran kerajaan negeri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ketelusan pentadbiran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Rasuah sifar	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penggunaan ICT yang baik dalam pentadbiran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sistem penyampaian yang baik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

3. Kriteria Politik.

<i>Indikator</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Sokongan rakyat yang padu pada pucuk pimpinan negeri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Keluhuran demokrasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kestabilan politik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kekerapan pemimpin turun padang	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Perkongsian kuasa yang jelas dan teratur	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

3. Kriteria Ekonomi.

<i>Indikator</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Sektor pekerjaan yang banyak dan pelbagai	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pertumbuhan ekonomi yang pesat (KDNK)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pelaburan asing yang tinggi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kepesatan perindustrian yang tinggi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kepesatan industri pelancongan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

4. Kriteria Pembangunan Modal Insan

<i>Indikator</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Pembangunan belia yang baik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pembangunan wanita yang baik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pembangunan pendidikan yang baik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Amalan integriti yang baik di kalangan pekerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penggangguran yang minima	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

5. Kriteria Maju Dari Perspektif Islam

<i>Indikator</i>	<i>Sangat Setuju</i>	<i>Setuju</i>	<i>Tidak Pasti</i>	<i>Tidak Setuju</i>	<i>Amat Tidak Setuju</i>
Kurangnya jenayah syariah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Aktiviti dakwah yang pesat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Wujudnya institusi dakwah yang aktif	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penubuhan Sekertariat Dunia Melayu Dunia Islam	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pembangunan institusi Islam yang positif	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

BAHAGIAN C

Kajian Tentang Cabaran Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Perhatian :

Sila tandakan (\checkmark) pada ruangan yang berkenaan. Sila tandakan SATU tandaan sahaja pada setiap pernyataan/masalah yang dikemukakan.

Dalam bahagian ini, ia memfokuskan tentang **Cabaran Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju**. Responden dikehendaki agar memberikan pandangan berdasarkan cabaran-cabaran yang dikemukakan berdasarkan kriteria yang telah diperuntukan.

1. Cabaran Mewujudkan Institusi Dakwah Yang Dinamik Dan Efisien.

<i>Cabaran</i>	<i>Sangat Setuju</i>	<i>Setuju</i>	<i>Tidak Pasti</i>	<i>Tidak Setuju</i>	<i>Amat Tidak Setuju</i>
Institusi dakwah perlu berdaya saing	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kekerapan campur tangan politik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bersikap positif	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kurangkan birokrasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Dasar Islam menjadi teras institusi dakwah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

2. Cabaran Menyediakan Golongan Pendakwah Yang Profesional.

<i>Cabaran</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Penguasaan metode dakwah yang baik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penekanan sikap positif di kalangan pendakwah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Anjakan paradigm di kalangan pendakwah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Integriti menjadi asas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Menangani halangan dan hambatan dengan hikmah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

3. Cabaran Menyediakan Kewangan Yang Kukuh

<i>Cabaran</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Suntikan dana kerajaan yang berterusan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Badan korporat terlibat dalam Penyediaan dana	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Institusi dakwah kreatif dalam mendapatkan dana	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Audit kewangan dalam institusi dakwah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Kewangan diuruskan secara berhemah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
------------------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------	--------------------------

4. Cabaran Mewujudkan Program Dakwah Yang Berkualiti

<i>Cabaran</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Penggunaan teknologi maklumat diutamakan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Metode dakwah yang sesuai dalam program dakwah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Keberkesanan program dakwah sering dinilai	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penglibatan ahli akademik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sifar birokrasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

5. Cabaran Menjadikan Islam Sebagai Indikator Negeri Maju.

<i>Cabaran</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Islam sebagai kriteria utama negeri maju	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Aqidah asas utama kemajuan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ibadat elemen pelaksanaan kemajuan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Akhlag mekanisme utama sebagai penanda aras kemajuan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Melaka ikon negeri maju berwadah Islam	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

BAHAGIAN D
Kajian Tentang Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju

Perhatian :

Sila tandakan (\surd) pada ruangan yang berkenaan. Sila tandakan SATU tandaan sahaja pada setiap pernyataan/masalah yang dikemukakan.

Dalam bahagian ini, ia memfokuskan tentang **Masalah Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju**. Responden dikehendaki agar memberikan pandangan berdasarkan masalah-masalah yang dikemukakan berdasarkan kriteria yang tertentu.

1. Masalah Perancangan Pengurusan.

<i>Masalah</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Banyak berlaku pertembungan program	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tiada penyelarasan penganjuran program antara unit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Perancangan program tidak sistematik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Program yang dianjurkan tidak mendapat sambutan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Prasarana tidak mencukupi untuk menampung peserta	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

2. Masalah Kewangan.

<i>Masalah</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Tiada peruntukan kewangan yang mencukupi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Dana kerajaan terbatas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Badan korporat bersikap dingin terhadap program	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Ketirisan dalam pengurusan kewangan

Kos semakin meningkat

3. Masalah Pertembungan Dasar Institusi Dakwah

Masalah Sangat Setuju Setuju Tidak Pasti Tidak Setuju Amat Tidak Setuju

Kepelbagaian misi dan visi institusi dakwah menyukarkan

Perselisihan ideologi institusi dakwah yang rumit

Unsur-unsur politik dalam institusi dakwah

Institusi dakwah lebih mengutamakan publisiti

Kakitangan institusi tidak Memahami kerja dakwah

4. Masalah Persaingan Daripada Misionari Kristian

Masalah Sangat Setuju Setuju Tidak Pasti Tidak Setuju Amat Tidak Setuju

Misionari Kristian bergiat cergas seiring dalam kemajuan negara

Peruntukan kewangan mereka lebih besar

Mubaligh Kristian aktif dan Positif dalam gerakan mereka

Tiada perselisihan sesama Mubaligh Kristian

Mubaligh Kristian menganggap dakwah Islam sebagai ancaman

5. Masalah Pengaruh De-Islamisasi Umat Islam

<i>Masalah</i>	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Amat Tidak Setuju
Umat Islam kini tidak berminat pada program dakwah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Umat Islam kini terdedah kepada budaya hiburan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Keprihatinan terhadap memberi sumbangan kewangan amat mengecewakan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pengaruh laman sosial membelenggu umat Islam kini	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Institusi dakwah lesu dalam menghadapi de-islamisasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Sekian, terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan.

Mohamad Nazli Bin Hj. Omar (IHA 080063)
Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya

SENARAI TEMUBUAL

Dr. Shahrul Anuar b. Mohamad, Ketua Jabatan Pengajian Islam dan Kemanusiaan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. temubual pada 10 Februari 2012

Dr. Zulkefli b. Aini, Pensyarah Kanan, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. temubual pada 18 Februari 2012

Dr. Syahrul Ahmar b. Ahmad, Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA, Johor. temubual pada 24 Februaari 2012

Ustaz Rahimin b. Bani, Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasaan), JAIM. temubual 13 Mac 2012

Ustaz Norazmi Ishak, Pembantu Hal Ehwal islam S22, Masjid al-Azim, Melaka. temubual pada 13 Mac 2012

Ustaz Abd. Halim b. Tawil, Ketua Penolong Pengarah (Dakwah), JAIM dan mantan Setiausaha MAIM. temubual pada 14 Mac 2012

Ust. Mohd. Nazri b. Abd. Majid, Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Melaka. temubual pada 15 Mac 2012

En. Fadzal Adly b. Jaafar, Yang Di Pertua ABIM, Melaka. temubual pada 20 Mac 2012

Hj. Ab. Aziz b. Omar, Yang Di Pertua, JIM/IKRAM, Melaka. temubual pada 22 Mac 2012

Ustaz Md. Khairulzaki b. Misbah, Penolong Pengarah Unit Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid. temubual pada 13 Mac 2012

Ustaz Bazri Abu Bakar, Penolong Pengarah, Bahagian Rumahku Syurgaku, Jabatan Ketua Menteri Melaka. temubual pada 22 Mac 2012

Pn. Ruqiyah Sungip, Setiausaha Kerja, PERKIM Melaka. temubual pada 26 Mac 2012

SOALAN TEMUBUAL

PENGURUSAN DAKWAH DI NEGERI MAJU : KAJIAN TENTANG CABARAN
DAN MASALAHNYA DI MELAKA

A. Latar belakang Responden

1. Nama : _____
2. Jawatan : _____
3. Institusi : _____

B. Soalan Berhubung Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju.

1. Adakah anda bersetuju bahawa Melaka adalah sebuah negeri maju?
2. Pada pandangan anda, kriteria manakah yang dilihat sebagai kayu ukur utama bahawa Melaka adalah sebuah negeri maju?
3. Pada pandangan anda, adakah majoriti rakyat negeri Melaka mengakui bahawa negeri ini sudah mencapai status negeri maju seiring dengan pembangunan yang pesat di negeri ini?
4. Pada pandangan anda, mampukah Melaka menjadi '*role model*' kepada negeri lain untuk dijadikan contoh negeri maju di negara ini?
5. Apakah halangan dan kekangan yang dihadapi dalam usaha kerajaan Melaka untuk mencapai status negeri maju?

C. Soalan Berhubung Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.

1. Pada pandangan anda, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengurusan dakwah di negeri maju ini?
2. Berdasarkan cabaran-cabaran tersebut, apakah cabaran yang paling utama?
3. Pada pandangan anda, adakah cabaran-cabaran tersebut memberi kesan kepada pengurusan dakwah khususnya dari sudut positif?
4. Sehubungan dengan itu, adakah anda bersetuju bahawa cabaran-cabaran tersebut boleh memberi kesan kepada pengurusan dakwah di negeri maju?
5. Apakah langkah-langkah yang dimainkan oleh institusi dakwah dalam menghadapi cabaran sedemikian?

D. Soalan Berhubung Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju.

1. Pada pandangan anda, apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam pengurusan dakwah di negeri maju ini?
2. Berdasarkan masalah-masalah tersebut, apakah masalah yang paling utama?
3. Pada pandangan anda, adakah masalah-masalah tersebut memberi kesan kepada pengurusan dakwah khususnya dari sudut negatif?
4. Sehubungan dengan itu, adakah anda bersetuju bahawa masalah-masalah tersebut boleh memberi kesan kepada pengurusan dakwah di negeri maju?
5. Apakah langkah-langkah yang dimainkan oleh institusi dakwah dalam menghadapi masalah sedemikian?

Sekian, terima kasih,

Mohamad Nazli b. Omar,
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,

LAMPIRAN J

Jadual 3.3 : Program RKSK Bulan Disember 2011

Bil	Tarikh/Masa/Tempat	Program	Penceramah
1	1 Disember 2011 (Khamis) 7.00 Malam Surau Taman RKSK, Bukit Katil, Melaka	Ceramah RKSK	Ustaz Mohd Hanuar Bin Mohd Talib
2	4 Disember 2011 (Ahad) 6.30 Malam. Masjid Bukit Baru, Melaka	Ceramah Sempena Program Meraikan Anak Yatim DUN Bukit Baru Dan Program Sambutan Maal Hijrah 1433H	Penceramah BTN
3	5 Disember 2011 (Isnin) 7.00 Malam. Surau Rumah Awam Pekan Rembia, Alor Gajah Melaka.	Ceramah Agama Sempena Menyambut 10 Muharam	-
4	8 Disember 2011 (Khamis) 7.00 Malam. Parlimen Masjid Tanah, Melaka	Ceramah Sempena Program Sambutan Maal Hijrah Peringkat Alor Gajah, Melaka	Ustaz Abu @ Abu Bakat Bin Jamaludin
5	9 Disember 2011 (Jumaat) 10.00 Pagi. PUSPEN, Tiang Dua Ayer Molek, Melaka	Ceramah RKSK	Ustaz Mohd Hanuar Bin Mohd Talib
6	10 Disember 2011 (2 Hari 1 Malam) 8.00 Pagi. Masjid Sayyidina Ali, Bukit Katil, Melaka	Program Transformasi Anak Soleh Tunggak Kecemerlangan Ummah	MEEPS Vision Consultan
7	11 Disember 2011 (Ahad) 8.00 Pagi Hingga 5.00 Petang. Perkampungan Orang Asli Hutan Percha, Alor Gajah, Melaka.	Program Ramah Mesra Orang Asli	RKSK
8	15-18 Disember 2011 (4 Hari 3 Malam) Pusat Latihan Panorama Langkawi, Kedah.	Kursus Jati Diri Dan Transformasi Remaja Tahun 2011	RKSK

Sumber : Laporan Program Tahunan Bahagian Rumahku Syurgaku 2011

KEPUTUSAN RELIABILITY TEST

Kebolehpercayaan bagi Alat Ujian yang Digunakan

a) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri Maju

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.960	.961	30

b) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian tentang Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.945	.948	25

c) Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian tentang Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.907	.909	25

Taburan Min dan Sisihan Piawai Mengikut Soal Selidik

Statistics

		Kajian tentang realiti Melaka sbg sebuah Negeri Maju	Kajian tentang cabaran pengurusan dakwah di Negeri Maju	Kajian tentang masalah pengurusan dakwah di Negeri Maju
N	Valid	106	106	106
	Missing	0	0	0
Mean		3.72	4.09	3.70
Std. Deviation		0.7812	0.5636	0.522

*Nilai min & sisihan piawai di atas diperoleh berdasarkan bilangan responden (jumlah markah / bilangan responden).

Soal Selidik	MIN	TAHAP
Kajian tentang realiti Melaka sbg sebuah Negeri Maju	111.86	Tinggi
Kajian tentang cabaran pengurusan dakwah di Negeri Maju	102.34	Tinggi
Kajian tentang masalah pengurusan dakwah di Negeri Maju	92.62	Tinggi

Soal Selidik Kajian tentang Realiti Melaka Sebagai Sebuah Negeri

Summary Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N of Items
Item Means	2.74	.464	30

Soal Selidik Kajian tentang Cabaran Pengurusan Dakwah di Negeri Maju

Summary Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N of Items
Item Means	2.90	.306	30

Soal Selidik Kajian tentang Masalah Pengurusan Dakwah di Negeri Maju

Summary Item Statistics

	Mean	Std. Deviation	N of Items
Item Means	2.73	.448	30

*Nilai min yang diperoleh bagi ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik tersebut adalah melalui jumlah item.

Keputusan Deskriptif

Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Objektif Pertama

Jadual 4.9: Taburan min dan sisihan piawai mengikut kriteria sosial

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Taraf kemiskinan rendah	3.74	0.989
Kadar pengangguran rendah	3.58	1.003
Jangka hayat tinggi	3.74	0.832
Taraf kesihatan rakyat baik	3.79	0.983
Kadar jenayah rendah	3.48	1.123

Jadual 4.10: Taburan min dan sisihan piawai mengikut kriteria pentadbiran kerajaan

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Kemampuan pentadbiran kerajaan negeri	3.87	0.874
Ketelusan pentadbiran	3.61	1.038
Rasuah sifar	3.06	1.170
Penggunaan ICT baik dalam pentadbiran	3.78	0.946
Sistem penyampaian baik	3.77	0.979

Jadual 4.11: Taburan min dan sisihan piawai mengikut kriteria politik

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Sokongan padu rakyat pada pucuk pimpinan negeri	3.72	1.012
Keluhuran demokrasi	3.63	1.124
Kestabilan politik	3.81	0.937
Kekerapan pemimpin turun padang	3.87	1.005
Perkongsian kuasa yang jelas dan teratur	3.64	1.016

Jadual 4.12: Taburan min dan sisihan piawai mengikut kriteria ekonomi

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Sektor pekerjaan yang banyak dan pelbagai	4.00	0.730
Pertumbuhan ekonomi pesat	3.89	0.898
Pelaburan asing tinggi	3.86	0.833
Kepesatan perindustrian yang tinggi	3.90	0.827
Kepesatan industri pelancongan	4.30	0.620

Jadual 4.13: Taburan min dan sisihan piawai mengikut kriteria pembangunan modal insan

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Pembangunan belia yang baik	3.69	0.930
Pembangunan wanita yang baik	3.75	0.957
Pembangunan pendidikan yang baik	3.89	0.747
Amalan integriti yang baik di kalangan pekerja	3.66	0.975
Pengangguran yang minimum	3.51	0.978

Jadual 4.14: Taburan min dan sisihan piawai mengikut kriteria maju dari perspektif Islam

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Kurangnya jenayah syariah	3.09	1.117
Aktiviti dakwah yang pesat	3.76	1.000
Wujudnya institusi dakwah yang aktif	3.80	0.877
Penubuhan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)	3.78	0.946
Pembangunan institusi Islam yang positif	3.87	0.874

Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Objektif Kedua

Jadual 4.15: Taburan min dan sisihan piawai mengikut cabaran mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Institusi dakwah yang berdaya saing	3.87	0.874
Kekerapan campur tangan politik	3.60	1.084
Bersikap positif	3.96	0.716
Kurangnya birokrasi	3.88	0.902
Dasar Islam menjadi teras institusi dakwah	4.22	0.730

Jadual 4.16: Taburan min dan sisihan piawai mengikut cabaran menyediakan golongan pendakwah yang profesional

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Penguasaan metod dakwah yang baik	3.93	0.929
Penekanan sikap positif di kalangan pendakwah	4.11	0.832
Anjakan paradigma di kalangan pendakwah	4.14	0.749
Integriti menjadi asas	4.15	0.881
Menangani halangan dan hambatan dakwah dengan hikmah	4.11	0.772

Jadual 4.17: Taburan min dan sisihan piawai mengikut cabaran menyediakan kewangan yang kukuh

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Suntikan dana kerajaan yang berterusan	4.08	0.933
Badan korporat terlibat dalam penyediaan dana	3.94	1.022
Institusi dakwah kreatif dalam mendapatkan dana	3.96	0.894
Audit kewangan dalam institusi dakwah	4.11	0.797
Kewangan diuruskan secara berhemah	4.08	0.963

Jadual 4.18: Taburan min dan sisihan piawai mengikut cabaran mewujudkan program dakwah yang berkualiti

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Penggunaan teknologi maklumat diutamakan	4.25	0.659
Metode dakwah yang sesuai dalam program dakwah	4.23	0.784
Keberkesanan program dakwah sering dinilai	4.12	0.870
Penglibatan ahli akademik	4.19	0.841
Sifar birokrasi	3.95	0.970

Jadual 4.19: Taburan min dan sisihan piawai mengikut cabaran menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Islam sebagai kriteria utama negeri maju	4.28	0.837
Aqidah asas utama kemajuan	4.42	0.743
Ibadat elemen pelaksanaan kemajuan	4.38	0.723
Akhlak mekanisme utama penanda aras kemajuan	4.41	0.753
Melaka ikon negeri maju berwadah Islam	3.96	1.068

Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Objektif Ketiga

Jadual 4.20: Taburan min dan sisihan piawai mengikut masalah perancangan pengurusan

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Banyak berlaku pertembungan program	3.68	0.921
Tiada penyelarasan penganjuran program antara unit	3.57	0.926
Perancangan program tidak sistematik	3.51	0.918
Program dianjurkan tidak mendapat sambutan	3.21	1.093
Prasarana tidak mencukupi untuk menampung peserta	3.25	1.043

Jadual 4.21: Taburan min dan sisihan piawai mengikut masalah kewangan

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Tiada peruntukan kewangan yang mencukupi	3.82	0.871
Dana kerajaan terbatas	3.75	1.012
Badan korporat bersikap dingin terhadap program	3.74	0.887
Ketirisan dalam pengurusan kewangan	3.54	0.938
Kos semakin meningkat	4.02	0.743

Jadual 4.22: Taburan min dan sisihan piawai mengikut masalah pertembungan Dasar Institusi Dakwah

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Kepelbagaian visi dan misi institusi dakwah menyukarkan	3.34	0.975
Perselisihan dasar institusi dakwah yang rumit	3.26	0.998
Unsur-unsur politik dalam institusi dakwah	3.71	0.985
Institusi dakwah lebih mengutamakan publisiti	3.41	1.049
Kakitangan institusi tidak memahami kerja dakwah	3.36	1.007

Jadual 4.23: Taburan min dan sisihan piawai mengikut masalah persaingan daripada Misionari Kristian

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Misionari Kristian bergiat cergas seiring dengan kemajuan negara	3.91	0.845
Peruntukan kewangan mereka lebih besar	4.07	0.897
Mubaligh Kristian aktif dan positif dalam gerakan mereka	4.08	0.836
Tiada perselisihan sesama Mubaligh Kristian	3.47	0.958
Mubaligh Kristian menganggap dakwah Islam sebagai ancaman	3.76	0.972

Jadual 4.24: Taburan min dan sisihan piawai mengikut masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam

Indikator	Min	Sisihan Piawai
Umat Islam kini tidak berminat pada program dakwah	3.77	1.026
Umat Islam kini terdedah kepada budaya hiburan	4.35	0.769
Keprihatinan memberi sumbangan kewangan amat mengecewakan	3.98	0.816
Pengaruh laman sosial membelenggu umat Islam kini	4.34	0.755
Institusi dakwah lesu dalam menghadapi penghakisan nilai-nilai Islam	3.74	1.063

Taburan Min Tertinggi Mengikut Objektif Kajian

Jadual 4.25: Ringkasan bagi kajian tentang realiti Melaka sebagai sebuah negeri maju

Kriteria	Indikator	Min	Sisihan Piawai
Kriteria sosial	Taraf kesihatan rakyat baik	3.79	0.983
Kriteria pentadbiran kerajaan	Kemampuan pentadbiran kerajaan negeri	3.87	0.874
Kriteria politik	Kekerapan pemimpin turun padang	3.87	1.005
Kriteria ekonomi	Kepesatan industri pelancongan	4.30	0.620
Kriteria Pembangunan Modal Insan	Pembangunan pendidikan yang baik	3.89	0.747
Kriteria Maju dari Perspektif Islam	Pembangunan institusi Islam yang positif	3.87	0.874

Jadual 4.26: Ringkasan bagi kajian tentang cabaran pengurusan dakwah di negeri maju

Cabaran	Indikator	Min	Sisihan Piawai
Cabaran mewujudkan institusi dakwah yang dinamik dan efisien	Dasar Islam menjadi teras institusi dakwah	4.22	0.730
Cabaran menyediakan golongan pendakwah yang profesional	Integriti menjadi asas	4.15	0.881
Cabaran menyediakan kewangan yang kukuh	Audit kewangan dalam institusi dakwah	4.11	0.797
Cabaran mewujudkan program dakwah yang berkualiti	Penggunaan teknologi maklumat diutamakan	4.25	0.659
Cabaran menjadikan Islam sebagai indikator negeri maju	Aqidah asas utama kemajuan	4.42	0.743

Jadual 4.27: Ringkasan bagi kajian tentang masalah pengurusan dakwah di negeri maju

Masalah	Indikator	Min	Sisihan Piawai
Masalah perancangan pengurusan	Banyak berlaku pertembungan program	3.68	0.921
Masalah kewangan	Kos semakin meningkat	4.02	0.743
Masalah pertembungan Dasar Institusi Dakwah	Unsur-unsur politik dalam institusi dakwah	3.71	0.985
Masalah persaingan daripada Misionari Kristian	Mubaligh Kristian aktif dan positif dalam gerakan mereka	4.08	0.836
Masalah pengaruh penghakisan nilai-nilai Islam	Umat Islam kini terdedah kepada budaya hiburan	4.35	0.769

Taburan Responden Mengikut Demografi

Jadual 4.1: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	N	Peratus
Lelaki	68	64.2%
Perempuan	38	35.8%
Jumlah	106	100%

Jadual 4.2 : Taburan responden mengikut umur

Umur	N	Peratus
20 – 25 tahun	8	7.5%
26 – 30 tahun	26	24.5%
31 – 35 tahun	11	10.4%
36 – 40 tahun	19	17.9%
40 tahun ke atas	42	39.6%
Jumlah	106	100%

Jadual 4.3 : Taburan responden mengikut tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	N	Peratus
Sekolah Menengah Rendah (PMR/SRP/LCE)	3	2.8%
Sekolah Menengah Atas (SPM/MCE)	23	21.7%
Pra-Universiti (STPM/STAM/Diploma/A-Level)	34	32.1%
Universiti (Ijazah ke atas)	44	41.5%
Lain-lain : Sijil	2	1.9
Jumlah	106	100%

Jadual 4.4 : Taburan responden mengikut kedudukan pengurusan

Kedudukan Pengurusan	N	Peratus
Pengurusan atasan	9	8.5%
Pengurusan pertengahan	48	45.3%
Pengurusan bawahan	49	46.2%
Jumlah	106	100%

Jadual 4.5 : Taburan responden mengikut institusi atau organisasi

Institusi atau Organisasi	Edar	N	Peratus
Majlis Agama Islam Melaka	10	7	6.6%
Jabatan Agama Islam Melaka	45	41	38.7%
Jabatan Mufti	10	10	9.4%
Institusi Masjid (Masjid Al-Azim)	5	5	4.7%
Bahagian Rumahku Syurgaku	8	7	6.6%
Angkatan Belia Islam Malaysia	10	8	7.5%
Jemaah Islah Malaysia, Melaka	15	12	11.3%
PERKIM, Melaka	20	16	15.1%
Jumlah	120	106	100%